

Sumbangan

daripada

Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI

MUSA BIN MOHAMAD

M

KEDAH

100 Tahun

1900 - 2000

**Isu-Isu Politik
& Sosioekonomi**

PUSAT PENERBITAN DAN TEKNOLOGI MEDIA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

NASKHAH PERCUMA

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

KEDAH

100 Tahun

1900 - 2000

Isu-Isu Politik
& Sosioekonomi

Penyunting:
Mohamad Sukeri Khalid
Rohana Yusof
Mohamad Mustafa Ishak
Abdul Rahman Aziz
Mohd. Fo'ad Sakdan
Shafee Saad

PENERBIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SINTOK • 2002

ISBN 983-2479-25-8

Cetakan Pertama, 2002

©Mohamed Sukeri Khalid, Rohana Yusof, Mohamad Mustafa Ishak, Abdul Rahman Aziz,
Mohd. Fo'ad Sakdan & Shafee Saad.

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang
bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula,
perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kedah 100 tahun 1900-2000 : isu-isu politik dan sosio-ekonomi / penyunting
Mohamed Sukeri Khalid ... [et al.].

ISBN 983-2479-25-8

1. Kedah--History. 2. Kedah--Politics and government. 3. Kedah--Economic
conditions. 4. Kedah--Social aspects. I. Mohamed Sukeri Khalid.
958.5112

M

958 5112

KED

M

1135892

04 JUN 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia

Radiate

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|------|
| Kata Pengantar | viii |
| Prakata | ix |
| | |
| 1. SENARIO INSTITUSI KESULTANAN KEDAH <i>WAN SHAMSUDIN MOHD YUSOF</i> | 1 |
| 2. PERKEMBANGAN POLITIK DALAM PERSPEKTIF SEJARAH KEDAH 1900-1999 <i>MOHD ISA OTMAN</i> | 17 |
| 3. TINJAUAN KE ATAS KOTA-KOTA BERSEJARAH DI NEGERI KEDAH <i>FUZIAH SHAFFIE</i> <i>SYAMSUL ANUAR ISMAIL</i> | 29 |
| 4. KEPEMIMPINAN POLITIK MELAYU KEDAH DAN PEMBANGUNAN NASIONAL <i>AHMAD FAWZI MOHD BASRI</i> | 41 |
| 5. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA: NEGARAWAN ULUNG KEDAH <i>MOHD SAMSUDIN</i> | 53 |
| 6. POLITIK KEDAH SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM 1999 : CABARAN UMNO DAN PELUANG PAS DALAM MENANGANI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG <i>SOBRI SUDIN</i> <i>MOHD HAFIDZ HUSSIEN</i> | 61 |
| 7. PERUBAHAN DEMOGRAFI DAN SOSIAL DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN <i>USMAN HAJI YAAKOB</i> | 73 |
| 8. ENCOURAGING ETHICAL BEHAVIOR AMONG PUBLIC OFFICIALS: CASE OF POLICE DEPARTMENT IN KEDAH <i>ZALINAH AHMAD</i> <i>SABITHA MARICAN</i> | 95 |


| | |
|---|-----|
| 9. MASALAH DAN PERKHIDMATAN SOSIAL DI NEGERI KEDAH: TUMPUAN KEPADA PENAGIHAN DADAH | 109 |
| <i>MAHMOOD NAZAR MOHAMED MUHAMAD DZAHIR KASA</i> | |
| 10. NEGERI KEDAH DARI PERSPEKTIF PEMBANGUNAN TANAH DAN WILAYAH | 123 |
| <i>MOHAMAD SUKERI KHALID YUSOF PON</i> | |
| 11. DARIPADA DEMONSTRASI KEPADA INDUSTRIALISASI: KES BALING, KEDAH | 133 |
| <i>ASMAH AHMAD</i> | |
| 12. ISU DAN CABARAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI KEDAH DARUL AMAN | 147 |
| <i>JAMALUDDIN SULAIMAN</i> | |
| 13. WANITA KEDAH & PEMBANGUNAN: SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI | 159 |
| <i>SURIATI GHAZALI</i> | |
| 14. SOSIOEKONOMI PENDUDUK LANGKAWI SELEPAS MENJADI PELABUHAN BEBAS CUKAI | 171 |
| <i>HASSAN NAZIRI KHALID MOHA ASRI ABDULLAH MOHD ISA HJ. BAKAR USMAN YAAKOB</i> | |
| 15. CABARAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI KEDAH MENGHADAPI PIAWAIAN ALAM SEKITAR ANTARABANGSA ABAD KE 21 | 183 |
| <i>HAMIDI ISMAIL TUAN PAH ROKIAH SYED HUSSAIN NORANIZA YUSOFF</i> | |
| 16. PELABURAN TERUS ASING & PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN: ANALISIS POLA & TREND | 199 |
| <i>NOORIAH YUSOF</i> | |
| 17. INDUSTRI PELANCONGAN DI KEDAH DARUL AMAN: PEMANTAPAN & CABARAN ERA GLOBALISASI | 215 |
| <i>NORIZAN HJ MD NOR</i> | |

| | |
|---|-----|
| 18. SUNGAI SEBAGAI ALTERNATIF PRODUK PELANCONGAN DI NEGERI KEDAH | 227 |
| <i>DANI SALLEH</i> | |
| 19. SENI CATAN: KEDAH DARUL AMAN <i>MOHD MAKZAN MUSA</i> | 237 |

KATA PENGANTAR

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada para penyunting yang telah berjaya menyiapkan buku *Kedah 100 Tahun: Isu-Isu Politik dan Sosioekonomi* hasil daripada penganjuran Seminar Kedah 100 Tahun yang dianjurkan oleh Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN), Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Sesungguhnya usaha menghimpunkan rencana pilihan ini merupakan satu usaha murni kerana kesemua rencana itu membincangkan isu sosiopolitik dan ekonomi Kedah dalam tempoh 100 tahun.

Adalah diharapkan agar usaha ini mampu memberi kefahaman kepada para pembaca tentang proses-proses penting yang berkaitan dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam sosiopolitik dan ekonomi negeri Kedah. Generasi muda perlu memahami akan proses-proses pembangunan politik dalam usaha membangunkan ekonomi masyarakat kerana proses ini bukan mudah untuk dilaksanakan, sebaliknya mengharungi pelbagai ranjau dan duri. Melalui penghayatan ini, maka diharapkan agar generasi muda berfikir dan beriltizam untuk bersama-sama meneruskan usaha membangunkan sosiopolitik dan ekonomi masyarakat secara berterusan.



Kol. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Mohd Basri

Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia

PRAKATA

Buku Kedah 100 Tahun: Isu-Isu Politik dan Sosioekonomi, merupakan himpunan kertas kerja Seminar Kedah 100 Tahun yang telah diadakan pada 21 Ogos 2000, anjuran Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN), Universiti Utara Malaysia. Seminar ini dianjurkan dengan matlamat utama mengimbau kembali proses-proses penting perubahan dan pembangunan sosiopolitik dan ekonomi yang telah dilalui oleh negeri Kedah Darul Aman sejak seabad yang lalu.

Kedah adalah negeri yang amat kaya dengan khazanah sejarah, isu sosiopolitik dan ekonomi yang pelbagai. Buku ini tidak bermaksud untuk mengakui bahawa kesemua proses-proses dan isu-isu penting yang berkaitan dengan aspek-aspek sosiopolitik dan ekonomi yang telah berlaku di negeri Kedah sejak seratus tahun yang lalu telah dirakam dan diberikan penelitian secukupnya. Masih terdapat banyak lagi aspek lain yang perlu digarap dan dianalisis untuk penelitian pembaca yang berminat dengan kajian yang berhubung dengan negeri Kedah. Namun, artikel-artikel yang dimuatkan di dalam buku ini dapat menggambarkan apa yang telah berlaku di Kedah serta sumbangan negeri Melayu ini dalam dimensi sosiopolitik dan ekonomi negara yang lebih luas.

Terdapat 19 artikel di dalam buku ini yang dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama memuatkan 9 artikel yang memfokuskan kepada isu-isu sosiopolitik, iaitu Kesultanan di negeri Kedah yang mengimbas kembali sepantas lalu pertapanan dan perkembangan Islam yang akhirnya membawa kepada kewujudan Kesultanan Kedah. Seterusnya sejarah kota-kota bersejarah negeri Kedah, tokoh-tokoh negarawan Kedah serta perkembangan politik negeri Kedah.

Bahagian Kedua memuatkan sepuluh artikel yang memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan perkembangan sosioekonomi negeri Kedah. Ini meliputi perkembangan pembangunan tanah dan wilayah negeri Kedah, struktur ekonomi dan sosial masyarakat selepas demonstrasi Baling 1974, sektor pelancongan dengan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas cukai serta perkembangan kesenian negeri Kedah.

Walaupun masih lagi terdapat aspek-aspek sosiopolitik dan ekonomi negeri Kedah yang tidak dibincangkan, diharapkan buku ini mampu memberi gambaran kepada masyarakat umum akan perkembangan sosiopolitik dan ekonomi negeri Kedah seabad yang lalu dan ianya boleh membantu pengkajian selanjutnya berkaitan negeri Kedah.

Mohamad Sukeri Khalid

SENARIO INSTITUSI KESULTANAN KEDAH

Wan Shamsudin Mohd Yusof

Pengenalan

Kertas kerja ini cuba mengimbas kembali sepintas lalu semenjak era awal pertapakan Islam yang membawa kepada kewujudan kesultanan Kedah. Institusi kesultanan Kedah terus berkembang melalui beberapa pusat pentadbiran yang silih berganti. Walaupun terdapat pelbagai halangan seperti tercususnya peristiwa perang saudara dan campur tangan kuasa-kuasa luar dari Barat (Portugis, Belanda dan Inggeris) dan dari Nusantara (Aceh, Bugis dan Minangkabau) serta Siam yang hampir menggugat institusi kesultanan Kedah, namun ia terus berdiri kukuh sehingga ke hari ini.

Sejarah Pertapakan dan Perkembangan Islam di Kedah

Berpandukan beberapa sumber bertulis dan penemuan cari gali pihak arkeologi di persekitaran Lembah Bujang - Merbok dan Sungai Mas pada akhir-akhir ini, telah mendedahkan kepada umum bahawa dakwah Islam telah tiba di negeri ini sejak abad ke 10 Masihi lagi, sekaligus menolak dakwaan pendapat dan teori terdahulu bahawa Islam bertapak di Kedah pada setengah abad kelima belas atau pada tahun 1474.¹

Antara artifak yang ditemui yang menunjukkan tarikh terawal adanya pengaruh Islam di Kedah ialah catatan aksara Arab pada sekeping batu yang ditemui di Tupah berhampiran Gunung Jerai sebelum perang dahulu. Inskripsi ini mencatatkan nama tokoh dan tarikh iaitu "Ibnu Sirdhan 214 Hijrah" (829/830 Masihi). Menurut Pengarah Arkeologi dan Muzium Negara, Encik Kamaruddin Zakaria, artifak ini membuktikan adanya tokoh-tokoh Islam dan Timur Tengah (Arab/Parsi) yang mengembawa untuk tujuan mengembangkan syiar Islam di Negeri ini.²

Sepasang batu nisan purba yang ditemui di sebuah perkuburan Islam di Kampung Tanjung Inggeris, Langgar, kira-kira 8 kilometer dari Alor Setar, terpahat nama "Syiekh Abdul Kadir Ibni Husain Syah Alirah" dan tarikh meninggalnya "3 Rabiulawal 291 Hijrah".³ Semua ini menunjukkan bahawa dakwah Islam sudah diperkenalkan kepada masyarakat di pedalaman Kedah beberapa tahun sebelum meninggalnya tokoh Syiekh Abdul Kadir yang dipercayai pendakwah terawal dari Timur Tengah yang tiba di situ. Tarikh 3 Rabiulawal 291 Hijrah yang bersamaan dengan hari Selasa 24 Januari 904 Masihi, menunjukkan agama Islam

bertapak di Kedah hanya 65 tahun sahaja terkemudian daripada Aceh. Hakikat ini berdasarkan sebuah naskah tua tulisan tangan berjudul "Izharul-Haq" karya Ishak Makarani Al-Pasi yang menyebut, "Pada hari Selasa, 1 Muharram 225 Hijrah, Perlak (Aceh Tua) telah menerima Islam".⁴

Melihat dari sudut geografi tentang persamaan kedudukan Aceh di utara Sumatera dan Kedah di utara semenanjung, kedua-duanya berada di pintu laluan masuk ke Selat Melaka yang sering disinggahi kapal-kapal pedagang atau pelaut dari India dan Timur Tengah semenjak abad kesembilan Masihi lagi. Bagaimanapun seluruh Kedah secara rasmi menerima Islam bermula pada 531 Hijrah (1136 Masihi) apabila rajanya "Seri Paduka Maharaja Derbar Raja" diislamkan oleh Syeikh Abdullah dari Yaman, di Kota Bukit Meriam dengan memakai gelaran Islam sebagai "Sultan Mudzaffar Shah".⁵

Sejak dari awal lagi, melalui 8 buah pusat pentadbiran yang sentiasa berubah-ubah sepanjang 864 tahun di bawah 28 orang sultan⁶, syiar Islam terus berkembang dengan meluasnya di Kedah melalui para ulama yang bukan sahaja sebagai pendakwah malah ada antara mereka bertugas selaku penasihat kepada pemerintah yang mengukuhkan lagi kedudukan institusi kesultanan Kedah dari masa ke masa.

Perkembangan Institusi Kesultanan Kedah Sebelum 1880

Menurut Kobkua Suwannathat Pian, dari segi teori, kuasa dan kedudukan raja pemerintah kesultanan Kedah berasaskan kepada beberapa konsep yang merupakan prinsip utama kuasa dan kedudukan institusi kerajaan Melayu yang lain di semenanjung. Antara yang terpenting termasuklah asal usul dinasti pemerintah, konsep daulat dan derhaka, alat kebesaran, adat istiadat dan hak istimewa seorang sultan yang mesti mempunyai karisma dan kebolehan peribadi yang membolehkan baginda menguasai dan mengawal para pembesar dan ahli kerabat diraja yang ingin mencabar kuasa dan kedudukan baginda. Sultan juga mesti berkeupayaan mempertahankan kedudukan baginda sebagai sumber segala kekayaan ekonomi dan politik. Kegagalan sultan memiliki semua sumber ini akan membawa kepada kehilangan kuasa.⁷

Satu aspek lagi yang mengukuhkan kedudukan seorang sultan ialah sejauh manakah kesetiaan para pembesar dan rakyat terhadapnya. Konsep taat setia memang menjadi inti penting dalam politik Melayu sejak zaman tradisional. Menurut Mohamad Isa Othman, agama menjadi alat penting untuk mempengaruhi pemikiran rakyat supaya patuh kepada pemerintah. Ianya berakar umbi sejak zaman pengaruh Hindu-Buddha hingga ke zaman Islam yang menegaskan bahawa seseorang pemerintah itu adalah sebagai "Bayangan Tuhan di Dunia".⁸

Masyarakat tradisional diklasifikasikan kepada dua bahagian khusus iaitu orang atasan dan bawahan. Di Kedah hierarki golongan elit selepas sultan ialah Raja Muda yang kemudian diikuti oleh golongan pembesar pusat seperti Pembesar Empat (Bendahara, Temenggung, Syahbandar dan Laksamana), Pembesar Lapan dan Pembesar Enam Belas serta pembesar daerah dan mukim seperti Penghulu, Panglima (Pembantu Penghulu) dan Ketua Kampung.⁹ Golongan elit, sama ada kerabat diraja maupun orang besar terlibat dalam hal pentadbiran

negeri melalui jawatan-jawatan yang disandang. Segala keputusan mengenai hal-hal pentadbiran negeri yang dicapai adalah mengikut prinsip permuafakatan yang bertujuan untuk menyekat sultan supaya tidak menyalahgunakan kuasa. Mereka dianggap sebagai pemimpin masyarakat yang biasanya mempunyai pelbagai keistimewaan dari segi sosial dan ekonomi. Gambaran mengenai hal ini jelas dapat dilihat dalam teks undang-undang tradisional yang tertulis pada zaman lampau seperti "Undang-Undang Pelabuhan dan Perdagangan Kedah" (1060 Hijrah /1650 Masihi), "Tembera Dato' Seri Paduka Tuan" (1078 Hijrah / 1667 Masihi) dan "Hukum Kanun Dato' Kota Setar" (1148 Hijrah /1735 Masihi).¹⁰

Jawatan Raja Muda merupakan jawatan kedua tertinggi dan biasanya tidak hanya terdiri daripada putera sulung sultan. Kadang kala boleh terdiri daripada saudara atau menantunya.¹¹ Penjawat jawatan Raja Muda tidak boleh dianggap sebagai pewaris takhta atau bakal pengganti sultan. Ini jelas terdapat dalam beberapa peristiwa antaranya pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Muazzam Shah (1698 - 1706) baginda melantik adindanya Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda yang bersemayam di Kota Limbong dan setelah kekandanya mangkat, Tunku Ibrahim tidak dilantik menjadi sultan. Pada abad ke 19, putera Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah 1(1845 - 1854) iaitu Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) yang dilantik menjadi Raja Muda juga gagal menaiki takhta.¹²

Dalam sejarah kesultanan Kedah silam, banyak berlaku peristiwa peperangan saudara disebabkan adanya tindakan untuk mencabar kuasa dan autoriti sultan. Misalnya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah 11 (1710 - 1778) yang pernah diguling oleh adinda tirinya (Raja Mampong) yang membawa kepada bermulanya campur tangan Bugis dan Minangkabau/Siak di Kedah sekitar 1724,1726 dan 1771.¹³ Akibat peperangan ini, Kedah mengalami kekurangan beras sehingga Kedah waktu itu dianggap menghadapi "zaman kelaparan" seperti yang digambarkan dalam beberapa pucuk surat yang dihantar kepada Kapten Light di Salang (Phuket).¹⁴ Satu perjanjian telah dimeterai di antara Kedah dengan Syarikat India Timur Inggeris pada 24 April 1772, untuk menamatkan pengaruh Bugis di Kedah dan dengan itu bermulalah hubungan rasmi Kedah dengan kuasa barat yang pertama.¹⁵

Begitulah juga halnya dengan Tunku Pangeran atau Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 11(1804 - 1845) yang sepatutnya menggantikan ayahandanya Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778 - 1797). Namun begitu, kuasanya telah dicabar oleh Tunku Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1797 - 1804), adinda Sultan Abdullah. Dalam hal ini kejayaan Sultan Dhiauddin ke atas Tunku Pangeran adalah sebagai kesan politik tradisional Kedah. Tunku/ Sultan Dhiauddin dipilih oleh ayahandanya merupakan pemimpin yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran dan pemimpin yang bijak sepanjang masa baginda mentadbir Perlis sewaktu menjadi Raja Muda. Tidak hairanlah majoriti golongan pembesar dan kerabat diraja memilih baginda untuk menggantikan kekandanya, Sultan Abdullah pada tahun 1797.¹⁶

Kenyataan ini disokong melalui sebuah manuskrip lama yang mengisahkan betapa pelantikan Tunku Dhiauddin sebagai sultan adalah atas kemauhan dan desakan para pembesar yang pada mulanya baginda keberatan menerimanya. Sesudah menjadi sultan,

baginda tidak menghiraukan soal hasil perolehan negeri termasuklah wang subsidi sewaan Pulau Pinang oleh Inggeris sebanyak 10 ribu ringgit, semuanya diserahkan kepada anak-anak saudaranya yang ramai.¹⁷

Satu hal yang menarik berkaitan kedudukan institusi kesultanan Kedah di zaman awal pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804 - 1845) ialah terdapatnya sepucuk surat yang menunjukkan adanya usaha para pembesar untuk menghindarkan daripada berlakunya krisis merebut takhta atau perang saudara. Surat tersebut bertarikh hari Isnin, 30 Sya'aban 1219, Tahun Ba (4 Disember 1804) ditandatangani (melalui cap mohor) oleh Dato' Bendahara serta menteri, pegawai dan hulu balang berjumlah 21 orang semuanya mengiringi meterai/cap mohor tiga bersaudara di bahagian atas surat itu iaitu Tunku Pangeran (Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah) serta adindanya Tunku Daud dan Tunku Muhammad. Kandungan surat itu, antara lain mereka berikrar bersetuju atas pelantikan Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda. Mereka tidak akan menderhaka, melalui (melanggar) perintah dan tegah. Menurut mereka lagi tujuan surat itu ditulis:

"..... tanda menyukakan Duli Tuanku jadi Raja Muda memerintah di bawah Duli Paduka kekanda atas negeri Kedah ini serta dengan segala jajahannya jangan jadi berselisih saudara bersaudara pada hari ke hadapan".¹⁸

Namun apa yang berlaku kemudiannya, beberapa orang saudara Sultan Ahmad Tajuddin seperti Tunku Ibrahim, Tunku Daud, Tunku Bisnu dan Tunku Embon (Tunku Yaakob) yang berlainan bonda itu masing-masing telah mencabar kekuasaannya yang membawa kepada campur tangan pihak Siam. Siam menggunakan pelbagai tekanan untuk melemahkan Kedah, termasuklah memaksanya Kedah menyerang Patani (1809), Phuket (1810) untuk membantu mereka mengusir keluar tentera Burma di situ dan akhir sekali menyerang negeri jirannya, Perak (1818). Berikutnya pada 12 November 1821 angkatan Ligor/Siam menyerang dan menawan Kedah. Akibat Perjanjian Burney 1826, (artikel 13), Sultan Ahmad Tajuddin yang berkuasa di Pulau Pinang telah dipaksa berpindah dan bersemayam di Melaka.¹⁹ Bermulalah pemerintahan tentera Ligor di Kedah selama 20 tahun lebih yang berpusat di Alor Gajah.

Azam Sultan Ahmad Tajuddin untuk mengambil kembali negerinya tetap membara seperti yang terdapat di dalam "Syair Duka Nestapa" karyanya yang dihasilkan di Melaka dan juga melalui surat-suratnya yang dihantar kepada pihak-pihak tertentu bertarikh 30 September, 1836 dan 3 Mei, 1837.²⁰ Walaupun pantai Kedah dikawal rapi oleh kapal-kapal peronda Inggeris yang bekerjasama dengan Siam namun serangan-serangan daripada wira Kedah yang berpangkalan di Pulau Pinang dan lain-lain terus berlaku hingga kemuncaknya dalam tahun-tahun 1838 - 1839 apabila Tunku Muhammad Saad berjaya mengumpul 10 ribu orang penyokongnya menyerang habis-habisan dan berjaya mengusir tentera Siam keluar dari Kedah. Walaupun kemenangan mereka cuma buat seketika, namun Siam mengambil sikap kompromi yang akhirnya mengizinkan sultan kembali semula ke takhta (1841). Bagaimanapun Kedah kehilangan beberapa kawasananya apabila saiz negerinya dikecilkan yang membawa kesan wujudnya kesultanan Perlis, Setul dan Kubang Pasu. Hubungan tradisional dengan kerajaan Siam dipulihkan semula.²¹

Pada pertengahan abad kesembilan belas, sekali lagi berlaku peristiwa mencabar kuasa sultan. Sewaktu Sultan Ahmad Tajuddin menaiki takhta (1854 - 1879) baginda dicabar oleh kekanda iparnya, Tunku Muhammad Said, tetapi tindakan spontan sekumpulan pembesar yang diketuai oleh Wan Ismail (ayahanda Wan Muhammad Saman) dapat menggagalkan tindakan Tunku Muhammad Said itu.²² Baginda telah melantik adindanya Tunku Yaakob menjadi Raja Muda menggantikan adindanya Tunku Kudin (Tunku Dhiuddin) yang dipecat olehnya. Golongan yang satunya dipimpin oleh Tunku Kudin manakala yang satu lagi dipimpin oleh Tunku Yaakob dan Wan Muhammad Saman.

Perkembangan Institusi Kesultanan Kedah Sesudah 1880

Kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, pada bulan Jun telah membawa kepada kemunculan dua golongan dengan calon mereka masing-masing untuk dilantik sebagai sultan. Golongan pertama yang mencalonkan Tunku Abdul Hamid (putera dengan Wan Hajar, saudara Wan Muhammad Saman) dipimpin oleh Tunku Yaakob (Raja Muda) dan Wan Muhammad Saman. Sementara golongan kedua diketuai oleh Tunku Kudin dan Tunku Yusof mencalonkan Tunku Zainal Rashid (Tunku Putera), putera kepada Wan Jah. Tunku Zainal Rashid berusia enam belas tahun, enam tahun lebih tua daripada Tunku Abdul Hamid. Apabila dirujuk kepada pihak Siam, keputusannya Tunku Zainal Rashid dilantik menjadi sultan dan Tunku Abdul Hamid sebagai Raja Muda.

Peristiwa yang sama berlaku apabila Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah (1879 - 1881) mangkat pada 22 September 1881, masing-masing golongan membawa calonnya ke Bangkok. Kali ini Tunku Kudin menyokong Tunku Kasim (adinda Sultan Zainal Rashid), menantunya yang dikatakan tidak waras. Kali ini Bangkok memihak kepada Tunku Abdul Hamid untuk dilantik sebagai sultan, bergelar Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882 - 1943).²³

Dengan kegagalan Tunku Kudin dua kali berturut-turut dan diikuti permohonannya untuk mendapatkan kawasan/daerah untuk diperintahnya sendiri tidak dipersetujui oleh Sultan Abdul Hamid, maka perhubungan kedua pihak menjadi tegang. Tunku Kudin dan saudaranya Tunku Yusof mengambil sejumlah besar wang negeri di samping berhutang kepada pihak Siam yang sebelum itu menjadi masalah kepada sultan kerana kedudukan ekonomi Kedah amat tenat. Tunku Kudin kemudiannya berhijrah ke Pulau Pinang dan menetap di sana sehingga ke akhir hayat (1909).²⁴

Pada era awal pemerintahannya, Sultan Abdul Hamid mendapat bantuan sepenuhnya daripada Wan Muhammad Saman dan adindanya Tunku Abdul Aziz yang dilantik selaku Raja Muda. Setelah Wan Muhammad Saman meninggal (1898) dan diikuti dengan kegerian Sultan, Raja Muda Tunku Abdul Aziz dapat mentadbir negeri dengan kuasa sepenuhnya. Langkah kerajaan Siam memulangkan balik wilayah Setul dan Penis (1397) tidaklah begitu menguntungkan Kedah kerana timbul pula konflik keluarga di antara kedua wilayah itu dengan Kedah. Ku Din bin Ku Meh yang dihantar oleh baginda Sultan ke Setul sebagai Pesuruhjaya/Gabenor Kedah di sana. Pada mulanya beliau dapat melaksanakan

tugasnya dengan baik tetapi kemudianya beliau lebih banyak berurusan terus dengan Bangkok tanpa melalui Kedah. Pada tahun 1909 kedua wilayah itu terpisah terus dari Kedah.²⁵

Dalam usaha memodenkan pentadbiran, salah satu langkah penting yang dilaksanakan oleh Sultan Abdul Hamid ialah menubuhkan "Majlis Negeri" (1905). Tunku Abdul Aziz dilantik sebagai Presiden Majlis Negeri yang pertama. Di samping bertujuan memperkenalkan beberapa undang-undang baru, penubuhan Majlis Negeri ini adalah untuk mengatasi krisis kewangan yang teruk akibat berlangsungnya perkahwinan diraja secara besar-besaran pada tahun 1904.²⁶

Setelah kemangkatan Tunku Abdul Aziz (1907) dan bertukarnya naungan ke atas Kedah dan Siam kepada Inggeris (1909), maka baginda Sultan Abdul Hamid telah melantik adindanya yang kedua, Tunku Mahmud menjadi Presiden Majlis Negeri. Apabila sultan gering kembali dalam tahun 1915, dengan persetujuan Inggeris, Tunku Ibrahim (putera sulungnya) dilantik sebagai Pemangku Raja. Tunku Ibrahim telah menandatangani Perjanjian Persahabatan yang dimeterai di antara Kerajaan British dan Kedah pada 1 November, 1923. Dalam Fasal 3 perjanjian tersebut, "Pengganti takhta kesultanan sewajarnya perlu daripada zuriat Sultan Abdul Hamid Halim Shah atau keturunan baginda yang dipilih oleh Majlis Negeri dan diterima oleh Yang Maha Mulia Raja Britain". Bermula tahun 1905, kedudukan penyandang jawatan Presiden Majlis Negeri dan Raja Muda atau Pemangku Raja dapat dilihat seperti senarai berikut²⁷:

1. 1905-1907 : Tunku Abdul Aziz (Raja Muda)
2. 1907-1914 : Tunku Mahmud
3. 1914-1934 : Tunku Ibrahim (Pemangku Raja)
4. 1934-1935 : Tunku Muhammad (Raja Muda)
5. 1935-1937 : Tunku Mahmud (Pemangku Raja)
6. 1937-1942 : Tunku Badlishah (Pemangku Raja)

Apabila Sultan Abdul Hamid mangkat (1943), puteranya yang tertua daripada saudara-saudaranya yang lain waktu itu iaitu Tunku Badlishah telah dilantik menjadi sultan (1943 - 1958). Pada tahun 1949, Sultan Badlishah melantik putera sulung baginda menjadi Raja Muda dan menjalankan tugas sebagai Pemangku Raja semasa ayahandanya berangkat keluar negeri (Mac - Julai 1957). Begitulah pula apabila Tunku Abdul Halim dilantik menjadi sultan menggantikan ayahandanya yang mangkat (1958), baginda melantik adindanya Tunku Abdul Malik menjadi Raja Muda dan bertugas sebagai Pemangku Raja apabila kekandanya Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dipilih memegang jawatan Yang Di Pertuan Agong Malaysia yang kelima (1971 - 1975) dan apabila baginda keluar negeri (September - Oktober 1986).²⁸

Salasilah Kesultanan Kedah Darul Aman

Salasilah sultan-sultan yang memerintah Negeri Kedah Darul Aman pertama kali disusun secara lengkap dalam tahun 1928 dalam tulisan jawi dengan terbitnya buku "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah" (ASNK) satu-satunya buku yang memuatkan persejarahan Kedah. Buku ini hasil karya anak watan Kedah, Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad.²⁹

Sebelum itu, R.O. Winstedt pernah menyenaraikan salasilah yang sama dalam dua rencananya iaitu "History of Kedah" (JSBRAS, 1920 : 32 dan JMBRAS, 1936:186 - 187). Di dalam kedua-dua rencananya, beliau cuba membuat perbandingan salasilah tersebut berdasarkan buku "Hikayat Merong Mahawangsa"³⁰ dan ASNK di samping memetik senarai yang disusun oleh Wan Yahaya Haji³¹ untuk Mr. E.A.G. Stuart, Penguasa Pelajaran Negeri Kedah sebelum Perang Dunia Kedua (1920 - 1924). Dibandingkan dengan ASNK terdapat beberapa perbezaan sebutan nama kerana kesalahan mentransliterasikannya daripada jawi kepada rumi.

Hikayat Merong Mahawangsa (HMM) tidak dapat dibina sebagai sebuah salasilah Kesultanan Kedah yang lengkap kerana disebabkan oleh beberapa faktor perkara yang penting ialah HMM tergolong dalam karya 'historiografi' (sastera sejarah) yang sifatnya sama seperti karya-karya yang sejenis dengannya seperti "Hikayat Raja-Raja Pasai", "Sulalatus-Salatin" atau "Sejarah Melayu" dan sebagainya. Ia tidak mementingkan pertarikhkan atau tahun berlakunya sesuatu peristiwa. Penceritaannya pula terhenti sehingga zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Sultan Kedah ke 22, 1804 - 1845) dalam bentuk senarai di samping beberapa orang sultan sebelumnya.³²

Sehingga kini ASNK ternyata dapat dipegang kesahihan faktanya terutama dalam mencatatkan kedatangan Islam di Kedah iaitu pada 531 Hijrah bersamaan 1136 Masihi. Terdapat catatan yang lengkap mengenai pemerintahan sehingga ke zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Sultan Kedah ke 27, 1882 - 1943). Bagaimanapun sehingga zaman Tunku Anom menjadi Raja Negeri Kubang Pasu, pengarang ASNK hanya menggunakan tarikh Hijrah sahaja, dan apabila mangkat Tunku Anom bermulalah penggunaan tahun Masihi di samping tahun Hijrah iaitu dicatatkan pada 20 Syaaban 1269 bersamaan 31 Mei, 1853 (ASNK, Teks Jawi: 296).

Sesudah Perang Dunia Kedua, dua orang daripada kalangan kerabat diraja Kedah iaitu Tunku Nong Jiwa dan Tunku Fariduddin Haji³³ telah mengusahakan penyusunan semula "Salasilah Kesultanan Kedah" yang juga dirujuk kepada ASNK. Usaha mereka berdua menjadi ikutan kepada penulis sejarah berikutnya ketika menulis rencana atau buku yang berkaitan dengan persejarahan Kedah. Bagaimanapun jika dianalisa dan dibandingkan dengan setiap karya yang ada hari ini di samping mempunyai beberapa persamaan terdapat pula beberapa perbezaan yang ketara dalam beberapa aspek berikut:

1. Sebutan nama sultan dan gelarannya;
2. Tahun atau tarikh pemerintahan setiap sultan;

3. Bilangan atau jumlah sultan yang memerintah sehingga kini.

Walaupun perbezaan ini tidak banyak tetapi ia tidak sepatutnya dibiarakan berterusan agar fakta persejarahannya yang tepat dapat dipertanggungjawabkan. Maka di sinilah perlunya satu analisa dilakukan dengan membandingkan beberapa karya yang ada untuk melihat dan memperbaiki kesalahan bagi menyeragamkannya berdasarkan bahan-bahan sampingan lain.

Sebutan Nama dan Gelaran

- a. Nama Sultan Kedah yang ke 4 ada yang menulis "Mansur" umpamanya dalam senarai yang dipamerkan di Muzium Diraja, Alor Setar (kini telah pun diperbetulkan) dan di dalam Album Diraja Kedah Darul Aman (Penerbitan Kerabat, Kuala Lumpur, 1988). Sebenarnya nama yang wujud dalam ASNK ialah "Muzzil" (ada yang menulis "Mazzil" atau "Mazzal" (m.z.l.) yang ada di dalam bahasa Arab bermaksud "Pelindung").
- b. Nama gelaran Sultan Kedah ke 19, Sultan Muhammad Jiwa "Zainal Abidin Muadzam Shah" atau "Zainal Adilin Muadzam Shah" seperti yang tercatat dalam Hikayat Merong Mahawangsa dan "Salasilah Atau Tareh Kerajaan Kedah" karya Wan Yahaya Wan Mohd. Taib. Bukti yang jelas dapat dirujuk dan surat-surat yang dikirimkan oleh Sultan Muhammad Jiwa kepada Kapten Francis Light di Salang (Phuket) pada tahun 1773.
- c. Untuk menentukan nama dan gelaran beberapa contoh sultan yang sama juga terdapat perbezaan. Contoh yang jelas dapat dilihat kepada tokoh-tokoh ini:
 - Sultan ke 18 : Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1706 - 1710)
 - Sultan ke 22 : Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1845)
 - Sultan ke 24 : Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854 - 1879)

Ada yang menandakan tokoh ketiga itu dengan tanda "III" dihujung gelarannya tetapi ada yang tiada kerana menganggap gelaran "Halim" dan "Mukarram" itu adalah dua kalimat yang berbeza maknanya walaupun nama asal mereka serupa.

Tarikh atau Tahun Pemerintahan Setiap Sultan

- a. Timbulnya perbezaan adalah disebabkan dalam menukar tahun Hijrah kepada tahun Masih cuma berdasarkan kepada tahun sahaja kerana sumber asalnya (ASNK) terdapat tarikh Hijrah yang lengkap mencakupi hari bulan, bulan dan tahun. Walaupun banyak perbezaan yang dapat dikesan, namun di sini diperturunkan satu contoh sahaja iaitu tarikh pemerintahan Sultan Muhammad Shah, Sultan Kedah yang ke 4 yang dipetik daripada dua sumber iaitu:
 - (a) 1201-1236
 - (b) 1202-1237

Dalam ASNK dicatat tarikh selengkapnya : 8 Syaaban 598 hingga 13 Jamadilawal 634 iaitu bersamaan 3 Mei, 1202 hingga 12 Disember, 1236.³⁴

- b. Bagaimanapun di dalam ASNK terdapat tiga orang sultan yang tarikh pemerintahan mereka tidak tepat jika dibandingkan dengan penulisan lain yang menyebabkan satu lagi jurang perbeaan dalam penyusunan salasilah Sultan Kedah hari ini iaitu:
- i) Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah, Sultan Kedah yang ke - 9 (1710-1778). ASNK mencatatkan baginda mangkat pada 1 Ramadan 1174 bersamaan 6 April, 1761. Berdasarkan beberapa peristiwa dan sumber-sumber lain, sehingga tahun 1778 baginda masih memerintah Kedah. Misalnya serangan armada Bugis ke atas Kedah pimpinan Raja Haji pada 1770, baginda terpaksa menyelamatkan diri ke Perlis (Kayang) menyebabkan baginda bergelar "Marhum Kayang. Dalam tahun 1773, baginda pernah menulis dua pucuk surat kepada Kapten Light di Salang (Phuket) masing-masing bertarikh 24 Zulhijjah 1186 (17 Mac 1773) dan 12 Syaaban 1187 (29 Oktober 1773).³⁵
 - ii) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Sultan Kedah ke 22 (1804 - 1845). ASNK mencatatkan baginda mangkat pada 6 Rabiulawal 1259 bersamaan 6 April 1843. Berdasarkan surat Sultan Zainal Rashid Muadzam Shah (Tunku Da'i) kepada Samuel Garling, Residen Canselor Pulau Pinang bertarikh 27 Zulhijjah 1260 (5 Januari 1845), baginda memaklumkan bahawa ayahandanya Sultan Ahmad Tajuddin telah mangkat pada malam Jumaat 25 Zulhijjah 1260 bersamaan 3 Januari 1845.³⁶

Kesimpulannya tarikh pemerintahan Ahmad Tajuddin ialah 1804 -1845, bukan 1804-41.

Bilangan atau Jumlah Sultan yang Memerintah Sehingga Kini

Kebanyakan penulis mencatatkan seramai 27 orang sultan yang memerintah Kedah sehingga kini. Berdasarkan ASNK setelah mangkat Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah ke 20 (1778 - 1797), disebabkan putera sulungnya Tunku/Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II masih kecil, maka ayahanda saudaranya, Tunku Dhiauddin (adinda kepada Sultan Abdullah) yang menjadi Raja Muda sebelum itu mentadbir Kayang dan Setul, telah bertindak selaku Pemangku Raja (1797 - 1804).

Bagaimanapun apabila dirujuk kepada sumber-sumber lain, ternyata Tunku Dhiauddin bukan sekadar menjadi Pemangku Kedah paling awal ditemui setakat ini yang diterbitkan pada zaman baginda dalam tahun 1801 (1216 Hijrah) nama baginda pada bahagian awalnya dicatatkan begini:

"..... Al-Sultan Al-adil Muadzam Shah Al-mukarram Wahuwa-Malunana Paduka Seri Sultan Dhiauddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di atas takhta Kerajaan semayam di Kota Indera Kayangan Negeri Kedul Aman"

Berdasarkan fakta-fakta inilah terdapat beberapa penulis kebelakangan ini meletakkan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah 11(1797 - 1804) sebagai Sultan Kedah yang ke 21 di dalam karya mereka. Antaranya "Sejarah Kedah" oleh Buyong Adil dan "Politik Tradisional Kedah 1681 - 1942" oleh Dr. Mohammad Isa Othman.

Setelah menyedari adanya beberapa kesalahan dari sudut fakta dan pentarikan di samping perbezaan antara beberapa karya hasilan sebelum dan sesudah Perang Dunia Kedua yang menyentuh tentang pensalasilahan Kesultanan Kedah, maka wajarlah satu salasilah yang seragam diwujudkan.

SALASILAH DULI-DULI YANG MAHA MULIA SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN DARI 1136 HINGGA SEKARANG

| BIL | NAMA SULTAN | MULA MEMERINTAH | TARIKH MANGKAT |
|-----|---|--|--|
| 1. | SULTAN AL-MUDZAFFAR SHAH 1 | 531 H (1136M) | 13 Safar 575 (20 Julai 1179) |
| 2. | SULTAN MU'ADZAM SHAH | 13 Safar 575 (20 Julai 1179) | 8 Syaaban 598 (3 Mei 1202) |
| 3. | SULTAN MUHAMMAD SHAH | 8 Syaaban 598 (3 Mei 1202) | 13 Jamadilawal 634 (12 Disember 1236) |
| 4. | SULTAN MUZZIL SHAH | 13 Jamadilawal 634 (12 Disember 1236) | 8 Rabiulakhir 721 (7 Ogos 1280) |
| 5. | SULTAN MAHMUD SHAH 1 | 8 Rabiulakhir 67 (7 Ogos 1280) | 15 Rabiulakhir 721 (14 Mei 1321) |
| 6. | SULTAN IBRAHIM SHAH | 15 Rabiulakhir 721 (14 Mei 1321) | 11 Rejab 775 (24 Julai 1423) |
| 7. | SULTAN SULAIMAN SHAH 1 | 11 Rejab 775 (27 Disember 1373) | 15 Syaaban 826 (24 Julai 1423) |
| 8. | SULTAN ATAULLAH MUHAMMAD SHAH 1 | 15 Syaaban 826 (24 Julai 1423) | 15 Syaaban 877 (15 Januari 1473) |
| 9. | SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINAL ABIDIN SHAH 1 | 15 Syaaban 877 (15 Januari 1473) | 3 Muharram 912 (5 Jun 1506) |

(sambungan Jadual)

| | | | |
|-----|---|---|---|
| 10. | SULTAN MAHMUD SHAH 1 | 13 Muharram 912 (5 Jun 1506) | 13 Zulkaedah 953 (5 Januari 1547) |
| 11. | SULTAN MUDZAFFAR SHAH 11 | 13 Zulkaedah 953 (5 Januari 1547) | 14 Safar 1011 (3 Ogos 1602) |
| 12. | SULTAN SULAIMAN SHAH 11 | 14 Safar 1011 (3 Ogos 1602) | 1 Jamadilakhir 1035 (28 Feb. 1626)-Acheh |
| 13. | SULTAN RIJALUDDIN MUHAMMAD SHAH 11 | 10 Rejab 1035 (7 April 1626) | 1 Zulkaedah 1062 (4 Oktober 1652) |
| 14. | SULTAN MUHYIDDIN MANSOR SHAH | 1 Zulkaedah 1062 (4 Oktober 1652) | 13 Jamadilakhir 107 (4 Januari 1662) |
| 15. | SULTAN DHIAUDDIN MUKARRAM SHAH 1 | 13 Jamadilakhir 1072 (4 Januari 1662) | 3 Jamadilakhir 1099 (5 April 1688) |
| 16. | SULTAN ATULLAH SHAH 11 | 3 Jamadilakhir 1099 (5 April 1688) | 13 Jamadilawal 1110 (17 November 1698) |
| 17. | SULTAN ABDULLAH MU'ADZAM SHAH | 13 Jamadilawal 1110 (17 November 1698) | 3 Jamadilakhir 1119 (22 Sept. 1706) |
| 18. | SULTAN AHMAD TAJUDIN HALIM SHAH 1 | 13 Jamadilakhir 1118 (22 Sept. 1706) | 15 Zulhijjah 1211 (15 Februari 1710) |
| 19. | SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINAL ADILIN MU'ADZAM SHAH 11 | 15 Zulhijjah 1211 (15 Februari 1710) | 1192 H (1778 M) |
| 20. | SULTAN ABDULLAH MUKARRAM SHAH | 1192 H (1778 M)) | 10 Rabiulawal 1212 (25 Sept. 1797) |

(sambungan Jadual)

| | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 21. | SULTAN DHIAUDDIN MUKARRAM SHAH 11 | 10 Rabiulawal 1212 (25 Sept. 1797) | 13 Jamadilakhir 1219 (19 Sept. 1804) |
| 22. | SULTAN AHMAD TAJUDDIN HALIM SHAH 11 | 13 Jamadilakhir 1219 (19 Sept. 1804) | 25 Zulhijjah 1260 (3 Januari 1845) |
| 23. | SULTAN ZAINAL RASHID MU'ADZAM SHAH 1 | 23 Zulhijjah 1260 (3 Januari 1845) | 13 Jamadilakhir 1270 (13 Mac 1854) |
| 24. | SULTAN AHMAD TAJUDDIN MUKARRAM SHAH | 13 Jamadilakhir 1270 (13 Mac 1854) | 2 Rejab 1296 (22 Jun 1879) |
| 25. | SULTAN ZAINAL RASHID MU'ADZAM SHAH 1 | 2 Rejab 1296 (22 Jun 1879) | 7 Syawal 1298 (22 Sept. 1881) |
| 26. | SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH | 1 Rabiulawal 1299 (21 Januari 1882) | 8 Jamadilawal 1362 (13 Mei 1943) |
| 27. | SULTAN BADLISHAH | 9 Jamadilawal 1362 (14 Mei 1943) | 25 Zulhijjah 1377 (13 Julai 1958) |
| 28. | SULTAN HAJI ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH | 26 Zulhijjah 1377 (14 Julai 1958) | |

Nota Akhir

¹RO. Winstedt, "History of Kedah", JMBRAS, No.21,1920 hlm. 30-31.

²Mat Yassin @ Mohsin Talib, "Tempat Pertemuan Batu Bersurat Masih Jadi Misteri", *Warta Darul Aman*, Alor Setar, 1989, hlm. 11.

³Tentang tarikh dan penemuannya dapat diikuti dalam beberapa catatan seperti:-

- (i) Mansor Tobeng, "Keramat Tuk Serban Hijau di Tanjung Inggeris", *Mastiika* (Jawi), 1965, hlm. 33 - 35.
- (ii) Haji Abas Abdullah Nasution, "Syarah", Kumpulan esei dan kertas kerja, KWP Sdn. Bhd., Pulau Pinang, 1980, hlm. 42 - 43.
- (iii) Zakaria Ah, "*Islamic Art in Southeast Asia, 830 AD -1570 AD*", Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 201-202.

⁴Prof. A. Hasyimi, "*50 Tahun Aceh Membangun*", terbitan Majlis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh, 1995, hlm. 3.

⁵Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, (Jawi), Jelutong Press, Pulau Pinang, 1928, hlm. 29 - 30.

⁶Lapan buah pusat pemerintahan Negeri Kedah yang dikisahkan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ialah (1) Kota Bukit Meriam (1136 - 1236), (2) Kota Sungai Emas (1236-1323), (3) Kota Siputih (1323 - 1626), (4) Kota Naga (1626 -1654), (5) Kota Sena (1654 - 1664), (6) Kota Indera Kayangan (1664 - 1687), (7) Kota Bukit Pinang (1687 - 1735) dan (8) Kota Setar (semenjak 1735).

⁷Kobkua Suwannathat Pian. Kesultanan Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Pustaka, 1999, Kuala Lumpur, 1195. Kedah, *Ensiklopedia Dewan Bahasa dan Pustaka*, 1999, Kuala Lumpur 1195.

⁸Mohamad Isa bin Othman, 'Kesetiaan, Kenegerian dan Pensubahatan : Satu Kajian Tentang Ekonomi dan Pentadbiran Negeri Kedah dan Perlis Semasa Perjajahan British, 1909 - 1957", Thesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Januari 1997, hlm. 14.

⁹_____. *Politik Tradisional Kedah 1681 – 1942*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hIm. 4 - 5.

¹⁰R.O. Winstedt, "Kedah Laws". *JMBRAS*, Vol. VI (2), 1928, hIm. 15-43. Lihat juga : Wan Shamsudin Mohd. Yusof, "Hukum Kanun Kedah : Satu Penilaian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar", Alor Setar 250 Tahun, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar, 1990, hlm. 55 - 62.

¹¹Mohamad Isa Osthman. *Politik Tradisional Kedah*, hlm.4.

¹²Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, hlm. 109,114,343-344.

¹³Raja Al Hajji. *Tuhfat Al-Nafis*, Malaysia Publishing House, Singapura, 1965, hlm. 66 - 68 dan 170 - 175.

¹⁴Terdapat tiga pucuk surat zaman Sultan Muhammad Jiwa yang ditujukan kepada Kapten Light di Salang (Phuket), sepucuk daripadanya tanpa tarikh, yang lainnya masing-masing bertarikh 24 Zulhijjah 1186 (17 Mac 1773) dan 12 Syaaban 1187 (29 Oktober 1773). Surat-surat ini tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁵R. Bonney. *Kedah 1771 - 1821: The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 44-48.

¹⁶Kobkua Suwannathat Pian. Raja Muda di dalam Sejarah Negeri Kedah, *Cetera*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman, Alor Setar, Jld. 12, Januari 1995, hlm.7.

¹⁷Terkandung di dalam manuskrip bertajuk "Perbalahan Tunku Pangiran dengan Tunku Ibrahim", koleksi Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, ditransliterasikan oleh Haji Ismail bin Haji Saleh, termuat dalam "Kertas-kertas Pegawai Penyelidik Muzium Negeri Kedah", Alor Setar, November -Disember 1993, hlm. 49 - 50.

¹⁸Ibid, manuskrip ini berjudul "Surat Janji Dengan 25 Cap dan Meterai", hlm. 1 - 5.

¹⁹Wan Shamsudin Mohd. Yusof, "Sejarah Kedah Sepanjang Zaman", Muzium Negeri Kedah Darul Aman, Alor Setar 1992, hlm. 11.

²⁰Ibid,hlm. 11-12.

²¹Mohamad Isa bin Othman. *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia. Pada Abad 19 dan Awal Abad 20*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1999, hlm.38.

²²Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, hlm. 298-299.

²³Mohamad Isa Othman. *Politik Tradisional Kedah*, hlm. 41-44.

²⁴Ibid, hlm. 45-50.

²⁵Wan Shamsudin Mohd. Yusof. Selayang Pandang Sejarah Kerajaan Melayu Setul Mambang Segara 1808 – 1909. Dalam antologi dari *Pulau Adan ke Pulau Tiga*, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar, 1999, hlm. 39 - 51.

²⁶Syed Mohammed bin Syed Hassan Shahabudin and M.G. Knowles, *The Three Million Dollar Wedding*, Malaya in History, The Malayan Historical Society, Kuala Lumpur, Vol.

IV (2), July 1958.

²⁷Mohamad Isa Othman. *Politik Tradisional Kedah*, hlm.126.

²⁸Kobkua Suwannathat Pian. *Raja Muda di dalam Sejarah Negeri Kedah*, hlm. 20 - 22.

²⁹Sedutan dan kertas kerja penulis berjudul "Salasilah Kesultanan Kedah Darul Aman - Satu Analisa dan Perbandingan yang disampaikan oleh penulis di "Seminar Pemantapan Identiti Budaya Negeri Kedah Darul Aman 1999", anjuran Majlis Kebudayaan Negeri dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah pada 28 dan 29 Ogos, 1999.

³⁰Berdasarkan teks jawi salinan Muhammad Yusuf bin Nasruddin untuk R.J. Wilkinson, Cetakan Batu, Penang Street, Pulau Pinang, 1898.

³¹Nama penuhnya Haji Wan Yahaya bin Wan Mohd. Taib, pernah menjawat jawatan Pegawai Daerah Changlun yang pertama (1898) dan jawatan terakhir sebelum bersara ialah Setiausaha Kerajaan Kedah yang kedua (1922 - 1929). Karya sejarahnya yang pertama berjudul "Salasilah Atau Tareh Kerajaan 32". Jumlah sultan yang disenaraikan bermula dan Sultan Mudzaffar Shah hingga Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II mengandungi 14 orang berbanding dengan sumber lain seperti Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah yang berjumlah 22 orang.

³²Pertukaran tarikh hijrah kepada tarikh masihi dalam menyusun Salasilah Kesultanan Kedah ini adalah dirujuk kepada buku Takwim Hijri Istilah (0001 - 1500 H) terbitan Kerajaan Terengganu Darul Iman, 1413 H (1982 M).

³³Tunku Nong Jiwa adalah pengasas Persatuan Sejarah Malaya Cawangan Kedah (1956) dan selaku presidennya yang pertama dan juga Pengurus Muzium Negeri yang pertama sementara Tunku Fariduddin Haji juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasanya. Di samping menyusun Salasilah Kesultanan Kedah yang tersiar dalam 'Malaya In History' (1958) Tunku Fariduddin Haji pernah menghasilkan buku 'Titisan Kerabat' (1957) yang mengandungi keseluruhan Salasilah Kesultanan Kedah, Salasilah Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Sultan Badlishah.

³⁴Hubungan baginda dengan Light amat akrab sejak sebelum Light menduduki Pulau Pinang lagi (1786).

³⁵Geran ini adalah koleksi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman melalui Tunku Nong Jewa.

³⁶D.K. Wyatt, "The Burney Papers", Vol. V Pt.1, Greig International Publishers Ltd., Bangkok, 1912.



PERKEMBANGAN POLITIK DALAM PERSPEKTIF SEJARAH KEDAH 1990-1999

Mohd. Isa Othman

Pengenalan

Aakhir abad ke - 20 merupakan zaman politik kerana aktiviti dan kehidupan harian banyak ditentukan oleh politik. Maka setiap komuniti membentuk politiknya dan setiap politik membentuk sejumlah rasional politik. Terdapat pandangan yang menyatakan sehingga akhir zaman penjajah British tidak wujud politik di kalangan orang Melayu. Asas pandangan ini berdasarkan andaian tidak wujud institusi politik dan parti-parti politik. Selain itu, istilah khusus di dalam Bahasa Melayu yang merujuk kepada politik juga tidak ditemui. Hanya istilah "Siasah atau Siasat" yang dipinjam daripada bahasa Arab. Namun ini bukan alasan untuk menolak wujudnya budaya politik kerana hal ini boleh wujud di dalam bentuk pemikiran dan perubahan-perubahan ideologi. Mempertahankan pola-pola budaya, kepercayaan dan nilai-nilai terangkum dalam aktiviti politik. Apalagi di dalam hal mempertahankan sistem pemerintahan yang sedia ada. Orang Melayu termasuk orang Kedah merupakan arkitek politik mereka sendiri.

Politik Kedah Seratus Tahun

Sejarah politik Kedah pada abad ke - 20 merupakan keseimbangan daripada satu tradisi yang mengambil masa panjang. Proses ini bukan sahaja bersifat dalaman malah banyak dipengaruhi pengaruh India, Arab, Parsi, Aceh, negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu dan Pantai Timur Sumatera, Selatan Siam dan kerajaan pusat Siam. Manakala pengaruh Barat mula bertapak di Kedah pada abad ke - 16 dan semakin menonjol pada abad ke - 9 dan 20.

Tahap perkembangan politik Kedah boleh dibahagikan kepada lima peringkat penting: -

- Perkembangan politik sebelum 1908
- Perkembangan politik 1909-1941
- Perkembangan politik 1942-1945
- Perkembangan politik 1946-1956
- Perkembangan politik 1957-1999

(a) Perkembangan Politik Sebelum 1908

Majoriti rakyat Kedah terdiri daripada orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung dengan kegiatan utama dalam sektor pertanian. Manakala golongan imigran khususnya kaum Cina dan India yang terlibat di dalam sektor buruh dan perniagaan tidak begitu ramai.¹ Masyarakat Melayu tradisional dapat dibahagikan kepada dua kelompok sosial iaitu golongan pemerintah dan rakyat sebagai golongan yang diperintah. Inilah asas budaya politik pada peringkat ini. Golongan pemerintah merupakan hak eksklusif berasaskan keturunan. Peneraju utama golongan elit tradisional ini termasuklah sultan, kerabat diraja dan golongan bangsawan. Mereka merupakan tenaga penggerak pentadbiran dan politik yang mewujudkan kelas pemerintah.

Sultan menduduki tempat paling atas dalam struktur politik dan sosial di Kedah. Kedudukan sultan dianggap sebagai perkara yang sah dan merupakan amalan serta ideologi turun temurun. Termasuk juga di dalamnya kepercayaan-kepercayaan seperti daulat dan derhaka sebagai alat kawalan sosial kelas pemerintah ke atas rakyat. Legitimasi (keabsahan) disahkan melalui adat istiadat, alat kebesaran, hak-hak istimewa dan setelah dimodenkan, institusi ini dipertahankan melalui undang-undang. Pada abad ke - 20, Kedah diperintah oleh tiga orang sultan - DYMM Sultan Abd. Hamid ibni Sultan Ahmad Tajuddin (1881 - 1943); DYMM Sultan Badlishah ibn Sultan Abd. Hamid (1943 - 1958) dan DYMM Sultan Abd. Halim Muazzam Shah (1958 hingga sekarang).²

Dalam politik tradisional Kedah pemerintah kedua ialah Raja Muda. Raja Muda tidak semestinya putera sultan dan boleh sahaja dilantik daripada kerabat diraja terdekat. Dalam pemerintahan dan politik tradisional, raja muda mempunyai kuasa yang agak luas dan sekiranya sultan gering atau tidak berupaya mentadbir, Raja Muda merupakan orang paling layak menjadi Pemangku Sultan. Tokok-tokoh yang pernah menjawat jawatan Raja Muda pada abad ini ialah - Tunku Abd. Aziz ibn Sultan Ahmad Tajuddin; Tunku Ibrahim ibn Sultan Abdul Hamid; Tunku Muhammad ibn Sultan Abd. Hamid; Tunku Badlishah ibn Sultan Abd. Malik ibn Sultan Badlishah.

Jawatan Rejent atau Pemangku Sultan hanya diisi jika ada keperluan untuk membantu pentadbiran dan politik negeri. Jawatan ini mungkin disandang secara individu atau dalam bentuk jemaah yang melebihi seorang penjawat. Jemaah Pemangku Sultan beberapa kali memainkan peranan penting menstabilkan politik Kedah terutama yang melibatkan perebutan takhta pada akhir abad ke - 19.³ Pada abad ke - 20, Pemangku Sultan yang dilantik turut memainkan peranan penting sebagai tokoh yang memusatkan kuasa.⁴

Dalam sistem politik dan pentadbiran tradisional, golongan pembesar kerabat diraja dan bangsawan merupakan pendokong penting. Mereka termasuklah Bendahara, Pembesar Empat Pembesar Lapan, Pembesar Enam Belas dan Pahlawan Hulubalang.⁵

Sejak pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1853-79) banyak jawatan dan gelaran tradisional dimansuhkan sebagai usaha memusatkan kuasa dan memodenkan sistem pentadbiran mengikut model British di Pulau Pinang.⁶

Di peringkat daerah, penguasa pentadbiran dan politik diserahkan kepada Pembesar Jajahan atau Daerah. Kajian Jim Gullick di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan mendapati pengaruh Pembesar Daerah begitu penting manakala sultan hanya sebagai simbol penyatuan.⁷ Hal ini tidak tepat jika dirujuk kepada Kedah, khususnya selepas tahun 1842 apabila pemuatan kuasa ke tangan sultan diperhebatkan untuk mencapai kestabilan politik.

Kepimpinan di peringkat Mukim diketuai oleh Penghulu sehingga dekad pertama abad ke 20 masih wujud "Pemegang Mukim" yang diletakkan di bawah pembesar tradisional. Pembesar inilah yang melantik Penghulu bagi menjalankan pentadbiran dan mengutip cukai bagi pihaknya.⁸ Manakala penghulu-penghulu lain dilantik oleh Sultan setelah dicadang dan di sokong oleh Pembesar Daerah. Penghulu merupakan jabatan penghubung antara rakyat dengan golongan pemerintah dan kerana itu syarat-syarat bagi memenuhi keperluan rakyat juga perlu ada pada calon seorang penghulu. Penghulu juga perlu mengekalkan hubungan dengan anak buah dan tidak berkonflik dengan mereka. Tokoh-tokoh lain di peringkat kehidupan politik rakyat terdiri daripada Ketua-Ketua Kampung, Tok Guru, Imam, Bilal Orang Sepuluh, Bomoh, Orang Kaya dan lain-lain tokoh setempat. Walaupun mereka tidak terlibat secara langsung di dalam politik dan pentadbiran, tetapi kerjasama mereka amat diperlukan.

Selain daripada penjawat jawatan, keturunan turut memainkan peranan penting dalam sistem politik tradisional. Keturunan paling penting ialah golongan bergelar Tunku dan terdiri daripada kerabat diraja. Golongan bergelar Syed turut berperanan penting dalam sejarah politik Kedah. Mereka datang ke Kedah dari pelbagai tempat sama ada dari Tanah Arab, India, atau Sumatera. Mereka menjadi berpengaruh kerana mempunyai latar belakang pengetahuan agama Islam yang luas atau merupakan pedagang yang kaya. Keluarga Syed yang terpenting di Kedah ialah keluarga Jamalullail yang datang ke Kedah sekitar tahun 1735 dan menetap di Langgar. Mereka kemudian berjaya mengasaskan kesultanan Perlis.⁹ Keluarga lain yang penting termasuklah Sahabuddin, al Mahduli, al Jaffri, al Kadri, al Idrusi, al Fadaak dan Barakkah. Golongan Syed yang rapat dengan istana akan muncul sebagai kelas pemerintah terutama apabila berkahwin dengan kerabat diraja khususnya Puteri Sultan. Malah selepas zaman kemerdekaan, golongan Syed terus menerajui politik Kedah dengan menjawat jawatan Menteri Besar Kedah.

Golongan bergelar Wan turut memainkan peranan penting terutama sebelum Perang Dunia Kedua. Hubungan rapat dengan istana terutama menerusi perkahwinan memantapkan kedudukan golongan ini. Pada abad ke - 19 peranan golongan Wan amat penting dalam politik dan pentadbiran Kedah. Kalangan mereka yang berpengaruh termasuk Laksamana Wan Ismail, Temenggung Wan Muhammad Taib, Bendahara Wan Ibrahim; dan Menteri Besar Wan Mat Saman dan Permaisuri Wan Hajar Wan Ismail. Pada abad ke - 20, tokoh terpenting ialah Wan Yahya b. Wan

Muhammad Taib (Setiausaha Kerajaan) dan Wan Sulaiman b. Wan Sidek (Sheikh-ul-Islam). Golongan bergelar lain termasuklah Ku dan Megat tetapi peranan mereka tidak begitu penting. Seorang tokoh yang mungkin dianggap penting pada penghujung abad ke- 9 dan awal abad ke-10 ialah Ku Din b. Ku Meh.¹⁰

Satu lagi golongan penting ialah orang baik-baik yang tidak mempunyai gelaran pada awal nama mereka tetapi penting kerana kedudukan ekonomi dan sosial. Mereka berdamping rapat dengan golongan pemerintah sehingga dilantik menjadi orang kepercayaan dan penjawat jawatan penting. Demikian juga golongan 'ulama' yang menjadi pemimpin agama di peringkat pusat hingga ke kampung-kampung di pedalaman. Pada zaman tradisional, mereka turut terlibat dalam politik dan pentadbiran sebagai penasihat. Apabila birokrasi moden diwujudkan mereka diserapkan ke dalam jabatan-jabatan yang menguruskan hal ehwal Agama Islam. Ulama-ulama yang tidak terlibat dalam pentadbiran juga penting terutama dalam kehidupan rakyat kerana mahir dalam kehidupan beragama dan berpuashati dengan kedudukan di kubu mereka.

Mulai abad ke - 20 calon-calon elit politik dan pentadbiran mula dihasilkan menerusi pendidikan. Di Kedah terdapat tiga sistem pendidikan yang memainkan peranan penting iaitu pendidikan Melayu-Inggeris dan pondok/madrassah. Sistem yang pertama dan kedua lebih bercorak sekular manakala yang ketiga lebih bersifat keagamaan. Dua kelompok ini merupakan asas munculnya ketegangan politik. Namun pada awal abad ke-20, elit berpendidikan agama masih berada di bawah kawalan kesultanan dan birokrasi.

Sebelum 1409, Kedah berada di bawah pengaruh politik Siam. Corak hubungan kedua negeri lebih bersifat Pertuanan- Naungan dalam konteks hubungan tradisional Asia Tenggara.¹¹

Kedah sebagai negeri yang dinaungi, menghantar bunga emas dan perak tiga tahun sekali ke Bangkok. Di samping itu Kedah juga memberi perkhidmatan lain yang diminta oleh Siam. Selepas 1842, campur tangan Siam dalam politik dan pentadbiran tempatan agak minima. Pemimpin-pemimpin Kedah mengambil pendekatan mesra dengan Bangkok serta menjalin hubungan baik demi menjamin kestabilan dan survival politik. Pengalaman di bawah pemerintahan langsung Siam (1821-42) memerlukan pendekatan politik lebih lembut dengan kerajaan Bangkok.

Walau bagaimanapun kerajaan Bangkok tetap membuat percubaan untuk memastikan Kedah di bawah lingkungan pengaruh terutama dalam menghadapi perluasan imperialism Barat khususnya British. Satu daripada pendekatan Siam ialah melalui dasar Thesaphiban iaitu polisi pemasukan kuasa yang bermula pada tahun 1882. Mengikut rancangan ini beberapa daerah disatukan ke dalam 'Monthon' di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi (Khaluang Thesaphiban). Dalam rancangan ini Kedah, Perlis dan Selut disatukan sebagai Monthon Saiburi dan Sultan Kedah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi. Rancangan ini gagal bukan sahaja kerana Siam tidak bersungguh-sungguh tetapi mendapat tentangan daripada kerabat diraja Perlis dan Selut.¹²

Satu perubahan penting pada dekat pertama abad ke-20 ialah pembentukan Majlis Negeri pada tahun 1905. Seorang tokoh politik dan pentadbir Kedah yang berperanan penting ialah Raja Muda Tunku Abd. Aziz. Beliau dikatakan cenderung kepada politik pemodenan tetapi menghadapi beberapa halangan terutama kerana kuasa yang terhad. Pada tahun 1900 Tunku Abd. Aziz dengan bantuan bondanya Wan Hajar Usba membentuk Majlis Pemangku Raja dengan alasan sultan gering. Langkah ini gagal mendapat restu kerajaan Bangkok. Peluang ini hanya muncul setelah Kedah menghadapi kegawatan ekonomi dan terpaksa berhutang dengan kerajaan Siam. Satu perjanjian ditandatangani pada tahun 1905. Antara syarat perjanjian ialah Kedah terpaksa menerima seorong Penasihat Kewangan dan keperluan membentuk Majlis Negeri. Ini merupakan satu perubahan politik yang dibuat melalui undang-undang. Pembentukan Majlis Negeri membawa kepada lahirnya sebuah badan eksekutif dan legislatif di peringkat negeri dan pemerintahan tidak lagi menjadi kuasa mutlak sultan.

Dari segi politik, elit tempatan mempunyai kuasa yang agak luas pada zaman penjajahan Siam. Pengaruh Siam agak minima dan masing-masing pihak berpuas hati dengan tahap perhubungan tersebut.

(b) Perkembangan Politik, 1909-41

Pada jangka waktu ini, Kedah diletakkan di bawah naungan British selepas temeterinya Perjanjian Bangkok, 1909. Perubahan naungan ini bukan sahaja perubahan kuasa penjajahan Siam lebih bercorak tradisional sebaliknya penjajahan British lebih bercorak moden.¹³ Namun dalam menjalankan dasar penjajahannya British mengambil sikap yang lembut tetapi tegas.

Pengaruh British bukanlah satu perkara baru dalam politik Kedah kerana pengaruhnya telah wujud sejak abad ke-18 dan lebih kuat pada abad ke 19. Kedah melihat model British di Pulau Pinang sebagai sumber inspirasi politik pembangunan. Golongan elit Kedah bukan sahaja tertarik dengan gaya hidup tetapi juga kepada pemodenan pentadbiran dan pendidikan. Namun begitu bila ura-ura mengubah pertuanan Negeri-Negeri Melayu Utara bermula, terdapat tantangan daripada pembesar-pembesar Kedah. Mereka sudah lama berada di bawah naungan Siam dan selesa dengan peranan mereka yang luas dalam politik negeri. Pembesar-pembesar Kedah juga melihat berlakunya penyusutan kuasa rakan-rakan mereka di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan ini membimbangkan mereka. Bagaimanapun bantahan sultan dan pembesar-pembesar Kedah tidak diharamkan oleh British dan Siam.

Banyak kes ketegangan politik berlaku antara golongan elit politik Melayu Kedah dengan British sejak tiga puluh dua tahun lalu.¹⁴ Bagaimanapun kedudukan elit politik tradisional Melayu terus dikekalkan dan mendapat layanan yang baik. Sikap suai-faerah golongan elit ini penting dalam menjamin peranan mereka dikekalkan. Mereka merupakan pendokong kesultanan yang terdiri daripada kerabat diraja dan golongan aristokrat. Satu kelompok elit yang baru muncul pada zaman British ini ialah golongan berpendidikan sekular Inggeris dan Melayu. Pada peringkat sekolah

rendah mereka belajar di sekolah Melayu. Di peringkat menengah dan tinggi, mereka belajar di sekolah Inggeris di Kedah, Pulau Pinang, Kolej Melayu Kuala Kangsar, Singapura atau di Great Britain.¹⁵ Mereka mula terdedah secara teori atau melihat praktisnya politik barat. Kelompok ini muncul sebagai peneraju gerakan politik berteraskan nasionalisme. Selain mengutip pengalaman melalui pendidikan, kelompok ini juga terdedah kepada pengalaman pentadbiran dan profesionalisme. Golongan berpendidikan Islam terus memainkan peranan penting. Kebanyakan kumpulan elit Muslim ini bukan pegawai rasmi. Mereka lebih berperanan dalam hal ehwal pendidikan dan kehidupan beragama. Pondok dan 'madrasah' merupakan kubu kuat mereka. Manakala ilmu agama dan kepuatan serta seni pendidikan mereka dapat mengangkat martabat menjadi ulama terkenal. Tambahan pula jika ulama tersebut mempunyai bakat besar dalam penulisan maka sumbangan pengajaran dan pemikirannya lebih mudah tersebar luas. Jumlah pondok ulama dan kitab-kitab yang terlarang menunjukkan Kedah, merupakan antara pusat melahirkan ulama terpenting selain Kelantan dan Terengganu.¹⁶ Apabila kelompok ini mula tertarik dengan politik dan melibatkan diri secara aktif maka Kedah merupakan antara tempat terpenting menghasilkan pemimpin kelompok ini.

Pada zaman penjajahan British, kemasukan imigran Cina dan India semakin menunjukkan kemajuan masyarakat Kedah. Elit kelompok masyarakat ini tidak semestinya berpendidikan tinggi tetapi mungkin seorang ahli perniagaan yang berjaya atau seorang yang dihormati. Di kalangan mereka juga terdapat elit profesional yang berada di jabatan kerajaan atau swasta. Kelompok ini berpendidikan Inggeris atau lepasan sekolah Cina atau India. Asas masyarakat majmuk yang terbina pada zaman British ini akan mempengaruhi perkembangan politik bukan sahaja di Kedah tetapi Malaysia keseluruhannya.

Arah politik pada zaman penjajahan British ditentukan oleh kuasa penjajah menerusi birokrasi kolonialnya yang berpusat di Pejabat Tanah Jajahan, di London. Manakala di Tanah Melayu operasinya diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British merangkap Gabenor Negeri -Negeri Selat yang beribu pejabat di Singapura. Di Kedah, pegawai British yang bertanggungjawab melaksanakan dan memastikan polisi British ialah Penasihat British. Di samping itu sejumlah kecil pegawai British juga berkhidmat di Kedah khususnya dalam bidang teknikal. Manakala sebahagian besar pegawai pentadbiran terdiri daripada rakyat tempatan. Pengalaman golongan ini cukup penting bukan sahaja pada zaman British tetapi juga berguna pada zaman kemerdekaan. Kelompok ini lebih pragmatis dan tahu bagaimana untuk bertindak dan menyesuaikan diri dengan keadaan serta perubahan.

Pada umumnya, British berjaya mengekang kesedaran politik di kalangan orang Melayu sehingga orang Melayu sendiri menganggap politik sebagai haram, bermartabat rendah dan dibenci.¹⁷ Namun begitu perubahan-perubahan di luar Kedah tetap berpengaruh. Umpamanya gelombang gerakan Islah dan diikuti perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu tetap mengubah persepsi ideologi segolongan kelompok berpendidikan agama. Hal ini bukan sahaja menyentuh soal agama tetapi juga pemikiran politik. Semangat kesedaran turut berkembang menerusi

media cetak seperti akbar SAUDARA yang berpangkalan di Pulau Pinang. Dari situ pula lahir Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) yang merangsang hubungan antara orang Melayu di samping meningkatkan pertukaran idea dan pemikiran. Di Kedah, PASPAM diterajui oleh Tunku Yaakup bin Sultan Abdul Hamid dan adindanya Tunku Abdul Rahman Putra.

Di kalangan guru-guru Melayu muncul kelompok radikal khususnya pada dekad 1930-an. Mereka terpengaruh dengan gerakan nasionalisme di Indonesia sehingga membawa kepada penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pemimpin Ibrahim Yaakup. KMM cawangan Kedah dipimpin oleh Muhammad Ariff tetapi sambutan masyarakat Kedah terhadap pertubuhan ini agak dingin. Ini mendorong Ibrahim Yaakup menjalankan kempen secara besar-besaran di seluruh Tanah Melayu termasuk Kedah. Kempen juga dijalankan melalui media cetak khususnya akbar, Majlis dan Warta Malaya. Pada Julai 1940, Ibrahim Yaakup tiba di Kedah untuk menarik sokongan kepada KMM. Pada mulanya masyarakat Kedah menolak gagasan Ibrahim Yaakup yang dianggap radikal sedangkan masyarakat Kedah masih konservatif. Ibrahim Yaakup juga gagal memujuk Tunku Abdul Rahman Putra dan Tunku Yaakup menggantikannya.¹⁸ Kedua-dua kerabat diraja Kedah ini melihat KMM tidak relevan dengan keluarga dan masyarakat tempatan.

(c) Zaman Penjajahan Jepun - Siam, 1942 - 45

Pemerintahan Jepun berjaya mempolitikkan masyarakat Tanah Melayu. Ini tidak bermakna dasar politik Jepun lebih lunak untuk membantu pertubuhan politik tempatan. Malah Jepun juga menindas kegiatan politik dengan mengharamkan parti-parti politik termasuk rakan sekutunya KMM.

Pemerintahan Jepun di Kedah telah mencetuskan penentangan secara kekerasan. Contohnya gerakan Tok Janggut di Kuala Muda, tetapi gerakan ini tidak terancang. Tindakannya hanya berkekalan semangat anti-Jepun semata-mata. Dasar Jepun yang menekan juga telah menimbulkan tindakan protes daripada rakyat secara pasif atau ingkar. Bagaimanapun terdapat gerakan-gerakan penentangan politik dan kententeraan menentang Jepun yang lebiih tersusun dan moden, di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya (PKM), nasionalis Cina dan British. PKM bertindak menerusi Malayan Peoples Anti Japanese Army (MPAJA). Golongan nasionalis Kuomintang membentuk Overseas Chinese Anti Japanese Army (OCAJA) yang bergerak di Pendang, Tanah Merah dan Kodiang. Pihak British juga turut mengatur langkah dan menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam Pasukan 136 (Askar Melayu Setia). Pasukan 136 Kedah diketuai Mejai Hislop yang beroperasi di Baling, Kuala Nerang dan Sik. Antara pegawai-pegawai Melayu yang terlibat ialah Tunku Osman b. Tunku Muhammad Jiwa, Tunku Yusuf b. Tunku Kasim, Haji Abu Bakar Chik, Haji Hamdi, Ahmad Osman dan Lt. Abd. Razak.

Di pihak lain terdapat golongan yang terpengaruh dengan slogan dan propaganda Jepun yang melaungkan semangat 'Asia Raya' dan 'Asia untuk Asia'. Ini telah membangkitkan semangat nasionalisme, khususnya di kalangan pemuda. Ramai

antara mereka yang menerima latihan di Jepun, bersekolah Jepun bekerja dengan Jepun atau menyertai pasukan tentera seperti Giyu Gun dan PETA (Pembela Tanah Air). Pendudukan Jepun berjaya mengubah sikap golongan muda khususnya persepsi terhadap penjajah British. Sebelum meletus perperangan, kesedaran politik Melayu tidak begitu pesat kerana sistem masyarakat Melayu tradisional dan British tidak mendorong perkembangan ini.¹⁹

Semasa pentadbiran Siam (1943-45) lahir pertubuhan politik yang berselindung di sebalik kegiatan ekonomi. Syarikat Kerjasama Am Saiburi (SABERKAS) ditubuhkan bagi mencapai matlamat ekonomi politik dan sosial orang Melayu di Kedah. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam pertubuhan ini Tunku Abd. Rahman, Tunku Daud b. Tunku Ahmad Shah, Senu Abd. Rahman, Mustafa Afif, Azhari Taib, Khir Johari, Tunku Mariam Balkis Haji Abdullah dan ramai lagi. Pendirian politik SABERKAS jelas apabila ringkasan perkataan ini diberi maksud politik – ‘Sayang Akan Bangsa Redha Korban Apa Segala’.²⁰ Selain pertubuhan bercorak kenegerian terdapat juga pertubuhan nasional iaitu Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang kebanyakannya ahlinya terdiri daripada bekas ahli KMM. Antara tokoh di Kedah ialah Zain Arif, Hassenuddin dan Saidin Hanapi. Bagaimanapun sambutan terhadap PKMM di Kedah agak dingin dan jumlah keahliannya sekitar seribu orang sahaja.

(d) Perkembangan Politik, 1946-56

Apabila British berkuasa semula pada penghujung tahun 1945, pemerintahan Tanah Melayu diletakkan di bawah pentadbiran Tentera British (BMA). BMA merupakan alat pentadbiran tentera dan agen kepada Pejabat Tanah Jajahan untuk membuat dasar-dasar politik di Tanah Melayu.

British kemudiannya melancarkan gagasan Malayan Union yang jelas membawa banyak implikasi politik. Rancangan menubuhkan kerajaan “Union” mencetuskan penentangan yang meluas di kalangan orang Melayu terutamanya kerana beberapa isu yang terkandung dalam gagasan tersebut yang menyentuh pemberian hak kerakyatan yang longgar, kedudukan raja-raja Melayu, pentadbiran awam yang terbuka dan hak istimewa orang Melayu. Turut menjadi isu ialah cara Sir Harold Mac Michael menyempurnakan misinya mendapat persetujuan Raja-Raja Melayu melalui diplomasi memujuk, mendesak dan mengugut. Gagasan Malayan Union mencetuskan penentangan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Di Kedah, gerakan rakyat melibatkan pertubuhan-pertubuhan penting seperti SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah, Anjuran Kesetiaan Melayu Kedah dan Persatuan Ulama Kedah. Pelbagai bentuk bantahan digunakan. Sultan Badlishah sendiri menghantar telegram bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan dan menulis surat kepada Perdana Menteri Britain, Ketua Pembangkang Britain dan beberapa orang tokoh Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu serta akhbar The Times.²¹ Bantahan juga disiarkan di akhbar-akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris. Ayob Abdullah, salah seorang ahli SABERKAS dari Kulim menulis artikel bersiri dalam akhbar majlis.²² Di Kedah SUARA SABERKAS dan WATAN turut memainkan peranan melancarkan protes menerusi media cetak.

Rapat raksasa juga digunakan sebagai alat politik untuk menentang Malayan Union. Pada 19 Januari 1946, sekitar 50 ribu orang menunjuk perasaan di Alor Setar dan sekali lagi pada 3 Februari 1946. Pelbagai pihak di kalangan orang Melayu telah bersatu dalam politik. Batas sempadan kenegerian, latar belakang sosial, ekonomi dan pendidikan tidak lagi menjadi jurang mencapai idealisme politik. Ini telah membawa kepada penubuhan UMNO pada tahun 1946. Sekali lagi tunjuk perasaan besar-besaran menentang Malayan Union diadakan pada 30 Mei 1946. Penentangan yang berterusan orang Melayu membawa kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Selepas penubuhan UMNO, politik negeri Kedah didominasi oleh parti ini. Namun parti ini tidaklah menjadi pemerintah sehingga sistem pilihan raya dijadikan alat untuk memilih peneraju negeri. Jawatan Menteri Besar yang baru diwujudkan diserahkan kepada Haji Md. Syarif Awang Osman. Pelantikannya bukan kerana sokongan pertubuhan politik sebaliknya sokongan datang dari institusi kesultanan dan penjawah British. Parti-parti politik termasuk UMNO pada ketika itu masih berada di luar kerajaan.

Pilihan raya dianggap alat penting di dalam sistem demokrasi untuk memilih wakil rakyat bagi peringkat Persekutuan dan Negeri. Pilihan raya Persekutuan yang pertama diadakan pada 27 Julai 1955. Terdapat empat buah parti yang bertanding di Kedah iaitu Parti Perikatan, Parti Negara, Pas dan Bebas. UMNO yang menjadi tunggak Perikatan mempunyai pengaruh yang kuat melalui kepimpinan elit tradisional yang diketuai oleh Tunku Abd. Rahman Putra. Cabaran yang terdekat wujud daripada Parti Negara dengan pemimpin di peringkat negeri terdiri daripada Haji Rejab Darus, Putih Napa, Haji Laidin Abdul Manan dan Haji Salleh Rejab. Walaupun Parti Negara di Kedah diterajui oleh aktivis-aktivis politik penting selepas perang tetapi mereka gagal mencapai sebarang kejayaan. Calon-calon Perikatan yang menang ialah Tunku Abd. Rahman Putra, Md. Khir Johari, Tunku Kassim dan Syed Ahmad Shahabuddin. Kemenangan ini mengukuhkan pengaruh UMNO di Kedah dan kepimpinan Tunku Abd. Rahman di peringkat nasional. Manakala Parti Negara terus merosot. Lagipun corak perjuangan dan kepimpinan UMNO dengan Parti Negara hampir sama maka pengundi lebih cenderung melihat kepada kemantapan kedua-dua aspek tersebut.

Satu lagi aspek sokongan orang Melayu iaitu agama tetap mendapat tempat. Di sini Parti Islam SeTanah Melayu (PAS) yang ditubuhkan pada 23 Ogos 1951 mula bertapak mencari dasar sokongannya. Kepimpinannya bercorak keagamaan dan perjuangannya juga diasaskan kepada agama. Sumber kepimpinannya datang dari tok guru yang kebiasaannya mengendalikan pondok atau madrasah sendiri. Tokoh-tokoh PAS peringkat awal termasuklah Haji Osman al-Yunus, Shukri Hj Shukur dan Haji Yahya Junid.²³ Meskipun calon pilihan rayanya tewas pada tahun 1955, tetapi PAS terus bertapak kerana akar sokongannya tetap wujud. Sejak zaman tradisional kepimpinan corak ini hidup secara bebas tanpa memerlukan sokongan pemerintah.

Manakala kepimpinan masyarakat majmuk, khususnya Cina, India dan Siam terus menjadi sekutu elit pemerintah. Meskipun parti MIC dan MCA belum diberi tempat dalam pilihan raya 1955 tetapi hubungan menegak yang wujud dengan pemerintah sejak sekian lama terjalin terus.

(e) Perkembangan Politik, 1957-99

Perkembangan politik zaman kemerdekaan terus memperlihatkan penguasaan parti-parti politik. Di samping itu institusi kesultanan tetap berpengaruh walaupun ada kekangan untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik. Manakala corak kepimpinan masih berasaskan Islam masyarakat majmuk (bukan bumiputera) dan golongan nasionalis. Proses demokrasi dan pembangunan negara mula melahirkan elit-elit baru. Golongan nasionalis tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kepimpinan tradisional dan mula melatih golongan profesional baru. Kepimpinan Islam juga mula mendapat golongan elit baru tetapi kemasukan mereka agak perlahan. Hal yang sama juga berlaku kepada masyarakat bukan bumiputera yang banyak bergantung kepada kekuatan ekonomi.

Pilihan raya terus menjadi alat penting parti politik dan menjadi penanda kepada perkembangan sejarah politik. Sehingga tahun 1999, negara telah menghadapi 10 kali pilihan raya. Pilihan raya pertama selepas kemerdekaan berlangsung pada tahun 1959. Perikatan memenangi kesemua 12 kerusi Parlimen termasuk Kedah dan 24 kerusi Dewan Undangan Negeri. Pada pilihan raya ini PAS mula memberi cabaran hebat bukan sahaja di Kedah tetapi juga di Kelantan dan Terengganu. Walaupun PAS mendapat sokongan tokoh-tokoh terkemuka agama tetapi UMNO juga disokong oleh ulama-ulama terkenal seperti Haji Abdul Rahman Merbok Haji Hussein Che Dol dan Tuan Haji Ahmad Baling. Hal ini menunjukkan UMNO mendapat sokongan, tiga sektor pengundi yang penting ketika itu iaitu golongan nasionalis agama dan masyarakat bukan bumiputera. Demikian juga dengan pilihan raya tahun 1964 di mana Perikatan berjaya mengekalkan kesemua 12 kerusi Parlimen dan 24 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Walau bagaimanapun pilihan raya 1969 telah mengubah suasana politik Malaysia. Parti Perikatan hanya memenangi 66% kerusi di Tanah Melayu. Isu perkauman begitu hangat diperkatakan baik di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri. Hasilnya UMNO hanya memenangi 54 kerusi daripada 68 kerusi yang dipertandingkan. Di negeri Kedah, tiga calon UMNO tewas bagi kerusi Parlimen manakala 6 calon Dewan Undangan Negeri kalah. PAS ternyata berjaya meraih sokongan pengundi-pengundi Melayu. Hasil pilihan raya 1969 menyebabkan Perikatan kehilangan kerajaan Pulau Pinang kepada Parti Gerakan dan Kelantan kepada PAS.

Pilihan raya 1969 juga mencetuskan peristiwa pergaduhan kaum dan membawa kepada perisytiharan darurat dan pentadbiran Malaysia diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Mageran ialah membekukan kegiatan-kegiatan parti

politik. Pada 22 September 1970 Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia dan bermulalah era Tun Abdul Razak. Era Tun Abdul Razak juga memperlihatkan berakhirnya Perikatan dan tertubuhnya Barisan Nasional. PAS turut menyertai Barisan Nasional dan ini memudahkan laluan kepada parti pemerintah memenangi pilihan raya tahun 1974.

Pada pilihan raya 1978, PAS kembali memberi saingan setelah keluar daripada Barisan Nasional. Begitu juga dengan pilihan raya tahun 1986, 1990, 1995 dan 1999.²⁴ Penghujung abad ke-20 memperlihatkan percakan politik yang sengit kerana Barisan Nasional bukan menghadapi parti pembangkang secara bersendirian tetapi buat pertama kali pembangkang di bawah nama Parti Alternatif memberi cabaran sengit. Ini merupakan satu fenomena baru politik Malaysia dan juga Kedah. Setiap pihak mempunyai strategi untuk menghadapi pilihan raya yang akan datang.

Perkembangan politik di Kedah pada zaman kemerdekaan bukan sahaja tertumpu kepada pilihan raya tetapi juga meliputi isu-isu kepimpinan negeri pembangunan dan isu-isu tempatan. Selain itu, skop yang mempengaruhi politik negeri juga sudah diperbesarkan dengan keperluan melihat apa yang berlaku pada peringkat nasional. Malah pada keadaan tertentu isu nasional lebih mendominasikan situasi politik di peringkat negeri. Apa juga parti-parti yang terlibat di peringkat negeri sudah dipusatkan sistem, struktur dan operasi. Satu kebanggaan Kedah dalam hal ini ialah kejayaan melahirkan pemimpin-pemimpin politik di peringkat nasional. Dua nama yang tersohor ialah Tunku Abdul Rahman Putra dan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Nota Akhir

¹Lihat William Roof 1975. *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.

²Zaharah Mahmud 1966. "Change in Malay Sultanate: A Historical of Kedah Before 1936". Tesis Sarjana Universiti Malaya hlm. 113.

³Lihat misalnya, Mohd Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah, 1681 - 1945*. Kuala Lumpur: DBP.

⁴Senarai Pemangku Raja abad ke-20

⁵Tunku Ibrahim ibn Sultan Abd. Hamid, 1914-34

⁶Tunku Mahmud ibn Sultan Ahmad Tajuddin, 1934-37.

⁷Tunku Badlishah ibn Sultan Abd. Hamid, 1937 – 43.

⁸Lihat Sharom Ahmat, 1984. 'Kedah-Tradition and Change in a Malay State: A Study of Economic and Political Development, 1978 - 1923," MBRAS no.12.

⁹J.M Gullick, 1970. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Kuala Lumpur: DBP hlm. 43.

¹⁰Wan Ibrahim Wan Soloh, 1968. 'Gelaran-gelaran Pangkat Dalam Negeri Kedah Pada Zaman Dahulu". Kedah Dan Segi Sejarah, Jil. 3.

¹¹Institusi ini dihapuskan selepas campurtangan British, 1909.

¹²Hussein Baba Mohammad, "Notes on History of Perlis", Arkib Negara Kuala Lumpur (SPR/R/1).

¹³Abdullah Long Puteh 1970. Sejarah Negeri Setul, Thailand, Alor Setar: PSMCK, hlm 18-24.

¹⁴Lihat misalnya Kobkua Suwannathat-Pian, 1986. "Thai-Malay Relations From the 17th to Early 20th Century". Tesis Ph D. Universiti Sains Malaysia.

¹⁵T. Bunnag, 1977. The Provincial Administration of Siam 1892-1915, Kuala Lumpur Oxford University Press, hlm 10-19.

¹⁶Lihat misalnya J.A Hobson, 1971. Imperialism : A study, the University of Michigan Press.

¹⁷Mohamad Isa Othman, op cit, him 87-134.

¹⁸Ahmad Nordin Hj. Zain 1981. 'Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Tinggi Di Kedah," Alor Star. Konvensyen Sejarah Kedah 1.

¹⁹Awang Had Salleh, 1981. 'Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah," Alor Star: Konvensyen Sejarah Kedah 1.

²⁰Baharuddin Majid 1975/76. "SEBERKAS". Pergerakan dan Perjuangan Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Malaya.

²¹Baharuddin Majid 1996. "Kebangkitan Nasionalisme dan Kesedaran Politik Melayu Kedah Dalam Tahun-tahun 1790-1945" dalam. Md. Noor Salleh dan Hj. Bakri Ali Muhammad (Penyarah). Demi Martabat Bangsa Alor Setar: Badan Perhubungan UMNO Kedah, hlm. 10.

²²Mohamad Isa Othman 1992. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-45 Kuala Lumpur : DBP.

²³DBP. Hlm. 122-143

²⁴Baharuddin Majid, "SABERKAS". op cit.

TINJAUAN KE ATAS KOTA-KOTA BERSEJARAH DI NEGERI KEDAH

*Fuziah Shaffie
Syamsul Anuar Ismail*

Pengenalan

Sejak tahun 1136, kesultanan Kedah telah berusia lebih daripada 850 tahun. Seramai 27 orang sultan (lihat *Lampiran*) telah memerintah berkisar kepada lapan buah pusat pentadbiran. Sejarah membuktikan bahawa Kedah suatu ketika dahulu mempunyai wilayah dan jajahan takluknya yang luas meliputi wilayah Sentul, Thailand sehingga ke Kuala Bara di sebelah utaranya. Manakala di sebelah selatannya pula mencakupi Pulau Pinang dan Seberang Perai, termasuklah kawasan Kerian hingga ke Kuala Kurau, Perak. Sebagai sebuah kerajaan tertua di Semenanjung Tanah Melayu, Kesultanan Kedah mempunyai pelbagai peristiwa serta bahan menarik yang boleh dijadikan kajian seperti tinggalan kota-kota tanah, bangunan, artifak dan dokumen lain yang bersejarah.

Kertas kerja ini meninjau secara ringkas tentang latar belakang kota-kota yang terdapat di negeri Kedah sejak zaman sebelum kedatangan Islam. Perbincangan bukan sahaja tertumpu kepada asal-usul pembinaan kota-kota tetapi juga untuk melihat sama ada masih terdapat kesan-kesan peninggalannya sekarang. Mungkin tanda-tanda ataupun kesan pembinaannya masih ada atau barang kali sudah hilang akibat hakisan mahu pun dimusnahkan atas dasar pembangunan jangka panjang tempat berkenaan. Tumpuan perbincangan juga berkisar tentang cadangan memulihkan kembali keadaan kota-kota ini jika tidak seperti bentuk asalnya mungkin melakukan sedikit pengubahsuaian bagi mengembalikan nostalgia kepada generasi akan datang bahawa teknologi seni bina orang Melayu sebenarnya telah wujud sejak zaman berzaman.

Sejarah Pembinaan Kota-Kota Tanah

Kota-kota di negeri Kedah dibina sejak sebelum kedatangan Islam ke Kedah. Pembinaannya dianggarkan sejak kurun ke-7 Masihi. Kebanyakkan kota ini dibina daripada tanah yang ditambah menjadi benteng atau tembok. Kedah merupakan negeri yang paling banyak sekali didapati kesan-kesan tapak kota iaitu berjumlah kira-kira 28 buah termasuk beberapa buah yang terdapat di negeri Perlis. Daripada jumlah tersebut, hanya 20 buah kota masih terdapat kesan-kesan yang boleh dilakukan penyelidikan. Abdul Halim (1990), menyenaraikan sebanyak 15 buah kota-kota tanah yang masih boleh didapati hasil

tinggalannya. Daripada jumlah itu, terdapat 18 buah kota diperbuat daripada timbunan tanah manakala dua buah lagi diperbuat daripada batu-bata. Kota-kota yang diperbuat daripada batu-bata yang masih kekal hingga sekarang ialah Kota Kuala Muda dan Kota Kuala Kedah.

Kota-kota yang dibina daripada timbunan tanah telah mula dibina di Kedah sejak kurun ke-7 Masihi lagi. Antara yang terawal dan meninggalkan kesan tapak binaan ialah di Kampung Pinang Tunggal yang dikenali di kalangan penduduk tempatan sebagai Kota Raja Bersiong. Kota ini terletak lebih kurang 9 km ke selatan bandar Sungai Petani. Daripada jumlah keseluruhan kota tersebut, hanya lapan buah kota sahaja dijadikan pusat pentadbiran iaitu:

1. Kota Bukit Meriam (1136 - 1236)
2. Kota Sungai Emas (1236 - 1323)
3. Kota Siputih, Padang Sira, Kodiang (1323 - 1626)
4. Kota Naga, Kampung Naga, Kepala Batas (1626 - 1654)
5. Kota Sena (1654 - 1664)
6. Kota Indera Kayangan, Kuala Perlis, Perlis (1664 - 1687)
7. Kota Bukit Pinang (1687 - 1735)
8. Kota Setar / Alor Setar (1735 - hingga sekarang)

Namun begitu, kota-kota yang dibina sebelum kedatangan Islam juga pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan tempat bersemayam raja-raja Kedah pada masa itu seperti:

1. Kota Langkasuka, Mukim Sok, Sik (dibina kira-kira 634 Masihi)
2. Kota Bandar, Mukim Siung, Baling
3. Kota Sidim, Kulim
4. Kota Aur, Mukim Sok, Sik
5. Kota Arong-Arongan

Ini menjadikan kota yang menjadi pusat pentadbiran negeri Kedah sejak zaman Merong Mahawangsa sehingga kini berjumlah 12 buah kota.

Kota-Kota Tanah yang Wujud Sebelum Kedatangan Islam

Kota Langkasuka

Menurut Al-Tarikh, Maharaja Derba Raja iaitu raja Kedah yang pertama telah menitahkan para pembesar negeri yang diketuai oleh Tun Dermadewa dan Tun Perkasa untuk mencari tempat dan membina sebuah kota pemerintahan di hulu Sungai Kedah. Kota ini dibina dengan menambak tanah untuk dijadikan sebagai benteng kota dan ditanam dengan pohon buluh berduri bagi menghalang kota daripada serangan musuh. Di kota ini juga didirikan tiga pintu gerbang sebagai pintu masuk ke dalam kota. Selain itu, didirikan istana tempat bersemayam raja dan balai penghadapan untuk raja menerima mengadap para pembesar dan rakyat jelata. Kota Langkasuka didirikan di sekitar tahun 634 Masihi di Mukim Sok, Sik tidak jauh dari Kuala Sungai Sok berhampiran dengan

bandar Nami. Kota ini pernah menjadi ibu negeri pertama kerajaan Kedah pada masa itu. Maharaja Derba Raja bersama-sama Tun Derma dan Tun Perkasa, mengatur orang-orang besar bagi menjalankan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Kedah.

Di kota inilah alat-alat kebesaran Maharaja Derba Raja yang dibawa bersama baginda semasa berlabuh di Kuala Sungai Qilah ketika itu telah digunakan sebagai alat kebesaran di raja Kedah. Alat kebesaran ini terdiri daripada semambu yang dinamakan "Maha Guru", "nekara" dan "nafiri". Selain itu, terdapat beberapa alat tambahan yang dibawa dari Parsi iaitu dua buah gendang, dua serunai (besar dan kecil), dua buah gong (besar dan kecil), menjadikan semuanya berjumlah sembilan buah alat perkakas. Alat-alat ini dinamakan "nobat". Kota Langkasuka ini hanya sempat diperintah oleh Maharaja Derba Raja I.

Di kota inilah bermulanya istiadat penganugerahan pangkat-pangkat Menteri Empat, Menteri Lapan dan Menteri Enam Belas kepada para pembesar yang diketuai oleh Tun Dermadewa dan Tun Perkasa. Para pengikut yang bersama dengan Maharaja Derba Raja juga dilantik menjadi Menteri Pertama.

Lokasi peninggalan kota ini terletak di antara sempadan daerah Sik dan Padang Terap. Kuala Sungai Sok yang dikatakan lokasi sebenar kota purba ini dikenal pasti oleh penulis menerusi bantuan penduduk-penduduk tempatan di sekitar berkeraaan. Di kuala sungai ini bertemu dua buah sungai iaitu Sungai Sok dan Sungai Nami dan kemudian menjadikannya sebagai sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Sok. Sungai Sok ini merupakan garis sempadan antara daerah Sik dan Padang Terap. Pohon-pohon buluh yang tumbuh di atas benteng-benteng tanah yang dijadikan tembok kota masih boleh dilihat sehingga kini kesan-kesan tinggalan kota purba.

Kota Bandar

Kota ini mula didirikan oleh Maharaja Diraja Putra, Raja Kedah yang kedua, putera kepada Maharaja Derba Raja I. Kota ini dibina pada abad ke-7 Masihi. Ia terletak di Mukim Siong dalam daerah Baling. Kini di kawasan kota ini wujud sebuah perkampungan yang dinamakan Kampung Kota. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa kesan tembok atau benteng tanah sudah musnah kerana kawasan tersebut telah dijadikan kawasan penanaman kelapa sawit. Kota bandar ini didiami oleh keluarga diraja Kedah dan para pembesar Kedah yang lain. Pada masa yang sama, sebuah kota lagi telah dibina oleh Maharaja Diraja Putra iaitu Kota Sidim yang terletak di Mukim Sidim dalam daerah Kulim.

Di hujung kota ini terdapat sebuah pangkalan yang sering digunakan oleh raja dan pembesar silam sebagai kawasan tambatan perahu-perahu yang menggunakan Sungai Ketil sebagai laluan pengangkutan. Maharaja Diraja Putra dikatakan saling berulang-alik antara Kota Bandar dan Kota Sidim melalui Sungai Sidim.

Dua orang raja dikatakan telah memerintah di kota ini. Maharaja Maha Dewa I yang menggantikan ayahandanya Maharaja Diraja Putra I telah bersemayam di kota ini hanya untuk beberapa waktu sahaja. Baginda kemudiannya telah berpindah ke Kota Sidim dan bersemayam di sana. Kota Bandar ini telah diserahkan kepada adinda baginda iaitu Maha Sura.

Pada masa pemerintahan Maharaja Maha Dewa I, Sungai Qilah dinamakan sebagai Sungai Babur. Sungai Babur ini diberi nama sempena babur yang digunakan oleh Maharaja Derbar Raja berlabuh di kuala sungai tersebut. Pada masa tersebut di sepanjang lembah Sungai Babur ini telah didiami oleh orang-orang Melayu. Maharaja Maha Dewa kemudiannya membina sebuah kota lagi di Mukim Sok dalam daerah Sik dan dinamakan Kota Aur. Kota Aur atau Kota Ok ini diberi nama sempena pohon-pohon buluh yang ditanam di atas benteng kota.

Kota Aur (Kota Ok)

Kota Aur ini terletak di Mukim Sok, Sik dan bersebelahan dengan jalan menuju ke Pedu Lake Resort. Kota ini terletak di Kampung Kota Aur. Kota ini didirikan oleh Maharaja Maha Dewa I. Maharaja Karna Diraja sempat bersemayam di kota ini buat seketika sebelum berpindah ke Kota Arong-Aongan. Berdasarkan tinjauan yang dibuat kesan tinggalan kota ini masih jelas kelihatan tumbuh berbaris di atas benteng tanah dan bukit mengelilingi beberapa lokasi di Kampung Kota Aur.

Menurut penduduk tempatan, sebahagian kota yang sebenar telah musnah kerana didirikan sebuah penempatan kem askar yang dinamakan Kem Gubir. Kira-kira sekitar tahun 1970-an, penduduk tempatan telah menemui sebilah pedang yang dijumpai di dalam kawasan MADA yang terletak tidak jauh daripada Kem Gubir. Pedang itu kemudiannya dikatakan telah diserahkan kepada pihak istana. Pedang tersebut dipercayai berusia lebih daripada 900 tahun dan mempunyai kaitan yang rapat dengan Kota Aur.

Kota Arong-Aongan

Kota ini belum diketahui di mana lokasi sebenarnya secara sah. Walau bagaimanapun menurut Al - Tarikh, kota ini didirikan di hilir Kota Aur dan dilengkapi dengan balai penghadapan dan istana tempat raja bersemayam. Seramai dua orang raja Kedah telah bersemayam dan memerintah kota ini. Kota ini terletak jauh daripada sungai dan pada zaman pemerintahan Maharaja Kerma sebuah terusan atau sungai telah digali iaitu bermula dari Batang Pasir hingga menuju ke laut. Sungai ini dinamakan Sungai Kuala Muda. Pada masa sungai ini siap dikorek, air sungai ulu yang sebelum ini turun menuju ke laut. Sungai ini dinamakan Sungai Babur setelah ditambak dan dijajar. Air sungai dari ulu kemudiannya dialihkan ke Sungai Kuala Muda yang baru siap dikorek itu.

Kota Raja Bersiuang

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Abdul Halim (1990), kota ini masih mempunyai tinggalan benteng dan parit kota yang telah dibina kira-kira sezaman dengan kota-kota purba yang lain. Dalam lawatan yang dilakukan pada tahun 1986 mendapat kawasan tapak bekas kota tersebut telah ditanam dengan pokok getah. Menurutnya, beberapa kepingan kulit sifit bertaburan secara berselerak di kawasan kota. Ini menunjukkan bahawa pada suatu ketika dahulu kota ini pernah menjadi pusat pengeluaran sifit terbesar ketika itu.

Kini, kawasan tinggalan kota ini telah musnah akibat pembinaan sebuah pusat pembersihan air Kulim Hi-Tech Park. Tidak jauh daripada kota ini, wujud satu kubur yang berusia ratusan tahun dan dipercayai mempunyai perkaitan dengan kota berkenaan. Makam atau kubur ini terletak di Kampung Seberang Tok Soh. Menurut penduduk kampung, makam tersebut adalah makam seorang mualigh Islam yang berketurunan Arab. Pada zaman darurat kota ini pernah dijadikan tempat latihan menembak kerana bentuk kota ini umpama sebuah lapang sasaran.

Kota-Kota yang Wujud Selepas Kedatangan Islam

Kota Bukit Meriam

Kota Bukit Meriam ini dibuka oleh Seri Paduka Maharaja Kerma bersama para pembesar negeri Kedah sebagai sebuah kawasan penempatan. Menurut Al - Tarikh, pada masa itu, Kota Bukit Meriam dan Kota Arong-Arongan merupakan sebuah bandar yang sibuk dan masyhur sehingga ramai pedagang-pedagang luar seperti Siam, Ligor, Chai, Burma dan Pegu datang berdagang dan membuat kampung halaman di sini.

Sebuah kota yang lengkap dengan balai penghadapan dan istana tempat raja bersemayam mula didirikan di Kota Bukit Meriam ini pada zaman pemerintahan Maharaja Derma Raja, cucunda kepada Maharaja Kerma. Tidak jauh daripada Kota Bukit Meriam ini, tersergam dua buah bukit kecil yang mempunyai perkaitan sejarah yang rapat dengan kota tersebut. Bukit yang dimaksudkan ialah Bukit Puteri dan Bukit Penjara. Bukit Puteri yang terletak tidak jauh daripada Pulau Sayak telah dijadikan sebagai sebuah kebun dan taman permainan puteri-puteri Maharaja Maha Dewa. Sebuah istana turut didirikan sebagai tempat kediaman puteri Maharaja Kerma yang bernama Maha Puteri. Manakala Bukit Penjara yang terletak berhampiran Pantai Merdeka dan Kuala Sungai Merbok ini dijadikan sebagai kawasan tahanan para pesalah ketika itu. Kota ini mula diduduki oleh Maharaja Derma Raja setelah baginda berangkat meninggalkan Kota Arong-Arongan. Kota Arong-Arongan ini kemudiannya ditadbir oleh kepada adinda baginda bernama Maha Putera.

Pada masa pemerintahan Maharaja Derma Raja yang bersemayam di Kota Bukit Meriam, ini berlaku perperangan antara Kedah dan Tenangsari di Padang Jangam dengan kekalahan Tenangsari. Bagi membala jasa baik Raja Ligor yang datang membantu Kedah semasa berperang dengan Tenangsari, raja Kedah pada masa itu membawa bunga emas dan bunga perak ke Ligor. Di sinilah bermulanya tradisi penghantaran bunga emas ke negara Siam.

Pada masa pemerintahan Maharaja Derda Raja II, Kedah didatangi oleh seorang mualigh Islam bernama Tuan Syeikh Ahmad Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Jaafar al-Quamari dari Yaman. Kedatangan beliau yang membawa syiar Islam membuka lembaran baru bagi kerajaan negeri Kedah apabila Maharaja Derda Raja dan sekalian pembesar serta rakyat jelata menganut agama Islam ketika itu. Maka bermulalah zaman Kesultanan Melayu Kedah apabila baginda dimasyhurkan sebagai sultan dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah I dan negeri Kedah dikenali sebagai Kedah Darul Aman. Pada zaman pemerintahan baginda juga sebuah kota pertahanan di bahagian utara telah dibina di Mukim Wang Tepus dalam daerah Kubang Pasu. Kota ini dinamakan Kota Palas. Kota Palas ini diserahkan urusan

pentadbirannya kepada anakanda baginda yang bernama Tunku Muazaam. Manakala Tunku Mahmud yang bergelar Raja Muda diserahkan Kota Hulu di Mukim Padang Terap untuk diperintah.

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Kedah yang ketiga (1201-1236), duit emas pertama negeri Kedah diperkenalkan. Nama baginda tercatat pada duit itu dengan perkataan 'Muhammad Shah' dan 'Al-Sultan Al-Adil'. Seramai empat orang Sultan Kedah telah memerintah dan bersemayam di kota ini.

Tujuan awal kota ini dibina adalah untuk mempertahankan kerajaan Kedah daripada serangan musuh yang datang dari sebelah utara sama ada serangan dari kerajaan Ligor, Siam dan Tenangsari. Kota ini diperlengkapkan dengan balairung - balairung, balai istiadat dan balai penghadapan. Di sekeling kota digali parit dan ditanam dengan pokok-pokok buluh. Pada zaman pemerintahan Sultan Ata'Allah Muhammad Shah, sebuah sungai telah dikorek dari Sungai Jerlun ke Kubang Ganjus. Sungai yang dikorek itu menghubungi terus ke Sungai Kedah di sebelah kualanya. Tujuan sungai ini dikorek adalah untuk tujuan pengairan bagi membantu rakyat Kedah membuat sawah.

Pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah, sistem sukat menyukat dan matawang yang dipanggil pitis diperkenalkan. Alat-alat sukat tersebut dinamakan kepul, kal, cupak dan gantang. Duit pitis yang digunakan di Kedah dipanggil juga sebagai 'tera', atau 'trayang' iaitu dalam bahasa Thai yang maksudnya sama dengan rial. Pitis ini diperbuat daripada timah berbentuk bulat dan berlubang di tengah.

Kota Naga

Kota Naga yang terletak di Kampung Naga, Kubang Pasu telah dibina oleh Sultan Muzaffar Shah II (1547 - 1602). Kota ini pada asalnya adalah sebuah benteng pertahanan sebelum menjadi kota kediaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1619-1652). Kota ini pernah menjadi pusat latihan bagi askar-askar Melayu Kedah. Kedah pada masa itu merupakan pengeluar utama timah di Tanah Melayu. Selain daripada mengeksport timah, Kedah juga mengeksport gajah dan Kota Naga merupakan pusat penangkapan dan menjinak gajah.

Semasa bersemayam di sini (1650), Sultan Rijaluddin memerintahkan pembesarnya (Paduka Raja) menyempurnakan penulisan "Hukum Kanun Kedah". Hukum Kanun ini mencatatkan hal undang-undang yang berkaitan dengan pelabuhan, tata cara mengendalikan pelabuhan, perdagangan dan pesara (pekan dan bandar). Setelah memerintah selama 33 tahun, Sultan Rijaluddin iaitu yang mula-mula bersemayam mangkat dan dimakamkan di dalam kota ini. Almarhum digelar "Marhum Kota Naga". Selepas putera baginda, Sultan Muhyiddin Mansur Shah mangkat, Kota Naga ditinggalkan. Kini tembok kota daripada tanah yang ditambah itu sedikit demi sedikit telah diruntuhkan dan diratakan oleh projek kuari tanah. Kini yang tinggal hanyalah sebuah kampung yang bernama Kampung Kota Naga.

Di dalam kota ini juga terdapat beberapa buah rumah, sebuah kolam mandi dan beberapa buah makam bersejarah termasuk Makam Panglima Lidah Hitam. Kota ini bersambung

dengan sebuah kota lagi yang dikenali sebagai Kota Rentang. Di samping pembinaan Kota Naga, sebuah terusan juga dibina dari sungai besar (Sungai Kedah) di Alur Ganu melalui Kota Naga terus ke Bukit Tinggi. Tujuannya adalah untuk pengairan sawah yang baru dibuka di sekitar Kota Naga. Pada masa pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah yang bersemayam di Kota Naga, sebuah lagi projek mengorek terusan telah dilakukan bermula dari Kuala Sungai Gajus hingga sampai ke Sungai Gunung di Kota Setar. Terusan ini dinamakan Sungai Baru.

Menurut penduduk tempatan, makam Sultan Rijaluddin sebagai "Marhum Kota Naga I" telah dipindah ke makam diraja Kedah di Langgar, apabila kawasan pemakaman diraja Kedah mula diwujudkan pada awal abad ke-18.

Kota Indera Kayangan

Kota Indera Kayangan adalah salah sebuah kota kerajaan negeri Kedah yang dibina oleh Sultan Al Mukaram Shah (1661 - 1678). Kota ini terletak di tebing Sungai Perlis kira-kira 5 km dari muara Sungai Perlis. Kawasan kotanya meliputi Kampung Wai di tebing utara Sungai Perlis hingga ke Kampung Titi Tok Bandar. Luas kawasan kota ini adalah dianggarkan 6 ke 8 km persegi. Dengan bersepadankan bukit iaitu Bukit Lambong Panah, Bukit Nasi Sebungkus Kecil, Bukit Jagat Hitam, Bukit Wai, Bukit Kayang dan Bukit Menara. Bukit-bukit ini amat penting kerana ia merupakan penampang atau benteng semula jadi yang boleh menghalang musuh membolosi ke dalam kawasan kota tersebut.

Kota ini melingkungi di bahagian utaranya bersepadankan Sungai Perlis, bukit-bukit dan sebahagian besarnya dibina tembok tanah setinggi 6 kaki hingga ke 7 kaki. Di atas tembok tersebut ditanam dengan buluh-buluh berduri bagi menyukarkan serangan musuh ke atas kota tersebut. Di kaki tembok bahagian luar pula digali parit sedalam 5 kaki hingga 6 kaki, dan lebarnya lebih kurang 7 hingga 8 kaki.

Mengikut sumber yang ada, di atas Bukit Menara terdapat beberapa buah meriam besar yang dipasang menghala ke Kuala Perlis dan di atas bukit ini juga dibina pondok-pondok kawalan kerana dari atas bukit ini jelas kelihatan Laut Selat Melaka. Dua buah pintu utama kota didirikan bagi membolehkan rakyat keluar masuk. Pintu kota utama terletak di antara Bukit Menara dan Bukit Jagat Hitam iaitu menghala ke arah Sungai Perlis. Manakala sebuah pintu lagi dibina arah selatan. Selain daripada kompleks makam Al-Marhum Kayang, satu lagi kesan sejarah ialah perigi diraja yang terletak berhampiran dengan Bukit Kayang.

Menurut catatan sejarah, pada zaman pemerintahan Sultan Dhuiauddin, baginda telah mengarahkan pembinaan tali air mengairi kawasan Kayang sampai ke sungai besar di Kampung Cik Madi. Tapak istana kota ini dipercayai terletak di persekitaran Bukit Nasi Sebungkus, Bukit Batu Putih Buaya, Bukit Tok Poh dan Bukit Papan. Antara artifak-artifak sejarah yang dijumpai ialah penemuan pecahan-pecahan seramik tembikar, longgongan besi, sebuah perahu yang diperbuat daripada sebatang kayu yang ditebus sepanjang lebih kurang 15 kaki di tebing ulu Sungai Perlis kira-kira 1 kilometer dari kota ini.

Kesimpulan

Hasil tinjauan yang dilakukan ke atas kesan-kesan tinggalan kota-kota yang dibincangkan menunjukkan bahawa hampir kesemua kota-kota purba yang dibina sebelum kedatangan Islam ke Kedah terletak agak jauh ke pedalaman dan tidak berhampiran dengan laut atau sungai yang besar. Perkara ini menimbulkan tanda tanya di kalangan pengkaji sejarah tempatan. Mereka menyatakan bahawa pemilihan lokasi kota-kota purba yang terletak di ulu sungai negeri Kedah menunjukkan pemerintah Kedah pada masa itu ingin menjauhkan diri daripada pusat-pusat pemujaan dan kegiatan pengaruh Hindu-Buddha yang banyak terdapat di kawasan Lembah Buang.

Hampir kesemua kota-kota yang dibina ini dikelilingi kawasan yang berbukit bukau dan berhutan tebal. Kota ini juga terletak di kawasan pedalaman yang jauh daripada laut. Keadaan ini membuktikan bahawa pemilihan lokasi kota purba ini yang terletak terlalu jauh daripada kawasan hilir Kedah atau berhampiran dengan laut dipercayai berkait rapat dengan pembentukan sebuah kerajaan baru. Sehubungan itu, Kedah memerlukan lokasi yang strategik agar kedaulatan kerajaan Kedah dapat mempertahankan daripada serangan Siam dan Srivijaya yang merupakan sebuah kerajaan yang kuat.

Pemilihan lokasi yang terletak di ulu Sungai Kedah membolehkan pemerintah Kedah ketika itu memerintah dengan aman tanpa serangan atau gangguan daripada Siam kerana kawasannya yang berbukit bukau dan diliputi hutan tebal. Namun setelah peristiwa penghantaran bunga emas berlaku pada pemerintahan Maharaja Derma Raja menyaksikan kota-kota pusat pentadbiran negeri Kedah semakin berpindah menuju ke hilir Sungai Kedah. Kota Arong-Arong merupakan kota purba pertama dibina berhampiran dengan lembah Sungai Muda dan Kota Bukit Meriam merupakan kota purba pertama dibina berhampiran dengan kuala Sungai Merbok dan laut.

Kota sebagai salah satu warisan bangsa Melayu memainkan peranan penting dalam menegakkan dan menstabilkan kedudukan sesebuah pemerintahan tradisional Melayu. Kota-kota Melayu yang bersejarah ini harus dipelihara, dipulihkan dan dijaga agar generasi masa kini dan masa hadapan dapat memahami betapa bangsa Melayu begitu gigih mempertahankan maruahnya daripada dinodai dan dicemari oleh kuasa asing. Tidak dapat dinafikan bahawa pembinaan kota merupakan sebagai satu teknologi seni bina orang Melayu zaman dahulu. Seni bina kota merupakan salah satu cabang seni bina masyarakat Melayu tradisional dan ia berhubung dengan seni bina lain seperti rumah Melayu, istana Raja-Raja Melayu dan sebagainya.

Namun kini, warisan peninggalan ini terbiar dan tersisih di sisi masyarakat tanpa mendapat perhatian yang sewajarnya. Kota-kota ini hanya menjadi bahan tinggalan yang terpahat di dalam karya-karya sejarah sahaja. Tidak ramai di kalangan para sarjana yang berminat melakukan kajian yang mendalam tentang seni bina kota. Kalau adupun di kalangan penyelidik yang berminat mungkin mendapati ia agak sukar dijalankan tanpa bantuan sumber kewangan. Oleh yang demikian, antara langkah boleh diambil ialah dengan mendirikan papan tanda di kawasan yang dikenal pasti oleh pakar sejarah sebagai bekas tapak kota. Di papan tanda berkenaan ada dinyatakan tentang sejarah kota dan peristiwa

yang berkaitan dengannya. Melalui kaedah ini generasi akan datang akan dapat mengetahui bahawa kawasan tersebut pernah menjadi pusat pentadbiran pemerintah Melayu.

Pihak-pihak yang berkenaan wajar mengambil langkah tertentu bagi mengekalkan warisan tradisi Melayu ini untuk tatapan generasi akan datang. Kota juga boleh dimajukan sebagai salah satu pusat tumpuan pelancong jika ada pihak tertentu yang diberikan tanggungjawab khusus mengendalikan urusan berkaitan dengannya. Penubuhan sebuah pusat atau institut dirasakan amat bertepatan sekali dan ia mungkin boleh diletakkan di bawah Jabatan Muzium dan Antikuiti ataupun secara berasingan. Peruntukan kewangan kepada para pengkaji yang berminat harus disediakan agar tumpuan kajian tidak hanya diberikan kepada sebuah kota sahaja misalnya Kota Kuala Kedah. Selain Kota Kuala Kedah, Lembah Bujang juga sangat terkenal di kalangan masyarakat dan para pengkaji sejarah, pada hakikatnya tidak ramai yang mengetahui kewujudan kota-kota bersejarah yang lain di negeri Kedah.

Bibliografi

- Abdul Halim Nasir (1990). *Kota-Kota Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Ghafar A. Latip (1993, Februari). *Dewan Budaya*.
- Buyong Adil (1980). *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin (2000). *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibrahim Ismail (1987). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Jitra: Penerbitan UUM.
- Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman (1996). Lampiran kertas rumusan anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 29-30 September.
- Mohd Radzi Puteh. *Sejarah Koleksi Kedah*. Arkib Negara Malaysia: Cawangan Kedah Perlis.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teh Kok Boon. *Kertas kerja Sejarah Kota Kuala Muda*. Arkib Negara Malaysia: Cawangan Kedah Perlis.
- Wan Yahya Wan Muhammad Taib (1927). *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, (Edisi Kedua). Pulau Pinang: British Malaya Limited Press.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof (1990). Pusat - pusat Pentadbiran Kedah Darul Aman Dari Bukit Meriam ke Kota Setar dalam *Alor Setar 250 Tahun 1735-1985*. Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.


Wan Shamsudin Mohd. Yusof (1999). Salasilah Kesultanan Kedah Darul Aman-Satu Analisa dan Perbandingan dalam Mazizah Haji Md. Darus dan Zahidi Dato' Zainol Rashid (peny). *Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga*. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman.

Jabatan Muzium (1991). Laporan Kajian Awal Tapak Sejarah Kota Indera Kayangan, 28 Januari.

SALASILAH DULI-DULI YANG MAHA MULIA SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN (1136 HINGGA SEKARANG)

1. Sultan Al - Muzaffar Shah I (1136 - 1179)
 2. Sultan Mu'adzam Shah (1179 - 1201)
 3. Sultan Muhammad Shah (1201 - 1280)
 4. Sultan Muzzil Shah (1236 - 1280)
 5. Sultan Mahmud Shah I (1280 - 1321)
 6. Sultan Ibrahim Shah (1321 - 1373)
 7. Sultan Sulaiman Shah I (1373 - 1422)
 8. Sultan Ataullah Muhammad Shah I (1422 - 1472)
 9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Shah I (1472 - 1506)
 10. Sultan Mahmud Shah II (1506 - 1546)
 11. Sultan Mudzaffar Shah II (1546 - 1602)
 12. Sultan Sulaiman Shah II (1602 - 1626)
 13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626 - 1651)
 14. Sultan Muhyiddin Mansor Shah (1651 - 1661)
 15. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I (1661 - 1687)
 16. Sultan Ataullah Muhammad Shah II (1687 - 1698)
 17. Sultan Abdullah Al - Mu'adzam Shah I (1698 - 1706)
 18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1706 - 1709)
 19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Mu'adzam Shah II (1710 - 1778)
 20. Sultan Abdul Mukarram Shah II (1778 - 1787)
 - ** Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1797 - 1804)
 21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1843)
 22. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah (1843 - 1854)
 23. Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882 - 1943)
 24. Sultan Badlishah (1943 - 1958)
 25. Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah (1958)
- **Pemangku Sultan

Sumber: Wan Shamsudin Moh Yusof, "Pusat-pusat pentadbiran Kedah Darul Aman Dari Bukit Meriam ke Kota Setar" dalam Alor Setar 250 Tahun 1735 - 1985. Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, blm 11.



KEPIMPINAN POLITIK MELAYU KEDAH DAN PEMBANGUNAN NASIONAL

Ahmad Fawzi Mohd Basri

Pengenalan

Bila menyebut pembangunan nasional, khalayak mempunyai persepsi yang berbeza. Ahli ekonomi melihat pembangunan nasional lebih kepada aplikasi teknologi dalam mengawal sumber asli bagi membawa peningkatan yang ketara dalam per kapita KNK (GNP). Ahli sosiologi dan antropologi sosial pula memberi tumpuan kepada ciri-ciri yang membezakan masyarakat moden dengan masyarakat tradisi. Manakala ahli sains politik pula berminat bukan sahaja dalam soal siapa yang melaksanakan kuasa tetapi bagaimana kerajaan meningkatkan upaya mencipta perubahan, respon terhadap permintaan untuk perubahan dan mengedalikan konflik sosial dan memberi tumpuan kepada masalah pembinaan negara-bangsa (*nation building*).

Pembangunan nasional ditakrifkan sebagai proses memperoleh suatu pertumbuhan sistem yang mapan dan berupaya menangani perubahan baru dan berterusan terhadap pencapaian objektif politik, ekonomi dan sosial yang progresif. Pembangunan nasional dilihat sebagai satu proses dan matlamat, dalam konteks ini modenisasi dan pembangunan nasional adalah digunakan sebagai istilah yang silih berganti. Kajian oleh Woo-Sung Koh dijadikan model bagi melihat keadaan di Malaysia dengan pemimpin politik Melayu Kedah sebagai kesnya.

Kepemimpinan politik adalah tumpuan pengarahan semua tindakan dan keputusan berhubung dengan pembangunan nasional. Beberapa sifat masyarakat moden cuba dicapai meliputi konsep dinamisme, perubahan, industrialisasi, kemerdekaan, kuasa, dan perpaduan dalam.

Pemimpin politik yang menjadi angkubah bebas adalah Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua atau Presiden UMNO, Menteri Besar dan juga Pengurus Perhubungan Negeri. Manakala *task elite* yang menjadi angkubah *intervening* (berselang-seli) adalah terdiri dari Menteri yang selalunya menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (exco) yang juga kebanyakannya adalah ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri serta juga menjadi Ketua Bahagian UMNO. Pembangunan nasional adalah merupakan angkubah *dependent*.

Latar Belakang

Dalam konteks politik Melayu moden, Kedah adalah disebut negeri Melayu utara yang memiliki ciri-ciri tradisional sebagai asas masyarakatnya. Namun demikian kehadiran institusi institusi pondok yang berada di Kedah menjadi satu faktor perubahan kehadiran institusi pondok seiring dengan peranan elit agama yang masih berkarumbi dalam masyarakat Melayu hari ini. Bagaimanapun pada umumnya sejarah politik Kedah sering dimulakan dengan fakta bahawa semasa pendudukan Jepun telah lahir SABERKAS- Sarikat Bekerjasama Am Saiburi yang dibarisi oleh anak muda Melayu Kedah-Mohamad Khir Awang Jaafar, Senu Abdul Rahman, Mohamad Khir Johari, Mohamad Jamil , Ahmad Nordin, Khalid Abdullah dan Wan Din serta beberapa orang lagi. SABERKAS ditubuhkan dalam bulan Julai 1945.

Semangat nasionalisme Melayu yang wujud pada tahun 1945 telah mempercepatkan penubuhan sebuah pertubuhan politik yang diharap dapat mendokong perjuangan Melayu menentang Malayan Union. Maka, pada akhir tahun 1945 lahir Kesatuan Melayu Kedah yang dipimpin oleh elit agama iaitu Haji Hussain Che Dol. Kesatuan Melayu Kedah bertanggungjawab menganjurkan rapat umum di Alor Setar bagi membantah Malayan Union.

Melalui rapat raksasa 19 Januari 1946 yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman anjuran Kesatuan Melayu Kedah dengan kerjasama SABERKAS, muncul elit politik Melayu Kedah seperti Mahathir Mohamed, Muhamad Zahir Ismail, Syed Ahmad Shahbuddin dan Khalid Awang Osman. Tokoh-tokoh ini akhirnya mencipta nama dalam kepemimpinan politik Melayu Kedah dan juga di peringkat kebangsaan.

Mahathir Mohamed dan Zahir Ismail juga melahirkan Persatuan Pemuda Melayu Kedah dalam bulan Mei 1946. Manakala Arshad Omar dan Syed Ahmad Shahbuddin menubuhkan Anjuran Kesatuan Pemuda Kedah yang turut dianggotai bekas anggota API (Angkatan Pemuda Insaf).

Walaupun KMK telah wujud, tetapi pada 1 Januari 1946, elit agama menubuhkan Persatuan Ulama Kedah yang diketuai oleh Haji Hussain Che Dol (YDP), Haji Abdul Rahman Merbok (YDP), Haji Abdullah Abbas Nasution (Setiausaha), Haji Yahya Junid (Penolong Setiausaha), dan Haji Abdullah sebagai Bendahari.

Dalam persidangan agung UMNO pada 25-26 Ogos 1951 putera raja Kedah, Tunku Abdul Rahman Putera terpilih sebagai Yang Dipertua Agung UMNO. Tunku memperoleh undi sebanyak 51 mengalahkan C.M.Yusuf (11 undi) dan Haji Ahmad Fuad yang mendapat 7 undi.

Perpecahan dalam UMNO berlaku bila Dato Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya pada 16 September 1951. Berikutnya dari konflik politik itu beberapa tokoh politik Kedah seperti Haji Mohd.Rejab Darus, Haji Laidin, Puteh Npa dan Haji Salim Haji Rejab beralih ke Parti Negara.

Elit politik Kedah kian berpecah apabila PAS ditubuhkan pada 23 Ogos 1953. Dalam bulan November 1951 ranting PAS yang pertama di Kedah ditubuhkan di Bukit Besar. Perpecahan politik Melayu Kedah itu tidak melenyapkan UMNO. Sebaliknya dalam tahun 1951 terdapat 9 bahagian UMNO yang mengandungi 13,968 ahli dan 58 cawangan.

Elit politik UMNO amat berpengaruh dalam politik nasional. Ketika di zaman Tunku, elit politik Kedah menguasai jawatan penting dalam UMNO. Tunku selaku Yang Dipertua UMNO, Khir Johari menjadi Naib Yang Dipertua merangkap Setiausaha Agung UMNO, Senu Abdul Rahman selaku Ketua Pemuda dan Hanafiah Hussein selaku Bendahari Agung UMNO. Manakala dalam majlis tertinggi UMNO Kedah diwakili oleh Dr. Mahathir yang mengetuai Jawatankuasa Pelajaran dan Bibi Aishah Hamid Don.

Sebelum tahun 1968, UMNO Kedah diketuai Syed Omar Shahabuddin Menteri Besar Kedah, Mohd.Zahir Ismail (Timbalan Ketua), Dr. Mahathir selaku Ketua Pemuda Negeri, Rogayah Haji Mahamud (Ketua Kaum Ibu), Syed Ahmad Shahabuddin selaku Setiausaha UMNO Negeri manakala Mohd. Hanipah S. Alaudin menjadi Bendahari.

Perubahan

Apabila Tun Razak mengetuai UMNO beliau mengingatkan perwakilan UMNO.

Perlembagaan parti kita telahpun dipinda untuk melincinkan lagi perjalanan parti. Selaras dengan itu perubahan-peubahannya ini, parti kita yang menyedari akan hakikat bahawa pada satu masa kelak, pemimpin yang ada pada hari ini akan mengundur diri dari puncak pimpinan parti, telah meluas lagi pintu keahlian UMNO kepada golongan muda dan kalangan terpelajar serta ahli-ahli profesional Bumiputera. Bagaimanapun, saya perlu menegaskan golongan ini mestilah sanggup menempuh ujian dan proses politik yang dengan sendirinya akan menyediakan golongan muda ini pada suatu masa kelak memegang pucuk pimpinan parti. Oleh kerana masa depan yang akan dihadapi oleh parti kita akan menjadi lebih rumit dan kompleks, maka adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin hari ini untuk menunjuk ajar kepada pewaris-pewaris mereka di seluruh peringkat.

Kita berasal dari rakyat dan berjuang untuk rakyat. Oleh yang demikian, sangatlah penting bagi semua golongan muda ini memahami tentang tugas-tugas yang berat yang akan mereka warisi ini.

Pemimpin Politik Nilai dan Orientasi Pembangunan

Sikap dan nilai adalah dua piawaian dalam setiap individu yang memberi arahan dan peringatan terhadap pemikiran dan tingkah laku, sikap dan nilai inilah yang menentukan bentuk tindakan politik pemimpin.

Terdapat tiga sikap asas terhadap perubahan iaitu positif negatif dan ambivalent. Perbezaan

sikap ini mempengaruhi dan mengubah (modify) kecenderungan yang timbul dan perbezaan perspektif masa lalu, masa kini dan masa depan. Satu kombinasi perspektif masa dan sikap terhadap perubahan melahirkan satu garis panduan terhadap tindakan. Para sarjana menamakannya sebagai orientasi masa yang terbahagi kepada tiga jenis iaitu escapist, exploitationist dan developmentalist.

Escapist mempunyai sikap negatif terhadap perubahan, mereka tidak mempercayai masa dan masa depan. Dalam satu proses perubahan yang berterusan, masa menjadi beban dan tekanan, masa lalu tiada perlu difikirkan dalam mencapai masa depan yang tidak difikirkan. Dan satu perspektif masa lalu, hasilnya adalah escapism. Ada kecondongan bila terlalu berorientasi masa lalu terhadap perubahan. Exploitationist mempunyai sikap ambivalent terhadap perubahan antara positif dan negatif. Di bawah tekanan dan ketegangan perubahan, perspektif masa mereka tidak memandang ke belakang dan tidak juga memandang ke depan dalam bentuk yang lebih bermakna. Sikap tidak menentu ini adalah disebabkan kelemahan jati diri dan juga kerana kedangkan tujuan yang jelas dan konsisten terhadap masa depan. Dari perspektif masa kini, mereka cuba memaksimumkan pulangan jangka pendek melalui manipulasi keadaaan yang ada. Developmentalist pula mempunyai sikap positif terhadap perubahan. Mereka mempercayai masa dan masa depan. Bagi mereka masa adalah terbuka sebagai peluang yang baik bagi meningkatkan pengetahuan dan mengabai masa depan yang tidak diketahui. Dari perspektif masa depan, ia dihubungkan dengan pembangunan, kerana pembangunan memerlukan satu konsep masa dalam kerangka jangka panjang, menegak atau *spiral*. Kepercayaan kumpulan ini adalah instrumen membantu yang wujud untuk manusia dalam perjuangan bagi masa depan yang baik.

Orientasi Pencapaian

Orientasi pencapaian wujud dalam bahagian komitmen seseorang terhadap pertumbuhan, khususnya pertumbuhan ekonomi. Bila orientasi pencapaian diarahkan terhadap tujuan ekonomi, ianya akan membawa pembangunan ekonomi yang pesat terhadap masyarakat.

Tunku Abdul Rahman mengetuai UMNO dan Kerajaan sebelum dan selepas merdeka. Kejayaan dalam persekitaran politik yang belum stabil memerlukan karisma dan kepakaran dalam *political intrigue* lebih dari bakat pentadbiran dan kepengurusan. Kepemimpinan Tunku diterima kerana ketika itu kepatuhan kepada kepemimpinan elit tradisional masih utuh. Manusia kelahiran istana masih disanjung oleh masyarakat. Bagaimanapun daya intelektual serta cara membuat keputusan Tunku lebih banyak dicetuskan oleh pengaruh kehidupan sosialnya selama ini. Tunku mempunyai gaya bahasa dan hidup yang *simple*, cara hidupnya ini menjadikan beliau anak raja yang berjiwa rakyat. Inilah bentuk karisma Tunku yang membentuk kesetiaan dan kepatuhan orang Melayu. Dengan pemikiran politik orang Melayu yang *simple* ketika itu kepemimpinan Tunku dianggap berkesan kerana orang Melayu yakin Tunku dapat menerajui proses kemerdekaan dan kemajuan orang Melayu. Menjelang akhir tahun 1960-an kepemimpinannya sudah mula disanggah oleh generasi muda, serta dianggap tidak mencapai harapan orang Melayu. Hak istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan masih belum jelas. Kehadiran golongan menengah Melayu masih terbatas. Dasar luar negeri zaman Tunku amat bergantung kepada Britain, manakala urusan

pembangunan negara menumpukan kepada projek pembangunan luar bandar dengan sistem ekonomi bergantung kepada sumber asli. Projek elektrik dan air untuk luar bandar menjadi agenda pembangunan zaman Tunku, namun begitu imej pembangunan lebih banyak disandarkan kepada Tun Razak yang ditabalkan sebagai 'Bapa Pembangunan'. Imej Tunku lebih terserlah sebagai 'Bapa Kemerdekaan'.

Berbeza dengan Dr. Mahathir dari golongan menengah Melayu yang berjaya memutuskan dinasti elit tradisional menjadi Perdana Menteri. Mahathir menjadi *reformer* dan berusaha memenuhi harapan (*expectation*) orang Melayu khususnya, dan mencorakkan pembangunan industri dan teknologi serta meletakkan nama Malaysia di peta dunia dari segi politik dan ekonomi. Walaupun dari segi profesion Dr. Mahathir adalah doktor perubatan, tetapi pendedahannya kepada dunia perniagaan, Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta impianinya menjadikan Malaysia negara baru industri.

Komitmen Mahathir kepada kemajuan negara amat jelas jika dibandingkan dengan Perdana Menteri sebelumnya. Mahathir menguasai dasar luar negara dan agenda pembangunan negara. Pencapaian demi pencapaian dirasai oleh rakyat. Malah kadang-kadang terasa kelajuan Dr. Mahathir sukar diikuti oleh task elite. Pencapaian negara dalam bidang ekonomi amat dirasai.

Begitu juga dengan pencapaian politiknya yang telah berjaya mencipta nama di arena antarabangsa. Kelantangannya dapat dilihat apabila mengkritik kuasa besar dalam meladani negara ketiga. Pencapaian terbesar ialah apabila Dr. Mahathir menjadi pemimpin baru negara ketiga.

Orientasi Perubahan

Secara tradisi masyarakat Melayu adalah dibawah pengaruh kuat Islam dan budaya yang mempertahankan status quo. Perubahan sosial biasanya berlaku secara *incremental*. Perubahan besar tidak banyak berlaku kepada orang Melayu sehingga Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Buku *Revolusi Mental* dan diikuti dengan *Malay Dilemma* yang diselenggara dan ditulis oleh anak Kedah telah cuba mengocak pemikiran orang Melayu untuk berubah.

Desakan untuk mengubah sikap bagi mencapai kemajuan menjadi agenda 1970-an. Ia adalah pengiring kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Orientasi Masa Depan

Tunku Abdul Rahman mempunyai orientasi masa depan yang amat terhad kerana apabila dilantik menjadi Perdana Menteri, beliau tidak menyatakan perancangan masa depan yang meyakinkan. Orang -orang Melayu merasakan Tunku lebih tunduk kepada tuntutan orang bukan Melayu manakala UMNO sendiri merasa tidak puas hati terhadap keputusan Tunku melepaskan Singapura dalam tahun 1966. Tekanan politik perkauman menyebabkan Tunku terpaksa menumpukan kepada urusan politik lebih dari pembangunan. Akhirnya berlaku peristiwa 13 Mei 1969 antara orang Melayu dengan bukan Melayu bagi menyatakan

rasa tidak percaya terhadap masa depan negara di bawah pimpinan Tunku.

Kepemimpinan Politik dan Pola Pembangunan Nasional

Tunku lebih banyak menumpukan pada usaha menstabilkan politik dan pembangunan negara. Tunku mudah bersikap tolak ansur atau kompromi politik, sehingga sekumpulan elit politik yang digelar ultra menganggap tindakan politik Tunku sudah mengenepikan orang Melayu. Tunku digambarkan lebih memelihara kepentingan orang Cina. Apapun sikap Tunku digambarkan sebagai orang yang mengimpikan sebagai 'the happiest Prime Minister'. Tunku dianggap mengenepikan orang Melayu akibat sikapnya yang mengambil mudah serta membuat keputusan yang kurang mantap.

Ini berbeza dengan Dr. Mahathir yang digambarkan sebagai anti-barat melalui dasar 'buy British last' dan dasar 'Look East'. Kelantangan suara Mahathir mengecam Amerika Syarikat, PBB dan George Soros memperlihatkan nilai politik yang ada dalam diri Dr. Mahathir. Mahathir sendiri mengetua idea pembangunan negara sehingga di saat kegawatan negara, projek Mahathir dianggap projek mega yang mahal.

Sikap politik Mahathir telah merubah peranan ekonomi. Swasta dan penswastaan dijadikan enjin bagi pertumbuhan ekonomi, manakala sektor awam menjadi tenaga kedua penting dengan tugas khusus merancang prasarana. Sikap dan keyakinan politik inilah yang membolehkan Mahathir membawa kemajuan. Elit politik mula dilihat oleh elit birokrat sebagai tuan atau master - '*our political master*'. Bangunan Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar, pembinaan KLIA dan juga Putrajaya adalah lambang pencapaian Mahathir dan segi pembangunan negara.

Di Kedah, era Syed Nahar (1978-1986) dikira sebagai zaman pembangunan pesat ekonomi Kedah. Pembinaan jalan luar bandar diijatkan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi luar bandar yang menjadi tulang belakang pembangunan Kedah, ini termasuklah pembekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar.

Dalam bidang perindustrian, kepemimpinan Syed Nahar membawa masuk industri berat dan sederhana seperti kilang membuat tayar dan kilang marmar dalam tahun 1980. Kilang simen terbesar telah dibina di Langkawi dalam tahun 1981.

Syed Nahar bertuah kerana berada dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat yang menyaksikan pembangunan pesat seluruh negara. Dalam tahun 1981 KEDA ditubuhkan bagi pembangunan sosioekonomi wilayah luar MADA.

Lambang pembangunan pesat juga dapat dilihat melalui pembinaan bangunan 'pencakar langit' di Alor Setar - Bangunan Tunku (UMNO) dalam tahun 1983, Bangunan Sultan Abdul Halim (1983), Menara Peladang (1986) dan Wisma PKNK (1986).

Syed Ahmad Shahbuddin selaku Menteri Besar Kedah (1967-78) lebih menumpukan usahanya untuk mengekalkan identiti tradisi Kedah sebagai 'jelapang padi'. Simbolik

kejayaan Syed Ahmad dalam pembangunan negara ialah menerusi projek MADA iaitu rancangan pengairan Sungai Muda yang bernilai RM230 juta dan memanfaatkan 63,000 keluarga yang dirasmikan pada tahun 1972. Dari segi industri Syed Ahmad membawa pembangunan industri kecil di Tikam Batu, Mergong, Bakar Arang dan Kulim. Industri terbesar ialah pembinaan ladang tebu dan kilang gula di Padang Terap.

Syed Omar Shahabuddin selaku Menteri sejak tahun 1959 hingga 1967 memulakan projek pembangunan luar bandar seperti rancangan tanah pinggir dan menggalakkan pihak FELDA membangunkan tanah rancangan FELDA di Batu Lapan, Guar Napai dalam daerah Kubang Pasu, Bukit Tembaga dan Sungai Tiang. Dalam era Syed Omar, projek MADA dilancarkan mulai tahun 1966. Selain itu tumpuan lebih banyak di luar bandar menerusi projek pelajaran dewasa dan pembangunan kesihatan di luar bandar.

Osman Aroff menjadi Menteri Besar pertama mulai tahun 1985 dan bukan berketurunan Syed. Semasa kepemimpinannya dalam pilihanraya 1995, Barisan Nasional (BN) telah memenangi semua 15 kerusi Parlimen dan 34 daripada 36 kerusi DUN. Osman mengorak langkah mengubah landskap pembangunan Kedah. Dalam tahun 1992 Kedah berjaya menarik RM1.3 billion pelabur dalam sektor industri. Kedah mula dapat perhatian pelabur Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat, Singapura, United Kingdom, India, Korea, Jerman, Hong Kong dan Kanada. Usaha terbesar dalam industri ialah pembinaan taman industri yang dikenali sebagai Kulim Hi-Tech pembinaan kilang Perwaja Steel dan kilang motorsikal Modenas di Gurun.

Osman juga giat membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana di daerah-daerah luar bandar. Dalam industri pelancongan dan pembangunan Langkawi, kerajaan Kedah pimpinan Osman Arof terlibat dalam menukuhan LADA-Lembaga Pembangunan Langkawi dalam kerangka menjadikan Langkawi sebagai 'Caribbean Timur'. Kejayaan Osman lebih banyak bergantung kepada team exco dan jenis 'bekerja' dan kurang berpolitik.

Sanusi Junid menduduki kerusi MB yang panas melalui suatu proses penggantian yang kontroversi -22 ADUN UMNO menentang perlantikan Sanusi sebagai Menteri Besar. Idea mega Sanusi tentang pembangunan tidak berjalan lancar kerana masalah 'politiking' yang berterusan. Lebih malang lagi pemilihan calon UMNO dan suasana politik semasa telah menyebabkan UMNO kehilangan banyak kerusi Parlimen dan DUN. Sanusi tidak dapat melepaskan diri dan mengambil tanggungjawab terhadap keputusan pilihan raya. Beliau menjadi Menteri Besar yang terpendek dalam tempoh masa pemerintahannya. Projek mega Sanusi mula dipersoalkan sebaik sahaja dia kehilangan kerusi Menteri Besar.

Seorang pemerhati politik yang menggunakan nama 'Abu Ibrahim' mengulas bahawa corak pengundian di Kedah hampir menyamai Pulau Pinang sebelum tahun 1999 iaitu "parti pemerintah diberi kemenangan di kerusi DUN dan parti pembangkang diberi kemenangan kerusi Parlimen". PAS menguasai 8 daripada 15 kerusi Parlimen serta 12 daripada 36 DUN.

UMNO Kedah dilihat masih belum wujud permuafakatan tentang halatuju yang mengakibarkan tiada jelas kreativiti bagi tindakbalas kepada gerak saraf PAS;:

Keputusan Pilihan raya 1999

Parlimen

| BIL | PARLIMEN | |
|-----|------------------------------|-------------------|
| 1. | Langkawi (23,000) | Majoriti 6,547 |
| 2. | Jerlun (44,000) | -380* |
| 3. | Kubang Pasu (45,925) | 10,138 |
| 4. | Padang Terap (28,977) | -1,053* |
| 5. | Pokok Sena (68,125) | -3,637* |
| 6. | Alor Setar (63,678) | 14,589** |
| 7. | Kuala Kedah (61,114) | -991* |
| 8. | Pendang (53,338) | -2,939* |
| 9. | Yan (42,279) | -187* |
| 10. | Sik (33,070) | -487* |
| 11. | Merbok (63,665) | 15,376 |
| 12. | Sungai Petani (72,457) | 12,133 |
| 13. | Baling (53,886) | -1,394* |
| 14. | Padang Serai (64,294) | 9,372** |
| 15. | Kulim Bandar Baharu (47,093) | 8,067 |

Dewan Undangan Negeri

| | | |
|-----|---------------------------|----------------|
| 1. | Padang Mat Sirat (12,554) | Majoriti 1,994 |
| 2. | Kuah (10,527) | 3,280 |
| 3. | Ayer Hitam (22, 153) | -144* |
| 4. | Kota Siputeh (21,847) | 261 |
| 5. | Tunjang (22,883) | 4,627 |
| 6. | Jitra (23,042) | 4,234 |
| 7. | Kuala Nerang (15,109) | -821* |
| 8. | Pedu (13,868) | -446* |
| 9. | Bukit Lada (23,187) | -852* |
| 10. | Langgar (21,052) | 2,799 |
| 11. | Tanjong Seri (23,886) | 440 |
| 12. | Derga (20,480) | 5,456** |

(sambungan Jadual Keputusan Pilihan raya 1999 - Dewan Undangan Negeri)

| | | |
|-----|----------------------------|--------------|
| 13. | Kota Darul Aman (22,177) | 6,006 |
| 14. | Alor Merah (21,021) | 2,922 |
| 15. | Anak bukit (19,729) | -1840* |
| 16. | Kubang Rotan (19,723) | 1,985 |
| 17. | Pengakalan Kundur (22,418) | 675 |
| 18. | Bukit Raya (27,525) | -5,184* |
| 19. | Sungai Tiang (25,863) | 2,530 |
| 20. | Sala (23,014) | -2,621* |
| 21. | Guar Cempedak (19,265) | 2,275 |
| 22. | Belantek (15,686) | -492* |
| 23. | Jeneri (17,384) | -393* |
| 24. | Bukit Selambau (24,023) | -5,894*(MIC) |
| 25. | Gurun (19,529) | 5,233** |
| 26. | Tanjung Dawai (20,113) | 1,881 |
| 27. | Pantai Merdeka (22,949) | 504 |
| 28. | Bakar Arang (25,949) | 4,549** |
| 29. | Sidam (23,810) | 5,482** |
| 30. | Bayu (24,601) | 2,361 |
| 31. | Kupang (29,285) | -3,043* |
| 32. | Kuala Ketil (18,129) | 2,622 |
| 33. | Merbau Pulas (21,684) | 4,031 |
| 34. | Lunas (24,481) | 4,700** |
| 35. | Kulim (25,276) | 5,868** |
| 36. | Bandar Baharu (21,817) | 1,844 |

Masalah yang lebih rumit bagi UMNO Kedah ialah mengatasi perpecahan dalam parti yang menjadi peninggalan daripada kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga kerajaan negeri sebelum ini.

....masih ada ketua bahagian di Kedah yang membuat ucapan dan kenyataan yang merugikan Umno dan menguntungkan pembangkang. Tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil untuk membendung perbuatan yang silap ini atas sebab tertentu termasuk tidak ada bukti yang jelas mengenai si polan itu.

....UMNO Kedah masih belum mencapai kata sepakat bagaimana caranya hendak menawan sokongan pengundi Kedah dan menawan semula kawasan yang telah tewas kepada PAS. Ramai ahli UMNO pada peringkat cawangan bersedia memulakan kempen dan berjuang untuk

parti tetapi mereka kesal kerana ketiadaan petunjuk dan sokongan daripada pimpinan pusat di Kedah.

....Syed Razak yang mewarisi UMNO Kedah dalam satu keadaan lemah dan keliru,(namun beliau) mempunyai azam yang kuat untuk membangunkan Kedah dan rakyatnya.

Cabaran Kepemimpinan kini

Seorang Ketua Pengarang akhbar mengulas keadaan kepemimpinan UMNO masa kini: *Apa yang berlaku sekarang, ramai ahli politik berhenti daripada menambah ilmu selepas memegang jawatan politik dan keadaan ini menyebabkan wujud jurang intelektual yang besar dianara pemimpin pusat dan bahagian. Perdebatan di Parlimen dan Dewan Undangan negeri menjadi hambar dan apa yang ketara sekali apabila mereka dilantik menjadi Exco, Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri, mereka akan mengalami jurang intelektual dengan pergaulan mereka sendiri. Pentadbiran akan menjadi kacau dan pelaksanaan dasar tidak tercapai apabila orang politik cuma memiliki kuasa tetapi miskin ilmu.*

Pada pandangan Nazri lagi "Buat masa ini UMNO belum mempunyai apa-apa kriteria untuk pemimpin di cawangan dan bahagian. Sebab itulah asas pertandingan di peringkat cawangan dan bahagian didasarkan kepada pengaruh daripada ciri-ciri kepimpinan yang terbaik. Sudah sampai masanya UMNO memikirkan hal ini secara serius bagi melahirkan generasi pemimpin abad ke-21 yang lebih bijaksana, berilmu dan berwibawa.

Memandangkan kita sedang menuju ke arah negara maju, maka infrastruktur politik UMNO juga perlu diarah bagi melahirkan bakal pemimpin yang pandai, berfikiran maju, matang dan mengamalkan nilai moral yang tinggi. Cadangan ini mungkin tidak disokong oleh ahli UMNO yang berkepentingan diri, tetapi bagi ahli yang benar-benar setia dan sayangkan UMNO, mereka pasti menerima hakikat bahawa pemimpin adalah orang yang lebih baik daripada pengikut.

Yang penting bukanlah kelayakan akademik yang tinggi tetapi ciri-ciri seorang pemimpin. Kalau kelayakan tinggi tetapi sombang, bongkak, pemarah, dan berkepentingan diri tentulah tidak layak menjadi pemimpin.

Setiausaha Agung UMNO Mohamad Rahmat pernah mendakwa lebih kurang 90 bahagian UMNO dikatakan menerima peruntukan antara RM1 juta dan RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif partai....[malah] ada laporan dikalangan pemimpin di peringkat bahagian dibayar eluan bulanan antara RM5,000 hingga RM 10,000.

... (Dalam Umno terdapat mereka yang bersikap) musang berbulu ayam, musuh dalam selimut, gunting dalam lipatan, duri dalam daging, api dalam sekam dan bermacam-macam lagi.

Pada hari ini kegawatan politik Melayu makin jelas, dulu UMNO dan PAS bercakaran bagi membuktii siapa lebih Melayu, kemudian beralih kepada siapa lebih Islam, sekarang lebih benar dan adil. Kesemua ini bergantung kepada rakyat dan pemilih. UMNO terus

bertahan dengan pembangunan sebagai teras perjuangan, manakala PAS melalui isu-isu simple boleh memesangkan kepercayaan rakyat. Teori-teori kehancuran parti pemerintah yang telah berkuasa hancur didendangkan. Persoalan sejati mana kepemimpinan politik UMNO mampu membuat proses 'rejuvanile' dalam liku-liku politik hari ini yang kian mencabar masa depan.

an der höheren KAS-Mittelwerte abgesetzt.
Durchsetzung der Miete im Laufe des
Zehnjahrs-Zeitraums ist nicht
ausreichend zu bewerten.

Die Ergebnisse der Untersuchung
zeigen, dass die Miete in den
verschiedenen Haushalten unterschiedlich

steigt. Die steigende Miete ist
in den Haushalten mit höherem
Einkommen deutlicher ausgeprägt.

Die Ergebnisse der Untersuchung
zeigen, dass die Miete in den
verschiedenen Haushalten unterschiedlich

steigt. Die steigende Miete ist
in den Haushalten mit höherem
Einkommen deutlicher ausgeprägt.

Die Ergebnisse der Untersuchung
zeigen, dass die Miete in den
verschiedenen Haushalten unterschiedlich

steigt. Die steigende Miete ist
in den Haushalten mit höherem
Einkommen deutlicher ausgeprägt.

Die Ergebnisse der Untersuchung
zeigen, dass die Miete in den
verschiedenen Haushalten unterschiedlich

steigt. Die steigende Miete ist
in den Haushalten mit höherem
Einkommen deutlicher ausgeprägt.

Die Ergebnisse der Untersuchung
zeigen, dass die Miete in den
verschiedenen Haushalten unterschiedlich

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA: NEGARAWAN ULUNG KEDAH

Mohd bin Samsudin

Pengenalan

Tunku Abdul Rahman Putra dilahirkan pada 8 Februari 1903 di sebuah rumah bernama Istana Kota Lama yang terletak di tengah-tengah bandar Alor Setar. Istana ini merupakan bangunan tiga tingkat berbentuk seperti Pagoda Cina yang direka bentuk oleh seorang tukang rumah bangsa Cina. Tunku merupakan seorang Putera Diraja Kedah iaitu putera ke-20 kepada Sultan Abdul Hamid Shah. Beliau adalah merupakan anak keenam daripada dua belas adik beradik hasil perkahwinan Sultan Abdul Hamid dengan bonda beliau, Che Menjalara.

Bonda Tunku adalah merupakan anak kepada Luang Nara Boriak dari Siam. Luang Nara Boriak pernah menjadi Gabenor Meaung Nontaburi iaitu sebuah daerah kecil di Siam. Che Menjalara telah datang ke Kedah ketika masih kecil untuk menjadi anak angkat Sultan Ahmad Tajuddin.

Keluarga Diraja Kedah adalah sebuah keluarga diraja yang tertua di Malaysia. Jejak keturunannya dapat diketahui sehingga kepada 9 orang Raja-Raja Hindu dan 16 Sultan beragama Islam. Putera-puteri diraja Kedah sejak turun temurun telah diberitahu bahawa asal-usul keturunan mereka adalah daripada Raja Merong Mahawangsa, putera Raja Mongol India.

Sewaktu kecil, Tunku mempunyai nama timangan iaitu "Putra" yang selalu digunakan oleh ayahandanya sewaktu memanggil Tunku. Manakala bonda dan semua anggota keluarganya lebih suka memanggil beliau dengan nama "Awang". Tunku dibesarkan dengan peraturan kehidupan seorang anak raja, dilatih agar sentiasa berdisiplin tinggi, beradab serta menghormati dan menghayati adat dan budaya Melayu. Corak didikan istana telah memainkan peranan utama dalam membentuk sikap dan peribadi Tunku yang berperibadi tinggi sebagai seorang pembesar.

Sungguhpun seorang putera Raja tetapi Tunku telah mengikuti persekolahan bersama-sama dengan kanak-kanak biasa. Keadaan mendedahkan Tunku dengan orang ramai semenjak masih kecil serta membantu beliau menjalai kehidupan masyarakat biasa. Tunku mula mendapat pendidikan secara tidak formal ketika berusia 4 tahun. Bagaimanapun

beliau mula bersekolah secara formal ketika berusia 6 tahun di Sekolah Melayu di Alor Setar. Menjelang usianya 8 tahun, Tunku bersekolah di Government English School di Alor Setar. Bagaimanapun, ketika berumur 10 tahun, Tunku telah mengikut abangnya Tunku Yusuf ke Bangkok untuk tinggal bersama abangnya.

Sewaktu berada di Bangkok, Tunku telah memasuki sekolah di Bangkok serta mempelajari bahasa Inggeris dan Siam. Bagaimanapun, beliau terpaksa pulang semula ke Kedah selepas kematian mengejut Tunku Yusuf pada tahun 1915. Tunku kemudiannya telah meneruskan persekolahannya di Penang Free School di Pulau Pinang yang juga merupakan sekolah Inggeris yang terbaik ketika itu. Sewaktu belajar di Pulau Pinang, Tunku telah tinggal bersama-sama kanak-kanak Kedah di astrama sekolah berkenaan. Sekali lagi Tunku telah bercampur dengan masyarakat biasa dan berpeluang berkawan dengan kanak-kanak biasa.

Menjelang tahun 1919, beliau telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke University of Cambridge di England yang merupakan salah sebuah universiti ternama di England. Sewaktu di England, Tunku telah bergiat aktif dalam kegiatan sukan dan persatuan serta merupakan penyokong kepada parti Liberal di Britain. Pendedahan yang luas sewaktu belajar di England telah memberikan pengalaman yang amat berguna kepada Tunku kemudiannya terutama dalam bidang pentadbiran dan perhubungan dengan pihak British.

Kerjaya Awal

Tunku memulakan kerjayanya dengan menyertai Perkhidmatan Awam Kedah sebagai Pegawai Pelatih (Kadet) di Pejabat Penasihat Undang-Undang di Alor Setar pada tahun 1930. Menjelang tahun 1931, beliau telah dilantik menjadi Penolong Pegawai Daerah Kulim. Beliau dinaikkan pangkat menjadi pegawai daerah pada 1932 di Kuala Nerang. Ketika di Kuala Nerang, Tunku telah mendesak kerajaan membantu beliau membina sistem perparitan bagi menghindari penyakit malaria. Bagaimanapun, cadangan Tunku kurang mendapat perhatian sehingga isteri beliau iaitu Meriam meninggal dunia akibat demam malaria, barulah kerajaan memberikan bantuan.

Tunku pernah dihantar bertugas sebagai pegawai daerah di Pulau Langkawi. Terdapat sumber yang menyatakan perpindahan Tunku disebabkan tindakan beliau berkahwin secara rahsia dengan seorang gadis Inggeris bernama Violet Coulson. Sewaktu berada di Pulau Langkawi, Tunku telah melihat dengan mata sendiri kemunduran penduduk Pulau Langkawi. Bagaimanapun Tunku telah memainkan peranan memperbaiki jalan-jalan perhubungan sekitar pulau itu serta telah membina sebuah jeti di Kuah. Tunku juga telah terlibat menulis semula kisah Mahsuri serta telah membangunkan kawasan-kawasan bersejarah yang menjadi lagenda kepada peristiwa Mahsuri dihukum bunuh.

Tunku telah ditukarkan ke Sungai Petani sebagai pegawai daerah. Ketika di sini, dikatakan keperibadian beliau yang berjiwa rakyat sudah mula terserlah. Beliau telah terlibat mengawal pekerjaan petani dan mengeluarkan kata pemutus bagi keputusan-keputusan penting iaitu membajak, luar Malaysia yang cukup kuat memperjuangkan prinsip berkenaan. Sikap tegas Tunku ini menyebabkan sukar bagi negara-negara luar terutamanya dari Barat menjangka sikap Tunku.

Tunku adalah tokoh yang bertanggungjawab mengeluarkan Afrika Selatan daripada Komanwel atas perjuangan anti-apartheid. Tindakan ini dilakukan sewaktu Tunku menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di London pada 1960. Sebelum itu, Perdana Menteri Britain sudah memujuk semua pihak yang hadir agar membincangkan soal-soal yang berkaitan dengan agenda yang disediakan. Bagaimanapun terdapat rasa kurang senang daripada pemimpin negara-negara Komanwel kerana Britain menggunakan kedudukannya untuk mengelakkan persidangan membincangkan isu-isu yang menyukarkan kerajaan Britain. Tanpa diduga oleh mana-mana pihak, Tunku telah membangkitkan soal dasar apartheid yang diamalkan oleh kerajaan kulit putih Afrika Selatan. Tindakan Tunku telah membawa kepada perbincangan hangat mengenai isu berkenaan serta menyebabkan negara-negara dan Afrika menggunakan kesempatan untuk mengutuk dasar kerajaan Afrika Selatan. Akhirnya persidangan telah memberi tekanan kepada kerajaan Afrika Selatan yang kemudiannya membawa kepada tindakan penyingkiran negara tersebut daripada keahlian Komanwel.

Tindakan Tunku telah mewarnai perjuangan menentang dasar penindasan masyarakat kulit hitam di peringkat antarabangsa. Ianya telah memberikan kesan besar terhadap penghormatan negara-negara luar terutamanya dan Afrika terhadap Malaysia dan kepimpinan Tunku sendiri. Seterusnya Tunku telah dijadikan rujukan dalam usaha menentang dasar apartheid terutamanya menasihatkan negara-negara Afrika agar tidak menyingkirkan Afrika Selatan daripada PBB kerana langkah tersebut akan menyebabkan sukar dilakukan tindakan antarabangsa terhadap Afrika Selatan.

Cadangan Tunku telah berjaya memujuk sikap negara-negara untuk tidak menyingkirkan Afrika Selatan daripada PBB. Afrika Selatan seterusnya telah menerima tekanan antarabangsa dan PBB telah menjadi organisasi utama yang bertindak melaksanakan tekanan terhadap Afrika Selatan sehingga kepada tindakan pemulauan ekonomi dan seluruh dunia. Amerika Syarikat telah memainkan peranan utama memberikan tekanan kepada Afrika Selatan dan diikuti oleh negara-negara lain. Justeru itu sumbangan Tunku terhadap penentangan dasar apartheid di Afrika Selatan adalah satu sumbangan besar beliau dan Malaysia yang akhirnya telah berjaya melenyapkan dasar ini menjelang tahun 1990-an serta membawa kepada pemulihan hak sama rata antara penduduk di sana. Nelson Mandela telah berjaya menjadi presiden kulit hitam pertama di Afrika Selatan dan pernah mengucapkan penghargaan beliau dan masyarakat kulit hitam terhadap jasa dan sumbangan Tunku.

Pandangan Tunku Mengenai Soal Serantau

Penglibatan Persekutuan Tanah Melayu di zaman pentadbiran Tunku dalam arena politik Asia Tenggara adalah bermatlamat untuk mencari satu jaminan keselamatan. Ianya adalah merupakan prinsip utama Persekutuan Tanah Melayu iaitu mendokong kepercayaan bahawa soal keselamatan dan kestabilan akan membawa kemakmuran kepada penduduk dan negara di rantau ini. Justeru itu, Tunku telah memberikan perhatian besar terhadap perkembangan yang berlaku di rantau ini terutamanya mengenai suasana politik yang berlaku di Laos. Kedudukan Laos adalah dianggap sebagai pelapis kepada negara Thai daripada ancaman komunis.

Kebimbangan mengenai kedudukan Laos telah disuarakan oleh Tunku di peringkat antarabangsa. Beliau telah menggunakan kesempatan menyuarakan kebimbangannya sewaktu mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat, United Kingdom dan Belanda pada akhir 1961. Lawatan Tunku ke negara-negara berkenaan merupakan satu usaha perseorangan yang bertujuan memujuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pemimpin-pemimpin dunia supaya memberikan perhatian kepada pergelakan yang berlaku di Laos. Tunku juga telah menarik perhatian pemimpin-pemimpin dunia mengenai peri pentingnya masalah berkenaan diselesaikan dengan segera kerana pergelakan ini boleh merebak dan mengancam keamanan dan kestabilan rantau Asia Tenggara.

Pergelakan di Laos telah menjadikan Persekutuan Tanah Melayu lebih komited untuk mencari keamanan. Usaha ini telah dipimpin oleh Tunku yang telah menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh bagi kemakmuran rantau ini. Tunku telah mencadangkan penubuhan sebuah persatuan negara-negara di Asia Tenggara atau lebih dikenali dengan nama *Association of South East Asia (ASA)*. Cadangan Tunku adalah berasaskan kepada keyakinan beliau untuk mewujudkan semangat bekerjasama (togetherness) di kalangan negara-negara di rantau ini. Tunku telah mengambil kesempatan untuk melahirkan cadangan beliau dengan rakan sejawatnya dari Thailand dan Filipina. Kerajaan Filipina secara rasmi telah menyatakan sokongan rancangan ASA sewaktu lawatan Tunku ke Manila pada bulan Januari 1959.

Bagaimanapun, kerajaan Indonesia yang turut menyokong rancangan tersebut tetapi mahukan konsep ini hanya meliputi Melayu Raya yang tidak melibatkan negara Thailand. Kesukaran mula timbul dengan Indonesia kerana Presiden Sokarno bersungguh-sungguh menolak keahlian Thailand. Akhirnya ia membawa kepada keputusan Indonesia tidak mahu menyertai penubuhan badan ini. Burma pula menolak jemputan untuk menyertai badan ini. Sungguhpun demikian penubuhan ASA diteruskan melalui perisytiharan Bangkok pada 31 Julai 1961 yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Thailand, Persekutuan Tanah Melayu dan Filipina. ASA yang menjadi cita-cita Tunku hanya dapat direalisasikan selepas 3 tahun ia dicadangkan. ASA ditubuhkan dengan satu matlamat iaitu meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan, saintifik dan pentadbiran di kalangan negara-negara anggota. Perkara paling utama adalah ASA telah menyediakan asas bagi pembentukan ASEAN kemudiannya. Dalam hal ini Tunku pernah menyatakan;

"Asean developed from ASA which I started of The Indonesia wanted ASA enlarge and its name chaged. I said to them so be it".

Bentuk dasar luar yang diasaskan oleh Tunku adalah melahirkan sebuah konsep "togetherness". Cita-cita beliau adalah membentuk konsep agar ia dapat dilaksanakan di rantau Asia Tenggara. Cara yang paling baik untuk melahirkan konsep ini adalah melalui pembentukan organisasi-organisasi serantau tanpa melibatkan faktor pertahanan. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dipimpin oleh Tunku telah mula mengadakan perundingan dengan matlamat membentuk kumpulan berkerjasama bagi manfaat ahli-ahlinya. Perundingan telah dibuat sehingga ke Sri Lanka untuk mengadakan rancangan kerjasama tersebut. Bagaimanapun kesukaran besar bagi melaksanakan konsep ini adalah kerana kebanyakan negara-negara di

rantaui Asia Tenggara mempunyai ikatan dengan beberapa negara besar terutamanya dengan Amerika Syarikat.

Tunku yang yakin dengan konsep "togetherness" telah mencadangkan penubuhan Commonwealth of Islamic States yang kemudiannya dikenali sebagai *Organization of Islamic* (OIC). Tunku telah menjadi Setiausaha Agong pertama bagi OIC selepas beliau melepaskan jawatan daripada Perdana Menteri Malaysia. Tunku telah menggunakan kesempatan untuk menerapkan konsep "togetherness" di dalam OIC yang dapat memupuk semangat persaudaraan di kalangan negara-negara Islam serta berkongsi pengalaman dijajah oleh kuasa luar. Tunku memberikan sumbangan besar terhadap menubuhkan OIC dan dengan adanya konsep "togetherness" ia telah dapat mengekalkan pertubuhan ini serta berfungsi menjaga kebajikan negara ahli.

Soal-Soal Keselamatan

Isu besar dalam soal pertahanan Persekutuan Tanah Melayu ialah pembentukan AMDA yang ditandatangani pada 1957. AMDA merupakan perjanjian pertahanan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Britain di mana kedua-dua negara bersetuju saling bantu membantu dalam soal pertahanan. Bagaimanapun, perkara paling utama dalam perjanjian ini ialah persetujuan kerajaan Britain memberikan bantuan pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Tunku memimpin kerajaannya membuat keputusan untuk menerima kehadiran pasukan tentera British memandangkan keupayaan pertahanan dalam negeri yang begitu kecil dan terhad terutamanya bagi menghadapi ancaman komunis dan serangan luar. Tunku mempertahankan perjanjian ini yang dianggapnya sebagai satu keperluan bagi Persekutuan Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan.

Bagaimanapun AMDA tidak dengan mudah dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu terutama daripada golongan nasionalis dalam UMNO, parti-parti pembangkang, pemimpin kesatuan sekerja dan tokoh-tokoh masyarakat. Buat pertama kali kerajaan Persekutuan terpaksa berhadapan dengan kritikan dan bangkangan daripada semua pihak. Bagaimanapun usaha mengadakan AMDA disokong kuat oleh rakan-rakan bukan Melayu dalam Perikatan iaitu MCA dan MIC. Penentangan daripada ahli-ahli UMNO dilahirkan melalui pandangan Tajuddin Ali di dalam Dewan Rakyat yang menganggap perjanjian berkenaan menggugat kemerdekaan yang baru dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu. Isu ini dihangatkan lagi dengan adanya dakwaan daripada ahli-ahli Pemuda UMNO Johor yang mendakwa perjanjian secara tidak langsung menjadikan negara sebagai ahli SEATO. Dakwaan ini menyebabkan UMNO Kedah menuntut diadakan perhimpunan khas bagi membincangkan isu berkenaan.

Persoalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli UMNO dan juga ahli-ahli pembangkang memberikan cabaran besar kepada kepimpinan Tunku. Penentangan dan suara kebimbangan dilahirkan kerana penduduk masih mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi serta begitu berhati-hati untuk menerima kehadiran pasukan tentera British serta mahukan kemerdekaan yang baru sahaja diperolehi, dinikmati secara sebenar-benarnya. Tunku menghadapi kritikan mengenai perjanjian AMDA serta dipaksa mengadakan mesyuarat khas Majlis Kerja Tertinggi UMNO bagi menerangkan kedudukan ini.

Bagaimanapun, di dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi Tunku telah melahirkan anggapan beliau bahawa tindakan mengadakan perhimpunan khas UMNO bertujuan mencabar kepimpinannya serta sebagai usaha mengadakan undi tidak percaya kepadanya. Pandangan tegas Tunku ini telah berjaya melahirkan keputusan menolak diadakan dalam perhimpunan khas UMNO pada mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi.

Bagaimanapun Tunku terus menghadapi tantangan terhadap pembentukan AMDA. Menjelang bulan Oktober 1957, AMDA telah dibentang dan dibahas di dalam Dewan Rakyat. Ia terus ditentang oleh ahli-ahli penyokong-penyokong kerajaan, parti-parti pembangkang dan wakil kesatuan sekerja dengan asas utama iaitu ia mengancam kedaulatan dan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, seterusnya menganggap kehadiran tentera akan mendedahkan ancaman ketenteraan serta negara ini tidak perlu terburu-buru mengadakan perjanjian pertahanan tanpa mengadakan perbahasan sepenuhnya mengenai dasar luar di dalam Dewan Rakyat. Kemudiannya satu lagi langkah yang dilaksanakan bagi memperkuatkan sikap Malaysia yang tidak mengancam negara-negara luar apabila wujudnya prinsip yang menghormati hak setiap negara mempertahankan negara secara sendirian atau berkumpulan selaras dengan Piagam PBB. Prinsip yang dimaksudkan ialah *Respect for the right of each nation to defend itself singly or collectively, in conformity with the Charter of the United Nations.*

Bagi menjawab tentang ini, Tunku telah membuat satu kenyataan yang sungguh bermakna di dalam dewan iaitu;

'..... let us facts, and the facts are that we have at our command an army of less than one division in strength., we have no air force, not even a single plane or a single man, we have no navy, not even a single sailor and we have not even a sea-going craft With the revenue at our command we can never be able to build our forces to the strength which we would require for the defence of our country.'

Tunku telah dikritik kerana membenarkan pasukan tentera British menempatkan pangkalan tenteranya di negara ini. Malahan keadaan ini juga menjadikan Indonesia serta rakanannya daripada Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (*Won Alignment Movement*) merasa kurang selesa dengan tindakan Malaysia. Bagi mengatas masalah ini, Tunku menjalankan satu dasar tegas memperakarkan bahawa kerajaannya akan memastikan pangkalan tentera British yang berada di negara ini tidak akan sekali-kali digunakan sama ada secara langsung atau tidak langsung mengancam kemerdekaan sebarang negara luar.

Pada masa yang sama Tunku mempunyai pandangan yang jelas mengenai SEATO. Penentangan UMNO terhadap AMDA telah mempengaruhi Persekutuan Tanah Melayu tidak menyertai SEATO. Pemimpin-pemimpin SEATO tidak mahu mengadakan pakatan rasmi dengan blok Barat walaupun SEATO bertujuan khusus mengawal komunis. Selain itu, kerajaan Persekutuan juga memberikan alasan tidak menyertai SEATO kerana menganggap Persekutuan Tanah Melayu tidak memperolehi sebarang faedah ketenteraan dan ianya tidak popular di kalangan negara Indonesia dan India. Pemimpin-pemimpin Persekutuan juga memberi alasan mereka menghormati keputusan India dan Indonesia

yang tidak menyertai SEATO. Tunku sendiri pernah memberikan alasan kenapa Persekutuan Tanah Melayu tidak menyertai SEATO sewaktu berada di Canberra pada 1959 iaitu;

'Well, I don't count; you know. As the representative of my people. I have to do as they want; and SEATO is rather unpopular among my people. I don't know for what reason'.

Kenyataan Tunku di atas jelas membayangkan sikap beliau yang menghormati kehendak penduduk yang menentang sebarang bentuk perjanjian pertahanan dengan negara-negara luar. Dasar untuk tidak mengadakan perjanjian pertahanan dengan pakatan luar telah dipegang oleh kerajaan Persekutuan sehingga pada hari ini. Bagi memastikan kedudukan keselamatan Persekutuan terjamin Tunku mempelopori sikap kerajaan yang menghormati Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutama mengenai sikap tidak campur tangan dan menghormati kedaulatan negara luar.

Kesan penting daripada tindakan Tunku yang tidak membawa Persekutuan Tanah Melayu menyertai SEATO lebih dilihat sebagai satu usaha untuk mengelakkan dominasi atau pengaruh Amerika Syarikat ke negara lain. Malahan menurut Tunku perjanjian pertahanan dengan Britain sudah cukup untuk melindungi negara ini daripada ancaman komunis serta serangan kuasa luar. Pakatan tentera dilihat sebagai satu usaha yang boleh mengancam usaha pembangunan negara. Pandangan Tunku mengenai perkara ini telah disampaikan oleh Dato' Ong Yoke Lin di dalam ucapan beliau di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menegaskan bahawa;

"We believe in food instead of bullets, clothing instead of uniforms; housing instead of barrack".

Kesimpulan

Tunku telah memberikan sumbangan besar kepada pembentukan dasar luar Malaysia. Peranan beliau memberi kesan terhadap pengiktirafan negara ini di peringkat antarabangsa serta dengan cepat dapat diterima oleh PBB, ianya terbukti dengan perlantikan Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB dan menghantar tentera pengaman PBB ke Congo pada tahun 1960-an. Keputusan dan dasar luar negara dihormati oleh negara-negara luar terutamanya negara-negara maju serta dapat memimpin negara-negara yang menghadapi masalah.

Di peringkat antarabangsa, Tunku telah menyumbangkan idea yang besar terhadap soal-soal keamanan dan semangat bekerjasama di kalangan negara-negara di dunia. Tunku telah menyumbangkan idea terhadap pembentukan sebuah organisasi peringkat rantau Asia Tenggara dengan matlamat bekerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial dalam usaha menjadikan rantau ini bebas daripada ancaman komunis. Beliau juga telah memberikan sumbangan besar dalam melahirkan gagasan persahabatan di kalangan negara-negara Islam melalui penubuhan OIC. Tunku sendiri telah dilantik untuk menjadi Setiausaha Agung badan ini serta telah memainkan peranan penting terhadap penubuhan OIC yang dapat diterima oleh semua negara Islam atas konsep persaudaraan Islam.

Kejayaan Tunku ini tidak dapat dilaksanakan jika beliau tidak mendapat latihan yang secukupnya. Malahan latar belakang Tunku yang diasuh sebagai seorang putera istana Kedah yang patuh dan tegas merupakan faktor penting kejayaan Tunku ini.

POLITIK KEDAH SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM 1999: CABARAN UMNO DAN PELUANG PAS DALAM MENANGANI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG

*Sobri Sudin
Mohd Hafidz Hussein*

Pengenalan

Pilihan raya Umum tahun 1999 telah memperlihatkan dua persoalan dasar yang perlu dikaji dari perspektif yang lebih empiris. Pertama di sebalik kemampuan BN secara keseluruhannya di peringkat kerajaan Pusat memenangi lebih dari 2/3 kerusi Dewan Rakyat namun prestasi dan sokongan ke atas UMNO parti dominan utama dalam gagasan BN mengalami kemerosotan khususnya di negeri-negeri yang majoriti penduduknya Melayu. Selain Kelantan yang berjaya dipertahankan oleh PAS sejak memenanginya pada pilihan raya umum 1990, Terengganu mengikuti jejak langkah dengan peningkatan dan kemampuan PAS memberi saingen hebat di Kedah menerusi kejayaan memenangi 12 kerusi DUN dan 8 kerusi Parlimen berbanding hanya 2 kerusi DUN dan gagal meraih sebarang kerusi untuk Dewan Rakyat pada pilihan raya 1995. Persoalan kedua ialah kemampuan gerak kerja, pengaruh isu dan faktor calon yang memungkinkan PAS mengambil kesempatan bagi meningkatkan kemampuan untuk beroleh kemenangan dalam menyaingi UMNO dan BN Kedah secara keseluruhannya. Dalam konteks negeri Kedah, suatu hal yang jelas berhubung peningkatan prestasi PAS pada dasarnya harus dilihat akibat kelemahan dalaman UMNO sendiri dari sudut kepimpinan, calon yang diketengahkan selain kegagalan jentera gerak kerja untuk berfungsi secara sepenuhnya. Jika asas *isu* dicadangkan sebagai landasan bagi kemampuan PAS untuk meraih sokongan yang meningkat dari kalangan rakyat Kedah, maka sudah tentu PAS telah lama berkemampuan untuk memerintah negeri Kedah. Sebagai contohnya isu Memali, skandal BMF adalah merupakan isu *vital* yang dimainkan dalam kempen pilihan raya 1986 namun PAS dan pencapaianya di Negeri Kedah tidaklah membanggakan. PAS hanya mampu untuk mempertahankan kubu kuat DUN Bukit Raya yang diwakili oleh Presidennya Dato' Haji Fadzil Noor selain sering bertukar ganti dengan UMNO bagi kerusi DUN Sala dan Langgar. Kemenangan di dua buah kubu kuat ini pun bukan atas faktor parti, tetapi mempunyai kaitan langsung dengan wibawa, ketokohan dari personaliti kepimpinan Fadzil Noor sendiri yang dilihat sebagai teraju utama sebuah parti politik Melayu yang sering kali diletakkan sebagai saingen utama kepada UMNO. Begitulah realiti dan fenomena pencapaian PAS dalam konteks perjuangannya sebagai sebuah parti politik di negeri Kedah (kecuali dalam pilihan raya umum 1969 memperlihatkan trend yang berlainan).

Perbincangan berdasarkan keterlibatan secara langsung dan pemerhatian turut serta penulis dalam konteks gerak kerja dan perancangan Jentera Gerak Kerja Pilihan raya UMNO Kedah menerusi peranan penulis sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Penerangan Pilihan raya UMNO 1999 yang diketuai oleh Dato' Badaruddin Amirudin dengan dibantu oleh Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim. Selain itu, perbincangan juga dilakukan menerusi temubual intensif secara bersemuka menerusi pimpinan yang terlibat sama ada di peringkat bahagian, cawangan, calon-calon pilihan raya mahupun individu-individu penting (lama dan baru) yang berperanan dalam mencorakkan strategi dan penggubalan dasar UMNO semasa pilihan raya umum pada 29 November 1999. Tinjauan karya pula dilakukan bagi membolehkan penulis mendapat gambaran umum berhubung kerangka konsepsual dan teori bagi tujuan memantap selain menjadi panduan ke arah perbincangan ini.

Terdapat tiga tujuan penting dalam perbincangan ini. Pertama menilai kaitan calon dan kemerosotan pencapaian UMNO Kedah dan BN secara umum. Kedua melihat asas-asas sampingan berkaitan yang menyumbang ke arah kemerosotan berkenaan. Tujuan terakhir untuk menganalisa langkah dan pendekatan yang perlu ke arah memantap dan mengukuhkan UMNO dan BN Kedah ke arah menghadapi Pilihan raya Umum 2003/2004 selain melihat potensi kemaraan PAS dan usaha terbaik UMNO dalam memastikan Teori Domino dalam konteks negeri-negeri *The Malay Heartland* tidak akan jatuh satu-persatu di bawah kekuasaan PAS.

Faktor Calon dan Kemerosotan Pencapaian UMNO Kedah

Pemilihan calon bagi mewakili kerusi DUN mahupun Parlimen tidak dapat ditolak sebagai salah satu *indikator* dominan ke arah menyumbang kemerosotan pencapaian UMNO Kedah dalam pilihanraya umum 1999. Berdasarkan trend pengundian pada pilihan raya umum 1999, tampak jelas rakyat Kedah yang boleh dikategorikan sebelum ini pendokong kuat *status-quo* mula memperlihatkan satu dinamisme tindakan yang bersifat *rebelious* (sama seperti yang diperlihatkan pada pilihan raya umum 1969).

Tokoh-tokoh seperti Dato' Dr. Abdul Hamid Othman tewas di Parlimen Sik, Dato' Badaruddin Amiruddin di Parlimen Yan selain beberapa orang anggota Exco di peringkat DUN seperti Ahmad Lebai Sudin (Bukit Lada), Ghazali Ibrahim (Pedu), Abdullah Hasnan (Anak Bukit) dan Abdul Rahim Ariffin (Ayer Hitam). Sementara barisan Exco yang tumpas ini diharapkan mampu untuk menjadi pelapis bagi barisan kepimpinan politik negeri Kedah pada masa hadapan. Sebaliknya, tokoh pimpinan wibawa yang didokong kuat oleh golongan akar umbi dan selamanya dibimbangi ketokohan dan wibawa pimpinan mereka oleh parti PAS sendiri seperti Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim (Tanjung Seri), Tan Sri Osman Aroff (Jitra), Haji Jamil Idros (Pengkalan Kundur), Dato' Hanafi Ramli (Jerlun), Dato Zakaria Said (Kuala Kedah), Dato' Dr. Afifudin Omar (Padang Terap) dan Raja Ariffin Raja Sulaiman (Baling) digugurkan daripada senarai calon.

Natijah segera daripada tindakan ini didapati kesemua calon-calon yang digugurkan itu selain kerusi DUN Tanjung Seri dan Jitra, PAS telah berjaya menawan kerusi-kerusi

berkenaan (Lihat Jadual 1).

Jadual 1

**Senarai Kerusi Dewan Rakyat yang Calon Asalnya
Digugurkan Mengakibatkan UMNO Tewas di Tangan PAS
di dalam Pilihan raya Umum 1999.**

| PARLIMEN | CALON 1995 | CALON BARU 1999 |
|-----------------|-------------------------------------|-------------------------------|
| P5 JERLUN | DATO' HANAFI RAMLI | ISMAIL TAYIB |
| P7 PADANG TERAP | DATO' DR. AFFIFUDIN OMAR | OTHMAN ISMAIL |
| P10 KUALA KEDAH | DATO' ZAKARIA SAID | DR. FAUZI ABD HAMID |
| P16 BALING | DATO' RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN | DATO' BAHADUR SHAH MAT ISA |

Kenyataan ini menunjukkan bahawa faktor calon *perse* sebagai penyebab segera kekalahan di kawasan yang dinyatakan itu juga bukanlah satu perkiraan yang tepat namun jika diteliti peluang serta prospek calon-calon asal untuk memenangi kawasan yang dimaksudkan adalah lebih cerah berbanding calon-calon baru yang disenaraikan oleh kepimpinan Tan Sri Sanusi Junid. Bukti kepada persoalan ini dapat dilihat menerusi laporan pihak risikan agensi kerajaan seperti Cawangan Khas, MIO dan Jabatan Penerangan selain penerimaan secara menyeluruh oleh pengundi setempat terhadap kepimpinan tokoh-tokoh yang dimaksudkan.

Bagi 4 kerusi Dewan Rakyat, selebihnya faktor kekalahan calon dari UMNO boleh dirangkumkan meliputi faktor isu, kelemahan jentera gerak kerja pilihan raya, kewibawaan calon dari sudut hubungan dengan pengundi, sabotaj daripada dalam parti selain penonjolan calon pimpinan pembangkang (PAS) itu sendiri yang dilihat setara atau mampu menyaingi calon-calon UMNO.

Jadual 2

| WIBAWA CALON, JENTERA GERAK KERJA PILIHAN RAYA HUBUNGAN DENGAN PENGUNDI SETEMPAT DAN SABOTAJ DARI DALAM PARTI | FAKTOR ISU, JENTERA GERAK KERJA PILIHAN RAYA | KETOKOHAN PIMPINAN PARTI PEMBANGKANG |
|---|--|--|
| P8 POKOK SENA | P13 SIK | P11 PENDANG |
| P12 YAN | | |

Meskipun pelbagai bentuk klasifikasi dan penyebab boleh diutarakan untuk mengaitkannya dengan kemerosotan pencapaian UMNO dan BN Kedah secara umum namun ia menunjukkan bahawa faktor calon memainkan peranan vital selain indikator-indikator sampingan lain yang turut menyumbang ke arah kemerosotan pencapaian UMNO dan BN Kedah.

Dalam konteks pilihan raya umum 1999, terdapat calon-calon UMNO yang diketengahkan menerusi *political patronage* (naungan politik pimpinan tertinggi) atau *parachute candidate* (calon payung terjun) yang pada lazimnya mempunyai *rappo* yang tenggang dengan golongan akar-umbi satu kelompok penting dalam konteks UMNO. Golongan ini menjadi tenaga penggerak penting dalam memastikan gerak kerja kempen dan jentera pilihan raya berjalan lancar. Apabila PAS mengetengahkan calon-calon yang lebih berwibawa dari sudut latar belakang pendidikan, keintiman sosialisasi calon dengan pengundi setempat, maka pengundi dan rakyat negeri Kedah seakan dibawa untuk melihat satu bentuk perbandingan dari sudut itu yang sebelum ini jarang diketengahkan kepada mereka.

Akibatnya, timbul *masalah pilihan* (the problem of choice) dan apabila situasi ini menjelma. Kecenderungan pengundi untuk memilih calon berbanding parti (satu pendekatan yang menjadi amalan sebelum ini oleh pengundi-pengundi di Malaysia secara amnya), maka potensi UMNO Kedah untuk meraih kemenangan amat tipis jika unsur calon yang bersifat *political patronage* dan *parachute candidate* itu terus diketengahkan tanpa mengambil kira kehendak golongan akar umbi, pimpinan bahagian dan aspirasi pengundi setempat.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa calon-calon yang berdasarkan dua kategori itu turut mendapat kemenangan, tetapi harus diteliti bahawa faktor kemenangan mereka itu didokong secara kukuh menerusi kemantapan jentera pilihan raya, peranan penting bekas calon yang lalu selain faktor pengundi bukan Melayu. Ini dapat dilihat dalam konteks kemenangan calon Dato' Mahadzir Md. Khir untuk Parlimen Sungai Petani, Fadzil Hanafi untuk kerusi DUN Tanjung Seri dan Profesor Osman Ishak untuk kerusi DUN Jitra.

Jadual 3

Senarai Calon UMNO yang Berasaskan *Political Patronage* dan *Parachute Candidate* yang Mendapat Kemenangan Hasil Dokongan Bekas Calon dan Jentera Gerak Kerja

| PARLIMEN | DUN |
|---|--|
| P15 SUNGAI PETANI (DATO' DR. MAHADZIR MD KHIR) | N6 JITRA (PROFESOR DATO' DR. OSMAN ISHAK) |
| | N11 TANJUNG SERI (FADZIL HANAFI) |

Hakikat bahawa kemenangan calon pilihan pucuk pimpinan tertinggi parti (sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat pusat) dan kemampuan calon berkenaan untuk

terus memenangi kerusi yang ditandingi adalah hasil dokongan kukuh bekas calon dan kemantapan jentera gerak kerja pilihan raya yang disusun rapi oleh bekas calon contohnya dalam kes kerusi DUN Tanjung Seri dan Jitra.

Dua buah kerusi DUN berkenaan sebelum ini diwakili oleh tokoh berwibawa pimpinan setempat yang berpengaruh dan signifikan dalam perkembangan politik negeri Kedah. Kerusi DUN Jitra sebelum ini diwakili sejak sekian lama oleh Tan Sri Osman Aroff (bekas Menteri Besar Kedah (1985-1996) yang dikira mempunyai dokongan yang mantap daripada kalangan ahli peringkat akar umbi (tenaga penting yang boleh menjayakan misi parti dalam konteks pilihan raya).

Justeru percaturan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed melantik Tan Sri Osman Aroff sebagai wakil peribadi beliau, selain sebagai Pengarah Jentera Gerak Kerja Pilihan raya bagi Parlimen Kubang Pasu merangkap bekas Exco Kanan Kerajaan Negeri Kedah merupakan tindakan bijak. Ini membolehkan bukan sahaja kerusi DUN Jitra dipertahankan malah mengekalkan kerusi DUN Tunjang sekaligus membantu kemenangan Perdana Menteri sendiri di Parlimen Kubang Pasu.

Begini juga halnya peranan signifikan oleh *gentleman politik Kedah* abad ke-20 iaitu Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim dalam konteks kemenangan Fadzil Hanafi di kerusi DUN Tanjung Seri. Beliau merupakan bekas Exco Kanan di bawah pimpinan Tan Sri Osman Aroff dan Tan Sri Sanusi Junid. Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim merupakan pelapis penting untuk menerajui kepimpinan negeri Kedah. Beliau pernah mengalami musibah dan cabaran politik yang bukan sedikit sepanjang susur-galur perjuangan beliau dalam konteks politik UMNO dan pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Bermula dengan tewasnya beliau di tangan Ahmad Lebai Sudin dalam pemilihan Ketua Bahagian UMNO Pokok Sena pada tahun 1998, diikuti oleh pengguguran beliau sebagai anggota Jemaah Exco di bawah kepimpinan Tan Sri Sanusi Junid, sehingga pengguguran beliau sebagai calon untuk pilihan raya umum 1999. Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim langsung tidak memperlihatkan sikap penentangan beliau ke atas pucuk pimpinan parti sama ada di peringkat negeri maupun pusat.

Malah sebelum berlangsungnya pilihan raya umum 1999, menerusi pelantikan sebagai Timbalan Ketua Penerangan UMNO khusus untuk menghadapi pilihan raya umum 1999, dilihat telah menimbulkan momentum baru menerusi program dan perancangan yang tersusun rapi dan berjalan lancar yang sebelum ini agak malap dan hambar. Justeru amat wajar dikatakan bahawa UMNO Kedah dari sudut persiapan jentera gerak kerja sebelum ini sebenarnya kurang bersedia dan berada dalam keadaan yang samar ketika menghadapi pilihan raya umum 1999, berbanding persediaan PAS yang dikira telah memulakan gerak kerja mereka sebaik sahaja pilihan raya umum 1995 berakhir.

Signifikan dan peri pentingnya peranan Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim dalam merealisasikan kemenangan UMNO di Tanjung Seri dapat diamati menerusi persediaan rapi beliau yang telah mengaktifkan jentera gerak kerja pilihan raya setahun sebelum pilihan raya umum berlangsung (Sobri Sudin & Hafidz Hussein, 1999:45).

Selain *nappo* beliau yang rapat ditambah dengan pendekatan era Ayat (benevolence attitude) yang mapan dengan pengundi setempat dan kesediaan beliau untuk menerima pandangan dan menggunakan khidmat nasihat golongan profesional muda bagi tujuan menggerakkan aktiviti dan program bagi kemajuan penduduk di DUN Tanjung Seri. Beliau dilihat sebagai tokoh yang tidak akan menghadapi sebarang masalah sekiranya dicalonkan semula bagi mempertahankan kerusi berkenaan. Namun apabila senarai calon diumumkan pada 19 November 1999, di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah di Mentalon, beliau tidaklah memperlihatkan sebarang rasa *penentangan* atau usaha untuk mensabotaj calon yang dipilih menggantikannya.

Malah kesediaan beliau untuk memperkenalkan calon baru di kampung kelahirannya iaitu di Kg. Kandai, selain menyerahkan sepenuhnya segala jentera pilihan raya dan pembantu-pembantu khas selain pendokong kuat beliau untuk bekerja membantu kemenangan Fadzil Hanafi. Inilah yang dikatakan *orang perjuangan* bukannya melakukan pekerjaan untuk parti yang mengharapkan upah, balasan seperti yang diungkapkan oleh Dr. Kassim Ahmad.

Hasilnya Fadzil Hanafi beroleh kemenangan walaupun dengan majoriti tipis iaitu 440 undi. Ini merupakan satu pencapaian yang baik jika dilihat dari sudut saingen beliau iaitu calon PAS Ustaz Niamat Yusoff yang merupakan Ketua Dewan Ulama Kedah dan Mudir Pondok Derang. Dokongan bekas calon yang meletakkan perjuangan parti dan tidak melihatnya sebagai satu bentuk pekerjaan yang hanya akan dilaksanakan jika sekiranya ada imbuhan membolehkan kerusi DUN Tanjung Seri dipertahankan.

UMNO Kedah Selepas Pilihan raya Umum 1999: Langkah Ke arah Pengukuhan

Memandangkan kemerosotan pencapaian UMNO dan BN secara umumnya di Kedah, gerak kerja rapi perlu direalisasikan seawal dari sekarang. Langkah pertama harus dimulai dengan memperkuatkannya jentera UMNO negeri sendiri. Terdapat beberapa langkah *signifikan* yang dirasakan sesuai dengan keperluan dan trend semasa khususnya jika diteliti perubahan corak pengundian di kalangan rakyat. Pertamanya usaha harus dilakukan untuk memastikan 12 kerusi DUN dan 8 kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi oleh PAS disaingi menerusi pelantikan calon-calon setempat atan tokoh pimpinan berwibawa setempat sebagai wakil UMNO menerusi penubuhan *Pusat Khidmat Setempat*. Pelantikan anggota Exco yang sudah dibebani dengan urusan dan perjalanan pentadbiran kerajaan negeri akan hanya meminggirkkan lagi usaha UMNO dan penduduk setempat untuk saling berinteraksi.

UMNO didokong sepanjang lebih empat dekad yang lampau kerana khidmat dan baktinya selain keupayaan untuk mengartikulasikan (menyelaras) kehendak masyarakat dalam setiap gerak langkah perjuangannya. Ia merupakan sebuah parti politik dominan yang dikira berjaya memenuhi aspirasi bangsa (Sobri Sudin & Hafizd Husseini 1999:37). Sepanjang susur-galur perjuangannya juga UMNO banyak bergantung dari sudut survival dan kelangsungannya hasil dokongan akar umbi, hal ini misalnya telah diperlihatkan dengan nyata dalam konteks pemilihan jawatan tertinggi MKT dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-54 pada 11-13 Mei 2000. Dalam pemikiran ini ia memperlihatkan calon-calon yang membawa suara golongan akar-umbi ini telah diberi tempat berbanding calon-calon yang mempunyai jawatan dalam kabinet di peringkat Persekutuan maupun Negeri.

Justeru sebagai satu proses peringatan, UMNO di peringkat negeri khususnya Kedah harus melihat fenomena itu sebagai satu indikasi jelas daripada para perwakilan dan ahli UMNO seluruhnya yang berkehendakan pemimpin yang bakal mengemudi UMNO mampu mengangkat suara, pengharapan dan memenuhi aspirasi golongan akar umbi ini.

Jika UMNO negeri Kedah gagal untuk menyedari hakikat ini dan bertindak secara sewajarnya dalam menjayakan tuntutan yang dimaksudkan maka *trend* yang melanda Terengganu tidak mustahil akan merebak ke Kedah menjelang pilihan raya 2003-2004.

Ini bermakna calon-calon yang digugurkan dan kebanyakannya memegang jawatan penting di peringkat bahagian harus diberi peluang untuk menyumbang kepakaran dan wibawa kepimpinan mereka bagi menyaingi program yang sudahpun di atur oleh PAS di kawasan DUN atau Parlimen masing-masing. Saingan sebegini harus berterusan bagi membolehkan rakyat Kedah kembali dapat melihat UMNO sebagai alternatif terbaik berbanding PAS khususnya di kawasan yang dimenangi oleh PAS.

Kedua, peranan tokoh-tokoh berwibawa pimpinan Tan Sri Osman Aroff, Dato Dr. Afifudin Omar, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim, Dato Hanafi Ramli, Dato' Zakaria Said dan yang lainnya harus dikembalikan di persada politik UMNO Kedah. Begitu juga halnya dengan tokoh-tokoh pimpinan lama seperti Dato' Azizan Taib, Dr. Wan Azmi Wan Ariffin yang turut harus digembangkan tenaga mereka dalam mencari mekanisme terbaik untuk memantap, memulih dan meneruskan agenda perjuangan UMNO Kedah. Peranan mereka ini dapat dimainkan menerusi perlantikan mereka mengetuai Jawatankuasa Khusus yang boleh diperkenalkan oleh Menteri Besar mengikut keperluan dan kesesuaian di dalam Badan Perhubungan UMNO Negeri. Justeru, momentum pergerakan dan kemajuan program serta aktiviti UMNO negeri akan dapat dirancakkan kembali kerana tokoh-tokoh inilah yang dikira mampu menjadi *medium* berkesan di antara pimpinan parti dengan golongan akar umbi yang selamanya *menjadi penggerak penting* bagi kesinambungan UMNO Kedah.

PAS dan semua UMNO bahagian menjelang pemilihan untuk pilihan raya perlu berkompromi agar tidak berlaku pertandingan yang boleh mewujudkan *unsurfaction* (puak) yang ahlinya melemahkan kekuatan parti. Seharusnya peringatan Y.A.B. Presiden parti dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-54 dijadikan peringatan kerana pertandingan tanpa diiringi *political will* (kemauhan politik) yang kukuh di kalangan pihak yang menang akan hanya memecah belahan parti menjadi dua. Dalam keadaan ahli-ahli UMNO dan parti UMNO dilihat sebagai hostile society sudah seharusnya pendekatan terbaik, dan secara baik dimulakan oleh Ketua-Ketua Bahagian yang ditolak oleh pengundi mahupun ahli sendiri dengan bersedia untuk memberi laluan kepada tokoh pimpinan yang lain. Pada masa yang sama mereka turut berganding bahu tanpa adanya niat untuk mengkesampingkan diri bagi memulihkan bahagian masing-masing. Ini bermakna ketua-ketua bahagian yang berkarsma dan berwibawa harus dikekalkan sementara yang lemah idealismenya akan ditolak oleh pengundi. Tokoh yang sebelum ini gagal meyakinkan ahli setempat harus bersedia menyerahkannya kepada tokoh yang lebih berkarsma. Pimpinan di peringkat bahagian dalam hal ini harus mampu menterjemahkan pendekatan *gentleman politik* dan menekankan unsur perjuangan dan bukannya melihat jawatan Ketua Bahagian itu sebagai

satu hak istimewa bertujuan memenuhi agenda politik kendiri hingga sanggup mengorbankan survival dan kesinambungan parti.

Keempat *memobilisasikan* peranan golongan profesional muda anak negeri sama ada yang berada di negeri Kedah atau di luar Kedah dengan mewujudkan ruang dan peluang untuk mereka bagi sama-sama terlibat dalam arus perdana pembangunan politik, ekonomi dan sosial rakyat negeri Kedah. Penglibatan mereka ini bukan hanya sekadar dalam bentuk majlis secara *simbolisme* semata-mata tetapi harus diiringi secara formal dalam bentuk penubuhan institusi khusus selain kesediaan pimpinan politik negeri Kedah untuk mempunyai *political will* yang tinggi bagi melaksanakan cadangan yang sesuai diutarakan oleh golongan profesional muda ini.

Kelima memastikan kebijakan ahli, pimpinan cawangan, bahagian terpelihara dan kukuh dari sudut ekonomi, kemantapan idea, kewarasan program dan pendekatan kepimpinan yang berhemah selain *membudayakan kembali* aktiviti politik kepartian UMNO negeri Kedah (Sobri Sudin & Hafidz Hussein 1999:47-48). Budaya cantas-mencantas, khianat pada kebolehan pimpinan yang lain, politik wang, salah guna kuasa, usaha mengangkat darjah dan pengharapan suara golongan akar umbi dan juga *responsif* pada tuntutan semasa harus dijadikan agenda besar yang mesti diketengah dan dijayakan oleh UMNO negeri Kedah.

Faktor keenam, memastikan aspirasi, kehendak golongan masyarakat agraria (petani) dapat dihayati dan diperjuangkan secara bersungguh-sungguh merandangkan kelompok inilah merupakan majoriti rakyat negeri Kedah. Barangkali pendekatan *Mesra Rakyat* yang dijanakan oleh kepimpinan Menteri Besar Kedah pada akhirnya diharap mampu menuju ke arah mengangkat dan memenuhi pengharapan golongan agraria berkenaan. Namun pengisiannya harus lebih bermakna dengan menerapkan usaha-usaha dan program menyeluruh yang bersifat kebijakan, pembangunan pendidikan, pemupukan kesedaran dan penghayatan agama selain peningkatan status kebijakan ekonomi.

Ketujuh, memastikan program pembangunan agama dijadikan teras dalam mencorakkan keseluruhan agenda pembangunan sama ada dalam bidang politik, agama, sosial, budaya mahupun kemasyarakatan. Ini kerana teras negeri Kedah adalah negeri agama, justeru disini jugalah lahirnya teraju pimpinan PAS, selain sensitiviti berkaitan hal keagamaan sebagai sebuah negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam. Usaha pembangunan yang dicorakkan oleh kepimpinan UMNO Kedah yang sedia ada ini jika dilihat banyak menimbulkan kontroversi berhubung hal-hal agama. Ini akan memberikan ruang dan peluang kepada PAS mengemukakkannya sebagai satu strategi dan isu dasar yang dimomokkan untuk melemahkan cabaran dan kepimpinan UMNO yang memerintah negeri Kedah. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan hilang kepercayaan dan keraguan di kalangan masyarakat ke atas pentadbiran kerajaan yang ada pada masa kini.

Selain itu, tenaga Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Negeri pula tidak hanya berperanan sebagai pemerhati, malah sebagai pendahulu dalam merealisasikan segala asas wawasan pucuk pimpinan sama ada di peringkat Pusat mahupun Negeri. Corak pendekatan dan penerapan program tidak seharusnya mengikut tempo Pergerakan Pemuda dan Wanita

Pusat yang dilihat banyak bersifat abstrak, konsepsual dan bayangan umum sebaliknya harus lebih tersusun, sesuai dengan sasaran khalayak selain mampu menghasilkan output yang berkesan. Di sinilah terletaknya cabaran kepimpinan Pemuda UMNO Kedah untuk menyaingi gerak kerja program dan pendekatan berterusan sebagai saingan ke atas pimpinan Pemuda PAS yang dipimpin oleh Mahfuz Omar, Ahli Parlimen Pokok Sena.

Sekiranya kesemua gerak kerja ini mampu disusun dan dijayakan secara teratur maka tidak mustahil bahawa 12 kerusi DUN dan 8 kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi oleh PAS akan berjaya ditawan kembali dapat pula meneruskan usaha negeri Kedah untuk terus membangun dari segenap segi. Ini secara berterusan akan dapat melahirkan *pemimpin perdana* dan *utama* negara pada masa akan datang.

Bibliografi

- Mauzy, D.K. (1983). *Barisan Nasional: A Coalition Government in Malaysian*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Sobri Sudin (1998). Penggunaan mekanisme undang-undang sebagai strategi pembangunan ekonomi negara: Rujukan khusus ke atas Akta Pengambilan Tanah 1960 (*Pindaan 1991*) dan implikasi penggunaannya ke atas hak-hak rakyat. Latihan Ilmiah BA (Hons) UKM dan Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, Sintok UUM.
- Sobri bin Sudin & Hafidz Hussein (1999). Konflik penggantian kepimpinan Menteri Besar: Rujukan khusus ke atas negeri Kedah Darul Aman. Sintok: Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- _____ (1999). Kesan proses globalisasi ke atas budaya dan amalan politik di Malaysia. Sintok: Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial.
- _____ (2000). Faktor calon dan kesannya ke atas kemerosotan pencapaian UMNO dan BN Kedah dalam Pilihan raya Umum 1999. Sintok: Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.
- _____ (2000). Peranan Jentera Gerak Kerja Pilihan raya dan sumbangannya ke atas kemenangan calon: Kajian Kes DUN Tanjung Seri. Sintok: Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.

SENARAI ORANG YANG DITEMUBUAL

1. Dato' Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim
Bekas Exco Kanan Kerajaan Negeri Kedah
Bekas ADUN Derga dan Tanjung Seri(1986-1999)
Timbalan Ketua Penerangan UMNO
Tarikh Temubual: 24/11/2000
Alamat: No.8 Lorong Tengku Mahmud 05250 Alor Setar Kedah.
2. Tuan Haji Abdul Rahman Ariffin
Bekas Exco Sukan, Rekreasi dan Pelancongan Negeri Kedah
Timbalan Ketua Bahagian UMNO Jerlun
Bekas ADUN Ayer Hitam
Tarikh Temubual: 20/1/2000
3. Tuan Haji Hamdan Sulaiman
Bekas Pegawai Khas Menteri Besar Kedah (1996-1999)
Tarikh Temubual: 3/12/1999
4. Tuan Haji Jamil Idros
Naib Ketua Bahagian UMNO Kuala Kedah
Bekas ADUN Pengkalan Kundor (1995-1999)
Tarikh Temubual: 24/12/1999
5. Haji Ramli Haji Hassan
AJK Bahagian UMNO Kuala Kedah
Ketua UMNO Cawangan Simpang Empat
Tarikh Temubual: 20/1/2000
6. Zainuddin bin Din
Bekas Penolong Pengarah Biro Tatanegara Wilayah Utara
Pembantu Khas ADUN Tanjung Seri
Penolong Setiausaha Jawatankuasa Penerangan Pilihan raya Umum UMNO 1999
Tarikh Temubual: 12/10/1999
7. Hashim Hasan
Pembantu Khas ADUN Tanjung Seri (1995-1999)
Pembantu Khas Exco Agama Kerajaan Negeri Kedah(bermula 1999)
Tarikh Temubual: 12/10/1999
8. Zainab Abdul Rahman
Ketua Wanita UMNO Bahagian Pokok Sena
Tarikh Temubual: 2/5/2000

9. Haji Badri Yunus, JP
Bekas ADUN Tanjung Dawai dan Bukit Selambau 1986-1999
Tarikh Temubual: 20-23/4/20001
10. Haji Mat b. Mohd Nor
Pegawai Penerangan Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan
Tarikh Temubual: 21/4/2000
11. Tan Sri Osman Aroff
Bekas Menteri Besar Kedah (1985-1996), Wakil Peribadi Y.A.B. Perdana Menteri
12. Haji Omar Haji Ahmad
Veteran UMNO, Bekas ADUN Langgar/Limbong dan EXCO
13. Tan Sri Azhari Md. Taib
Bekas EXCO dan Veteran UMNO Kedah
14. Tan Sri Khalid Abdullah
Bekas Exco dan Veteran UMNO Kedah
Bekas Pengurus Eksekutif Utusan Melayu Berhad
15. Dato' Haji Fadzil Noor
ADUN Anak Bukit dan Ahli Parlimen Pendang
Presiden PAS Malaysia
Ketua Pembangkang di DUN Kedah dan Dewan Rakyat

PERUBAHAN DEMOGRAFI DAN SOSIAL NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Usman Haji Yaakob

Pendahuluan

Malaysia telah mencapai kemerdekaan sejak 43 tahun yang lalu. Tentunya dalam tempoh tersebut semua negeri telah mencapai tahap kemajuan yang memuaskan. Pada awal tahun-tahun selepas negara mencapai kemerdekaan pelbagai masalah terpaksa dihadapi, termasuklah kemiskinan, kekurangan kemudahan kesihatan dan perubatan, bekalan air, sanitasi, pendidikan, elektrik dan sebagainya. Kedah tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai masalah dan rintangan pembangunan. Satu daripadanya ialah ia mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi dan negeri yang mundur di Malaysia. Menurut kajian Separuh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), pada tahun 1982, kadar kemiskinan isi rumah di Kedah adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 55.4 peratus (Malaysia, 1984:177). Walau bagaimanapun dengan perlaksanaan program pembasmian kemiskinan kadarnya telah menurun kepada 11.5 peratus tahun 1997 (Malaysia, 1999:68). Kedah yang terletak di utara mempunyai keluasan 9,426 kilometer persegi atau mewakili 2.8 peratus (211,944 hektar) daripada 690,097 hektar tanah sawah padi di Malaysia (Jabatan Perangkaan, 1998). Kertas kerja ini akan membincangkan perubahan demografi dan sosial sejak tahun 1957 hingga tahun 1997. Tumpuan akan diberikan kepada bidang-bidang pertumbuhan penduduk, struktur umur, kesuburan, kematian, penghijrah, pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan aspek-aspek lain yang relevan.

Perubahan Demografi

Ciri-ciri pertumbuhan penduduk sesebuah negara banyak bergantung kepada perubahan dalam aspek kesuburan, kematian dan penghijrah dari masa ke masa. Sejarah Negeri Kedah pada kurun ke-19 adalah berlainan dengan negeri-negeri lain disebelah pantai barat Semenanjung Malaysia. Ini kerana negeri ini kekurangan peluang ekonomi untuk menarik terutamanya orang Cina berhijrah ke negeri ini (Zaharah Mahmud, 1972). Maka, komposisi penduduknya adalah didominasikan oleh orang Melayu. Menurut banci penduduk tahun 1957 penduduk Melayu adalah sebanyak 67.8 peratus, berbanding dengan Cina 20.5 peratus dan India 9.5 peratus. Berdasarkan data banci terakhir tahun 1991 menunjukkan daripada 1.36 juta penduduk negeri Kedah, orang Melayu telah meningkat kepada 73.8 peratus, manakala penduduk Cina dan India telah menurun kepada 16.5 peratus dan 7.3 peratus

(Jabatan Perangkaan, 1995). Menurut anggaran Jabatan Perangkaan (1997), jumlah penduduk Kedah tahun 1997 telah meningkat kepada 1.53 juta yang mana daripada jumlah ini Melayu 74.2 peratus, Cina 18.4 peratus dan India 10.7 peratus.

Sejak lebih empat dekad yang lalu negeri Kedah telah mengalami pembangunan sosio-ekonomi yang pesat. Kejayaan pembangunan negeri Kedah secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pertumbuhan penduduk tahunan. Kadarnya telah menurun daripada 2.7 peratus tahun 1957 kepada 1.6 peratus tahun 1997. Bagi tempoh benci 1980-1991, daerah Langkawi dan Kulim telah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi sebanyak 3.80 dan 3.02 peratus, manakala Daerah Baling dan Bandar Bharu mencatatkan kadar pertumbuhan paling rendah sebanyak 0.80 dan 0.35 peratus dalam tempoh tersebut (Usman Haji Yaacob, 1995). Penurunan kadar pertumbuhan diperangkat negeri ini seringkali dikaitkan dengan pembangunan sosioekonomi yang semakin berkembang dan kadar kelahiran yang semakin menurun. Kemajuan program pembangunan sumber manusia seperti pendidikan dan latihan dalam kilang, organisasi dan institut telah dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan terutama kepada wanita. Pada tahun 1957 peratusan orang bekerja (15-64 tahun) yang bekerja dalam sektor pembuatan adalah sebanyak 3.5 peratus meningkat kepada 26.1 peratus tahun 1997 (Department of Statistics, 1959; Jabatan Perangkaan, 1998a). Ini bermakna, lebih kurang 170,00 pekerja sektor pembuatan di seluruh negeri Kedah pada tahun 1997. Pencapaian dalam sektor perkilangan atau pembuatan ini akan memantapkan ekonomi Kedah. Ini menunjukkan keperluan terhadap pembangunan sumber manusia yang berkualiti semakin diperlukan. Pada masa ini Kedah kekurangan tenaga buruh berkemahiran tinggi dan teknikal. Oleh itu, tekanan terhadap pendidikan teknikal dan latihan perlu diperluaskan bagi menampung permintaan dan keperluan tenaga buruh yang meningkat dalam sektor pembuatan, pelancongan, perniagaan dan pertanian moden.

Pada umumnya, ciri-ciri penduduk negeri Kedah telah berubah daripada sebuah negeri yang mempunyai ramai penduduk muda kepada ciri-ciri penduduk yang semakin matang. Perubahan ciri-ciri penduduk di antara tahun 1957-1997 dapat dilihat dalam Jadual 1. Dalam tempoh ini jumlah penduduk bertambah sebanyak 118.0 peratus daripada 701,964 kepada 1,530,200 juta orang. Jumlah ini menunjukkan kadar pertambahan perempuan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 125.2 peratus berbanding dengan lelaki sebanyak 111.0 peratus. Akibat pertambahan yang tidak seimbang itu, nisbah jantina 105.3 lelaki per 100 perempuan telah menurun kepada 98.7 lelaki per 100 perempuan. Daripada segi jumlah keseluruhannya penduduk perempuan adalah 1.2 peratus lebih tinggi daripada penduduk lelaki pada tahun 1997.

Satu aspek penting dalam perubahan ciri-ciri penduduknya ialah pertambahan jumlah penduduk bekerja di antara tahun 1957 dan 1997. Ia bertambah daripada 53.8 peratus. Pertumbuhan penduduk golongan bekerja ini menawarkan banyak tenaga buruh daripada negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Perak, Wilayah Persekutuan dan lain-lain. Ini bermakna Kedah membekalkan ramai tenaga buruh dan penghijrahan penduduk Kedah ke negeri-negeri lain di Malaysia dapat membantu mempertingkatkan status sosioekonomi mereka dan negeri-negeri yang berkenaan.

Jadual 1
Ringkasan Perubahan Dalam Ciri-ciri Demografi Terpilih
di Kedah Darul Aman Bagi Tahun 1957 dan 1997

| Bil | Ciri-ciri Demografi | 1957 | 1997 |
|-----|--|----------------|-------------|
| 1 | Kadar pertumbuhan penduduk tahunan | 2.7 | 1.6 |
| 2 | Saiz penduduk | 701,964 | 1,530,200 |
| | Lelaki | 360,106 | 760,300 |
| | Perempuan | 341,858 | 769,900 |
| 3 | Purata kepadatan penduduk/km persegi | 75 | 165 |
| 4 | Nisbah tanggungan | 85.7 | 68.9 |
| | Nisbah tanggungan muda | 80.4 | 60.8 |
| | Nisbah tanggungan tua | 5.3 | 8.1 |
| 5 | Nisbah jantina | 105.3 | 98.7 |
| 6 | % penduduk bandar | 13.3 | 42.1(2000) |
| 7 | % penduduk dibawah 15 tahun | 43.3 | 59.2 |
| 8 | % penduduk 15-64 tahun | 53.8 | 59.2 |
| 9 | % penduduk berumur 65 tahun & ke atas | 2.9 | 4.8 |
| 10 | Kadar kela hiran kasar/1,000 penduduk | 44.4 | 27.1 |
| 11 | Kadar kematian kasar/1,000 penduduk | 14.0 | 5.7 |
| 12 | Kadar mortality bayi/1,000 kelahiran hidup | 79.0 | 11.6 |
| 13 | Umur median (tahun) | 17.6 (1971) | 21.8 (1991) |
| 14 | Kadar jumlah kesuburan | 7050 | 3657 |
| 15 | Tahun jumlah penduduk berganda | 26 | 44 |
| 16 | Bahagian wanita berkahwin | | |
| | Berumur 15-19 tahun (%) | 57.0 | 4.8 |
| | Berumur 20-24 tahun (%) | 94.1 | 38.5 |
| | Berumur 25-19 tahun (%) | 97.5 | 25.5 |

Sumber: Banci Penduduk 1957 & 1991

Jadual menunjukkan nisbah tanggungan negeri Kedah telah menurun daripada 85.7 pada tahun 1957 kepada 68.9 tahun 1997. Ini menunjukkan apabila beban yang ditanggung oleh golongan bekerja semakin berkurangan, maka, ia dapat membantu dan

mempercepatkan lagi proses pembangunan serta perlaksanaan projek-projek pembangunan sosio ekonomi terutama dalam sektor pembuatan supaya lebih ramai penduduk dapat memperolehi pekerjaan dan pendapatan. Walau bagaimanapun, perlu dikawal penurunan nisbah tanggungan yang berterusan kerana akan berlaku proses penduduk menua yang ketara. Ternyata nisbah tanggungan tua telah meningkat daripada 20,130 orang tahun 1957 kepada 73,800 orang tahun 1997 (Department of Statistic, 1959; Jabatan Perangkaan, 1997), iaitu peningkatan daripada 2.9 peratus kepada 4.8 peratus. Dalam pada itu, jumlah penduduk muda 0-14 tahun telah merosot daripada 43.3 peratus tahun 1957 kepada 36.0 peratus tahun 1997. Perubahan struktur umur penduduk ini disebabkan tahap kesuburan yang rendah dan kemerosotan nisbah tanggungan adalah menyerupai trend yang sama berlaku di negara Asia lain seperti Korea Selatan, Hong Kong, Thailand, Singapura dan Taiwan.

Pembandaran adalah satu proses yang menambah jumlah bilangan penduduk Bandar. Pada tahun 1957 pembandaran yang menambah jumlah bilangan penduduk Bandar pada tahun tersebut. Perkembangan pembandaran yang pesat ini akan mempercepatkan pembangunan ekonomi, komunikasi, perindustrian, pengangkutan, pendidikan, perhubungan, pentadbiran dan perdagangan. Ini peluang terbaik yang boleh diambil oleh orang Melayu memasuki bidang perniagaan dan perdagangan. Menurut banci tahun 1991, 59.0 peratus penduduk Alor Setar dan 49.6 peratus di Sungai Petani adalah Melayu dan di Jitra sebanyak 78.6 peratus. Ini adalah kekuatan sumber manusia yang boleh bergerak aktif dalam bidang perniagaan. Perluasan aktiviti ekonomi Bandar akan mempertingkatkan pendapatan bulanan isi rumah dan kualiti hidup yang lebih baik di samping menimbulkan masalah kesesakan, peningkatan nilai harta tanah, kos hidup, pencemaran alam sekitar serta kekurangan perumahan untuk jumlah penduduk yang semakin meningkat (Malaysia, 1996: 162-166). Walaupun terpaksa menghadapi permasalahan tersebut, pembandaran perlu bagi mempercepatkan ekonomi moden, peluang pekerjaan lebih banyak dan menambah pendapatan.

Struktur Umur

Satu daripada aspek demografi yang ketara perubahannya ialah umur. Perubahan senyap ini berlaku secara berterusan dan memperlihatkan tanda bahawa keadaan penduduk negeri Kedah semakin dewasa dan matang berbanding dengan tahun mencapai kemerdekaan. Untuk menentukan perkara ini ukuran umur median atau tengah digunakan. Berdasarkan Jadual 1, umur median tahun 1970 adalah 17.6 tahun. Ini bermakna kebanyakan penduduk adalah muda. Walau bagaimanapun menurur banci tahun 1991 umur median meningkat kepada 21.8 tahun. Ini bermakna kebanyakan berlaku peralihan daripada ciri-ciri penduduk muda kepada penduduk berumur pertengahan. 50 peratus penduduk Kedah berumur kurang 21.8 tahun dan separuh lagi lebih tinggi daripada umur tersebut. Kejatuhan atau kenaikan umur median bergantung kepada kadar kelahiran yang meningkat atau menurun. Di barat kebanyakan negara mempunyai penduduk umur tua, kerana umur median melebihi 30 tahun. Sebagai contoh Amerika Syarikat, Perancis dan Sweden mempunyai umur median 34.2, 36.1 dan 38.9 tahun bagi tahun 1995 (United Nations, 1999).

Kesuburan

Kesuburan adalah aspek penting dalam menentukan trend pertumbuhan penduduk sama ada ia meningkat atau sebaliknya. Ia bermaksud prestasi pembiakan manusia atau bilangan anak yang dilahirkan oleh wanita. Pada tahun 1957 kadar kelahiran kasar di Kedah adalah 44.4 per 1000 penduduk dan telah menurun kepada 27.1 pada tahun 1997, menurun sebanyak 4.0 peratus. Kadar tahun 1957 adalah rendah berbanding dengan negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan yang melebihi 50.0 per 1,000 penduduk. Dianggarkan kadar jumlah kesuburan adalah melebihi 7.0 per wanita yang membawa maksud setiap wanita di Kedah pada tahun 1957 mempunyai lebih tujuh orang anak dan menurun kepada saiz 3.6 pada tahun 1997. Ini bermakna saiz keluarga di Kedah telah merosot sebanyak 50.0 peratus. Pada tahun 1957 juga Semenanjung Malaysia merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi sebanyak 46.2 per 1,000 penduduk (Jabatan Perangkaan, 1976:26).

Sekj tahun 1957 trend kesuburan di Malaysia dan di Kedah khasnya semakin menurun. Ini disebabkan tekanan modenisasi, pendidikan dan pelancaran program perancangan keluarga pada tahun 1966 serta peningkatan kos membesarakan anak memaksa ibu bapa mengecilkan saiz keluarga. Kemerosotan kesuburan ini terutamanya disebabkan peningkatan umur berkahwin wanita yang mendapat pendidikan hingga ke peringkat menengah dan tinggi. Penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan kemudiannya telah menyebabkan mereka menangguhkan perkahwinan dan pembentukan keluarga. Fenomena seperti ini telah berlaku di negara-negara Asia, Amerika Latin dan Afrika dan ia dianggap faktor penting kemerosotan kesuburan terutama bagi mereka yang berumur kurang 24 tahun. Tahap kesuburan wanita dalam kumpulan umur ini sangat ketara kemerosotannya berbanding dengan kumpulan lain (Jadual 2). Jadual ini menunjukkan kadar kesuburan umur tertentu negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, tahun 1991 dan 1997. Kadar jumlah kesuburan di Kedah meningkat sedikit daripada 3,339 kepada 3,657 per 1,000 wanita. Kemerosotan ketara adalah bagi kumpulan umur 20-24 tahun daripada 144 kepada 124 per 1,000 wanita. Sebaliknya akibat pertambahan perkahwinan kesuburan meningkat pada kumpulan umur berikutnya 25-29 tahun daripada 220 kepada 233 per 1,000 wanita. Kesuburan terus meningkat lagi bagi kumpulan umur 30-34 tahun dan agak konstan bagi 35-40 tahun.

Berdasarkan perbincangan data kadar kesuburan umur ini, ternyata bahawa pola kesuburan menurut kumpulan umur telah dipengaruhi oleh pertengahan 20-an, iaitu selepas mereka tamat pengajian di institusi pengajian tinggi atau yang bekerja dahulu beberapa tahun selepas tamat SPM. Kecenderungan untuk berkahwin lewat adalah untuk mengukuhkan sumber pendapatan di samping sektor pembuatan yang menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada mereka. Trend ini dijangka berterusan, malah berkemungkinan lebih ramai wanita yang enggan berkahwin setelah mempunyai pekerjaan terjamin dan kedudukan ekonomi yang kukuh. Tegasnya, pendidikan dan pemberian status wanita boleh membantu mengurangkan kesuburan dan morality (Hall, 1984).

Perangkaan tahun 1980, 1985, 1990, 1995 hingga 1997 menunjukkan kejatuhan kadar kelahiran kasar daerah-daerah pentadbiran di Kedah adalah sedikit. Malah daerah Kulim dan Pulau Langkawi memperlihatkan peningkatan kadar kelahiran dalam tempoh tersebut. Di Pulau Langkawi kadar kelahiran meningkat sebanyak 19.3 peratus iaitu daripada 32.7

Jadual 2
Kadar Kesuburan Umur Tertentu Menurut
Negeri di Semenanjung Malaysia, 1991 dan 1997

| Negeri | Kadar Jumlah Kesuburan | Kadar Kesuburan Umur Tertentu/Tahun (Bagi setiap 1000 wanita) | | | | | | | | | | | | | | |
|-------------------------------------|---------------------------|--|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|---|
| | | 15-19 | | 20-24 | | 25-29 | | 30-34 | | 35-39 | | 40-44 | | 45-49 | | |
| | | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | 1991 | 1997 | |
| Semenanjung Malaysia | 3359 | 3272 | 20 | 16 | 130 | 121 | 208 | 214 | 169 | 172 | 103 | 96 | 38 | 32 | 4 | 3 |
| Johor | 3368 | 3272 | 18 | 15 | 127 | 120 | 215 | 223 | 168 | 174 | 104 | 91 | 38 | 29 | 4 | 3 |
| Kedah | 3639 | 3657 | 17 | 15 | 144 | 124 | 220 | 233 | 175 | 196 | 115 | 116 | 50 | 43 | 6 | 4 |
| Kelantan | 5113 | 4303 | 33 | 20 | 208 | 132 | 272 | 242 | 241 | 219 | 181 | 164 | 80 | 76 | 8 | 8 |
| Melaka | 3499 | 3431 | 13 | 14 | 143 | 123 | 240 | 248 | 170 | 187 | 104 | 89 | 28 | 24 | 2 | 1 |
| N. Sembilan | 3372 | 3188 | 17 | 17 | 147 | 111 | 225 | 236 | 161 | 168 | 93 | 79 | 29 | 24 | 3 | 2 |
| Pahang | 3984 | 3347 | 28 | 21 | 172 | 126 | 222 | 217 | 185 | 164 | 128 | 98 | 56 | 39 | 7 | 4 |
| Perak | 3379 | 3101 | 19 | 15 | 152 | 103 | 222 | 224 | 161 | 165 | 88 | 84 | 30 | 26 | 3 | 2 |
| Perlis | 3495 | 3142 | 22 | 18 | 153 | 107 | 199 | 162 | 154 | 108 | 106 | 51 | 39 | 5 | 3 | 3 |
| P. Pinang | 2379 | 2525 | 12 | 12 | 82 | 104 | 165 | 130 | 139 | 66 | 66 | 19 | 18 | 2 | 2 | 2 |
| Selangor | 2852 | 3384 | 17 | 17 | 99 | 146 | 187 | 214 | 155 | 180 | 85 | 94 | 25 | 25 | 2 | 2 |
| Terengganu | 4840 | 3897 | 29 | 15 | 178 | 123 | 219 | 229 | 195 | 185 | 145 | 82 | 73 | 9 | 10 | 3 |
| Wilayah Persekutuan K. Lumpur | 2520 | 2573 | 14 | 12 | 85 | 106 | 162 | 173 | 148 | 132 | 75 | 72 | 18 | 18 | 2 | 1 |

Sumber: Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1991 & 1998

kepada 39.0 per 1000 penduduk dan di Kulim 4.5 peratus (Jadual 3). Kecuali daerah Pendang dan Kubang Pasu daerah lain merekodkan kadar melebihi 25.0 per 1,000 penduduk. Kesimpulannya, tahap kesuburan di daerah-daerah masih lagi tinggi. Kemerosotan yang dicatatkan dalam tempoh 17 tahun secara purata di antara 5.0-10.0 peratus. Bagi keseluruhan negeri Kedah kemerosotan kesuburan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 13.6 peratus. Kejatuhan kesuburan yang sedikit ini adalah disebabkan orang Melayu masih mempunyai tahap kesuburan yang tinggi. Oleh yang demikian ia menyekat kejatuhan kesuburan lebih besar di Kedah. Berdasarkan perangkaan diperolehi 1991, daripada jumlah kelahiran hidup 35,165, 79.2 peratus atau 27,857 kelahiran adalah Melayu (Jabatan Perangkaan, 1992). Ini bermakna sumbangan hampir 80.0 peratus kelahiran Melayu setiap tahun berkemampuan menyekat kemerosotan kesuburan yang lebih besar lagi di masa hadapan. Andaian di buat berdasarkan ketahanan orang Melayu masih mengkalkan saiz keluarga yang sederhana besar dan amalan sosio-budaya ke arah kesuburan yang tinggi ini dapat dikekalkan. Pegangan ini tidaklah terhakis begitu sahaja akibat tekanan kebendaan, pembandaran dan kehidupan moden. Menghayati kebaikan atau kelebihan keluarga yang mempunyai anak ramai dapat menjamin penerusan kesuburan yang berpadanan dan seimbang dengan keperluan sumber manusia di masa hadapan (Usman Haji Yaakob, 1999).

Satu aspek penting yang berkaitan dengan kesuburan ialah insiden berat lahir rendah (Low birthweight), iaitu kelahiran yang mempunyai berat badan kurang 2500 gram. Di Kedah perangkaan sejak tahun 1990 menunjukkan insiden ini mencatatkan 8.6 peratus tetapi meningkat kepada 9.4 peratus tahun 1996 dan menurun semula kepada 8.7 peratus pada tahun 1997. Peratusan ini adalah lebih rendah daripada insiden di negeri Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan Selangor masing-masing lebih daripada 9.0 peratus pada tahun 1997. Ini menunjukkan dengan menggunakan berat lahir rendah sebagai indek pengukur, kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat negeri Kedah telah berkembang pesat kerana tahap survival kanak-kanak yang baru dilahirkan semakin meningkat dan risiko kematian semakin berkurangan.

Aspek perancangan keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan arah aliran kesuburan dan pertumbuhan penduduk. Berdasarkan perangkaan tahun 1972, terdapat seramai 5,197 penerima baru perancangan keluarga dan 67,500 penerima ulangan. Pada tahun 1997 penerima baru meningkat kepada 6,714 orang dan daripada jumlah ini 82.0 peratus menggunakan pil sebagai alat kontraseptif pencegahan kelahiran (Jabatan Perangkaan, 1998). Sebahagian besar atau 70.0 peratus penerima baru di negeri Kedah pada tahun 1997, adalah terdiri daripada golongan wanita luar bandar. Walau bagaimanapun sejauh mana kesannya kepada kesuburan luar bandar belum dapat ditentukan lagi. Ini kerana hanya sebahagian kecil sahaja wanita yang menyertai program tersebut.

Kematian

Kematian adalah komponen penting dalam menentukan kadar pertumbuhan penduduk dalam sesebuah negara. Pengalaman di negara-negara membangun menunjukkan kejatuhan kadar kematian yang cepat selepas Perang Dunia Kedua adalah disebabkan faktor kemajuan dalam bidang perubatan dan kesihatan awam hingga membawa kepada perlakunya

Jadual 3
Kadar Kelahiran Kasar dan Kematian Kasar Bagi Daerah-Daerah Pentadbiran
di Negeri Kedah Darul Aman, (1980, 1985, 1990 dan 1995-1997)

| Daerah Pentadbiran | Kadar Kelahiran (per 100 penduduk) | | | | | | Kadar kematian Kasar (per 1000 penduduk) | | | | | |
|-----------------------|------------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|--|------------|------------|------------|------------|------------|
| | 1980 | 1985 | 1990 | 1995 | 1996 | 1997 | 1980 | 1985 | 1990 | 1995 | 1996 | 1997 |
| Baling | 31.3 | 33.1 | 25.6 | 30.2 | 28.6 | 29.8 | 6.1 | 5.9 | 5.0 | 5.8 | 5.7 | 5.7 |
| Bandar Bahru | 29.6 | 29.6 | 23.4 | 27.8 | 25.9 | 28.6 | 7.5 | 6.1 | 6.1 | 6.0 | 6.9 | 7.0 |
| Kota Setar | 32.7 | 32.3 | 24.7 | 27.1 | 26.5 | 25.7 | 6.2 | 5.8 | 4.8 | 5.5 | 5.6 | 6.0 |
| Kuala Muda | 31.3 | 28.8 | 26.5 | 28.4 | 28.4 | 28.7 | 6.3 | 5.6 | 5.6 | 5.6 | 5.4 | 5.5 |
| Kubang Pasu | 29.7 | 29.9 | 25.0 | 24.4 | 24.0 | 23.5 | 6.3 | 6.1 | 5.4 | 5.3 | 5.8 | 5.7 |
| Kulim | 31.0 | 29.7 | 26.7 | 30.1 | 32.0 | 32.4 | 6.6 | 6.3 | 5.3 | 5.8 | 5.8 | 5.6 |
| Pulau Langkawi | 32.7 | 35.6 | 18.7 | 34.7 | 36.0 | 39.0 | 5.4 | 5.1 | 4.8 | 5.2 | 5.7 | 6.0 |
| Padang Terap | 31.5 | 35.1 | 28.7 | 29.0 | 27.1 | 25.1 | 4.8 | 6.1 | 4.8 | 5.5 | 5.7 | 6.2 |
| Sik | 29.9 | 33.2 | 28.7 | 27.1 | 26.8 | 26.9 | 5.4 | 5.0 | 4.2 | 5.5 | 5.7 | 6.2 |
| Yan | 26.2 | 23.7 | 17.7 | 26.9 | 27.5 | 25.8 | 4.9 | 5.0 | 3.9 | 4.2 | 5.2 | 4.3 |
| Pendang | 24.2 | 25.3 | 22.4 | 21.7 | 21.6 | 21.3 | 4.4 | 5.1 | 4.3 | 5.3 | 6.2 | 6.1 |
| KEDAH | 31.7 | 30.5 | 24.9 | 27.7 | 27.5 | 24.4 | 6.2 | 5.7 | 5.0 | 5.4 | 5.7 | 5.8 |

Sumber: Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 1986, 1990, 1995-1999.

perletusan penduduk di negara-negara membangun. Malaysia tidak terkecuali daripada proses peralihan ini. Berdasarkan ukuran kadar kematian kasar, negeri Kedah mencatatkan 14.0 per 1,000 penduduk tahun 1957 dan kemudiannya merosot kepada 5.7 per 1,000 tahun 1997 iaitu penurunan sebanyak 59.3 peratus. Kejayaan mengawal penyakit-penyakit berjangkit dan penyediaan pusat-pusat kesihatan dan perubatan terutama di kawasan luar bandar telah membantu mengurangkan kadar kematian terutama kanak-kanak. Taburan kadar kematian menurut daerah-daerah di Kedah mencatatkan kadar tertinggi iaitu 7.0 per 1,000 penduduk. Manakala daerah Yan mempunyai kadar terendah 4.3 per 1,000 penduduk. Pada keseluruhannya semua daerah menunjukkan trend kadar kematian kasar yang semakin rendah dan ia boleh meningkat semula apabila jumlah penduduk tua meningkat di masa hadapan.

Kematian bayi (kematian di bawah umur satu tahun) adalah komponen demografi yang penting. Pada tahun 1957 negeri Kedah mencatatkan kadar mortaliti bayi 79.0 per 1,000 kelahiran hidup. Sudah tentu negeri Kedah yang masih mundur ketika itu mempunyai kadar mortaliti bayi yang tinggi. Walau bagaimanapun kerana proses pembangunan negeri Kedah semakin meningkat maju dan ini telah menyebabkan kadar mortaliti bayi semakin berkurangan. Kadar kematian bayi dianggap sebagai indek pembangunan sosio-ekonomi yang membawa maksud negeri yang maju akan mempunyai kadar mortaliti bayi yang rendah dan sebaliknya. Kesan daripada kemajuan pembangunan kadar mortaliti bayi telah menurun sebanyak 85.0 peratus kepada 11.6 per 1,000 kelahiran hidup. Kejatuhan mortaliti bayi ini adalah dipengaruhi kemajuan dalam faktor-faktor sosio-budaya, sanitasi ekonomi dan sebagainya. Terutama faktor pendidikan ibu yang dapat membantu memberikan penjagaan bayi yang betul terutama aspek pemakanan, penjagaan kesihatan dan perubatan. Di Kedah, program kesihatan luar bandar bermula dalam Pelan Pembangunan Pertama (1954-56) dan model pusat kesihatan luar bandar pertama ialah di Jitra, Kedah tahun 1954 (Abdul Majid Ismail, 1974). Melalui penubuhan pusat kesihatan ini, ibu-ibu didedahkan kepada cara dan kaedah penjagaan kesihatan kanak-kanak di luar bandar yang terbaik dan berkesan bagi mengurangkan kematian bayi. Kajian terbaru kematian bayi Melayu Kedah menunjukkan ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor kelahiran tidak cukup bulan/cacat, umur ibu yang tua dan parity anak (Usman Haji Yaakob, 1995;2000). Daerah Pendang, Padang Terap, Sik dan Baling mempunyai kadar mortaliti bayi purata yang tinggi iaitu melebihi 25.0 per 1,000 kelahiran hidup bagi tahun 1986-1990 (Usman Haji Yaakob, 1996).

Pada tahun 1950-an dan 1960-an kekurangan kemudahan kesihatan dan perubatan amat ketara. Pada tahun 1972 di Kedah terdapat 104 doktor, sebuah hospital besar dan 9 buah hospital daerah dan 1,245 buah katil (Jabatan Perangkaan ,1975). Terdapat juga 3 buah Pusat Kesihatan Utama, 22 Pusat Kesihatan Kecil dan 145 Klinik Bidan. Menjelang tahun 1997, bilangan doktor bertambah kepada 724 orang, 2,318 buah katil, 87 Klinik Kesihatan dan 271 klinik Desa (Jadual 4). Ini bermakna kemajuan dalam bidang kesihatan dan perubatan masyarakat amat menggalakkan dan telah mengurangkan kadar kematian dan taraf kesihatan penduduk terus meningkat. Ini dapat membantu mengurangkan risiko kematian bayi dan kanak-kanak secara berkesan. Melalui pertambahan pembinaan pusat-pusat perubatan dan kesihatan di luar bandar yang menyediakan teknologi perubatan moden telah membantu dan mencergaskan lagi tahap survival kanak-kanak di masa depan.

Implikasi daripada penemuan ini adalah baik dan boleh mendatangkan kebaikan sekiranya ia disusuli dengan perubahan struktur sosial masyarakat termasuk peningkatan taraf sosio-ekonomi wanita. Kejayaannya juga bergantung kepada sikap kepenggunaan semua perkhidmatan yang disediakan kerajaan secara yang lebih berkesan terutama di kalangan ibu-ibu hamil yang telah berumur.

Kemudahan Asas

Bekalan air bersih dan kemudahan tandas adalah dua jenis kemudahan asas yang amat diperlukan terutama di kawasan luar bandar. Bagi seluruh negeri Kedah lebih kurang 51.7 peratus penduduk yang menerima bekalan air paip pada tahun 1980 dan ia meningkat kepada 80.5 peratus tahun 1991 (Jabatan Perangkaan, 1981;1995a). Bagi tahun 1991, 18.1 peratus menggunakan air sungai dan 6.4 peratus lagi daripada sumber parit, saluran dan terusan. Hasil banci pada tahun 2000 menunjukkan peratusan penduduk yang mendapat bekalan air paip telah meningkat melebihi 95.0 peratus. Penggunaan kemudahan tandas selamat pula telah menurun kepada 5.7 peratus pada tahun 1991. Pada tahun 1991 jamban curah adalah amat popular sebanyak 60.3 peratus (Jabatan perangkaan, 1995a). Pada keseluruhannya, penyediaan bekalan air dan kemudahan tandas di Kedah amat memuaskan dan ini membantu mengurangkan wabak penyakit berjangkit yang disebabkan penggunaan air kurang bersih dan keadaan persekitaran yang kurang memuaskan.

Perkahwinan

Salah satu aspek demografi yang banyak mengalami perubahan ialah perkahwinan. Disebabkan tekanan sosial dan pekerjaan, wanita masa kini seringkali melewatkhan perkahwinan berbanding dengan wanita semasa negara mencapai kemerdekaan yang berkahwin awal. Menurur banci pada tahun 1957, jumlah wanita berumur 15-19 yang berkahwin ialah sebanyak 47.7 peratus dan disebabkan tekanan dan keperluan semasa telah menurun kepada 4.8 peratus banci tahun 1991. Ini merupakan satu perubahan yang amat ketara. Bagi kumpulan umur 20-24 tahun juga menunjukkan trend yang menurun. Pada tahun 1957 kadar perangkaan yang berkahwin sebanyak 87.9 peratus dan telah menurun kepada 38.5 peratus. Faktor persekolahan dan pekerjaan menjadi teras fenomena ini berlaku. Walau bagaimanapun bagi kumpulan umur 25-29 tahun ia menurun daripada 97.5 peratus tahun 1957 kepada 75.5 peratus tahun 1991. Satu pola penting perkahwinan ialah pada tahun 1957, sebanyak 99.0 peratus wanita yang berumur 30-35 telah berkahwin. Tetapi menurut banci tahun 1991 pencapaian tahap 98.0 peratus yang berkahwin hanya diperolehi apabila wanita mencapai umur 45-49 tahun.

Secara perbandingan jumlah wanita Cina yang berkahwin adalah lebih rendah berbanding wanita Melayu dan India. Pada tahun 1957 jumlah wanita Cina berumur 15-19 tahun yang berkahwin hanya 12.4 peratus menurun kepada 2.2 peratus tahun, kadar wanita Cina berkahwin sebanyak 61.1 peratus tahun 1957 telah menurun kepada 25.5 peratus tahun 1991. Malah sehingga umur 25-29 tahun, jumlah wanita Cina yang berkahwin adalah sebanyak 69.2 peratus tahun 1991 berbanding tahun 1957 sebanyak 92.1 peratus. Bagi wanita Melayu berumur 25-29 tahun ia tidaklah membimbangkan kerana kadar yang berkahwin tahun 1957 adalah 98.7 peratus dan menurun kepada 77.2 peratus tahun 1991.

Jadual 4

**Bilangan Doktor, Katil, Klinik, Hospital, Penyakit Berjangkit dan Kemalangan Maut
Menurut Negeri di Malaysia 1997**

| Negeri | Bil. Doktor | | Bil. Katil | | Jenis Klinik/ Hospital | | | Bil. Kes Penyakit Berjangkit | | | | Kemalangan Maut | |
|--------------------------------------|-------------|--------|------------|--------|---------------------------|------|----------|------------------------------|-------|--------------|-----------------|-----------------|----------------------|
| | Kerajaan | Swasta | Kerajaan | Swasta | Kesihatan | Desa | Hospital | Malaria | Tibi | Demam Denggi | Denggi Berdarah | Bil | Per 100,000 penduduk |
| MALAYSIA | 8235 | 6013 | 27226 | 8963 | 772 | 1989 | 111 | 26649 | 13535 | 18642 | 787 | 6302 | 28.4 |
| Johor | 647 | 671 | 2645 | 766 | 87 | 271 | 10 | 222 | 984 | 1625 | 168 | 1049 | 40.2 |
| Kedah | 393 | 331 | 2029 | 289 | 54 | 225 | 8 | 452 | 764 | 461 | 124 | 211 | 14.2 |
| Kelantan | 604 | 151 | 1404 | 12 | 58 | 199 | 8 | 452 | 764 | 461 | 124 | 211 | 14.2 |
| Melaka | 260 | 225 | 835 | 668 | 27 | 63 | 2 | 34 | 215 | 384 | 7 | 233 | 39.6 |
| N. Sembilan | 307 | 203 | 1298 | 123 | 38 | 105 | 5 | 104 | 310 | 944 | 37 | 361 | 43.8 |
| Pahang | 348 | 186 | 1598 | 116 | 66 | 227 | 9 | 3211 | 560 | 702 | 10 | 407 | 32.2 |
| Perak | 732 | 614 | 3991 | 752 | 84 | 258 | 14 | 904 | 972 | 972 | 35 | 757 | 35.9 |
| Perlis | 70 | 31 | 404 | - | 9 | 29 | 1 | 1 | 122 | 36 | 3 | 59 | 26.6 |
| P. Pinang | 481 | 612 | 2023 | 1532 | 27 | 61 | 5 | 19 | 816 | 751 | 89 | 428 | 34.7 |
| Sabah | 405 | 230 | 2631 | 224 | 90 | 188 | 16 | 18998 | 3792 | 304 | 13 | 368 | 13.4 |
| Sarawak | 465 | 253 | 2997 | 347 | 118 | 97 | 19 | 2510 | 1712 | 619 | 46 | 279 | 14.0 |
| Selangor | 561 | 1273 | 1547 | 1587 | 61 | 136 | 6 | 105 | 570 | 4795 | 124 | 1125 | 36.4 |
| Terengganu | 287 | 103 | 1182 | 21 | 39 | 132 | 5 | 52 | 445 | 518 | 42 | 290 | 28.9 |
| W. Persekutuan Kuala Lumpur | 2675 | 1130 | 2536 | 2526 | 14 | - | 1 | 13 | 1563 | 6022 | 66 | 28 | 2.0 |

Sumber: Buletin Perangkaan Sosial Semenanjung Malaysia, 1998 & 1999 Bank Data/Daerah Malaysia, 1998.

Bagi wanita India pula jumlah yang berkahwin bagi ketiga-tiga kumpulan umur tersebut tahun 1957 ialah 59.2, 93.2 dan 98.3 peratus dan ia menurun kepada 5.4, 37.4 dan 69.8 peratus pada tahun 1991. Ini menunjukkan bahawa peningkatan umur yang berkahwin di kalangan wanita Melayu, Cina dan India adalah akibat daripada pemanjangan tempoh persekolahan sehingga ke sekolah menengah atas, pasca dan institut pengajian tinggi.

Penglibatan wanita dalam pekerjaan setelah tamat persekolahan atau pengajian tinggi akan mendorong mereka menangguhkan perkahwinan atas alasan sibuk bekerja atau kesukaran menemui calon suami yang sesuai. Fenomena ini dijangka berterusan kerana semakin ramai wanita yang berpendidikan tinggi dan masyarakat haruslah memainkan peranan penting mencari penyelesaian terhadap masalah ini supaya ianya tidak menjelaskan pembentukan institusi perkahwinan zuriat yang berterusan di masa hadapan. Berdasarkan perangkaan tahun 1998, hanya UPSI dan UTM mempunyai ramai pelajar lelaki. Manakala universiti-universiti lain bilangan penuntut perempuan melebihi penuntut lelaki. Sebagai contoh di USM 12,202 atau 59.6 peratus daripada 20,459 penuntutnya pada tahun 1998 adalah perempuan. Perangkaan bagi IPTA lain di antara tahun 1998 dapat dilihat dalam Jadual 4. Ia menunjukkan pada tahun 1998 jumlah penuntut perempuan mengatasi lelaki di UUM, UM, USM dan UKM adalah sebanyak 42.8, 30.6, 32.3 dan 38.8 peratus (Jabatan Perangkaan, 1998).

Penghijrahan

Penghijrahan adalah suatu proses perubahan tempat tinggal secara tetap atau sementara. Di Kedah jumlah migran masuk daripada tempat lahir pada tahun 1957 adalah seramai 6,052 orang. Walau bagaimanapun pada tahun 1970, 1975-80 dan 1986-91 jumlah migran keluar lebih besar daripada migran yang masuk. Misalnya pada tahun 1970 migran bersih keluar adalah seramai 25,357, meningkat kepada 41,000 tahun 1975-80 dan 5,100 pada tahun 1985-91 (Jabatan Perangkaan, 1995:90). Berdasarkan Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia 1997 terdapat seramai 54,835 migranti Kedah. Daripada jumlah ini 7,634 atau 13.9 peratus berhijrah ke Selangor, 6,772 atau 12.3 peratus migran ke Pulau Pinang dan 6.1 peratus lagi berhijrah ke Perak (Jabatan Perangkaan, 1998a). Menurut penyiasatan ini juga Kedah mencatatkan migrasi bersih positif sebanyak 391 orang. Ini adalah perkembangan terbaik kerana bilangan migran keluar dari Kedah semakin berkurangan, sebaliknya bilangan migran masuk daripada negeri-negeri lain ke Kedah semakin meningkat ekoran banyak peluang pekerjaan yang dapat ditawarkan kepada mereka. Usaha mengurangkan penghijrahan penduduk di Kedah ke bandar-bandar besar perlu diteruskan melalui penyediaan projek-projek pembangunan seperti kilang di bandar-bandar kecil dan sederhana yang boleh mewujudkan pekerjaan kepada rakyat dan menambahkan pendapatan mereka.

Pendidikan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Sehubungan itu, rakyat perlu disediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan lengkap bagi memastikan mereka mendapat peluang pendidikan sehingga ke peringkat tinggi. Semasa Malaya diperintah oleh Inggeris hanya penduduk bandar dan golongan atasan yang

mendapat pendidikan, manakala sebahagian besar penduduk di luar bandar ketinggalan. Pada tahun 1970, sebanyak 33.7 peratus daripada penduduk berumur berumur 10 tahun dan ke atas tidak bersekolah dan ia berkurangan kepada 15.9 peratus tahun 1991. Bagi dua tempoh tersebut pencapaian setakat sekolah menengah telah meningkat daripada 15.7 peratus tahun 1970 kepada 40.6 peratus tahun 1991. Manakala yang berkelulusan terdiri daripada 1.4 peratus tahun 1991. Ini bermakna tahap pencapaian pendidikan di Kedah masih rendah dan usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan rakyat mesti diperkuatkan. Ini selaras dengan perkembangan ekonomi negeri yang memerlukan pelajar berkemahiran tinggi. Setakat ini kemajuan pendidikan di negeri Kedah agak seimbang dengan kemajuan pendidikan negeri lain di Malaysia. Pencapaian ini dilihat daripada segi jumlah sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi dan bilangan guru yang disediakan. Sehingga tahun 1997 Kedah mempunyai 500 buah sekolah rendah dan 126 sekolah menengah akademik. Manakala Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional masing-masing 3 buah setiap satu (Jadual 5). Ini bermakna Kedah boleh menampung kira-kira 7.0 peratus daripada jumlah sekolah rendah di Malaysia dan 8.6 peratus daripada jumlah sekolah menengah.

Di Kedah kadar pelajar sekolah rendah dan menengah rendah (Tingkatan 1-3) adalah yang terbesar. Pada tahun 1997, seramai 221,865 pelajar sekolah rendah atau 8.5 peratus daripada jumlah pelajar rendah seluruh negara adalah dari negeri Kedah. Manakala pelajar sekolah menengah rendah seramai 91,252 orang atau 7.6 peratus daripada keseluruhan pelajar (Jadual 6). Berbanding dengan perangkaan tahun 1972, bilangan pelajar sekolah rendah bertambah sebanyak 46.6 peratus. Ini bermakna sekiranya kadar kelahiran di masa depan masih konstant pada kadar sekarang, pelajar sekolah rendah dijangka bertambah di antara 1.8-2.0 setahun. Kepentingan pembangunan sumber manusia yang lebih sistematis diperingkat sekolah rendah perlu diberi keutamaan. Segala usaha hendaklah dilakukan bagi membaiki kualiti sekolah rendah dan juga menengah agar segala kebolehan, kemahiran serta kepintaran pelajar dapat disemai bagi melahirkan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi. Peratusan pelajar yang mendapat 5A perlu dipertingkatkan. Dasar pembangunan sumber manusia ini wajar mendapat perhatian dan keperihatinan semua pihak termasuk ahli-ahli politik, penggubal dasar, komuniti dan ibu bapa yang bertanggungjawab mengawasi prestasi pendidikan anak-anak mereka.

Di Malaysia terdapat tiga peringkat persekolahan menengah atas (Tingkatan 4-5). Contohnya di Kedah, 40,429 atau 92.0 peratus daripada 43,927 pelajar tahun 1997 adalah aliran akademik (Jadual 7). Manakala aliran Teknik 3.2 peratus dan Vokasional 4.8 peratus. Perangkaan pecahan aliran akademik bagi sains dan sastera tidak diperolehi. Isu penting yang dilihat ialah kekurangan pelajar Teknik dan Vokasional. Ini bukan sahaja berlaku di Kedah malah disemua negeri di Malaysia. Oleh itu, satu dasar pendidikan Teknik dan Vokasional yang lebih komprehensif perlu diperkenalkan supaya sekurang-kurangnya 10.0 peratus pelajar dapat mengikuti kedua-dua aliran ini. Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah komponen pendidikan yang secara langsung berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki oleh penduduk dan pekerja dalam kebanyakan industri pembuatan dan perkhidmatan (Power, 1999). Oleh itu, pembangunan sumber tenaga manusia untuk sektor perindustrian perlu mengandungi dasar-dasar dan program-program untuk mempertingkatkan dan membaiki latihan dan kemahiran bagi mencapai cabaran masa depan (Othman Yeop Abdullah, 1990; Yeop Abdullah Ibrahim, 1994).

Jadual 5
Bilangan Sekolah Rendah Menengah, Teknikal dan Vokasional Bantuan Kerajaan
Menurut Negeri di Malaysia 1972, 1977, 1987* dan 1997*

| Negeri | Sekolah rendah | | | | Sekolah Menengah | | | | Sekolah Menengah | | | | | |
|----------------------------------|----------------|------|------|------|------------------|------|------|------|------------------|-------|------|------|---|---|
| | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | T | V |
| | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | T + V | T + V | T | V | T | V |
| Johor | 743 | 735 | 745 | 814 | 90 | 97 | 126 | 159 | 5 | 5 | 1 | 7 | 7 | |
| Kedah | 469 | 460 | 488 | 500 | 90 | 74 | 110 | 126 | 3 | 3 | 1 | 2 | 3 | 2 |
| Kelantan | 325 | 330 | 348 | 405 | 59 | 66 | 84 | 110 | 1 | 1 | - | 2 | 4 | - |
| Melaka | 215 | 217 | 218 | 217 | 37 | 43 | 50 | 54 | 2 | 2 | 1 | 2 | 3 | - |
| N. Sembilan | 313 | 307 | 313 | 324 | 61 | 46 | 62 | 74 | 4 | 4 | 1 | 4 | 5 | 2 |
| Pahang | 364 | 386 | 429 | 476 | 70 | 64 | 85 | 105 | 5 | 5 | 1 | 5 | 5 | 4 |
| Perak | 778 | 775 | 776 | 813 | 154 | 115 | 139 | 168 | 3 | 3 | 1 | 4 | 4 | 5 |
| Perlis | 53 | 53 | 58 | 63 | 15 | 13 | 15 | 18 | 1 | 3 | - | 1 | 2 | - |
| P. Pinang | 242 | 235 | 241 | 244 | 53 | 55 | 62 | 76 | 3 | 1 | 1 | 3 | 4 | 1 |
| Sabah | 726 | 811 | 915 | 994 | 110 | 96 | 104 | 144 | 2 | 2 | - | 6 | 2 | 5 |
| Sarawak | 1219 | 1254 | 1271 | 1251 | 110 | 118 | 120 | 140 | 2 | 2 | - | 5 | 1 | 5 |
| Selangor | 593 | 249 | 275 | 304 | 127 | 122 | 106 | 71 | 3 | 2 | 1 | 1 | 4 | - |
| Terengganu | 249 | 581 | 464 | 520 | 24 | 29 | 49 | 152 | 2 | 3 | - | 2 | 3 | 1 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | - | - | 153 | 173 | - | - | 54 | 173 | - | - | 1 | 2 | 2 | 1 |
| Wilayah Persekutuan Labuan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

Sumber: Buletin Perangkaan Sosial 1972, 1977, 1987 & 1997.

Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak 1983.

Siaran Perangkaan Tahunan Sabah 1981.

*Seperti pada 30hb Jun 1987 dan 1997.

Jadual 6
Bilangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah Rendah (Tingkatan 1-3)
Bantuan Kerajaan Menurut Negeri di Malaysia 1972, 1977, 1987 dan 1997

| Negeri | Sekolah Rendah | | | | | Sekolah Menengah Rendah | | |
|----------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|---------------|-------------------------|---------------|----------------|
| | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972* | 1977 | 1987 | 1997 |
| Johor | 233308 | 245367 | 271714 | 337486 | 79839 | 95473 | 113925 | 146872 |
| Kedah | 151299 | 165024 | 174794 | 221865 | 48310 | 63744 | 71847 | 91252 |
| Kelantan | 104103 | 122398 | 166359 | 219857 | 37237 | 45954 | 60536 | 80387 |
| Melaka | 72705 | 70181 | 68598 | 80778 | 29743 | 32737 | 33876 | 39130 |
| N. Sembilan | 91844 | 87930 | 96434 | 112865 | 35433 | 39104 | 42944 | 56778 |
| Pahang | 85176 | 104697 | 146440 | 181107 | 28394 | 36034 | 57541 | 74997 |
| Perak | 265749 | 279438 | 280738 | 284919 | 102933 | 110168 | 131686 | 140153 |
| Perlis | 19044 | 20075 | 22777 | 28913 | 7159 | 8922 | 9681 | 13036 |
| P. Pinang | 122660 | 124383 | 126713 | 134663 | 54566 | 58794 | 64061 | 66819 |
| Sabah | 117831 | 128261 | 202852 | 298063 | 39035 | 56338 | 70388 | 102437 |
| Sarawak | 151313 | 184509 | 218501 | 259136 | 38015 | 77658 | 90763 | 101634 |
| Selangor | 266581 | 300364 | 256408 | 384385 | 114541 | 117805 | 99339 | 158609 |
| Terengganu | 65510 | 74410 | 104953 | 150133 | 19532 | 26281 | 32258 | 58033 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | - | - | 131312 | 150526 | - | - | 58499 | 69697 |
| MALAYSIA | 1747123 | 1907037 | 2268593 | 2844696 | 634737 | 769012 | 937344 | 1199834 |

Sumber: Buletin Perangkaan Sosial Semenanjung Malaysia, 1972, 1977, 1987 & 1997.

Siaran Perangkaan Tabungan Sarawak 1980.

Siaran Perangkaan Tabungan Sabah 1981.

*Data Bagi Semua Murid Sekolah Menengah.

Isu kekurangan pelajar sekolah menengah mengikuti jurusan teknik dan vokasional memang ketara. Mengikut kajian UNESCO, secara purata hanya 4.87 peratus pelajar sekolah menengah di negara membangun mengikuti kedua-dua jurusan tersebut di antara tahun 1960-96, manakala di negara maju sebanyak 17.30 peratus (Atchoarena & Caillods, 1999). Di Eropah dan di Amerika Latin dan di Caribbean di antara 24.00-25.00 peratus. Kadar terendah ialah di Asia Selatan iaitu hanya 1.63 peratus dalam tempoh yang sama (Atchoarena & Caillods, 1999). Berdasarkan data ini tumpuan kepada pendidikan menengah dalam jurusan teknik dan vokasional di Malaysia perlu ditambah untuk menampung keperluan tenaga manusia terlatih menjelang tahun 2020.

Di Malaysia terdapat tiga aliran pengajian di peringkat pasca menengah. Aliran-aliran tersebut ialah akademik (Sains dan Sastera) dan Teknik. Bidang akademik sastera mempunyai jumlah pelajar yang ramai. Bagi aliran akademik di Kedah sebanyak 81.0 peratus adalah pelajar sastera dan tiada pelajar dalam aliran Teknik tahun 1991 (Jadual 8). Di peringkat tingkatan 6 bilangan pelajar sains memang berkurangan kerana sebahagian besar pelajar Melayu mengikuti program matrikulasi yang dahulunya dikendalikan oleh IPTA dan sekarang ini diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan.

Satu perkara penting yang berkaitan dengan pendidikan ialah keputusan PMR dan SPM. Berdasarkan keputusan PMR 1997 daripada 27,025 calon sekolah bantuan kerajaan hanya 2.5 peratus atau 674 calon yang mendapat 7A hingga 9A (Jabatan Perangkaan, 1998; 136). Kadar ini adalah rendah berbanding dengan Selangor 5.2 peratus, Pulau Pinang 4.7 peratus, Perak 3.1 peratus dan Pahang 2.6 peratus. Dalam keputusan peperiksaan SPM pada tahun 1997 daripada 18,811 calon sekolah bantuan kerajaan, 25.1 peratus mendapat pangkat pertama. Tetapi bagi peratus lulus keseluruhan berada di tempat kedua terbahwa sebanyak 69.2 peratus (Jabatan Perangkaan, 1998;139). Berdasarkan tahap kelulusan yang disebut ia dianggap memuaskan tetapi pencapaian yang lebih tinggi adalah diperlukan. Pihak sekolah, masyarakat, guru dan ibu perlu bersatu tenaga dalam PIBG untuk membantu sekolah merangka program tindakan bersepadan bagi mempertingkatkan lagi pencapaian pendidikan bagi sekolah rendah dan menengah.

Di samping itu, pembinaan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok dapat menghasilkan graduan dalam bidang pengurusan dan perniagaan untuk keperluan sumber tenaga negara. Contohnya kawasan Perindustrian Teknologi Tinggi di Kulim di samping menawarkan peluang pekerjaan ia juga sebagai pusat perkembangan dan inovasi teknologi seperti bidang teknologi tinggi, teknologi maklumat dan sebagainya.

Satu lagi aspek penting ialah kehadiran ke sekolah. Pada tahun 1990, hanya 63.0 peratus daripada pelajar sekolah rendah memasuki sekolah menengah rendah dan ia meningkat kepada 95.9 peratus tahun 1997 (Jabatan Perangkaan, 1992a; 1999). Peratus daripada jumlah kehadiran murid sekolah menengah rendah ke tingkatan empat telah meningkat daripada 64.0 peratus tahun 1990 kepada 92.7 peratus tahun 1997. Ini merupakan satu perkembangan yang positif, kerana sebahagian besar murid mendapat pendidikan setakat tingkatan lima dan ini boleh menjadi asas kepada mereka untuk mengikuti sebarang latihan kemahiran dengan berkesan.

Malaria, Tibi dan Denggi

Satu lagi aspek demografi sosial yang penting adalah kejadian penyakit-penyakit berbahaya di Malaysia. Pada tahun 1997 dilaporkan Malaria sebanyak 26,649 kes, Tibi 13,535 dan Demam Denggi 18, 642 kes. Walau bagaimanapun, penyakit berjangkit Tibi dan Demam Denggi membimbangkan apabila masing-masing mencatatkan 710 dan 509 kes tahun 1997. Di Malaysia penyakit Tibi telah menyebabkan 566 kematian pada tahun 1997 (Jabatan Perangkaan, 1998). Dalam kes-kes seperti ini, masyarakat perlu diingatkan supaya sentiasa berwaspada melalui penjagaan kesihatan melalui kualiti perumahan dan persekitaran dalam kehidupan seharian. Pemeriksaan kesihatan yang berjadual dapat membantu mencegah penyakit berjangkit seperti Tibi yang boleh membawa maut. Penyakit malaria dan denggi yang menjangkiti manusia melalui gigitan nyamuk yang dibiakkan dalam takungan air adalah amat berbahaya kepada manusia. Usaha membasmi penyakit ini melibatkan semua pihak melalui pemeriksaan dan pemusnahan bekas takungan air dan lopak yang menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Jadual 7
Bilangan Murid Sekolah Menengah Atas (Tingkatan 4-5) Bantuan Kerajaan
Bagi Negeri di Malaysia 1972, 1977, 1987 dan 1997

| Negeri | Akademik | | | | Teknik | | | | Vokasional | | | |
|-------------------------------------|-----------|---------------|---------------|---------------|-----------|--------------|------------|-------------|------------|------------|--------------|--------------|
| | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972 | 1977* | 1987 | 1997 | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 |
| Johor | TD | 28560 | 39120 | 62034 | TD | 2062 | 668 | 2908 | TD | TD | 2959 | 1025 |
| Kedah | TD | 18081 | 24894 | 40429 | TD | 1037 | 450 | 1414 | TD | TD | 1016 | 2084 |
| Kelantan | TD | 17403 | 26926 | 38227 | TD | 421 | - | 1382 | TD | TD | 798 | - |
| Melaka | TD | 10946 | 13307 | 17168 | TD | 1045 | 668 | 1978 | TD | TD | 900 | - |
| N. Sembilan | TD | 11591 | 15845 | 27691 | TD | 1158 | 590 | 3023 | TD | TD | 1475 | 395 |
| Pahang | TD | 9890 | 19073 | 33371 | TD | 1999 | 556 | 1842 | TD | TD | 1618 | 1389 |
| Perak | TD | 30520 | 11405 | 62205 | TD | 1412 | 505 | 1840 | TD | TD | 1672 | 2790 |
| Perlis | TD | 2994 | 3815 | 5928 | TD | 431 | - | 1353 | TD | TD | 572 | - |
| P. Pinang | TD | 16855 | 21915 | 29775 | TD | 1627 | 750 | 1648 | TD | TD | 1181 | 400 |
| Sabah | TD | | 20612 | 44994 | TD | TD | - | 699 | TD | TD | 1363 | 1221 |
| Sarawak | TD | | 28286 | 44749 | TD | 1683 | - | 442 | TD | 590 | 1615 | 1234 |
| Selangor | TD | 33713 | 32040 | 88094 | TD | 877 | - | 980 | TD | TD | 941 | 563 |
| Terengganu | TD | 9447 | 13632 | 27788 | TD | 877 | 529 | 2411 | TD | TD | 941 | 414 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | TD | - | 21510 | 31932 | TD | - | 576 | 1458 | TD | TD | 941 | 414 |
| MALAYSIA | TD | 190000 | 328090 | 534383 | TD | 13750 | 668 | 5229 | TD | 590 | 17527 | 11515 |

Sumber: Buletin Perangkaan Sosial 1972, 1977, 1987 & 1997.

* - Termasuk Murid Vokasional

TD- Tidak Diperolehi

Jadual 8

**Bilangan Murid-Murid Sekolah Pasca Menengah (Tingkatan 6) Bantuan Kerajaan
Menurut Negeri di Malaysia 1972, 1977, 1987 dan 1997**

| NEGERI | AKADEMIK | | | | | | | | TEKNIK | | | |
|----------------------------------|----------|-------|-------|-------|---------|-------|-------|-------|--------|-------|------|------|
| | SAINS | | | | SASTERA | | | | | | | |
| | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972 | 1977 | 1987 | 1997 | 1972 | 1977* | 1987 | 1997 |
| Johor | 317 | 1437 | 2577 | 1122 | 402 | 1781 | 3415 | 2597 | TD | 60 | 11 | - |
| Kedah | 198 | 909 | 1139 | 881 | 274 | 1244 | 3324 | 3839 | TD | 108 | - | - |
| Kelantan | 87 | 1315 | 981 | 369 | 156 | 587 | 3652 | 4732 | TD | - | - | - |
| Melaka | 166 | 682 | 957 | 615 | 168 | 531 | 1489 | 1427 | TD | 42 | 38 | - |
| N.Sembilan | 162 | 845 | 970 | 404 | 219 | 873 | 1554 | 1066 | TD | - | 38 | - |
| Pahang | 119 | 387 | 789 | 378 | 104 | 512 | 1778 | 1853 | TD | - | 76 | - |
| Perak | 538 | 1649 | 3472 | 2574 | 486 | 1788 | 3720 | 2395 | TD | 80 | 10 | - |
| Perlis | 19 | 170 | 163 | - | 19 | 175 | 589 | - | TD | - | - | - |
| P.Pinang | 447 | 1144 | 1884 | 1598 | 365 | 1132 | 1995 | 2019 | TD | 255 | 101 | - |
| Sabah | TD | TD | 513 | 191 | TD | TD | 1731 | 4827 | TD | - | - | - |
| Sarawak | TD | TD | 1055 | 817 | TD | TD | 1727 | 3514 | TD | - | - | - |
| Selangor | 904 | 2382 | 1872 | 1644 | 840 | 1857 | 2962 | 2259 | TD | 114 | - | - |
| Terengganu | 27 | 486 | 391 | 208 | 139 | 293 | 1527 | 1826 | TD | - | 57 | 71 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | - | | 1680 | 1046 | - | - | 1885 | 851 | TD | - | 51 | - |
| MALAYSIA | 2984 | 11406 | 18443 | 11847 | 3172 | 10773 | 26281 | 33854 | | 757 | 382 | 71 |

Sumber: Buletin Perangkaan Sosial Semenanjung Malaysia, 1972, 1977, 1987 & 1997.

* Ternasuk Murid Vokasional

TD- Tidak Diperolehi

Kemalangan Maut

Di Malaysia pada tahun 1997, Negeri Sembilan mencatatkan kadar kemalangan maut tertinggi iaitu 43.8 per 100,000 penduduk. Di Kedah ia mencatatkan 28.7 kematian per 100,000 penduduk. Kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Perlis dan Kelantan, semua negeri lain mempunyai kadar kemalangan maut yang lebih tinggi iaitu 28.4 per 1,000. Berkat kempen keselamatan dan kerjasama semua pihak kadar kemalangan maut menurun sedikit pada tahun 1998. Di Malaysia kadarnya menurun kepada 25.8 dan di Kedah menurun kepada 26.4 per 100,000 penduduk. Menjadi tanggung jawab semua pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati semasa memandu kerana ianya dapat membantu mengurangkan kemalangan dan kematian di masa akan datang.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, negeri Kedah telah mengalami kemajuan sosial dan peralihan demografi yang pesat. Paling ketara berlaku peralihan daripada kadar kelahiran yang rendah dalam dekad 1990-an. Kesan peralihan ini, golongan pekerja telah bertambah dan penduduknya semakin matang. Pembangunan ekonomi, perubahan sosial dan peralihan demografi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan transformasi ekonomi negeri yang kini memberi tumpuan kepada melahirkan masyarakat pertanian dan perindustrian serta perdagangan moden yang dapat bersaing diperingkat antarabangsa. Namun begitu, peralihan sosial paling jelas adalah peningkatan umur berkahwin akibat daripada pembandaran, peningkatan pendidikan dan pekerjaan. Beberapa perancangan strategik pendidikan perlu dilaksanakan. Kedah mempunyai sumber manusia yang banyak dan usaha melahirkan lebih banyak pekerja berkemahiran tinggi, profesional dan teknikal melalui dasar-dasar pembangunan sumber manusia yang terancang perlu disegerakan. Ini melibatkan pendidikan dalam bidang sains, teknik dan vokasional yang perlu diutamakan. Berdasarkan ukuran kematian bayi tahap kesihatan di Kedah bertambah baik dan bebas daripada penyakit berbahaya. Walau bagaimanapun bahaya penyakit sistem peredaran darah (sakit jantung) dan barah Malignant (paru-paru, usus, payudara) akan menjadi sebab-sebab utama kematian di masa akan datang. Akhir sekali berdasarkan kemajuan sekarang Kedah mempunyai masa depan yang cemerlang dalam pembangunan sosioekonomi dan sumber manusia serta boleh bersaing diperingkat negeri dan antarabangsa.

Bibliografi

- Abdul Majid bin Ismail (1974). The history of early medical and health services in Malaysia. *Malaysian History*, 17 (2) 6-25.
- Atchoarena, D., & Caillods, F. (1999). Technical education: A dead end or adapting to changes? *Prospects*, 29 (1) 67-87.
- Department of Statistics (1959). Population Census - Report State of Kedah, Report 4. Kuala Lumpur.

- Hall, R. (1984). Changing fertility in the developing world and its impact on global population growth. *Geography*, 69: 19-27.
- Jabatan Perangkaan (1975). *Buletin Perangkaan Sosial Semenanjung Malaysia* 1972. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan (1976). *Penduduk-penduduk Malaysia*, Kuala Lumpur.
- _____(1981). *Banci Perumahan Malaysia 1980-Laporan Ringkasan*. Kuala Lumpur.
- _____(1992). *Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1990*. Kuala Lumpur.
- _____(1992a). *Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 1990*. Kuala Lumpur.
- _____(1995). *Laporan Am Banci Penduduk 1991, Jilid, 1*. Kuala Lumpur.
- _____(1995a). *Laporan Banci Perumahan Malaysia 1991*. Kuala Lumpur.
- _____(1997). *Bank Data Negeri/ Daerah Malaysia, 1997*. Kuala Lumpur.
- _____(1998). *Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia 1997*. Kuala Lumpur.
- _____(1998). *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia 1998*. Kuala Lumpur.
- _____(1998a). *Bank Data Negeri/ Daerah Malaysia 1998*. Kuala Lumpur.
- _____(1999). *Bank Data Negeri/ Daerah Malaysia 1999*. Kuala Lumpur.
- Malaysia (1984). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____(1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____(1999). *Kajian Separuh Penggal. Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Othman Yeop Abdullah (1990). Human resources development for industrialization. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 21 & 22, 91-97.
- Power, C.N. (1999). Technical and vocational education for the Twenty-First century. *Prospect*, 29 (1): 29-36.
- United Nations (1999). *World Population Prospects- The 1998 Revisions*. New York.

- Usman Haji Yaakob (1995). Pengaruh faktor-faktor Sosio-Budaya ke atas mortaliti bayi; Satu kajian kes mortaliti bayi Melayu di Negeri Kedah Darul Aman. Latihan Ilmiah. Universiti Sains Malaysia.
- _____(1996, Oktober). Perbezaan kadar mortaliti bayi di antara kawasan bandar-Luar Bandar, daerah pentadbiran dan Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, 1981-1990. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 3, 71-93.
- _____(1999). Satu analisis tentang penerusan penurunan kesuburan di Semenanjung Malaysia, 1957-1995 dan kesannya ke atas demografi negara. Kertas Kerja Seminar sehari Isu-Isu Kependudukan Malaysia II. Fakulti Matematik, UKM, Bangi, Selangor, 1 April.
- _____(2000). Pengaruh faktor biologi dan sosialbudaya ke atas kematian bayi Melayu dalam pembangunan dan dinamika Masyarakat Malaysia, Mohd. Razali Agus & Fashbir Noor Saidin, eds. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 48-80.
- Yeop Abdullah Ibrahim (1994). Human resources development for industrialization, *Malayan Management Review*, 29 (1)76-78.
- Zaharah Hj. Mahmud (1972). The population of Kedah in the nineteenth century. *Journal of Southeast Asian Studies*, 3 (2) 193-209.



ENCOURAGING ETHICAL BEHAVIOR AMONG OFFICIALS: CASE OF POLICE DEPARTMENT IN KEDAH

*Zalinah Ahmad
Sabitha Marican*

Ethical guidelines play a prominent role in the life of civil servants. Civil service ethics does shape the behavior and discipline of the Malaysian Civil Servant. These guidelines reinforce good values as well as enhance efficiency in work. Campaigns that have been launched by government such as "Leadership by Example", "Bersih, Cekap, Amanah," are aimed to increase efficiency and quality of services offered by public agencies so that public will put a confidence on them. This is a preliminary study on the issue of whistleblowing an act of disclosure by a person on the possible of wrong doing, illegal or unethical activity within an organization. This paper will look at the factors that might encourage and discourage police officials to whistleblow on any incongruent behavior in their work place. Study amongst police officials in state of Kedah shows that they will report any incidents that might be classified as misbehavior or unethical behavior that will damage the image of the organization. They are more likely to report internally such as to immediate supervisor, or to upper management level, rather than to media, Anti-Corruption Agency or Public Complaint Bureau. It is suggested that management should maintain a good relationship to all levels of police officers within the department. Besides, there should have open communication in effort to enhance the good image and the quality of services delivered by the police department.

Introduction

Public officials are the groups that deliver services to public as well as carry out the image of the government. Article 132 in Malaysian constitution states about the nature of public service which include the armed forces, judicial and legal service, general public service of the Federation, and police force, just to name a few. To ensure the efficiency and effectiveness in delivering services, there is no doubt that public officials have to abide with the rules and guidelines that have been pointed out by Malaysian government. Although the government has come up with a lot of policies and try to instill values such as "Bersih, Cekap dan Amanah", "Leadership by Example", and "Tonggak 12", reports about unethical and illegal activities that are wasteful, fraudulent and harmful to the public in the management and government still persist. The police officials also include in this situation in which many of them were held for engaging in corruption, misuse of power and so on. Most of the investigations were carried out following public complaints. For instance,

about 231 policemen were investigated ranging from constables, traffic, chief police and inspectors and they involved in various breaches of discipline (Koleksi Berita Rasuah, 1997).

Whistleblowing is a disclosure of illegal practices and unethical behavior by public servants. According to Miceli and Near (1984), the whistleblowing has been defined as the disclosure by organization members (former or current) of illegal, immoral, or illegitimate practices under the control of their employers, to persons, or organizations that may be able to effect action. Whistleblowing involves action which refers to an individual's doing something such reporting of wrongdoing that others (including organizations) engaged. This paper based on survey towards police officials in state of Kedah about their perceptions on the issue of whistleblowing. First, the demographic background of police officials will be briefly stated. Second, the paper will discuss about the issue of knowledge about whistleblowing procedures and confidence towards department's capability to handle the issue, third, information about alleged individual and to whom they lodged complaints also will be presented. This paper also will look at the motivating factors that encourage police officials to whistleblower. Finally, the consequences they faced due to reporting also will be mentioned.

Objectives Of The Study

This study intends to look at the trends of whistleblowing among the senior police officials. Specifically there are

- 1) to look at the general characteristics of the whistleblower
- 2) to look at factors that encourage whistleblowing
- 3) to see the consequences of whistleblowing faced by police officials

This study obtained information via population study regarding the trend and consequences of whistleblowing amongst police official by means of a cross-section surveys. The instrument was adapted from the U.S. Merit Systems Protection Board (1993) to obtain trends towards whistleblowing. The sample is made up of senior police officials in Kedah. There are eleven district police departments and one state headquarter with a population about 335 senior police officials in the state of Kedah who acted as the simple of this study. The survey was operated by distributing questionnaire to all senior officials and was returned via mail. A total of 226 questionnaire was mailed back, amounting to 67.46% respond rate.

This study was based on survey among police officials in Kedah. The sample consists of 95.1% males and 4.9% females. The majority of respondents are Malays (83.6%) and the rest are Indians (2.7%), Chinese (9.3%) and from other races (4.0%).

In terms of marital status, 86.3% of police officers have married, 13.3 % are not married and 0.4% divorced. Majority of the respondents are middle age , whereby more than 69.6% are between 36 to 50 years old. Results indicate that almost half of the population have 1-3 children. And 34.1% have 4 - 6 children and only 3.1% have 7-9 children. Almost 55% of the respondents have monthly income that ranges between 1500 - 2500.

22.1% of the respondents have income ranging 1000-1500 and only 12.1% of the respondents have income ranging 2501 - 3000. Thus the majority of the income group is between RM1500-2500 per month. Results show that 24.3% of the respondents are graduates and the majority of the senior officers are non-graduates. The respondents also were divided into different groups based on their period of services to police department. From the data, 61.9% respondents in this study has been 16 to 30 years in the service.

Respondents were classified into two groups which are whistleblowers (WB) and non-whistleblowers (NWB). WB are respondents who are those have seen or reported an illegal or unethical activity. Meanwhile non-whistleblowers (NWB) are those respondents who have not seen or not reported the illegal or unethical activity. Results indicated that 53.5% of respondents are WB and 46.5 of respondents are NWB. Though they are police officials it is not unusual that they do not whistleblow as past studies showed that people tend to ignore and not to report the wrong doing when they watch it and they are not likely to blow the whistle if they saw the wrong doing within the organization (Burton & Near, 1995; Miceli & Near, 1988).

The finding also indicated the tendency to report increase with age. Whereby most of the WB are in the range of between 36-50 years old. Most of them have STPM (68.50%) and earned between RM200 1-2500 per month. In relation to the above study, findings in this study indicated that respondents with less children (1-3) tend to lodge more complaints (35.7%) compared to the ones with more children (4-6) that is 26.2%.

Table 1
Number of Children and Lodge Complaints

| Number of Children | YES |
|--------------------|-------|
| 1-3 | 35.7% |
| 4-6 | 26.2% |
| 7-9 | 0.0% |

$$X^2 = 6.891$$

$$P = 0.032$$

It was suggested that (Ewing, 1983; Weinstein, 1979) the employees that more likely blow whistle are not the disloyal, marginally socialized as they are frequently perceived to be. Quite the contrary, moderate levels of organizational commitment resulted in the greatest propensity to report wrongdoing, suggesting that likely whistleblowers are fairly well-integrated into their organizations. Therefore attempts to discourage whistleblowing seem to only damage an organization already facing a problem.

Accordingly, past study also showed that if employees perceive that management treats them fairly, they will be more likely to assist management by reporting the misconduct of their peers. For this to happen than the management must try to reduce the gap between the expectation and what they have been actually rewarded by the organization. In this survey, respondents felt that they were not properly rewarded for what they have achieved. Some of the major reasons were due to unfair process for performance evaluation; lack of support from upper management to recommend for promotion; inadequate academic qualification, and lacking seniority. A lower percentage of the senior official felt they were not rewarded due to their age, race, and political affiliation. Meanwhile only a minority of them felt it was due to marital status (1.3%), or gender (1.3%). Thus here we can than safely assume here that there is no gender discrimination in terms of rewards among the senior police officials even though the majority of them are male officers (95.2%).

Knowledge On Whistleblowing Procedures

Results also showed that observers who reported illegal or wasteful activities tended to be somewhat knowledgeable about the procedures regarding whistleblowing in the organization. On the overall 76.9% of the respondents were aware of the existing reporting procedures. Meanwhile 19.7% of respondents know little and 3.5% of respondents know nothing of such procedures. Generally there were more WB (53%) compared to non WB (46.5%). Studies of public-sector employees (Miceli, 1988) suggest that internal disclosures are more likely where employees are highly aware of established communication channels. This shows that the respondents are quite highly aware of the reporting channels (76.9%) in the organization.

Confidence Towards Organization

On the overall, 36.3% of them felt less confident that they will be protected, 54.0% of them feel confident that they will be protected by the organization, and 9.3% of them feel no confidence at all that they will be protected. This shows that almost 90% of the police officers is quite confident that they will be protected if they whistleblower. This is a good sign since past studies shows that (Micelli and Janet, 1992) whistleblowers are typically above average performers who are highly committed to the organization, and not disgruntled employees out for revenge. Thus we can safely assume that this is a significant asset for the police department having employees that are confident towards the organization. Furthermore, this high percentage also indicated that the respondents have a prosocial component involving perceived responsibility to other (Graham, 1986) and a loyalty component reflecting the level of commitment to one's organization (Hirschmann, 1986). This is backed up by the findings that 97.3% of the respondents felt that it is their responsibility to report any illegal or immoral activities that occurs in their organizations.

Results in the Table 2 showed that the respondents with better knowledge about the whistleblowing procedures have higher confidence that they will be protected by the organization if they whistleblower than otherwise. This is in line with past studies that the increased level of protection will encourage individual to whistleblower any illegal or immoral activities.

Table 2
Degree of Knowledge and Confidence

| Confidence | Knowledge Percentage | Protection Percentage |
|------------|----------------------|-----------------------|
| Much | 76.9 | 54.6 |
| Less | 19.7 | 36.2 |
| None | 3.5 | 9.2 |

The Alleged Individual

Results showed that report will be made or was made against all levels of workers regardless of the hierarchy of the employees.

Table 3
Whom They Make A Report on

| Alleged Individual | WB Percentage (%) | NWB Percentage (%) |
|-------------------------------------|-------------------|--------------------|
| Immediate supervisor | 32.8 | 62.3 |
| Supervisor (upper level management) | 22.1 | 58.5 |
| Peer worker | 25.4 | 53.8 |
| Lower level worker | 59.0 | 62.3 |
| Others | 7.4 | 16.2 |

On the overall, the trend among the respondents is that they tend to choose to report more about over level workers and not towards their supervisors, peer workers or the top management. We can assume that this happen because it incurs low risk for the respondent in doing so. As past study showed that reporting a peer's wrong doing to higher authorities may be more difficult than reporting a superior (Cerrato, 1988), because of group norms against reporting peers misconduct (Greenberger et al., 1987) and because of stronger identification and empathy towards peers (Randall and Gibson, 1991).

This result also has close relationship with the previous findings whereby the respondents whom choose to complain (WB) was displeased by their supervisors and their peer workers. Thus the climate of the organization may also reflect the member's confidence in complaint recipients' trustworthiness or where the climate suggests preservation of confidentiality (Graham, 1986). For example, stress the importance of knowing the views of the employees

where whistleblowing is concerned that is whether the recipients treat the matter as a direct breach of an employees duty of loyalty to an employer. Also, whether the employees should have legal protection from the employer's retaliation. These views would affect how the employers choose to respond to whistleblowers and whether whistleblowing should be treated as an effective management tool of organizations or otherwise supportive in order to promote an ethical environment in the organization. The reason is work group members pay close attention to how management responds to rule violations. An appropriate punishment response to rule violation serves to maintain behavioral standards. Besides, it symbolizes the value of norm conformity (Blau, 1964) that makes an. Hence, we can conclude that top management and also co-workers of the organization under study should be equally example of the rule violator, and also contributes to the perception that the organization is a just place where rule violators get their just deserts. On the other hand, failure to impose deserved punishment leaves the social order unbalanced and raises questions about the group's belief systems, norms, and values. Thus if employees believe that it is their responsibility to monitor and report misconduct, they should be more inclined to do so.

To Whom They Lodged Complaint

Results showed that individual whom lodged complaints preferred internal reporting mechanism (peer workers, immediate supervisor, top management) as opposed to external reporting mechanism such as media (0.8%), Anti-Corruption Agency (4.1%), Bureau of Public Complaints (0.8%), and local representative (1.6%). Thus there exists recognition by employees of a hierarchy of proper whistleblowing outlets: internal first than to this enforcement agency. Respondents also reported to responsible government/public officials, nearby police department, sent anonymous letters (surat layang) and some of them took effort to write in the a report on the wrongdoer. From the survey, it shows the respondents are more likely to go to upper-level management and their immediate supervisor than to go outside to whistleblow the unethical or illegal activity that occurs within their organization.

Table 3
To Whom Respondents Reported the Incident (WB)

| To whom They Reported | WB Percentage (%) |
|-------------------------------|---------------------|
| Upper level management | 48.8 |
| Immediate Supervisor | 40.7 |
| Peer Worker | 25.2 |
| Family or Friends | 5.7 |
| Anti- Corruption Agency (BPR) | 4.1 |
| Others | 4.1 |
| Local Representative | 1.6 |
| Public Complaint Bureau | 0.8 |
| Media | 0.8 |

Thus the most frequently cited recipient of the report was the respondent's supervisor, top management or their colleagues. Given that respondents are more likely to have access to their colleagues and supervisors than anyone outside their workgroups, this seems logical recipient of such information. On the other hand the respondents rarely reported to the media, Anti-Corruption Agency, Bureau of Public Complaints or an advocacy group even though all of these groups have played important roles in increasing the ethical conduct among public servants.

From the above findings, it shows that WB prefers internal mechanism as compared to external mechanism. Internal whistleblowing is preferred to news media or other advocacy groups because it gives the chance to clarify before the complaint of wrong doing made public. This indicates a positive trend among the police officials that they have trust in their organisational internal whistleblowing mechanism. In fact such trend should be encouraged as top executives may actually be unaware of wrong doing committed by subordinates. Studies suggest that many employees who first report their concerns internally later go outside the company with their information if they perceive their organizations are unresponsive.

Thus internal complaints give them a chance to stop the wrongdoing before it is made public, thereby giving executives and "early warning system" on wrongdoing. We can assume here that the police force in this study showed a remarkably high level of confidence towards the internal whistleblowing and it was indicated by the respondents that they accept being responsible as part of their job. This requires policy where the employees must feel confident that they will not suffer personal reprisal for using internal channels to report perceived wrongdoing. This is important because whistleblowing studies suggest that employees who believe that management will retaliate for expressing concerns may be more likely to blow the whistle outside the organization (Keenan, 1988). Thus employees must believe that their concerns will be taken seriously and will be investigated. Hence whistleblowing policies that provide internal disclosure mechanism for employees offer a viable alternative to employees who wish to express concerns of an ethical nature. In this way it can promote a more ethical behaviour in organization.

Respondents on the whole also specifically suggested on how to encourage internal whistleblowing mechanism in the organization. Amongst them are, they want the report forms related to the wrongdoing to be filled out by the police officers within the organization. The form should include the procedures to be taken if they want to lodge a report. It should also have follow-up investigation. Further, the respondents felt that the upper management should be responsible and provide full support to those who want to lodge a report about the misbehavior that occurs in the police department. The incidents such as self-interest, ego should be eliminated in order to encourage officials to report a complaint. Besides, management should maintain a good relationship to all levels in police department and open communication in effort to enhance the good image and the quality of services delivered by the police department.

Respondents also felt that there should be a proper internal whistleblowing mechanism. As in this study they suggest that corrective action should be taken against the rule violators.

Also the officer who is in charge should inform to the reporter (whistleblower) about the progress of the corrective action taken by the management. Apart from taking immediate action, the management is also suggested to be responsible in solving the problem apart from being neutral.

Comparison Of Motivating Factors Between WB And NWB

Respondents identified various factors that might encourage them to report the illegal or unethical activity that happened within their organization. The five major factors that encouraged WB to report were factors related to the following:

- i) image of the organization that will be smeared (88.6%)
- ii) corrective action will be taken against the complaint (70.7 %)
- iii) the wrongdoers involved in the activity would be punished (44.7%)
- iv) the action will be recognized by organization for a good deed (48%)
- v) The activity was serious in terms of ethics though the implication on cost is small (42.61).

Meanwhile NWB perceived the following factors would encourage them to lodge a complaint. The factors were:

- i) threat to public life (71.7%)
- ii) effects the image of the organization (78.3%)
- iii) have financial implications to the organization (54.7%)
- iv) corrective action will be taken (51.9%)

The two common encouraging factors that exist between WB and NWB are they are concerned on the image of the organization, and corrective action will be taken when they whistleblow. Further what encouraged a person is that corrective action taken after a complaint is made will encourage individuals to come forward to make complaints.

In general both WB and NWB have similar factors that will motivate them to lodge a complaint. Only variation is that in reality more officers will be motivated to lodge a complaint if it the violation was against ethical aspect (71.7) than is a threat to public life (27.0) compared to NWB.

Identity of Whistleblower

From the survey, 27.9% of WB respondents said that their identity were being notified while 23.5% said that theirs were kept secret. If police force were to encourage whistleblowing than the management should make sure that the identity of the whistleblower should be kept as a secret and made it known to the whole organization about the policy. Also the respondents also feel that the identity of the wrongdoer should not be informed to others and just only inform alleged misdeeds of the individual without mentioning name. His or her identity should be kept amongs. Also there should not be any repercussions after the complaint is made by the whistleblower, but in fact is rewarded as a recognition of a good act.

Whistleblowers in this study mentioned that the legal protection should be guaranteed to them and also their identity should be kept anonymous. By notifying or informing their identity, it will risk the individual who made the complain. This factor should be given serious consideration as recent study (Keenan, 1990) suggest that the fear of retaliation may influence employees perception that their employer does not encourage internal disclosures or provide adequate information concerning the availability of internal disclosure channels. Guarantees against retaliation may well increase employees confidence in internal methods of disclosure.

The findings in this research is similar to the findings in Dozier and Miceli (1985), where by they proposed that prosocial actors including observers of wrongdoing consider the likely costs and benefits of acting. One potential cost of whistleblowing is rejection by the work group or by the organization, which may take the form of overt retaliation, ostracism, or harassment. Although retaliation does not always follow whistleblowing, (Near & Miceli, 1987) whistleblowers may fear that it can occur.

Further according to Larmer (1992) loyalty does not imply that we have duty to refrain from reporting the immoral or illegal actions of those to whom we are loyal. An employer who is acting immorally is not acting in her own best interest and an employee is not acting disloyally in blowing the whistle. Therefore, an employee who blows the whistle may be demonstrating greater loyalty than the employee who simply ignores the wrongdoing. Thus to increase loyalty in an organization the management has to find ways to increase whistleblowing among their employees.

Consequences of Whistleblowing

The reprisals faced by the WB took various forms. The most commonly cited threats or reprisals were no action were taken, no decision has been made, peer workers were not pleased about their action, their supervisor were not pleased by their action, got into more trouble. Further even though WB indicated that they believed that reporting as a part of their job, (31.4%) they were retaliated by their immediate supervisor, peer workers , the upper-level management when they lodged a complain. They got into more trouble (29.2), 6.6% was threatened and 97.2% said there was no compensation made for what they have gone through. WB also indicated that they were asked in return to further enhance the image of police department, some were transferred , the alleged individual was unhappy and hated them for reporting them. Meanwhile there was also positive experiences by the WB whereby they have been respected for their action and sincerity. For some corrective action was taken immediately and their identity was kept secret. Thus not all WB end up with bad consequences.

According to past study middle managers are more likely to support whistleblower if the wrongdoing is serious and affect badly to the organization. However, if the wrongdoing is institutionalized, meaning that the wrong doing is accepted by the organization, the retaliation towards whistleblower is more likely to occur (Miceli and Near, 1985; Weinstein, 1979). Respondents in this study also indicated that the management should be open and accept recommendations/suggestions and also ideas from lower level employees. Whereby

this can in turn create good relationship to all level in the organizations. Apart from that, the officers also agreed that the top management should be responsible to reduce the misbehavior among lower level employees. The management also should create a culture that encourages employees to lodge a complaint if they see the wrongdoing activity occurs within the organization. Respondents indicated that the culture can be promoted through campaign in order to create awareness among employees at all level.

The findings on the consequences faced by the whistleblowers is almost as common in other research. The fact that whistleblower calls attention to possible wrongdoing or illegitimate activity within his organization turns him into a controversial figure. He often pays the price for his disclosure and may face consequences such as being fired, harassment or transferred and sometimes reduced job responsibilities or salaries (Barnett, 1992). Actually, the member who of the organization who decide to report the wrongdoing that exists upset the power-dependency problem. As a result, the organization would to silence dissenters or to induce those who blow the whistle to leave the organization (Hirschman, 1970; Kolarske and Aldrich, 1980). Thus it is not surprising that NWB indicated that the upper management should show a positive reaction and set examples for the lower level work group towards an ethical work place.

Another interesting finding was that, on the overall the level of education and 'Consequence Faced' (Immediate Supervisor Unpleased with the Action) was significantly associated. Findings showed that the higher the level of education of the respondents, the lower is the impact of consequences regarding the immediate supervisor was not pleased with their action. Meaning that the higher their education the more confident they have regarding their action. This may be due to as findings presented by Near & Micelli (1985) professionals may have greater opportunities for alternative employment, and hence they may be less dependent on their employers, who may react negatively to whistleblowing. Also (Perucci, Anderson, Schendel, & Trachtman, 1980) research found that persons of higher professional status may be more likely to blow the whistle because they may receive greater levels of support from outside the organization. Further more, employees who have high levels of education or high salaries may have more employment alternatives and would be less dependent upon their current employers (Graham, 1984).

Table 4
Consequences Faces By WB By Education

| Level of Education | YES | NO |
|--------------------|-------|-------|
| SPM | 14.6% | 24.3% |
| STPM | 7.8% | 36.9% |
| Diploma | 5.8% | 2.9% |
| Bachelor Degree | 3.9% | 2.9% |
| Master's Degree | 1.0% | 0.0% |
| Total | 33.0% | 67.0% |

$$X^2 = 13.922$$

$$P = 0.0008$$

Recommendation

Actually, reporting the misconduct is apart of the police duties to perform their duty is to maintain and preserve the law as described by the Police Act 1967. Since the act of whistleblowing is a part of their prescribed job duties, individual police officers should have more power within the organization (Miceli and Near, 1985). By developing formal whistleblowing policies, the whistleblowing cases will be handled effectively. According to Barnett (1992) he outlined the necessary conditions to which whistleblowing can be effectively managed which are: i) appropriate steps to be taken should be known to employees so that they can communicate internally; ii) the reports that have been submitted will be further investigated and iii) the employees are secured from any reprisals or any such negative actions due to reporting. Thus it seems that these guidelines is in line with the expectation of the respondents in this study towards a better whistleblowing mechanism in the organization. Among other things that department can do are

- ⟨ actively solicit employees' views and give them feedback concerning their views
- ⟨ use organizational procedures effectively to ensure that any reports or complaint received within the organization will be handled through the existing channel
- ⟨ establish securely the existing channel that has been used to report any misconduct that exists within the organization without publicly known in order to secure public confidence towards the image of police force
- ⟨ create culture conducive towards ensuring the good image of the police department and provide avenues for open discussion to air any dissatisfaction among them

Conclusion

The current study is one of the first attempts to empirically examine the encouraging factors and the level of whistleblowing by the police force in Kedah. Results suggest that internal disclosure policies/procedures are useful for organization leaders who want to provide an effective internal communication channel for employees wishing to disclose their knowledge of perceived legal, moral, and ethical violations. Findings also imply that to encourage greater and whistleblowing from employees there should be clear guidelines, on how the employees can voice their concerns, investigative procedures to assess the validity of employees' concerns and guarantees protection from retaliation for Kedah whistleblowers. To carry out investigation a special unit comprise of professionals must be available to investigate the case confidentially. The report should be first made to the immediate officer. If there is no action taken, only then it should be forwarded to other officers according to the hierarchy within the organization. It was also suggested that the report can be forwarded to P.O Box 6000 or the Chief Officer. As for the serious cases that occurs should be referred to Police Head Quarters Bukit Aman. Meanwhile the wrongdoer should be confronted face to face before taking any action against the wrongdoer. Lastly but not the least the findings also provide preliminary understanding of the police department towards whistleblowing, which hopefully can serve as the basis for additional research into this important topic.

Bibliography

- Barnet, T. R., Cochran, D., & Taylor, G. S. (1992). The internal disclosure policies of private sector employees: An initial look at their relationships to employee whistleblowing. *Journal of Business Ethics*, 12 (1-16), 127-139.
- Blau, P. (1964). Exchange and power in social life. New York: Wiley. *Buletin BPR*, 1997, July.
- Burton, B.K., & Near, J. P. (1995). Estimating the incidence of wrongdoing and whistleblowing: Results of a study using randomized response technique. *Journal of Business Ethics*, 14, 17-30.
- Cerrato, P.L. (1988). What to do when you suspect incompetence. *RN*, October, 41.
- Dozier, J. B., Micelli, M. P. (1985). Potential predictors of whistleblowing: A prosocial behavior perspective. *Academy of Management Review*, 10, 823-836.
- Ewing, D. (1983). *Do it my way or you are fired*. New York: Wiley.
- Ewing, D. (1980). How bureaucrats deal with dissidents. In W.C. Hammer (Ed), *Organizational Shock*, 328-331. New York: Wiley.
- Glazer, M.P., & Glazer, P.M. (1989). *The Whistleblowers: Exposing Corruption in Government and Industry*. New York: Basic Books, Inc.
- Graham, J.W. (1984). Organizational response to principled organizational dissent. Paper presented at the 44th Annual Meeting of the Academy of Management, Boston.
- Graham, J. (1986). Principled organizational dissent: A theoretical essay. In B.Staw & L.Cummings (Eds). *Research in Organizational Behavior*, 1-52. Greenwich, CT: JAI.
- Greenberger, D.B., Miceli, M.P., & Cohen, D.J. (1987). "Oppositionists and group norms: The reciprocal influence of whistle-blowers and co-workers." *Journal of Business Ethics*, 6, 527-542.
- Hirschman, A. (1986). *Rival Views of Market Societies and Other Recent Essays*. New York: Viking.
- Hirschman, A. O. (1970). *Exit, Voice and Loyalty*. Cambridge: Harvard University Press.
- Keenan, J.P. (1988). Communication Climate. Whistleblowing and the First-Level Manager:A Preliminary Study. Paper presented at the Southern Management Association Annual Meeting, Atlanta.

- Keenan, J.P. (1990). Upper-level managers and whistleblowing: Determinants of perceptions of company encouragement and information about where to blow the whistle. *Journal of Business and Psychology*, 5, 223-235.
- Kolarske & Aldrich (1980). Exit, voice and silence: Consumers' and managers' response to organizational decline. *Organizational Studies*, 1, 41-58.
- Koleksi Berita Rasuah. (1997), Jan-Feb.
- Larmer, R.A. (1992). Whistleblowing and employee loyalty. *Journal of Business Ethics*, 11:125-128.
- Miceli, M., & Near, J.P. (1985). Characteristics or organizational climate and perceived wrongdoing associated with whistle-blowing decision. *Personnel Psychology*, 38, 525-544.
- Miceli, M., & Near, J.P. (1984). The relationships among beliefs, organizational position and whistleblowing. A discriminant analysis. *Academy of Management Journal*, 27, 687-705.
- Micelle, P., & Janet, N.P. (1992). *Blowing the Whistle: The Organizational and Legal Implications for Companies and Employees*. New York: Lexington Books.
- Near J.P., & Micelli, M.P. (1988). Individual and situational correlates of whistleblowing. *Personnel Psychology*, 41, 267-281.
- Near, J.P., & Micelli, M.P. (1985). Organizational dissidence: The case of whistleblowing. *Journal of Business Ethics*, 4, 1-6.
- Near, J.P., & Micelli, M.P. (1987). Whistleblowers in Organizations: Dissidents or Reformers. In B.M.Staw and L.Cummings (Eds). Research in *Organizational Behavior*, 9 (JAI Press Inc), 321-368.
- Randall, D.M. & Gibson, A.M. (1991). Ethical decision making in the medical profession. *Journal of Business Ethics*, 10, 111-122.
- Weinstein, D. (1979). *Bureaucratic Opposition*. New York: Pergamon Press.

2000
2000
2000
2000
2000

MASALAH DAN PERKHIDMATAN SOSIAL DI NEGERI KEDAH: TUMPUAN KEPADA PENAGIHAN DADAH

*Mahmood Nazar Mohamed
Muhamad Dzahir Kasa*

Pengenalan

Masalah sosial dilihat semakin berkembang seiring dengan kepesatan pembangunan ekonomi serta pertumbuhan kemajuan sesebuah negara. Jikalau ditinjau negara-negara dunia ketiga, mereka lazimnya menghadapi batasan kehidupan serta masalah sosial yang hampir sama, seperti kemiskinan, buta huruf, jenayah harta benda dan seumpamanya. Diteliti pula situasi di dunia-dunia maju, masalah yang mereka hadapi adalah seperti yang berkaitan dengan pemakanan (lebihan), jenayah kolar putih, penipuan, serta penggunaan bahan yang dilarang untuk tujuan rekreasi. Tumpuan masalah sosial adalah bergerak daripada keperluan ekonomi kepada yang berunsur "excess".

Sekiranya dikaji insiden permasalahan sosial dan sudut sejarah, dijangkakan trend seumpama ini dapat diperhatikan. Kajian ini akan mengupas satu masalah sosial yang serius di negara ini iaitu penagihan dadah.

Perkembangan Perkhidmatan Sosial di Malaysia

Fenomena permasalahan sosial di Malaysia juga mengalami perubahan yang hampir sama dengan negara-negara lain. Di Malaysia, evolusi permasalahan sosial boleh dilihat melalui perkembangan perkhidmatan yang berlaku di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

JKM ditubuhkan pada 1946 untuk menangani pelbagai masalah yang timbul akibat dari Perang Dunia Kedua. Perkhidmatan yang diberikan lebih kepada bantuan skim tragedi Jalan Kereta Api Burma Siam, Kebajikan Orang Asli, Perlindungan Wanita dan Gadis (JKMM, 1996).

Era tahun 60-an memperlihatkan penubuhan antara lainnya, skim-skim Perkhidmatan Pengemis, Kebajikan Pesakit Melarat dan Program Pemulihan Orang Cacat Anggota.

Manakala pada tahun 1970-an pula, perkhidmatan JKKM disusun semula dengan penumpuan kepada pembangunan masyarakat. Pada masa yang sama masyarakat dikejutkan dengan masalah penagihan dadah, yang pada ketika itu perangkaan mengenai penyalahgunaan dadah mula dimaklum kepada negara.

Tahun 1980-an pula melihat tumpuan diberikan kepada masalah pengangguran siswazah, masalah wanita dan aktiviti pra-sekolah (Program Taska). Dari segi perkhidmatan pula, perkhidmatan berteraskan organisasi komuniti dibentuk dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak dikuatkuasakan. Pada tahun 1983 Dasar Dadah Negara dibentuk dengan penumpuan untuk mengurangkan permintaan dan bekalan dadah. Pada masa ini juga, masalah dadah dikategorikan semula daripada masalah sosial kepada isu keselamatan negara (JKMM, 1996).

Tahun 1990-an pula melihatkan perkembangan ekonomi yang pesat dialami oleh negara, dan begitu juga dengan insiden masalah-masalah sosial. Kini masyarakat terdedah kepada masalah lepak di kalangan remaja, amalan seks bebas seperti bohsia dan bohjan, pembuangan bayi, penganiayaan kanak-kanak, masalah transeksual dan transvestite, perlumbaan haram, penagihan dadah yang semakin menjadi-jadi serta gejala sosial yang sentiasa terpapar di dada akhbar tempatan.

Tumpuan JKMM pada dekad ini juga adalah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat secara menyeluruh. Perkhidmatan talian "teledera" telah diperkenalkan untuk mengurangkan kejadian penganiayaan kanak-kanak. Program 'Pemulihan Dalam Komuniti' digerakkan dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak diperkembangkan. Di samping itu beberapa akta, dasar dan peraturan digubal atau dikuatkuasakan (antaranya Pusat Jagaan, 1993; Keganasan Rumah tangga 1994, Peraturan Keselamatan Rumah Kanak-Kanak 1994 dan Dasar Warga Tua, 1995).

Ini bermakna perkhidmatan sosial di Malaysia berkembang selaras dengan keperluan dan desakan sosial semasa di seluruh negara.

Sejarah Penagihan Dadah di Malaysia

Masalah penagihan dadah di negara ini mempunyai sejarah yang amat berkait rapat dengan pembangunan awal ekonomi negara ini. Aktiviti-aktiviti ekonomi di lombong-lombong bijih timah, ladang-ladang getah, kelapa sawit dan lada hitam yang mula diusahakan pada awal abad ke 19 memerlukan begitu ramai tenaga kerja sehingga berlaku pengimportan buruh asing dari China dan India untuk tujuan ini.

Sebilangan besar buruh yang dibawa masuk untuk bekerja juga membawa bersama mereka tabiat menghisap candu ke negara ini. Mereka mengisap candu kerana pelbagai sebab, antara lainnya untuk keseronokan dan juga bertujuan mengubati penyakit-penyakit seperti untut, ceret-beret dan malaria. Pada masa yang sama tanda-tanda penggunaan ganja di kalangan buruh di sektor lain seperti pembuatan dan limbungan mula dikesan. Walaupun demikian, pada ketika itu keadaannya tidaklah membimbangkan dan terdapat juga sebilangan kedai-kedai candu untuk membekalkan bahan ini kepada pengguna (Laporan Dadah, 1998).

Pada penghujung abad ke 19, penagihan cанду mula menimbulkan masalah. Kerajaan kolonial Inggeris cuba mengawal masalah penagihan dengan mengambil alih pengimportan dan penjualan cанду melalui kedai-kedai cанду Kerajaan serta mendaftarkan penagih-penagih cанду. Mereka yang didaftarkan sebagai penghisap *bona fide* serta diperakukan oleh pengamal-pengamal perubatan dibenarkan membeli dan menghisap cанду. Pada pertengahan abad ke 20, seramai 75,000 orang telah didaftarkan walaupun penghisap cанду haram dianggarkan dua kali ganda bilangan tersebut. Sebilangan besar penagih berdaftar terdiri dari kaum Cina yang telah tua. Kerajaan pada waktu itu menganggap masalah penagihan cанду akan berakhir dengan kematian penagih-penagih tua tersebut (Laporan Dadah, 1998).

Menjelang akhir tahun 1960-an, seperti juga dengan kebanyakan negara di rantau ini, corak penggunaan dadah telah berubah. Belia dan pelbagai kaum merupakan golongan yang terbesar menagih dadah. Sebilangan besar daripada mereka menggunakan dadah yang amat berbahaya seperti heroin dan morfin. Di samping itu, ganja juga merupakan dadah yang digemari, terutama untuk majlis keramaian dan pesta. Bahan psikotropik lain seperti pil-pil khayal, *methaqualone*, *amfetamin*, *barbiturat* dan lain-lain juga turut disalahgunakan dengan agak meluas.

Kedua-dua ini berlaku, akibat daripada pengaruh budaya kuning yang telah menular dan mempengaruhi cara hidup sebilangan generasi muda di negara ini. Ganja merupakan salah satu jenis dadah yang digemari oleh kumpulan ini. Lama kelamaan penggunaan ganja di kalangan golongan muda ini bertukar kepada penggunaan heroin dan morfin yang lebih berbahaya. Tabiat penagihan dadah khususnya heroin oleh anggota tentera Amerika yang bercuti di Malaysia pada masa itu juga telah mempengaruhi ramai anak-anak muda tempatan. Sindiket dadah pula mula mengembangkan rangkaian pengedaran dadah di negara-negara Asia Tenggara, Amerika, Eropah dan Australia setelah pengunduran tentera Amerika dan Vietnam. Senario dadah di Asia Tenggara berubah secara drastik yang mana kadar penagihannya didapati semakin meningkat setiap tahun (ADK, 1998).

Masalah Penagihan di Kedah

Masalah sosial dan penagihan di negeri Kedah tidak banyak bezanya jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Jadual 1 menunjukkan jumlah penagih dadah yang terdapat di negeri Kedah bagi tahun-tahun 1970-1984. Jikalau dibandingkan dengan perangkaan nasional, hanya 6.5% sahaja datang dari negeri Kedah. Ia adalah rendah sedikit sahaja daripada penagih di negeri Selangor. Empat negeri lain mengatasi Kedah dari segi bilangan penagih iaitu Pulau Pinang (22,337), Perak (22,343), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (16,794) dan Johor (9,227).

Jadual 2 pula menunjukkan penagih di Kedah berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun peratus keseluruhan penagih di Kedah berbanding dengan angka kebangsaan hanya meningkat sedikit sahaja (6.5% kepada 6.89%) namun terdapat trend yang meningkat sejak tahun 1996 hingga 1998, iaitu, 7.2%, 7.8% dan 8.3%. Peningkatan ini mungkin disebabkan oleh proses urbanisasi di bandar-bandar besar di Kedah seperti Sungai Petani, Langkawi, Alor Setar dan Kulim.

Walaupun demikian, jikalau dibandingkan dengan negeri Selangor yang mempunyai peratus yang sama sedekad lalu, ia telah melonjak hampir 7% kepada 13.3%. Jelasnya, kepesatan urbanisasi berkemungkinan menyumbang kepada peningkatan bilangan penagih di Selangor berbanding dengan Kedah yang kurang mengalami proses urbanisasi.

Seterusnya, Jadual 3 dan 4 menunjukkan bilangan dan peratus penagih di Kedah berbanding dengan perangkaan nasional merentasi hampir 30 tahun. Secara puratanya, bagi tahun-tahun yang mempunyai rekod penagih dadah, peratus penagih dari Kedah ialah sekitar 7.25% daripada perangkaan negara. Ini bermakna, daripada 200,000 penagih yang sudah dikesan di negara ini, seramai 14,500 adalah dari Kedah.

Satu lagi aspek penagihan yang boleh digunakan untuk meneliti tahap keseriusan penagihan ialah bilangan penagih ulangan. Hal ini dinyatakan dalam jadual 5 dan 6. Secara amnya, penagih berulanga bagi tahun-tahun 1988-1998 ialah di antara 43.9% hingga 62.1%. Ini menunjukkan bahawa daripada rekod Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), tahun yang mencatatkan rekod pemulihan terbaik ialah pada tahun 1998 (56.1% penagih baru, 43.9% berulang) dan tahun 1989 sebagai yang paling teruk (62.1 penagih berulang).

Ditinjau maklumat di Jadual 6 pula, bilangan penagih baru dan penagih ulangan bagi tahun 1999 dibentangkan mengikut negeri. Kedah mencatatkan peratus ulangan yang sederhana (31.9%) berbanding dengan negeri dan daerah yang lebih rendah peratusannya seperti Wilayah Persekutuan Labuan (11.7%), Sabah (11.9%), Perlis (23.5%), dan Sarawak (24.6%). Daripada data yang dibentangkan ini, berbanding dengan negeri-negeri lain, Kedah tidak mempunyai penagih yang ramai (sekitar 7.25%) di samping bilangan penagih ulangan yang rendah. Ini mungkin disebabkan oleh lokasi Kedah yang tidak banyak mengalami proses urbanisasi yang pesat di samping mempunyai fasiliti rawatan yang mencukupi. Kedah masih terlindung dan gejala dadah jikalau dibandingkan dengan negeri yang mempunyai kota raya besar seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak dan Johor.

Perkhidmatan Pemulihan Dadah

Sebelum tahun 1970, program perkhidmatan penagihan dadah tidak dilakukan secara teratur. Ini kerana kerajaan Malaysia belum lagi memulakan usaha bersepdu ke arah pemantauan penagih-penagih dadah.

Sejak tahun 1970, usaha ke arah mengawal masalah sosial mula dipergiatkan dan ini dapat dilihat melalui statistik penangkapan yang dilakukan diseluruh negara (lihat Jadual 1). Ketika itu, hukuman yang lebih berat juga mula dikenakan ke atas pengedar-pengedar dadah.

Jadual 1
Jumlah Penagihan Dadah yang Dilaporkan Mengikut Negeri (1970 – 1984)

| Tahun | Perlis | Kedah | Pulau Pinang | Perak | Selangor | Wilayah Persekutuan | Negeri Sembilan | Melaka | Johor | Pahang | T'gganu | Kelantan | Sabah | Sarawak | Seluruh Negeri |
|--------|--------|-------|--------------|--------|----------|---------------------|-----------------|--------|-------|--------|---------|----------|-------|---------|----------------|
| 1970 | - | - | 89 | 89 | 267 | 266 | - | - | - | - | - | - | - | - | 711 |
| 1971 | - | 130 | 267 | 389 | - | - | 122 | - | - | - | - | - | - | - | 908 |
| 1972 | - | 231 | - | 462 | - | 462 | - | - | - | - | - | - | - | - | 1155 |
| 1973 | - | - | 40 | 1693 | - | 342 | - | - | - | - | - | - | - | - | 2075 |
| 1974 | - | - | - | 51 | 153 | 2302 | - | - | - | - | - | 51 | - | - | 2557 |
| 1975 | - | 8 | 33 | 3235 | 17 | 1727 | 8 | - | - | 17 | - | 33 | - | - | 5078 |
| 1976 | - | 720 | 4726 | 901 | 3 | 2288 | 934 | 3 | 235 | 125 | - | 141 | - | - | 10076 |
| 1977 | - | 131 | 5480 | 646 | 4 | 1187 | 175 | 3 | 108 | 18 | - | 142 | - | 1 | 7895 |
| 1978 | 63 | 596 | 1977 | 1351 | 716 | 1692 | 527 | 247 | 1032 | 293 | 351 | 396 | 77 | 89 | 9407 |
| 1979 | 55 | 391 | 1708 | 1607 | 577 | 1473 | 281 | 172 | 1074 | 227 | 133 | 271 | 19 | 36 | 8024 |
| 1980 | 61 | 390 | 1041 | 2480 | 471 | 884 | 263 | 576 | 428 | 258 | 108 | 304 | 1 | 102 | 7367 |
| 1981 | 255 | 561 | 1610 | 2255 | 1234 | 1125 | 317 | 647 | 1095 | 546 | 133 | 224 | 42 | 202 | 10246 |
| 1982 | 257 | 1057 | 2695 | 2260 | 1717 | 1584 | 312 | 559 | 2328 | 533 | 625 | 195 | 116 | 96 | 14334 |
| 1983 | 173 | 1160 | 1733 | 2144 | 1022 | 721 | 643 | 756 | 1844 | 570 | 663 | 456 | 117 | 203 | 12205 |
| 1984 | 104 | 1240 | 938 | 2780 | 496 | 741 | 629 | 626 | 1083 | 315 | 634 | 312 | 11 | 134 | 10043 |
| Jumlah | 968 | 6615 | 22337 | 22343 | 6677 | 16794 | 4211 | 3589 | 9227 | 2902 | 2647 | 2525 | 383 | 863 | 102081 |
| | (1.0) | (6.5) | (21.9) | (21.9) | (6.5) | (16.4) | (4.1) | (3.5) | (9.0) | (2.8) | (2.6) | (2.5) | (0.4) | (0.9) | (100.0) |

Sumber: Navaratnam et. al (1987). Assessment of drug dependence in Malaysia. A Trend analysis. Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubatan, USM (Monograph # 5).

Jadual 2
Jumlah Penagih yang Dikesan Mengikut Negeri (1993-1998)

| Tahun | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | Negeri Sembilan | Pahang | Perak | Perlis | Pulau Pinang | Sabah | Sarawak | Selangor | T'ggaru | Kuala Lumpur | Jumlah |
|--------|-------|-------|----------|--------|-----------------|--------|--------|--------|--------------|-------|---------|----------|---------|--------------|--------|
| 1993 | 2856 | 1803 | 1052 | 924 | 969 | 1557 | 3482 | 151 | 3763 | 484 | 103 | 3163 | 802 | 4348 | 25457 |
| | 11.2% | 7.1% | 4.1% | 3.6% | 3.8% | 6.1% | 13.7% | 0.6% | 14.8% | 1.9% | 0.4% | 12.4% | 3.2% | 17.1% | 100.0% |
| 1994 | 2571 | 1645 | 1334 | 1057 | 1176 | 1460 | 3610 | 121 | 3583 | 602 | 128 | 3663 | 865 | 6941 | 28756 |
| | 8.9% | 5.7% | 4.6% | 3.7% | 4.1% | 5.1% | 12.6% | 0.4% | 12.5% | 2.1% | 0.4% | 12.7% | 3.0% | 24.1% | 100.0% |
| 1995 | 3025 | 1714 | 1944 | 1502 | 1494 | 1968 | 3748 | 165 | 5443 | 590 | 157 | 4492 | 1098 | 6764 | 34104 |
| | 8.9% | 5.0% | 5.7% | 4.4% | 4.4% | 5.8% | 11.0% | 0.5% | 16.0% | 1.7% | 0.5% | 13.2% | 3.2% | 19.8% | 100.0% |
| 1996 | 3142 | 2188 | 2534 | 1494 | 1509 | 1900 | 3534 | 195 | 4246 | 626 | 177 | 4328 | 1465 | 3260 | 30598 |
| | 10.3% | 7.2% | 8.3% | 4.9% | 4.9% | 6.2% | 11.5% | 0.6% | 13.9% | 2.0% | 0.6% | 14.1% | 4.8% | 10.7% | 100.0% |
| 1997 | 2876 | 2815 | 3488 | 1564 | 1505 | 1948 | 3640 | 279 | 4615 | 1060 | 244 | 5536 | 1688 | 5026 | 36284 |
| | 7.9% | 7.8% | 9.6% | 4.3% | 4.1% | 5.4% | 10.0% | 0.8% | 12.7% | 2.9% | 0.7% | 15.3% | 4.7% | 13.9% | 100.0% |
| 1998 | 3616 | 3127 | 3912 | 1694 | 1460 | 3333 | 3890 | 285 | 4821 | 1298 | 172 | 4458 | 1896 | 3626 | 37588 |
| | 9.6% | 8.3% | 10.4% | 4.5% | 3.9% | 8.9% | 10.3% | 0.8% | 12.8% | 3.5% | 0.5% | 11.9% | 5.0% | 9.6% | 100.0% |
| Jumlah | 18086 | 13292 | 14264 | 8235 | 8113 | 12166 | 21904 | 1196 | 26471 | 4660 | 981 | 25640 | 7814 | 29865 | 192287 |
| | 9.38% | 6.89% | 7.39% | 4.27% | 4.21% | 6.31% | 11.36% | 0.62% | 13.73% | 2.42% | 0.51% | 13.30% | 4.05% | 15.49% | 100.0% |

Sumber : Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, 1990.

Jadual 3
Bilangan Penagih Dadah bagi Negeri Kedah
dan Kebangsaan 1970-1984

| Tahun | Bil | % | Malaysia |
|-------|------|------|----------|
| 1970 | - | - | 711 |
| 1971 | 130 | 14.3 | 908 |
| 1972 | 231 | 20.0 | 1,155 |
| 1973 | - | - | 2,075 |
| 1974 | - | - | 2,557 |
| 1975 | 8 | 0.16 | 5,078 |
| 1976 | 720 | 7.15 | 10,076 |
| 1977 | 131 | 1.7 | 7,895 |
| 1978 | 596 | 6.3 | 9,407 |
| 1979 | 391 | 4.9 | 8,024 |
| 1980 | 390 | 5.3 | 7,367 |
| 1981 | 561 | 5.5 | 10,246 |
| 1982 | 1057 | 7.4 | 14,334 |
| 1983 | 1160 | 9.5 | 12,205 |
| 1984 | 1240 | 12.3 | 10,043 |

Sumber: Navaratnam, et .al (1987). *Assesment of Drug Dependence in Malaysia.*

A Trend Analysis. Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubatan, USM.(Monograph # 5).

Sejarah pemulihan penagihan dadah diusahakan sejurus kemudian. Pada tahun 1973, Pusat Pertolongan atau *Help Service Centre* mula diasaskan bagi membantu penagih-penagih menjalani rawatan penagihan dadah. Pusat yang berteraskan modaliti terapeutik komuniti (IC) diasaskan di Ipoh. Di sini mulanya penglibatan kerajaan dan masyarakat untuk bersama-sama membanteras masalah penagihan dadah.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 1976, PEMADAM diasaskan bertujuan memberi pendidikan kepada anggota masyarakat mengenai masalah dan bahaya dadah. Pada masa yang sama, beberapa pusat pemulihan dadah diasaskan di seluruh negara untuk

Jadual 4
Bilangan Penagih Dadah bagi Negeri Kedah dan Kebangsaan 1988-1999

| Tahun | Bil | % | Malaysia |
|-------|------|-----|----------|
| 1988 | 1438 | 5.7 | 25,025 |
| 1989 | 1083 | 5.4 | 20,118 |
| 1990 | 1377 | 7.1 | 19,310 |
| 1991 | 1107 | 5.4 | 20,341 |
| 1992 | 1770 | 8.2 | 21,,506 |
| 1993 | 1803 | 7.1 | 25,457 |
| 1994 | 1645 | 5.7 | 28,756 |
| 1995 | 1714 | 5.0 | 34,104 |
| 1996 | 2188 | 7.2 | 30,598 |
| 1997 | 2815 | 7.8 | 36,284 |
| 1998 | 3127 | 8.3 | 37,588 |
| 1999 | 2276 | 6.5 | 35,359 |

Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan, (NADI), 2000.

memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah. Pusat-pusat pertolongan seperti yang diasaskan di Ipoh juga menjalankan program pendidikan bersepadu mengenai program pemulihan dadah bersama-sama dengan pihak polis, tentera dan jabatan penjara.

Serentak dengan usaha memantau dan pemulihan, kajian-kajian mengenai masalah penagihan juga mula dilakukan sejak tahun 1973. Umpamanya *The Society Contemporary Affairs (SCAS)* meneliti rekod penagihan yang disimpan di Jabatan Polis dan hospital-hospital di antara tahun di antara 1968-1970. Mereka mendapatkann peringkat sebanyak 10% kalangan penagih terdiri daripada remaja, dan peringkat sebanyak 20% dan kalangan kumpulan yang berumur di antara 20-29 dan 30-45 tahun. Dapatkan ini disahkan oleh pasukan Navaratnam dan Spencer (1978) yang mendapatkann peringkat yang agak drastik di kalangan penagih dadah remaja di antara tahun-tahun 1970 hingga 1975.

Kajian-kajian (seperti Navaratnam, Spencer & Lee, 1976; 1978) berjaya mengenal pasti bahawa penagih yang muda menggemari dadah jenis peransang dan penekanan (*barbiturate, amphetamine, sedatives*) yang mana ia mudah diperolehi dalam bentuk pil. Berbanding dengan penagih yang lebih dewasa pula, kelompok ini lebih menggemari ganja, manakala yang tradisional masih menggunakan cандu.

Jadual 5
**Jumlah Penagih Dadah yang Dikesan Mengikut Status Kes Baru atau Berulang
(1988-1998)**

| Tahun Year | Penagih Baru New Addicts | Penagih Berulang Relapse Addicts | Jumlah Total |
|---------------|-----------------------------|-------------------------------------|-----------------|
| 1988 | 10,424 | 41.4% | 14,781 |
| 1989 | 7,631 | 37.9% | 12,487 |
| 1990 | 7,389 | 38.3% | 11,921 |
| 1991 | 8,083 | 39.7% | 12,258 |
| 1992 | 8,238 | 38.3% | 13,268 |
| 1993 | 10,383 | 40.8% | 15,074 |
| 1994 | 11,672 | 40.6% | 17,084 |
| 1995 | 13,140 | 38.5% | 20,964 |
| 1996 | 13,846 | 45.3% | 16,752 |
| 1997 | 17,342 | 47.8% | 18,942 |
| 1998 | 21,073 | 56.1% | 16,515 |
| | | | 37,588 |

Sumber: *Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI)*, 1999.

Kajian mereka juga menunjukkan peningkatan kadar penggunaan di kalangan remaja dan dewasa Melayu meningkat secara drastik pada tahun-tahun 1970-an. Ini, disebabkan oleh migrasi ke kawasan bandar serta pendedahan kepada anasir-anasir negatif yang mereka perolehi secara mendadak.

Peningkatan kadar penagihan dadah terutama sekali di kalangan generasi yang lebih muda, negara telah mengambil langkah yang proaktif untuk mengurangkan masalah dadah. Pada 19 Februari 1983, 'Dasar Dadah Negara' telah diisyiharkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan permintaan dan bekalan dadah serta melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada dadah. Pada tahun ini masalah dadah diklasifikasikan semula sebagai masalah keselamatan, dan undang-undang yang lebih ketat digubal bagi membanterasnya.

Pada tahun 80-an, dadah dikenali sebagai musuh nombor satu negara dan kerajaan memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar bagi program-program Pencegahan dan pemulihan. Pada tahun 1983 juga Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) diperkenalkan dan ia menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) amnya, dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) khasnya, untuk menguruskan program pemulihan di Malaysia.

Jadual 6
Jumlah Kes Mengikut Status Baru dan Berulang Mengikut Negeri,
Jan - Dis 1999

| Negeri | Baru | % | Ulangan | % | Jumlah | % |
|---------------|--------|------|---------|------|--------|-----|
| Johor | 1,853 | 51.6 | 1,735 | 48.4 | 3,588 | 100 |
| Kedah | 1,549 | 68.1 | 727 | 31.9 | 2,276 | 100 |
| Kelantan | 1,928 | 59.8 | 1,298 | 40.2 | 3,226 | 100 |
| Melaka | 472 | 38.8 | 746 | 61.2 | 1,218 | 100 |
| N.Sembilan | 810 | 51.1 | 774 | 48.9 | 1,584 | 100 |
| P.Pinang | 1,846 | 37.3 | 3,097 | 62.7 | 4,943 | 100 |
| Pahang | 1,570 | 58.1 | 1,136 | 41.9 | 2,709 | 100 |
| Perak | 1,386 | 38.2 | 2,240 | 61.8 | 3,626 | 100 |
| Perlis | 156 | 76.5 | 48 | 23.5 | 204 | 100 |
| Sabah | 1,567 | 88.1 | 212 | 11.9 | 1,779 | 100 |
| Sarawak | 43 | 75.4 | 14 | 24.6 | 57 | 100 |
| Selangor | 1,792 | 46.9 | 2,027 | 53.1 | 3,819 | 100 |
| Terengganu | 1,137 | 59.2 | 784 | 40.8 | 1,921 | 100 |
| W.Persekutuan | 1,750 | 40.2 | 2,599 | 59.8 | 1,921 | 100 |
| WP Labuan | 53 | 88.3 | 7 | 11.7 | 4,349 | 100 |
| Jumlah | 17,915 | 50.6 | 17,444 | 49.4 | 35,359 | 100 |

Jabatan Penjara, ketika itu bertanggungjawab untuk memulihkan banduan yang juga didapati ketagih kepada bahan psikoaktif. Manakala BRPD dipertanggungjawabkan untuk mengusahakan pemulihan bagi penagih-penagih lain.

Pada tahun 1984, Pusat Pemulihan Dadah yang pertama diasaskan di Sungai Merchang, Rahang dan seterusnya 1985, lima lagi pusat pemulihan kerajaan didirikan, iaitu Pusat Insaf Diri di Bukit Mertajam, Besut dan Tampoi serta Pusat Serenti di Tampin dan Perlop. Pusat-pusat ini boleh merawat di antara 130 orang penagih (Besut) hingga 300 orang (di lain-lain pusat) pada satu-satu masa. Semua kemudahan ini hanya untuk penagih lelaki sahaja.

Sehingga kini, terdapat sejumlah 27 pusat serenti di seluruh negara yang menjalankan usaha rawatan dan pemulihan untuk 12,000 orang penagih penagih dadah di seluruh negara. Modaliti rawatan yang digunakan oleh pusat serenti meliputi pendekatan pelbagai

disiplin seperti pemulihan mental dan sosial, peningkatan disiplin diri, nilai moral serta kerohanian, pengukuhan aspek fizikal dan segi kesihatan tubuh badan dan pemantapan nilai-nilai keluarga dan kemasyarakatan.

Pemulihan di Kedah

Perkhidmatan pemulihan penagih dadah di Kedah tidak banyak berbeza berbanding dengan program rawatan dan pemulihan yang dijalankan di peringkat kebangsaan. Walaupun demikian apa yang diperhatikan pada peringkat awal penubuhan pusat-pusat pemulihan penagih, tidak satu pun yang dibina di negeri Kedah kecuali Pusat Insaf Diri di kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Ini mungkin disebabkan bilangan penagih dadah yang tidak begitu ramai di negeri Kedah.

Kini terdapat sebilangan enam buah pusat pemulihan yang berdekatan negeri Kedah iaitu Pusat Serenti Sungai Petani; Pusat Serenti Karangan, Kulim, Pusat Serenti Serdang; Bandar Bharu; Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Pusat Serenti Kampung Selamat Pulau Rinang; dan Pusat Bukit Chabang, Perlis. Sebuah lagi yang akan dibina berdekatan dengan Kedah iaitu di Penaga, Pulau Pinang.

Walaupun demikian, kajian Mahmood, Md. Shuaib dan Ismail (1998), mendapati bahawa salah satu cara yang sering digunakan oleh penagih-penagih di Kedah untuk merawat penagih mereka ialah dengan menggunakan perkhidmatan dukun dan bomoh. Hal yang sama juga dilaporkan oleh Rohana (1983) yang mana penagih-penagih berbangsa Melayu sering mencari rawatan daripada perkhidmatan dukun dan bomoh.

Sebuah pusat pemulihan berteraskan kerohanian yang agak terkenal di kalangan penagih-penagih ialah Pusat Inabah yang mula ditubuhkan oleh Ustaz Marzuki pada tahun 1983. Pada mula penubuhannya, Pusat Inabah beroperasi di Kampung Pulau Bidin dengan mengambil sejumlah 40-60 orang penagih untuk menjalani pemulihan berteraskan Islam. Kini, Pusat Inabah beroperasi di Jabal Suff di Kampung Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang dengan bilangan penghuni seramai 100 orang.

Selain dari Pusat Inabah, terdapat juga beberapa pondok serta kemudahan rawatan lain yang dibekalkan oleh pengamal-pengamal yang berteraskan tradisional dan kerohanian. Mereka menggunakan sama ada ilmu-ilmu kerohanian seperti tarikat, ramuan-ramuan tradisional herba dan akar kayu ataupun ubat *homeopathy* untuk mengusahakan pemulihan penagih dadah. Walaupun demikian, pusat-pusat ini wujud tanpa perancangan yang rapi dan dengan itu tidak jelas mengenai keberkesanannya rawatan yang dijalankan.

Kesimpulan

Jikalau ditinjau dan segi permasalahan sosial yang berlaku di negeri Kedah, bilangannya tidaklah begitu ramai. Merujuk kepada kajian Mahmood dan rakan-rakan, (1997) hanya sekitar 4-5% daripada remaja di negeri Kedah yang boleh ditakrifkan sebagai terlibat dengan aktiviti gejala sosial. Jika ditinjau pula nisbah penagih di Kedah dengan perangkaan penagih di Malaysia ia adalah di sekitar 7.25% sahaja, juga bilangan penagih yang kembali menagih

dadah selepas dirawat berada ditahap 31.9% berbanding dengan 50-60% di sesetengah negeri lain. Data ini menunjukkan bahawa masalah sosial di negeri Kedah, sekurang-kurangnya untuk masalah penagih dadah adalah ditahap yang masih boleh dikawal.

Walau bagaimanapun, masyarakat Kedah perlu peka dengan perubahan trend yang sedang berlaku pada masa kini kerana:

- i. Lebih ramai penagih yang lebih muda mula terlibat dengan gejala penagihan.
- ii. Penagih-penagih muda suka menggunakan dadah yang lebih berbahaya dan ini akan memberi kesan serius kepada mereka.
- iii. Kualiti dadah yang dijual dijalanan semakin rendah, lantas memberi kesan yang lebih negatif kepada penagih.
- iv. Pendedahan yang diterima oleh anak remaja mengenai pelbagai unsur negatif melalui media elektronik dan internet sering mempengaruhi mereka untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi.
- v. Migrasi anak remaja luar bandar ke kawasan bandar besar mendedahkan mereka kepada pengaruh negatif.

Sehubungan itu, masyarakat di negeri Kedah Darulaman khasnya dan negara ini amnya haruslah merangka beberapa strategi yang lebih proaktif bagi membendung gejala ini dari terus merebak. Antara langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Masyarakat perlu berusaha bersama-sama dengan agensi kerajaan untuk melaporkan kes-kes penyalahgunaan dadah yang mereka perhatikan. Ini kerana kawalan masyarakat merupakan strategi utama bagi membendung gejala ini dari terus merebak. Seandainya masyarakat mengambil sikap berkecuali, masalah penagih akan terus bertambah serius.
- ii. Peranan badan-badan bukan kerajaan (NGO) haruslah menumpukan perhatian kepada program-program kesedaran masyarakat tentang bahaya dadah. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti pameran, ceramah serta interaksi pakar dengan masyarakat umum. Anggota masyarakat yang boleh menyumbang tenaga secara sukarela kepada NGO harus berbuat demikian demi kebaikan bersama.
- iii. Memandangkan penagih dadah semakin ramai pihak kerajaan perlu memikirkan penubuhan pusat-pusat pemulihan swasta yang mana program rawatan dan pemulihannya akan dikawal selia oleh agensi yang bertanggungjawab. Anggota masyarakat yang berkemampuan dan berkepakaran juga perlu melibatkan diri dengan usaha pemulihan ini.
- iv. Bagi penduduk yang beragama Islam, pendekatan berteraskan kerohanian merupakan satu cara yang berkesan sekurang-kurangnya seperti mana yang ditunjukkan oleh Pusat Inabah. Masyarakat perlu menggalakkan penggunaan surau serta masjid bagi pertemuan berteraskan 12 langkah untuk bekas-bekas penagih merencana masa depan mereka yang lebih proaktif di samping membantu mereka untuk menghindari bahaya dadah.

Bibliografi

- AFIC (1997). *The Development of TC Model in Asia*. The 3rd AFIC International Conference: Bangkok, Thailand.
- AFTC (1994). *Evolution of The T. C. In Asia*. 1st AFTC Scientific Meeting. Bangkok, Thailand.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (1996). Kuala Lumpur: JKMM.
- Kenali dan Perangi Dadah (1997). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Laporan Dadah (1996). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Laporan Dadah (1998). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Lee, R.L. M. (1986). *The social processes of drug use and rehabilitation in West Malaysia*. Research Report/Occasional Papers, Kuala Lumpur: IRT, UM.
- Mahmood Nazar Mohamed, Ahmad Martadha Mohamed, Nadiyah Elias, Noor Azizah & Saadon Awang (1997). *Kajian gaya hidup remaja negeri Kedah Darul Aman*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N. M., Md. Shuaib Che Din & Ismail Ishak (1998). *Keberkesanan rawatan dan pemulihian dadah: Modaliti kerohanian dan tradisional Malaysia*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N.M., Md. Shuaib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhamad Dzahir Kasa, & Rush Ahmad (1999). *Penagihan dadah dan residivisme: Aspek-aspek psikososial dan persekitaran*. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia.
- Maklumat Dadah Semasa (1/98). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Narcotic Report (1995). Kuala Lumpur: Anti Narcotic Task Force Ministry of Home Affairs.
- Navaratnam, V., & Spencer, C.R. (1978). A study on soci variables of drug-dependent persons volunteering treatment in Penang, Malaysia. *Bulletin on Narcotic*, 30 (1).
- Navaratnam, V., Spencer, C. R., & Lee, B. A. (1976). *A Study of the Misuse of Drugs Among Secondary School Children in the State of Kelantan*. Penang: National Drug Dependence, Research Centre, Universiti Sains Malaysia.
- Navaratnam, V., & Foong, K. (1987). Malaysia - A trend analysis. Malaysia, Pulau Pinang. *Assesment of drug dependence in Malaysia*. Monograph Series #5, Universiti Sains Malaysia.

- Rohana Yusof (1983). *Perubatan tradisional dalam pemulihan dadah di Malaysia*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Scorzelli, J. (1987). *Drug Abuse: Preventions and Rehabilitations in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Statistik Mengenai Dadah di Malaysia (1999). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.

NEGERI KEDAH DARI PERSPEKTIF PEMBANGUNAN TANAH DAN WILAYAH

*Mohamad Sukeri Khalid
Yusuf Pon*

Pengenalan

Sebagai sebuah negara membangun yang merdeka dan menikmati erti kemerdekaan serta bebas daripada belenggu penjajahan, pihak pemerintah memainkan peranan penting dalam melaksanakan program pembangunan ekonomi negara. Pihak kerajaan yang merdeka sejak bulan Ogos 1957 telah berusaha untuk membangunkan negara dari aspek pembangunan ekonomi. Namun, usaha-usaha pembangunan yang berterusan dari aspek yang lain seperti pembangunan fizikal, pembangunan politik dan pembangunan sosial serta pembangunan rohani terus diberi penekanan oleh pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, negeri Kedah tidak terlepas daripada tanggungjawab pembangunan ini. Perbincangan kajian ini akan melihat aspek pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di negeri Kedah berdasarkan kepada strategi pembangunan tanah dan wilayah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Secara umumnya, kerajaan melalui beberapa badan pembangunan wilayah seperti JENGKA, DARA, KEJORA, KETENGAH, KEDA dan lain-lain lagi merupakan badan-badan yang ditubuhkan bagi tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan di peringkat wilayah. Akibat daripada pembangunan tanah dan wilayah ini, maka wujudnya jalinan pembangunan lain seperti pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, pertumbuhan peluang pekerjaan, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan lain-lain yang secara langsungnya menunjukkan pembangunan ekonomi negara.

Strategi pembangunan ekonomi berdasarkan kepada pembangunan tanah dan wilayah merupakan salah satu strategi yang penting kerana dasar-dasar pembangunan yang diputuskan di peringkat pusat akan dilaksanakan di peringkat negeri. Kerajaan negeri akan memastikan dasar-dasar tadi diterjemahkan dalam bentuk pembangunan tanah dan wilayah.

Takrif Pembangunan

Pembangunan mempunyai maksud yang amat luas dan ianya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan kebendaan sahaja. Bagi negara-negara sedang membangun seperti Malaysia, aspek pembangunan yang paling diutamakan adalah pembangunan ekonomi (Ahmad Mahdzan, 1989:1). Rasionalnya, pembangunan merupakan satu bentuk perubahan daripada keadaan yang mundur atau kurang baik kepada keadaan yang lebih baik dan selesa. Lainya tidak hanya tertumpu kepada perubahan alam sekeliling, tetapi juga merujuk kepada perubahan yang menyentuh sikap kebiasaan budaya atau adat resam yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Pembangunan pada masa lalu juga dikaitkan dengan perubahan struktur dan komposisi pembagian pengeluaran dan guna tenaga antara sektor dan keadaan ini menunjukkan bahawa pembangunan sering dikaitkan dengan pertumbuhan perindustrian bandar (Nik Hashim, 1996:17). Berdasarkan beberapa huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa ciri-ciri pembangunan adalah kadar pertumbuhan pengeluaran dan guna tenaga dalam sektor pertanian menurun manakala berlaku peningkatan pengeluaran dan guna tenaga dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Moha Asri (1997:145) pula berpendapat bahawa pembangunan ini lazimnya digunakan dalam pelbagai disiplin tetapi konsep umum tentang pembangunan adalah merujuk kepada perubahan sosioekonomi sesebuah masyarakat dengan menggunakan pelbagai petunjuk. Petunjuk-petunjuk yang sering ditonjolkan dalam memperkatakan takrifan pembangunan adalah berdasarkan perubahan status sosioekonomi penduduk seperti jumlah pendapatan per kapita, peratusan penduduk yang tinggal di bandar dan lain-lainnya.

Syed Husin (1979:4), menyatakan bahawa pembangunan adalah merujuk kepada pembangunan ekonomi. Pertama, menaikkan taraf ekonomi negara seluruhnya dan pencapaian ini perlu disingkirkan punca-punca kemunduran di samping menegakkan usaha-usaha untuk pembangunan. Kedua, dengan merapatkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin, iaitu sebilangan kecil yang kaya dengan sebilangan besar yang miskin di dalam sesebuah masyarakat. Pandangan ini seolah-olah menunjukkan bahawa pihak pemerintah perlu berusaha menghapuskan sebab-sebab yang meluaskan jurang kekayaan di antara golongan masyarakat dan menaikkan taraf hidup rakyat yang terbiar dan tertindas di dalam kehidupan. Ini terutamanya berlaku kepada masyarakat Melayu yang berada di kawasan-kawasan yang kedudukan ekonominya tercicir ke belakang seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

Seer (1970), pula mengutarakan pandangan bahawa pembangunan boleh didefinisikan sebagai persoalan tentang negara membangun di mana ia menyentuh apa yang terjadi kepada kemiskinan, pengangguran dan juga ketidakaksamaan. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa takrifan terhadap pembangunan mempunyai maksud yang amat luas dan ianya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi semata-mata tetapi sebaliknya juga merujuk kepada pembangunan politik, sosial, fizikal, kerohanian dan lain-lain. Namun, pembangunan itu secara umumnya ialah memperlihatkan unsur-unsur yang berkaitan dengan kemiskinan, pengangguran dan juga jurang pendapatan masyarakat.

Konsep Rancangan Pembangunan Tanah dan Wilayah

Melalui pembangunan tanah dan wilayah ini, sama ada pembangunan untuk sektor pertanian atau industri, matlamatnya adalah mempertingkatkan pendapatan bagi penduduk luar bandar yang jauh ketinggalan berbanding dengan penduduk bandar. Kamarudin dan Rahmat (1991:1) mengutarakan pandangan wilayah merupakan satu pembentukan kawasan sempadan geografi yang melampaui batas-batas sempadan politik negeri atau pemerintah dengan membentuk sempadannya sendiri berdasarkan kepentingan perancangan pembangunan yang diolah dan ia dapat dibentuk daripada kriteria ekonomi dan sosial.

Hartshorne (1954) pula menyatakan bahawa wilayah boleh dilihat sebagai alat yang deskriptif yang ditakrifkan berpanduan kriteria-kriteria tertentu mengikut sesuatu tujuan. Contoh yang mudah bagi memahami konsep wilayah ini ialah penerangan atau penjelasan mengenai Malaysia akan menjadi umum hingga tidak memberi makna jika tidak dibataskan dengan sempadan-sempadan wilayah. McLoughlin dan Brian (1978) memperjelaskan lagi berkaitan konsep wilayah ini berdasarkan kepada pendekatan sistem. Pendekatan ini menunjukkan bahawa wilayah itu dilihat sebagai satu sistem tersendiri atau subsistem kepada sistem yang lebih besar iaitu negara. Ini bermaksud sistem itu mempunyai bahagian-bahagian yang saling berhubungan dan berinteraksi. Penumpuan mestilah diberikan kepada sistem secara keseluruhan dan subsystem itu sendiri. Ini bermakna konsep wilayah itu merujuk kepada sempadan-sempadan tertentu yang mempunyai sistem tersendiri dan bertanggungjawab kepada sistem yang lebih besar.

Manakala Glasson (1974), menyatakan bahawa perancangan itu merupakan cara berfikir berkaitan masalah sosial dan ekonomi. Ini bermaksud masa depan adalah berdasarkan kepada matlamat-matlamat yang diputuskan secara kolektif dan disalurkan menerusi dasar dan polisi. Perancangan akan wujud berdasarkan kepada pemikiran tersebut. Ini bermakna perancangan itu mestilah disusuli dengan tindakan bagi memastikan dasar dan polisi yang ditentukan tercapai.

Hall (1974), melihat bahawa pembangunan sebagai usaha mempergandakan sebarang pembinaan kejuruteraan, perindustrian, perumahan atau sebarang operasi yang cuba membawa perubahan kepada bahan-bahan atau guna tanah dengan melibatkan strategi dan matlamat. Pandangan ini merujuk kepada perubahan kepada aspek ekonomi, sosial dan guna tanah. Ia merujuk kepada usaha mengembangkan sumber-sumber mentah yang ada bagi tujuan pembangunan secara menyeluruh yang meliputi pembangunan fizikal, politik dan sosial.

Perancangan pembangunan pula merangkumi kesemua aspek kehidupan manusia kerana setiap keputusan ekonomi juga secara tidak langsung melibatkan keputusan sosial dan politik (Griffin dan Enos:1970). Seer (1970), menyatakan bahawa wujudnya perbezaan antara konsep pertumbuhan ekonomi dan pembangunan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi pada pandangan mereka merupakan proses permulaan dan kemudiannya diikuti oleh pembangunan ekonomi serta pembangunan. Wujudnya peringkat proses ini adalah berdasarkan andaian bahawa pembangunan melibatkan dua proses iaitu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan ekonomi. Beliau juga menegaskan bahawa pembangunan akan

hanya berlaku apabila petunjuk kepada sosioekonomi, kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan turun pada jangka masa tertentu. Seandainya hanya salah satu daripada petunjuk itu meningkat, ini bermakna pembangunan masih tidak berlaku kerana wujudnya hubungkait antara ketiga-tiga petunjuk tadi.

Hilhorst (1971) mengutarakan pandangan bahawa perancangan sebagai proses membuat keputusan yang bertujuan membawa gabungan aktiviti-aktiviti yang optimum di sesuatu kawasan tertentu. Berasaskan kepada dasar perancangan, pembangunan dapat diselaraskan dan ia akan memberikan objektif sesuatu sistem yang terhad oleh sumber-sumber yang diperolehi.

Menurut Kamarudin dan Rahmat (1991:3), Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu mendefinisikan pembangunan ialah proses atau keupayaan sebuah negara untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam sesuatu jangka masa tertentu serta menyediakan sumber tambahan untuk pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Berdasarkan kepadauraian ini dapat dilihat bahawa perancangan merujuk kepada sesuatu aktiviti dan wilayah pula merujuk kepada tempat atau kawasan di mana aktiviti-aktiviti itu akan dilaksanakan.

Kamarudin dan Rahmat (1991:4) menyatakan terdapat empat perkara penting sebagai asas perancangan wilayah iaitu bidang tumpuan, usaha awam, tujuan untuk integrasi dan matlamat sosial dalam bentuk reruang. Ini menunjukkan bahawa perancangan pembangunan tanah dan wilayah merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan tertentu dengan tujuan tertentu tetapi bermatlamatkan sosial dan pendekatan bentuk reruang.

Pembangunan Tanah dan Wilayah di Malaysia

Selepas zaman kemerdekaan, pembangunan luar bandar telah diberikan tumpuan oleh pihak pemerintah terutamanya bidang penyediaan infrastruktur dan pembangunan tanah iaitu untuk tujuan pertanian. Sebahagian besar daripada aktiviti tersebut dilaksanakan di peringkat daerah oleh pejabat daerah dan beberapa agensi kerajaan yang lain. Pendekatan pembangunan wilayah telah diperkenalkan dan telah dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980).

"..... dalam Dasar Ekonomi Baru, strategi pembangunan wilayah bertujuan untuk merapatkan lagi perhubungan antara negeri-negeri di Malaysia. Hal ini akan dicapai dengan cara mengurangkan perbezaan ekonomi dan struktur antara wilayah-wilayah di negara ini. Strategi ini akan diadakan atas dasar keupayaan tiap-tiap wilayah bagi pembangunan pertanian dan perusahaan, khususnya di negeri-negeri yang kurang maju untuk menjamin supaya pembangunan wilayah dapat membantu menjayakan matlamat negara dalam bidang pembangunan ekonomi keseluruhannya. Matlamat asasnya ialah agihan yang sakama bukan sahaja segi pendapatan tetapi juga kemudahan keisihan, pelajaran, kemudahan awam, hiburan, perumahan dan yang penting sekali, peluang untuk memajukan ekonomi rakyat sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Negara"

Umumnya pendekatan ini lebih menumpukan kepada isu-isu dan permasalahan ketidakseimbangan bagi pembangunan wilayah di negara ini. Ia juga secara tidak langsung memantapkan pendekatan sebelumnya yang gagal merangkumi keseluruhan aspek pembangunan yang diperlukan. Pembangunan tanah dan wilayah menjadi tumpuan pihak kerajaan dan kesungguhan ini dilihat apabila banyak agensi pembangunan wilayah ditubuhkan dan program-program pembangunan dirancang dalam perancangan lima tahun negara.

Negeri Kedah Sepintas Lalu

Negeri Kedah merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Negeri ini terkenal dengan jolokan "*Jelapang Padi Malaysia*" lantaran produk utama negeri ialah padi. Melihat dari sudut geografi, Kedah dahulunya merangkumi kawasan-kawasan Perlis, Pulau Pinang dan Seberang Prai yang merupakan salah sebuah kerajaan Melayu tertua dibuka oleh Merong Mahawangsa (Ku Zam Zam, 1986). Keluasan negeri Kedah ialah 9,425 km persegi yang terdiri daripada beberapa daerah seperti Kota Setar, Baling, Kubang Pasu, Kuala Muda, Bandar Bahru, Kulim, Pulau Langkawi, Padang Terap, Sik, Yan dan Pendang.

Dari perspektif agama, pengaruh yang terdahulu memasuki negeri Kedah ialah agama Hindu dan ini terbukti dengan adanya candi Hindu yang besar di Kampung Batu Pahat di kaki Gunung Jerai. Agama Islam mula memasuki Kedah dalam tahun 531H melalui Sheik Abdullah bin Ahmad bin Jaafar al Qaumiri yang merupakan seorang mualigh dari Yaman. Apabila raja telah diislamkan, maka agama Islam berkembang dengan pesat dan negeri pula dikenali sebagai Kedah Darul Aman yang bermaksud negeri yang sentiasa diberi keamanan oleh Allah.

Ekonomi negeri Kedah pada masa lampau berdasarkan kepada pertanian padi. Kewujudan badan-badan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian (MUDA), Bank Pertanian, Bernas dan pertubuhan-pertubuhan peladang telah banyak membantu golongan petani di Kedah mempertingkat tahap pengeluaran padi mereka. Kini Kedah telah mengorak jauh dalam bidang ekonomi dengan penumpuan bukan hanya kepada bidang pertanian semata-mata, tetapi ianya menuju ke arah perindustrian melalui strategi pembangunan tanah dan wilayah yang mengakibatkan banyak kawasan-kawasan telah dimajukan dengan sektor perindustrian.

Pembangunan Tanah dan Wilayah di Negeri Kedah

Perkembangan sektor perindustrian negara dilihat amat memberangsangkan lantaran daripada usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Kemasukan pelabur-pelabur asing dalam sektor perindustrian merupakan petunjuk akan peningkatan sektor ini kerana banyak kawasan-kawasan atau wilayah telah dibuka bagi tujuan perindustrian di seluruh negara seperti di negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan juga negeri-negeri lain. Perkembangan sektor ini bukan hanya memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada negara, malahan pembangunan infrastruktur negara turut dibangunkan selaras dengan pembangunan sektor perindustrian. Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam menarik pelbagai bentuk industri berkembang di negara ini sama ada industri itu berciri

industri berat, sederhana ataupun kecil. Industri bercorak teknologi tinggi juga menjadi tumpuan kerajaan dan ini membawa kepada pembangunan tanah dan wilayah di Kulim yang dikenali sebagai Kulim Hitech Industrial Park.

Pada masa lampau, pertanian merupakan sumber utama negeri Kedah. Ini bermakna jumlah guna tenaga adalah tertumpu kepada sektor pertanian. Jadual 1.1 menunjukkan bahawa guna tenaga di Malaysia pada tahun 1990 tertumpu kepada sektor pertanian dengan jumlah guna tenaganya seramai 1,738.0. Jumlah tenaga secara mikro yang merujuk kepada negeri Kedah dalam sektor pertanian pada tahun yang sama ialah 218.2.

Jadual 1.1
Kedah And Malaysia : Employment by Sector, 1990

| Sector | Kedah (thousand) | Malaysia (thousand) |
|----------------------------|---------------------|---------------------|
| Agriculture | 218.2 | 1,738.0 |
| Mining | 0.6 | 37.0 |
| Manufacturing | 61.4 | 1,333.0 |
| Construction | 18.3 | 424.0 |
| Utilities | 1.7 | 47.0 |
| Transport | 13.4 | 302.0 |
| Trade | 71.4 | 1,218.0 |
| Finance | 6.0 | 258.0 |
| Government & other service | 72.0 | 1,329.0 |
| Total | 463.0 | 6,686.0 |

Source: Estimates by the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department and Mid-Term Review of the Sixth Malaysia Plan (1991-1995).

Pembangunan sektor industri di Kedah begitu menggalakkan dengan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian atau pembangunan tanah dan wilayah bagi pertumbuhan industri. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) bertanggungjawab menerokai kawasan-kawasan baru untuk sektor perindustrian seperti di Kulim, Sungai Petani, Bakar Arang, Tikam Batu dan Mergong. Hasil daripada perlaksanaan pembangunan tanah dan wilayah ini, peluang pekerjaan bagi penduduk negeri Kedah juga menunjukkan peningkatan yang besar bagi wilayah-wilayah yang dibangunkan itu. Jadual 1.2 menunjukkan peningkatan jumlah guna tenaga dalam sektor perindustrian mengikut wilayah terutamanya bagi wilayah Kulim iaitu jumlah tenaga yang terlibat dalam sektor industri pada tahun 1987 ialah 9,108 orang telah bertambah kepada 17,799 orang dalam tahun 1995. Ini menunjukkan wujudnya pertumbuhan guna tenaga dalam sektor industri sebanyak 48.3% dalam tempoh 8 tahun. Selain daripada PKNK, terdapat juga agensi lain yang turut terlibat membangunkan tanah dan wilayah bagi tujuan perindustrian seperti KEDA yang menjurus kepada industri kecil. Begitu juga dengan wilayah Jitra yang turut dibangunkan dengan kawasan perindustrian yang lebih dikenali sebagai "Darul Aman Industrial Park".

Jadual 1.2
Kedah : Employment in Manufacturing Industries
(Industrial Estates)

| Industrial Estate | End-year Employment (Number) | | | | | | | | |
|----------------------------------|------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| | 1987 | 1988 | 1989 | 1990 | 1991 | 1992 | 1993 | 1994 | 1995 |
| PKNK Estate | 1987 | 1988 | 1989 | 1990 | 1991 | 1992 | 1993 | 1994 | 1995 |
| Kulim | 9108 | 10038 | 13795 | 14667 | 18507 | 18424 | 16949 | 17099 | 17799 |
| Sungai Petani | - | - | - | 168 | 1590 | 2103 | 3352 | 5034 | 5777 |
| Bakar Arang | 5667 | 7669 | 9398 | 18289 | 19647 | 20103 | 19520 | 20799 | 22004 |
| Tikam Batu | 903 | 792 | 854 | 2621 | 2674 | 2971 | 3408 | 3430 | 4489 |
| Mergong II | 1203 | 1203 | 1378 | 1428 | 1428 | 1428 | 1428 | 1428 | 1532 |
| Mergong Barrage | 512 | 508 | 596 | 596 | 671 | 671 | 1788 | 1788 | 3420 |
| Total (PKNK Estate) | 17393 | 20210 | 26021 | 37769 | 44517 | 45700 | 46455 | 49578 | 55021 |
| Darul Aman Industrial Park Jitra | - | - | - | 981 | 1253 | 1642 | 1104 | 1704 | 1954 |
| KEDA MINI Industrial Estate | - | - | - | 210 | 869 | 2393 | 2155 | 2045 | 2214 |
| Total (A+B+C) | 17393 | 20210 | 26231 | 39231 | 48163 | 49382 | 49714 | 53327 | 59189 |

Note: Information for Mergong I industrial estate is not available.

* s: Employment dropped due to the stoppage of operations in one factory.

Source : Compiled by the State Economic Planning Unit, Kedah from the data supplied by the concerned Agencies.

Kesan terhadap pembangunan tanah dan wilayah bukan hanya membawa kepada pertumbuhan kadar guna tenaga, tetapi ia juga menunjukkan pertumbuhan kepada pendapatan perkapita. Jadual 1.3 menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Kedah dengan tabulasi guna tenaga mengikut sektor adalah tertumpu kepada sektor perindustrian di mana kadar pertumbuhan KDNK di antara tahun 1980-1985 ialah 13.4%. Pertumbuhan dalam KDNK ini terus menunjukkan peningkatan di antara tahun 1990-1995 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 19.37% dan ianya jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK dalam sektor pertanian yang mengalami pengurungan di antara tahun 1990-1995. Ini sekaligus membuktikan bahawa pembangunan tanah dan wilayah telah membawa pertumbuhan KDNK dengan memberi petunjuk positif terhadap pembangunan negara amnya dan negeri Kedah khususnya. Pertumbuhan ini secara jelas menunjukkan wujudnya peningkatan pendapatan penduduk di samping penawaran peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Kesimpulan

Beberapa aspek berhubung dengan perancangan tanah dan wilayah negeri Kedah yang menyentuh secara ringkas tentang pertumbuhan guna tenaga dan pertumbuhan KDNK dalam sektor perindustrian berbanding dengan sektor pertanian dapat dilihat dalam kajian ini. Strategi pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar melalui strategi pembangunan tanah dan wilayah adalah berkesan dengan wujudnya pertumbuhan dalam guna tenaga dan pertumbuhan KDNK.

Jadual 1.3
Kedah And Malaysia : Gdp and Employment, 1980-1995.

| Sector | Kedah | | | | | | |
|---------------------------|--------|--------|-------|---------|--------------------|---------|---------|
| | 1980 | 1985 | 1990 | 1995* | Av Growth Rate (%) | | |
| | | | | | 1980 85 | 1985-90 | 1990-95 |
| GDP (RM MILLION) | 1131 | 1069 | 1272 | 1284.3 | (1.1) | 3.50 | 0.19 |
| Agriculture | | | | | | | |
| Mining & Quarring | 17.00 | 21 | 5 | 13.2 | 4.30 | (28.7) | 21.43 |
| Manufacturing | 181.00 | 340 | 759 | 1839.4 | 13.40 | 17.40 | 19.37 |
| Construction | 70.0 | 97 | 110 | 246.2 | 6.70 | 2.50 | 17.48 |
| Utilities | 27.00 | 31 | 67 | 120.7 | 2.80 | 16.70 | 12.49 |
| Services | 801.00 | 961 | 1405 | 2268.7 | 3.70 | 7.90 | 10.06 |
| Total Value Added | 2227 | 2519 | 3618 | 5772.5 | 2.50 | 7.50 | 9.79 |
| GDP at purchase value | 2284 | 2541 | 3513 | 5618.0 | 2.10 | 7.00 | 9.85 |
| Population (000") | 1121 | 1215 | 3513 | 5618.0 | 1.60 | 2.10 | 1.96 |
| GDP/Capita (RM) | 2038 | 2092 | 2612 | 3791.0 | 0.50 | 4.80 | 7.73 |
| Ratio to Malaysia average | 0.64 | 0.58 | 0.60 | 0.65 | - | - | |
| Employment (000") | 366.70 | 413.70 | 458.5 | 529.6 | 2.40 | 2.20 | 2.93 |
| GDP/Worker (RM) | 6073 | 6089 | 7662 | 10608.0 | (0.05) | 5.10 | 6.72 |

Note : * 1995 figures are estimates from the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, Malaysia.

Source : *Kedah Development Action Plan, 1991-2000. Volume 1, State Economic Planning Unit, Kedah Darul Aman.*

Selain daripada pertumbuhan yang dibincangkan, terdapat banyak lagi kesan-kesan yang diperolehi daripada strategi pembangunan tanah dan wilayah seperti perkembangan infrastruktur, penyediaan kemudahan asas, pertumbuhan sektor perumahan serta wujudnya peluang-peluang pekerjaan. Pembangunan wilayah ini juga turut membantu dalam merencanakan proses urbanisasi alaf baru yang membawa kepada pembukaan kawasan-kawasan perusahaan berteknologi tinggi seperti yang wujud di Kulim Hitech Industrial Park yang menjadi mercu tanda pembangunan industri di negeri Kedah khususnya dan negara amnya.

Bidang pembangunan tanah dan wilayah masih diperingkat awal, namun keupayaannya menyelesaikan beberapa masalah setempat dan nasional terutamanya yang berkaitan dengan isu sosio ekonomi telah terbukti. Kejayaan program perancangan tanah dan wilayah telah menjadi model kepada beberapa wilayah yang baru mengorak langkah ke arah pembangunan sosio ekonomi. Negeri Kedah melalui perlaksanaan program pembangunan tanah dan wilayahnya telah berjaya membawa pembangunan sosioekonomi setempat terutamanya di kawasan luar bandar.

Bibliografi

- Ahmad Mahdzan Ayob (1989). *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glasson, J. (1974). *An Introduction to Regional Planning*. London: Hutchinson.
- Griffin, K.N., & Enos, J.L. (1970). *Planning Development*. London Addison-Wesley.
- Hall, P. (1974). *Urban and Regional Planning*. London: Penguin Books.
- Hartshorne, R. (1954). *Perspective on the Nature of Geography*. Chicago: Rand McNally.
- Hilhorst, G.M. J. (1971). *Regional Planning – A System Approach*. Rotterdam: University Press.
- Kamarudin Ngah & Rahmat Azam Mustafa (1991). *Pengenalan Perancangan Pembangunan Wilayah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kedah State Economic Planning Unit (1996). *Development Statistics of Kedah Darul Aman*. State Economic Planning Unit, Kedah Darul Aman.
- Ku Zam Zam Ku Idris (1986). Kedah dari perspektif sejarah dan kebudayaan. Dlm *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- McLoughlin & Brian, J. (1978). *Urban and Regional Planning: A System Approach*. London: Faber and Faber.
- Moha Asri Abdullah (1997). *Pembangunan Perindustrian di Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Nik Hashim Nik Mustapha (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seer (1970). *The Meaning of Development: The Political Economy of Development and Underdevelopment*. New York: Random House.
- Shamsul Amri Baharudin (1990). *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Husin Ali (1979). *Apa Erti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

$$\frac{\partial \phi}{\partial t} = \frac{1}{2} \nabla^2 \phi$$

DARIPADA DEMONSTRASI KEPADA INDUSTRIALISASI: KES BALING, KEDAH

Asmah Ahmad

Pengenalan

"Student demos: 1,169 held"

Tajuk di atas merupakan tajuk utama yang merentangi halaman depan akhbar harian berbahasa Inggeris The New Straits Times (Malaysia) (NST) pada hari Rabu, 4 Disember 1974. Akhbar NST tersebut tidak memberi komen isu sebenar yang mencetuskan demonstrasi pelajar tersebut kerana dalam laporan sepanjang 1,057 perkataan itu, apa yang disentuh hanya kenyataan bahawa rusuhan tersebut "...mengenai masalah kemiskinan luar bandar dan harga getah yang terlalu rendah". Sebaliknya laporan NST itu lebih merupakan kritikan umum mengenai tingkah laku pelajar.

Namun demonstrasi pelajar yang tercetus di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh dalam laporan The Far Eastern Economic Review (FEER),

".....bertujuan mengenangkan masalah kemiskinan luar bandar, harga barang/inflasi yang meningkat dan harga getah yang merosot, serta perarakan pekebun kecil di Baling, Sik, Selama dan Changloon di utara Kedah pada bulan lepas. Pekebun kecil getah, setelah mendapati sukar menyara hidup daripada kebun yang kecil, telah berarak ke Pejabat Daerah Baling dan telah diberi satu gantang beras. Ini merupakan permulaan terhadap demonstrasi besar-besaran berikutnya yang mana akhirnya menyaksikan hampir 30,000 orang berkumpul menunjuk perasaan di bandar itu pada 1 Disember" (FEER, 13 Dis. 1974: 13).

Seluruh negara tidak menyedari apa yang berlaku di utara. Ketiadaan liputan media mengenai keadaan di Kedah telah membuat pihak berkuasa dengan keadaan keselamatan palsu dan apabila tunjuk perasaan menular di Kuala Lumpur, (di mana lalu lintas tergendala selama tujuh jam), ia mengejutkan semua. Isu yang mencetuskan tunjuk perasaan pada 3 Disember itu adalah:

"...mengikut pelajar-pelajar tersebut, tetapi dinafikan berkali-kali oleh kerajaan, ialah sekurang-kurangnya tiga orang telah mati kebuluran di Baling. Beberapa menteri termasuk Perdana Menteri mengatakan tidak mungkin penduduk kelaparan di Malaysia, tetapi walaupun kebanyakannya merasakan statement kerajaan berkemungkinan betul, memang ada beberapa penduduk telah meninggal dunia kerana memakan ubi beracun."

Apa yang jelas di sini ialah ketidakpuasan wujud di kalangan penduduk luar bandar dan pekebun kecil yang tersepit di antara kos barang yang meningkat dengan harga getah yang rendah. Seorang pegawai kanan mengakui bahawa harga getah yang rendah telah menyukarkan kehidupan petani (FEER, 13 Dis. 1974).

Maka dengan semangat meneroka, sifat rintihan penduduk kampung dan pekebun kecil inilah beberapa kajian telah dijalankan di Baling. Ini dilakukan dengan harapan keadaan hidup mereka dapat difahami dengan lebih baik supaya dasar pengurangan dan pembasmian kemiskinan dan projek pembangunan bagi kawasan tersebut dapat dibentuk mengikut keperluan tempatan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menyusur atau mengesan transformasi sebuah masyarakat desa yang terpencil di daerah Baling.

Dua aspek yang dibentangkan dalam perbincangan ini adalah mengenai transformasi struktur ekonomi dan sosial. Kedua-dua aspek ini merupakan aspek penting yang berlaku dalam proses pertumbuhan ekonomi moden (Kuznets, 1971). Kedua-dua aspek ini membolehkan sesuatu perubahan struktur ekonomi yang signifikan berlaku di dalam mana-mana masyarakat, perubahan dari segi sikap, institusi dan ideologi perlu sama berlaku. Contoh ketara transformasi sosial ini termasuk antara lain proses urbanisasi dan penerimaan ideal, sikap dan institusi yang dikenali sebagai modenisasi yang mempunyai pelbagai ciri (Myrdal, 1971).

Daerah Baling

Daerah Baling terletak hampir 500 km ke arah barat laut Kuala Lumpur, pusat pemerintahan Kerajaan Pusat. Ia merupakan sebuah daerah yang terpencil di utara Semenanjung Malaysia dengan bersempadan negara Thai. Kedudukannya yang terpencil inilah yang menyebabkan ia mundur, tetapi tidak seperti daerah di perbatasan yang lain, Baling amat terkenal kerana insiden-insiden yang berlaku di sana sering menjadi kejutan dan menempa sejarah pergolakan politik dan sosial tanah air.

Selain daripada peristiwa perjumpaan Tunku Abd. Rahman Putra dengan Ketua Parti Komunis SeMalaya, Chin Peng, dalam tahun 1956 dan insiden berdarah di Memali pada tahun 1985, Baling telah sekian lama merupakan kawasan yang mundur dan telah dikenal pasti sebagai sebuah daerah miskin selepas demonstrasi kelaparan 1974.

Apa yang nyata Baling telah mencipta sejarah sosial yang ulung di negara ini apabila penduduknya keluar menunjuk perasaan terhadap kerajaan pada bulan November dan Disember 1974. Belum pernah dalam sejarah masyarakat tani Melayu sebelum ini, bangun memberontak terhadap kelas pemerintah. Ini kerana dalam masyarakat Melayu tradisional, petani sebagai rakyat amat patuh kepada pemimpin mereka dan sering mengabdikan diri kepada kelas pemerintah.

Insiden demonstrasi atau perarakan kelaparan di Baling ini telah menunjukkan bahawa nilai dan sikap feudal telah kian luntur digesel masa, di mana kekecewaan dan kesengsaraan boleh meletus di saat-saat genting dan mencabar. Perubahan radikal dalam nilai dan sikap feudal ini mudah menular dan diperhatikan kian ganas seperti yang ditunjukkan oleh

demonstrasi petani pada awal tahun 1970-an. Ini dapat dilihat di Alor Setar apabila Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri telah dilontar dengan batu oleh penunjuk-penunjuk perasaan bagi menentang harga padi yang rendah ditawarkan kepada hasil keluaran mereka. Di samping itu isu-isu lain yang ditimbulkan ialah harga barang makanan yang kian meningkat, harga getah yang merosot dan masalah kemiskinan. Ini merupakan satu contoh integrasi masyarakat tani luar bandar di Malaysia dengan sistem ekonomi negara dan antarabangsa di mana kejadian kemelesetan ekonomi dunia dan arah aliran inflasi yang meningkat boleh memberi kesan yang buruk kepada petani.

Selain daripada insiden-insiden bersejarah, Baling mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi, iaitu daerah yang kelima termiskin di Malaysia, di mana mengikut angka rasmi, 65.6 peratus daripada isi rumahnya dianggap miskin di akhir-akhir tahun 1970-an (Sulaiman Mahbob dan Mohd. Zaki Abdullah, 1980). Ia juga merupakan salah satu daripada kawasan paling mundur di semenanjung, terutama daripada segi infrastruktur dan kemudahan lain.

Latar Belakang Kajian

Kajian telah dilakukan pada tahun 1994 pula bertujuan di Baling pada tahun 1981, 1988 dan 1994. Kajian dalam tahun 1981 dilakukan untuk mengukur keadaan kehidupan di Baling tujuh tahun selepas penduduknya keluar beramai-ramai berarak dan menunjuk perasaan berhubung dengan kelaparan di Baling dan harga getah yang rendah. Ketika itu Baling didapati berada dalam proses mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi dengan membawa masuk pelbagai projek pembangunan.

Kajian pada tahun 1988 pula dijalankan sempena setahun selepas Malaysia menyambut hari ulang tahun kemerdekaannya yang ke 30 dengan harapan projek pembangunan yang dibawa masuk ke Baling mungkin dapat dikesan hasilnya. Namun apa yang ditemui kebanyakan projek pembangunan pertanian yang dijalankan di Baling masih berada dalam peringkat pelaksanaan dan belum berhasil. Kajian yang dilakukan pada tahun 1994 pula bertujuan menyusul perkembangan mutakhir kedudukan kemiskinan di Baling dan perubahan yang dialami olehnya sejak tahun 1981.

Tiga kajian di Baling ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pendekatan kajian kampung (village studies) di mana kajian soal selidik yang sama digunakan bagi semua ketua isi rumah di keempat-empat kampung yang dikaji. Oleh kerana pendekatan kajian ini menggunakan teknik temubual 100 peratus ketua isi rumah maka bilangan responden yang dikaji kian meningkat daripada 470 orang pada tahun 1981 kepada 639 orang pada tahun 1994, selaras dengan proses pertambahan dan kitaran hidup penduduk.

Baling: Tujuh Tahun Selepas Demonstrasi

Desakan hidup yang menghimpit penduduk masih lagi meningkat sehingga mencetuskan demonstrasi pada tahun 1974. Pandangan ini dikesan daripada pengakuan penduduk sendiri apabila diminta membezakan keadaan hidup mereka sebelum dan selepas tunjuk perasaan tahun 1974. Hampir 82 peratus daripada penduduk Baling mengatakan hidup sebelum demonstrasi adalah susah sementara sebahagian lagi mengatakan keadaan hidup selepas

itu tidak banyak berbeza. Tanggapan atau persepsi penduduk terhadap keadaan hidup mereka secara subjektif begitu mungkin boleh dipertikaikan, tetapi apa yang nyata penilaian secara subjektif ini telah diperkuuhkan oleh taburan pendapatan mereka yang merupakan satu ukuran objektif.

Analisis ke atas data pendapatan responden menunjukkan lebih daripada 3/4 penduduk Baling menerima pendapatan kurang daripada RM250.00 sebulan dan sebahagian besar menerima pendapatan antara RM250.00 dan RM399.00 sahaja. Kesignifikanan penemuan ini ialah sebahagian besar penduduk Baling hidup dalam kemiskinan. Ini diukur daripada aras pendapatan mereka yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan sebanyak RM250.00 yang digunakan pada masa itu. Kadar kemiskinan sebanyak 76 peratus yang dialami oleh Baling pada tahun 1981 adalah tinggi berbanding dengan kadar kemiskinan negeri Kedah (61 peratus) pada tahun 1976 dan kadar kemiskinan Semenanjung Malaysia (48 peratus) pada tahun yang sama (RM5,1986).

Kemiskinan yang tinggi di Baling ini berkait rapat dengan aktiviti ekonomi penduduknya. Analisis terhadap pekerjaan menunjukkan 77.3 peratus penduduk Baling bergantung secara terus dengan pengeluaran getah dan padi sebagai sumber utama pendapatan baik dalam bentuk tunai maupun barang. Peratusan tersebut menjadi lebih besar (82 peratus) sekiranya pekerja estet dan buruh pertanian diambil kira.

Asham (1987) telah mengemukakan pelbagai punca kemiskinan di Baling. Sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan sistem pengeluaran pertanian petani baik bagi getah atau padi yang diselubungi dengan pelbagai masalah. Antara lain, masalah pengeluaran yang dihadapi adalah saiz tanah yang kecil, keadaan pokok getah yang telah tua atau tidak produktif, bentuk getah yang dijual, pemasaran, keadaan tanah yang kurang subur untuk tanaman padi - amalan penanaman yang merugikan dan serangan musuh perosak. Di samping itu masalah tanah seperti pemilikan, pemecahan, taburan, tanah terbiar dan tanah tanpa geran juga telah menjelaskan kecekapan pengeluaran pertanian penduduk sehingga menyebabkan perolehan hasil yang rendah dan seterusnya pendapatan yang rendah.

Isu tanah dan kaitannya dengan sistem pengeluaran yang tidak menguntungkan seperti yang dinyatakan di atas telah ditambahi dengan faktor buruh dan modal yang juga didapati telah menjadikan produktiviti. Buruh keluarga banyak digunakan dalam kerja-kerja pertanian di Baling. Ini merupakan input dan kos yang terbanyak sekali selain daripada tanah. Oleh kerana bilangan pekerja dan saiz tanah tidak setimpal maka penggunaan tenaga tidak penuh wujud. Modal pula tidak banyak digunakan dalam pengeluaran kerana punca wang yang terhad. Ini telah menyebabkan input yang diperlukan untuk menambah pengeluaran tidak dapat dipenuhi. Hasilnya produktiviti rendah - pendapatan rendah - saraan hidup rendah - input rendah - produktiviti rendah - yang mana boleh disamakan dengan proses kitaran ganas yang saling kait mengait secara berterusan jika tiada usaha memecahkan kitaran tersebut.

Keadaan struktur ekonomi Baling seperti yang dipaparkan di atas telah didokong oleh keadaan sosial penduduknya yang tidak berpelajaran atau yang mempunyai pendidikan relatif rendah. Analisis ke atas data pendidikan ketua keluarga menunjukkan 91.4 peratus

ketua keluarga sama ada tidak pernah bersekolah (29.2 peratus) atau bersekolah setakat sekolah rendah (62.2 peratus) sahaja.

Tanpa kelayakan yang sesuai atau berpelajaran agak sukar bagi mereka untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui peluang pekerjaan bukan pertanian. Pelajaran boleh mencetuskan gerakan (mobiliti) sosial untuk merubah status sosial seseorang kepada sesuatu yang lebih baik. Ternyata dengan pencapaian pelajaran yang relatif rendah dan lokasi yang agak terpencil dan hubungan yang kurang baik telah menyebabkan ramai terlepas peluang menjawat pekerjaan bergaji tetap kerana ini merupakan satu cara mengatasi masalah kemiskinan mereka.

Selain daripada status pendidikan yang rendah, masyarakat di Baling juga mempunyai tanggapan atau persepsi dan sikap tertentu terhadap hidup dan keadaan kesejahteraan sosial mereka. Maklum balas terhadap beberapa soalan tertentu yang ditanyakan mengenai tanggapan terhadap kehidupan mereka sebagaimana dalam Jadual 1.

Daripada maklum balas atau jawapan responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual ini, ternyata 2/3 tidak gembira dengan keadaan hidup mereka. Walaupun pendapatan yang rendah merupakan sebab utama, beberapa faktor lain seperti inflasi dan tidak bertambah juga telah disebut yang mana kesemuanya merupakan 95 peratus sebab ketidakgembiraan wujud dikalangan penduduk kampung di Baling. Separuh daripada 1/3 lagi penduduk yang menyatakan gembira dengan keadaan hidup mereka sebenarnya merasa gembira dengan apa yang mereka perolehi. Jawapan "memadai dengan apa yang ada" seperti yang diberi oleh mereka sebenarnya boleh ditafsirkan sebagai satu sikap orang yang mudah berpuas hati.

Fakta bahawa sebahagian besar daripada responden sanggup bekerja (mencari kerja, buka tanah kerajaan, mengusahakan tanaman kontan) menunjukkan mereka tidak pasif; jika diberi peluang mereka akan berusaha memperbaiki diri mereka. Peratusan yang bergantung kepada bantuan luar terutama daripada pertubuhan amal adalah rendah (3.8 peratus), menunjukkan responden ada motivasi dan tidak bergantung harap pada bantuan seperti mana andaian yang sering dibuat terhadap mereka. Hanya apabila skala pemberaan berada di luar keupayaan mereka (seperti di peringkat masyarakat) barulah mereka mengharapkan bantuan kerajaan untuk membekalkan infra-struktur yang diperlukan.

Bagi masa depan yang lebih baik, kebanyakan responden menganggap dengan mempunyai pendapatan yang tetap dan mencukupi, mereka boleh lebih senang daripada keadaan yang ada. 37 peratus penduduk ini menyatakan pendapatan tetap merupakan masa depan yang terbaik bagi mereka. Ini tidak menghairankan kerana dalam situasi di mana ciri pendapatan mereka tidak mencukupi, tidak tetap dan rendah, pendapatan tetap dan mencukupi dilihat sebagai satu cara yang boleh mengatasi masalah mereka.

Di samping mempunyai pendapatan yang tetap, lebih kurang satu per empat daripada responden menyatakan dengan menambah pengetahuan mereka boleh membaiki diri mereka. Ini menunjukkan dua perkara. Pertama ini bermakna responden ingin menjadi insan yang berilmu dan berpengetahuan supaya mereka lebih peka dan sedar tentang apa

Jadual 1

Tanggapan dan Sikap Responden Terhadap Keadaan Kesejahteraan Sosial Mereka: Maklum Balas Kepada Soalan Tertentu

| Soalan | Jawapan | % |
|---|---|---|
| 1. Secara umum adakah anda gembira dengan keadaan hidup anda sekarang? | 1. Amat gembira 2. Gembira 3. Tidak gembira 4. Paling tidak gembira | 0.0 32.3 67.7 0.0 100.0 |
| 2. Apakah sebab anda mengatakan gembira? | 1. berpuashati dengan apa yang ada 2. Lebih baik daripada dahulu 3. Menerima projek pembangunan 4. Anak boleh dapat pendidikan dan pekerjaan yang baik | 50.9 28.9 18.0 2.2 100.00 |
| 3. Apakah sebab anda mengatakan tidak gembira? | 1. Pendapatan tidak cukup dan ramai tanggungan. 2. Harga barang keperluan tinggi berbanding pendapatan 3. Tiada pekerjaan tetap dan tidak bertanah 4. Projek pembangunan tidak lengkap 5. Semua jawapan di atas | 73.5 6.7 3.1 5.0 11.7 100.00 |
| 4. Sekiranya anda fikir anda lebih miskin daripada pendudukan kampung yang lain, adakah anda berusaha mengatasi keadaan hidup anda? | 1. Ya 2. Tidak | 95.2 4.8 100.00 |
| 5. Jika ya, bagaimana anda mengatasi keadaan hidup anda? | 1. Mencari kerja (lebih baik, tetap, berbagai-bagai, sampingan) 2. Minta bantuan daripada pertubuhan 3. Beri pelajaran kepada anak 4. Teroka tanah kerajaan 5. Mengusaha tanaman kontan | 84.4 3.8 5.0 5.0 1.4 100.00 |
| 6. Jika tidak, mengapa? | 1. Terlalu tua 2. Tidak tahu | 100.0 0.0 100.0 |
| 7. Pernahkah anda memikirkan apa yang terbaik untuk diri dan kampung anda? | 1. Pernah 2. Tidak pernah | 92.0 8.0 100.0 |

(sambungan Jadual 1)

| | | |
|--|---|--|
| 8. Jika pernah, bagaimana anda melakukannya untuk diri anda? | 1. Menambah pengetahuan 2. Mempunyai tanah 3. Mempunyai pendapatan tetap dan cukup 4. Mendapatkan bantuan 5. Tidak tahu | 26.7 1.2 37.2 3.5 31.4 100.0 |
| 9. Jika pernah, bagaimana anda lakukan untuk kampung anda? | 1. Menambah pengetahuan 2. Mempunyai tanah 3. Mempunyai pendapatan tetap dan cukup 4. Mendapatkan bantuan 5. Tidak tahu | 26.7 1.2 37.2 3.5 31.4 100.00 |
| 10. Jika tidak pernah memikirkan yang terbaik untuk diri sendiri dan kampung, mengapa? | 1. Sudah mempunyai pekerjaan tetap 2. Terlalu tua 3. Sudah puas hati 4. Tidak tahu | 14.3 35.7 35.7 14.3 100.0 |

Sumber: Asmah Ahmad. 1986. *Jurnal Intan* hal. 57 - 59.

yang berlaku di sekeliling mereka. Kemungkinan juga sifat ini membolehkan mereka lebih cenderung kepada pemikiran rasional, dengan itu boleh menjadi peserta yang aktif dalam chwal masyarakat dan pembangunan.

Kedua, ia mungkin bermakna responden ingin menambah pengetahuan melalui pendidikan kerana pencapaian pelajar yang baik memudahkan mobiliti sosial dicapai. Oleh kerana mereka telah melangkau zaman mengikuti pendidikan formal maka peluang untuk menjawat pekerjaan bergaji sudah pasti tidak timbul.

Namun keinginan menambah pengetahuan melalui pendidikan tidak semestinya untuk responden sendiri, malah mungkin untuk keluarga dan anak. Ini membawa kepada satu lagi aspek sikap penduduk Baling terutama terhadap pendidikan. Apabila ditanya tentang hasrat dan cita-cita mereka terhadap pendidikan dan kerjaya anak, lebih 80 peratus responden mahukan anak mereka belajar selama mungkin (Jadual 2). Mereka berpendapat hanya dengan berpendidikan hingga ke peringkat universiti, anak mereka boleh mendapat kerja dengan mudah atau menjawat pekerjaan yang baik dan bergaji tinggi. Pendidikan tinggi membolehkan anak mereka terlepas daripada cengkaman ekonomi tradisional dan kemiskinan.

Berhubung dengan pekerjaan pula, didapati tidak seorang pun ketua keluarga petani mahukan anak mereka mengikut jejak mereka. Hanya seorang sahaja responden mahukan anaknya melibatkan diri dengan pertanian itupun bekerja dengan Jabatan Pertanian. Jenis pekerjaan yang diinginkan ialah pekerjaan bukan pertanian. Tidak ramai yang inginkan pekerjaan profesional disebabkan oleh kurang maklumat dan kerjaya yang rendah yang

diinginkan oleh responden untuk anak mereka. Pandangan responden terhadap pemberian hidup boleh dikatakan sama seperti orang yang mudah berpuas hati. Pada mereka pendapatan tetap daripada pekerjaan kolar putih yang stabil lebih baik daripada pendapatan pertanian yang anjal. Ramai juga yang tidak pasti dengan jenis pekerjaan yang diinginkan untuk anak mereka. Ketidakpastian ini timbul disebabkan rendahnya tanggapan responden terhadap keupayaan anak mereka mendapat pendidikan tinggi. Hanya 29 peratus sahaja daripada mereka yang meneliti peluang anak mereka untuk lulus peperiksaan sekolah menengah sebagai cerah.

Jadual 2
Sikap dan Keinginan Responden Terhadap
Pendidikan dan Pekerjaan Anak

| | Sikap/Keinginan | % |
|------------------------|--|--------------|
| Pendidikan Anak | | |
| 1. | Tiada pelajaran | 0.0 |
| 2. | Pendidikan sekolah rendah | 0.0 |
| 3. | Pendidikan sekolah menengah | 6.3 |
| 4. | Pendidikan tinggi selain universiti | 0.8 |
| 5. | Pendidikan universiti | 86.0 |
| 6. | Tidak tahu | 6.9 |
| | Jumlah | 100.0 |
| Pekerjaan Anak | | |
| 1. | Bekerja dengan kerajaan | 29.2 |
| 2. | Menjadi Guru (Khusus) | 7.9 |
| 3. | Bekerja dengan sektor moden | 7.1 |
| 4. | Berniaga | 1.1 |
| 5. | Menjadi doktor/jurutera | 0.8 |
| 6. | Bekerja sendiri | 0.8 |
| 7. | Tidak pasti (bergantung kepada kelulusan anak) | 42.0 |
| 8. | Tidak tahu | 11.3 |
| | Jumlah | 100.0 |

Sumber: Data Lapangan, 1981.

Pandangan responden merupakan pandangan 2/3 daripada mereka. Selebihnya tidak tahu apakah yang terbaik untuk mereka. Kumpulan ini boleh dikategorikan sebagai kumpulan yang tidak kisah dengan keadaan sendiri apatah lagi keadaan di peringkat kampung. Mereka mungkin sedar dengan kekurangan atau kelemahan mereka tetapi tidak tahu bagaimana hendak mengatasinya. Atau mereka sengaja memilih untuk berdiam diri. Kumpulan ini biasanya hanya bersedia untuk menerima sahaja. Kumpulan yang tidak tahu menunjukkan kebergantungan pada bantuan luar tetapi menggunakan apa sahaja yang dibekalkan atau disediakan untuk mereka.

Era Pembangunan

Satu kesan yang amat ketara hasil daripada demonstrasi Baling tahun 1971 ialah ia menjadi tumpuan perhatian pemerintahan sehingga Baling menerima kemasukan projek-projek pembangunan kerajaan. Projek-projek ekonomi dan infrastruktur dilaksanakan untuk membaiki kedudukan ekonomi dan kesejahteraan sosial penduduk tempatan.

Antara projek-projek terbesar yang dilaksanakan di Baling adalah projek estet mini RISDA (bagi mengatasi masalah tanah tidak bergeran), projek FELCRA yang memberikan khidmat pemulihan dan pengurusan kebun secara estet, projek IADP yang membekalkan pengairan di kawasan tanaman padi dan infrastruktur pertanian yang lain seperti jalan pertanian dan lain-lain. Ini termasuk projek KEDA yang membekalkan pembangunan hala cara baru dengan penempatan semula dan kegiatan ekonomi sokongan seperti tanaman kontan, pemeliharaan ayam daging dan seumpamanya.

Pada tahun 1988, dari segi fizikal Baling telah mula berubah pembangunan fizikal seperti projek jalan pertanian, jalan mini tar di kampung-kampung, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air ke rumah dan seumpamanya telah banyak memberi kesan positif kepada penduduk. Proses pembangunan semakin meningkat apabila banyak kawasan-kawasan terpencil boleh dihubungi, penduduk mudah memasarkan hasil pengeluaran mereka dan hidup lebih selesa dengan adanya bekalan kemudahan asas seperti api dan air terutama air di mana sebelum ini mereka bergantung pada air hujan, telaga atau sungai dengan menghabiskan sebahagian daripada masa mereka mengangkut air (Jadual 3).

Dari segi ekonomi pula tahap pencapaian pembangunan penduduk belum menunjukkan perubahan yang jelas. Ini dikesan apabila data pendapatan mereka dianalisis. Melalui ukuran pendapatan garis kemiskinan sebanyak RM300 sebulan, didapati 70.3 peratus penduduk Baling masih lagi berada di bawah garis kemiskinan. Kadar baru ini merupakan pengurangan sebanyak 5.8 peratus sahaja daripada kadar tujuh tahun sebelum itu iaitu daripada kajian pertama tahun 1981. Pencapaian ini amat lembab sekali memandangkan kadar kemiskinan purata telah berkurangan dengan banyaknya iaitu 36.6 peratus bagi negeri Kedah dan 24.7 peratus bagi kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 (RM5, 1986). Ini menunjukkan pembangunan ekonomi di Baling masih rendah.

Walaupun keadaan ekonomi penduduk tidak banyak berubah, ternyata perubahan yang berlaku kepada keadaan sosial penduduk sudah menampakkan arah aliran yang positif. Peratus ketua isi rumah yang menerima pendidikan menengah dan tinggi didapati telah meningkat daripada 4.8 peratus kepada 17.2 peratus di antara tahun 1981 dan 1988. Ini menunjukkan satu pencapaian yang relatif besar. Namun jika dinilai secara keseluruhan, pencapaian prestasi pembangunan di Baling di sekitar akhir-akhir tahun 1980-an masih lagi dianggap rendah.

Jadual 3
Kemudahan Asas di Baling, 1981 dan 1994 (%)

| Ciri | 1981 | 1994 |
|------------------------|-------|-------|
| Bekalan Air | | |
| Air paip | 0.1 | 18.0 |
| Air masyarakat | 45.0 | 73.4 |
| Lain-lain | 54.9 | 8.6 |
| | 100.0 | 100.0 |
| Tandas sempurna | | |
| Tandas tarik | 0.1 | 3.8 |
| Tandas curah | 45.0 | 86.9 |
| Lain-lain | 54.9 | 9.3 |
| | 100.0 | 100.0 |
| Bekalan Api | | |
| Elektrik | 22.5 | 92.0 |
| Pelita dan lain-lain | 77.5 | 8.0 |
| | 100.0 | 100.0 |

Sumber: Data Lapangan, 1981, 1994.

Industrialisasi

Dua dekad selepas demonstrasi iaitu pada tahun 1994, satu lagi kajian semula telah dijalankan untuk melihat perkembangan mutakhir yang berlaku di Baling. Asmah (1997a, 1997b) telah menghuraikan beberapa penemuan mutakhir berhubung dengan isu kemiskinan, kesejahteraan sosial dan pembangunan di Baling. Kajian ini akan menumpukan kepada sektor ekonomi.

Diukur dari segi pendapatan, kadar kemiskinan di Baling telah berkurangan dengan banyak. Melalui ukuran garis kemiskinan pendapatan sebanyak RM400 sebulan didapati 45.2 peratus sahaja lagi isi rumah di Baling yang boleh dianggap miskin. Ini melibatkan pengurangan sebanyak 25.1 peratus daripada kadar tahun 1988. Bukan sahaja kadar kemiskinan telah berkurangan malah peratus isi rumah yang menerima pendapatan empat angka telah bertambah daripada satu peratus pada tahun 1998 kepada 12.1 peratus pada tahun 1994.

Punca utama berlakunya peningkatan pendapatan penduduk Baling adalah disebabkan projek pembangunan pertanian yang dilaksanakan pada tahun-tahun 1980-an telah mengeluarkan hasil. Penduduk Baling bukan sahaja berpeluang mendapat ganjaran daripada projek-projek RISDA dan FELCRA sama ada sebagai pemilik saham atau tuan tanah, atau pekerja atau kedua-dua sekali malah telah memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak bertanah. Sebahagian besar guna tenaga kampung yang dahulunya menjadi pekerja keluarga telah berpeluang bekerja dengan mengambil upah dan mempunyai punca pendapatan sendiri. Di samping itu punca pendapatan yang bertambah ini telah

Jadual 4

Perbandingan Taburan Pendapatan Isi Rumah di Baling, 1981, 1988 dan 1994 (%)

| Kumpulan Pendapatan | 1981 | 1988 | 1994 |
|---------------------|-------|-------|-------|
| <RM250 | 76.1 | 52.5 | 28.6 |
| RM250 - RM399 | 15.1 | 22.5 | 16.6 |
| RM400 - RM599 | 6.1 | 17.4 | 18.5 |
| RM600 - RM799 | 2.7 | 4.0 | 15.0 |
| RM800 - RM999 | - | 2.6 | 9.2 |
| RM1000 - RM1499 | - | 1.0 | 6.6 |
| RM1500 - RM1999 | - | - | 2.5 |
| RM2000 + | - | - | 3.0 |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

Sumber: 1. Asmah Ahmad, 1987, 1994 dan Data Lapangan 1994.

meningkatkan pendapatan keluarga sehingga sebahagian besar penduduk telah keluar daripada cengkaman kemiskinan.

Perkembangan ekonomi makro Malaysia kebelakangan ini lebih menjurus kepada sektor perindustrian. Dasar atau polisi industrialisasi kerajaan Malaysia yang berubah daripada perindustrian gantian-import kepada perindustrian berorientasikan eksport telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih dari segi output dan pekerjaan.

Kesan perindustrian ini telah menular ke Baling. Di samping timbulnya aktiviti perindustrian di Baling seperti industri tekstil, kraftangan dan seumpamanya, kesan limpahan pembangunan estet perindustrian di daerah berdekatan Sg. Petani, Kulim, Alor Setar dan Seberang Perai, Pulau Pinang telah membekalkan pekerjaan kepada sebahagian besar ahli isi rumah di Baling. Terdapatnya ahli isi rumah lain terutama anak yang bekerja telah menambah sumber pendapatan keluarga. Hampir 47 peratus isi rumah di Baling mempunyai lebih daripada seorang ahli yang bekerja. Kebanyakan daripada mereka didapati bekerja di sektor swasta terutama perkilangan. Unsur ini telah menukar struktur pekerjaan penduduk daripada pekerja keluarga kepada pekerja bergaji dan daripada sektor pertanian kepada sektor bukan pertanian.

Pandangan penduduk apabila diminta membezakan keadaan sebelum dan selepas demonstrasi, mendapati 100 peratus penduduk Baling mengatakan keadaan hidup sekarang lebih baik. Kedudukan di mana keadaan hidup kian baik telah dikesan daripada tanggapan responden apabila diminta membezakan keadaan hidup mereka sebelum dan selepas tunjuk perasaan tahun 1974. Ternyata keseluruhan berpendapat bahawa keadaan sebelum adalah susah sementara selepasnya adalah baik belaka.

Mereka mengatakan hidup sekarang bertambah baik (46 peratus), ekonomi pulih (21.1 peratus), harga getah tinggi (12.6 peratus) dan selebihnya mengatakan banyak kemudahan dan peluang pekerjaan, makanan mewah, pendapatan tinggi dan lain-lain.

Jadual 5
Tanggapan Penduduk Baling Terhadap Keadaan Hidup Sebelum dan
Selepas Tunjuk Perasaan Tahun 1974

| Sebelum | 1981 | 1988 | 1994 | Selepas | 1981 | 1988 | 1994 |
|----------------|--------------|--------------|--------------|----------------|--------------|--------------|--------------|
| Susah | 81.7 | 95.7 | 100.0 | Tiada beza | 41.0 | - | - |
| Lebih baik | 0.9 | 0.5 | - | Lebih baik | 39.1 | 98.2 | 100.0 |
| Tidak tahu | 10.5 | 3.8 | - | Tidak tahu | 10.9 | 1.8 | - |
| Tiada jawapan | 6.9 | - | - | Tiada jawapan | 9.0 | - | - |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

Sumber: 1. Aimah Ahmad, 1984 dan Data Lapangan, 1994.

Selain daripada pencapaian ekonomi seperti yang dinyatakan, pandangan responden terhadap keadaan hidup mereka dulu dan sekarang juga dinyatakan. Respons yang diterima menunjukkan sebahagian besar mengatakan baik (15 peratus mengatakan terlalu baik dan 74 peratus baik), 4 peratus tiada beza dan 7 peratus tidak tahu. Di antara sebab-sebab yang dinyatakan adalah hidup senang, banyak perubahan, pembangunan ekonomi pesat, jalan raya baik, banyak kemudahan dan aman. Ternyata di sini pembangunan institusi dan kemudahan telah bertambah dan ini perlu untuk perkembangan bukan sahaja aspek ekonomi tetapi juga aspek sosial.

Berhubung dengan kerjaya anak, didapati peratus yang menyerahkan kepada anak untuk membuat pilihan masih lagi tinggi iaitu 43.2 peratus. Peratus yang masih inginkan anak bekerja dengan kerajaan juga tinggi iaitu 45.9 peratus. Oleh itu sikap terhadap kerjaya didapati masih tidak banyak berubah daripada pandangan asal. Namun sedikit perubahan telah dikesan di mana ibubapa yang inginkan anak mereka bekerja di sektor swasta sudah kelihatan walaupun hanya satu peratus sahaja. Di samping itu peratus yang inginkan anak mereka bekerja sendiri telah bertambah daripada 0.8 kepada 3.1 peratus.

Kesimpulan

Transformasi yang dilalui oleh Baling dalam tempoh dua dekad selepas perarakan kelaparan pada tahun 1974 seperti yang dibincangkan telah menunjukkan arah perkembangan yang pelbagai iaitu daripada perlahan kepada relatif cepat. Apa yang nyata, kadar kemiskinan telah mula dapat dikurangkan. Penurunan kadar kemiskinan ini didapati telah diikuti dengan pelbagai perubahan dalam struktur ekonomi dan sosial penduduk.

Kini Baling telah mengalami banyak bukan sahaja perubahan dari aspek fizikal tetapi juga persekitaran suasana sosialnya juga sudah banyak berubah. Jalan raya tidak lagi lengang. Kesibukan lalu lintas menggambarkan penduduk bukan sahaja mudah bergerak (lebih terdedah kepada persekitaran luar-tidak lagi terus melihat ke dalam), bahkan membayangkan kuasa beli yang lebih hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi. Peningkatan pendapatan terjelma daripada perubahan struktur ekonomi yang berlaku seperti penglibatan penduduknya dalam pertanian moden dan perindustrian.

Bibliografi

- Asmah Ahmad (1986). Poverty, perception and attitudes: Some policy implications, *Jurnal INTAN*: Pembangunan dan Pentadbiran. Kuala Lumpur: INTAN, 54-62.
- _____(1987). Kemiskinan massa di tengah pertumbuhan: Kes Baling, Kedah dlm. *Persatuan Sains Sosial Malaysia (pnyt.)* Pembangunan di Malaysia, PSSM, Kuala Lumpur.
- _____(1994). Baling 30 Years After Independence dlm. Jamilah Ariffin (eds.), *Poverty Amidst Plenty*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publication, 94-112.
- _____(1997a). Perkembangan mutakhir isu kemiskinan di Baling: Suatu kesan pasca-pembangunan? Dlm. Rokiah Hj. Ismail, et al., *Isu Sosial dan Komunikasi*, Seminar 25 tahun FSKK, FSKK, UKM, Bangi, 75-91.
- _____(1997b). Bringing industries to the Doorstep: Changing Pattern of Migration among Female Factory Workers in Peninsular Malaysia, the Case of Baling, Kedah. Dlm. Fairhurst, J. et al. (eds.), *Migration and Gender: Place, Time and People Specific*. UP Geography: Pretoria, Afrika Selatan, 1-14.
- Far Eastern Economic Review*, (1974, 13 December) 27.
- Kuznets, S. (1971). *Economic Growth of Nations: Total Output and Production Structure*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Malaysia (1986). Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990, Penerbit Kerajaan: Kuala Lumpur.
- Myrdal, G. (1971). *Asian Drama*. New York: Pantheon.
- Sulaiman Mahbob & Mohd. Zaki Abdullah (1980). *Indicative Profile of Rural Poverty at District Level in Peninsular Malaysia, 1978*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Ekonomi.
- The New Straits Times* (1974, 4 December).

ISU DAN CABARAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Jamaludin Sulaiman

Pengenalan

Kedah Darul Aman adalah negeri yang keenam terbesar di Malaysia selepas Sarawak, Sabah, Pahang, Johor dan Perak dengan keluasan 9,426 km. persegi yang merangkumi lebih kurang tiga peratus (3%) daripada keluasan Malaysia. Bersempadan dengan tiga buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang dan Perak, di mana Selat Melaka di sebelah barat serta berjiran dengan negara Thailand di sebelah utara. Kedah juga mempunyai sebuah pulau yang terbesar yang sedang pesat membangun iaitu Pulau Langkawi. Ia merupakan satu destinasi pelancongan antarabangsa yang sudah terkenal.

Kedah Darul Aman adalah negeri yang tertua di Malaysia (Ibrahim, 1987). Namun, sejarah Kedah agak kabur dan kurang diketahui sehingga di akhir abad ke-18. Penulisan dan penerbitan mengenai sejarah Kedah tidak banyak dan mengikut seorang ahli sejarah tempatan, kadangkala fakta dalam beberapa penerbitan mengenai Kedah tidak tepat.

Di antara nama-nama asal Kedah dalam catatan sejarah termasuk 'Kalah', 'Kilah' dan 'Queda', jika mengikut sebutan oleh orang Inggeris. Seorang sejarah tempatan menyatakan yang sama, mungkin tidak salah dan juga sesuai jika Kedah dikenali juga sebagai "Kedah Negeri Tertua" selain daripada "Kedah Darul Aman" iaitu nama rasmi negeri ini.

Kajian ini bertujuan membincangkan beberapa isu dan cabaran ekonomi kepada Negeri Kedah dalam konteks era dan arus pembangunan semasa serta perubahan dalam persekitaran hubungan dan kerjasama antarabangsa yang sedang dan akan dihadapi.

Bahagian Pertama akan mengimbas kembali perkembangan ekonomi Negeri Kedah sejak selepas 'Merdeka'. Bahagian Kedua akan meninjau perubahan yang sedang berlaku dalam persekitaran ekonomi antarabangsa dan akhir sekali beberapa cadangan dan pendekatan bagaimana Kedah boleh menghadapi cabaran ini serta bagaimana mengurangkan lompatan perbezaan di antara kedudukan semasa ekonomi Kedah dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

Struktur Ekonomi Negara

Agenda dan perancangan pembangunan negara sejak sebelum kemerdekaan sehingga kini boleh diikuti berpandukan pelbagai pendekatan dan kaedah. Jomo K. S. (1999) menyatakan bahawa pembahagian ini boleh dibuat mengikut visi, agenda, isu-isu ekonomi dan politik serta pengaruh pemimpin yang mentadbir negara pada ketika itu. Berasaskan pendekatan ini, Jomo telah mencadangkan empat fasa agenda pembangunan iaitu:-

- (i) 1950 – 1957 Agenda pembangunan yang ditentukan Inggeris, pada akhir zaman penjajahan.
- (ii) 1957 – 1969 Dasar dan fasa "*laissez faire*" kerajaan Perikatan di bawah kepimpinan Y.A.M. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri.
- (ii) 1969 – 1985 Peranan dan penglibatan kerajaan dalam ekonomi dan pengukuhan sektor awam.
- (iii) 1986- kini. Fasa Liberalisasi Ekonomi.

Chamhuri dan Surtahman (1994) membahagikan perkembangan ekonomi negara kepada empat peringkat mengikut teras aktiviti ekonomi pada ketika itu yang terdiri daripada (i) era pra-penjajahan, (ii) era prapenjajahan, (iii) era selepas kemerdekaan dan (iv) era baru kini.

Era prapenjajahan banyak tertumpu kepada negeri Melaka sebagai sebuah pusat aktiviti perdagangan rempah. Era kedua, iaitu era penjajahan banyak mengutamakan kepentingan Inggeris yang bertanggungjawab memperkenalkan tanaman getah dan kelapa sawit. Manakala dasar migrasi yang liberal menyebabkan ramai pendatang dari negeri China dan India dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah dan di ladang getah.

Ketiga, era selepas 'Merdeka' yang menumpukan rancangan pembangunan kepada sektor pertanian, kemudahan infrastruktur dan pembangunan komuniti (Zulkifli, 1992). Negara juga telah memperkenalkan Rancangan Pembangunan Ekonomi Pertama (RPE1) atau Rancangan Malaya Pertama (1956-1960). Era ini juga meliputi Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

Era baru kini bermula dengan insiden 13 Mei, 1969 di mana Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1970-1990) diperkenalkan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjadi agenda pembangunan. Selepas itu Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000) diperkenalkan dan ianya banyak memberi kesan kepada struktur ekonomi negara. Era ini juga meliputi tempoh rancangan lima tahun, Rancangan Malaysia Kedua (1971-1976) hingga terkini.

Menurut Jomo K. S. (1999), era atau fasa terakhir sebenarnya bermula sejak Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1981 dan terutamanya dalam pertengahan tahun 1980-an. Dasar-dasar pembangunan pula lebih memfokuskan kepada pmodenan

dan pengindustrian sebagai penggerak ekonomi yang antaranya terdiri daripada Dasar Penswastaan, Dasar Pembangunan Negara dan Visi 2020 yang banyak membentuk ekonomi Malaysia. Dasar dan agenda pembangunan negara ini secara serentak turut membentuk struktur ekonomi semua negeri termasuk negeri Kedah Darul Aman.

Negeri Kedah Darul Aman

Negeri Kedah dibahagikan kepada sepuluh daerah pentadbiran di mana Daerah Sik merupakan daerah terbesar yang meliputi sehingga 17 peratus daripada keluasan Negeri Kedah. Manakala Daerah Bandar Baru pula merupakan daerah terkecil yang meliputi tiga peratus daripada keluasan negeri dan keluasan Pulau Langkawi yang dianggarkan keluasannya 467 km persegi atau lebih kurang lima peratus daripada saiz negeri Kedah.

Jadual 1
Luas, Populasi Desenti Populasi Mengikut Daerah, 1995

| Daerah | Keluasan (Km. Persegi) | Populasi | Populasi per Km. Persegi |
|----------------|---------------------------|--------------------|-----------------------------|
| Baling | 1, 529 (16.2) | 130, 400 | 87.9 |
| Bandar Baru | 269 (2.8) | 37, 500 | 139.4 |
| Kota Setar | 665 (7.1) | 366, 800 | 551.6 |
| Kuala Muda | 923 (9.8) | 289, 500 | 313.7 |
| Kubang Pasu | 948 (10.1) | 179, 800 | 189.7 |
| Kulim | 765 (8.1) | 146, 100 | 190.9 |
| Pulau Langkawi | 467 (5.0) | 48, 900 | 104.7 |
| Padang Terap | 1, 357 (14.4) | 57, 800 | 42.6 |
| Sik | 1, 635 (17.4) | 61, 900 | 37.9 |
| Yan | 242 (2.6) | 68, 800 | 284.3 |
| Pendang | 626 (6.7) | 94, 600 | 151.1 |
| Jumlah | 9, 426 | 1, 482, 100 | 157.2 |

Nota: angka dalam kurungan adalah nilai peratus mengikut kolumn.

Sumber: *Kedah Development Action Plan, 1994*.

Penduduk

Di bawah penjajahan Inggeris, aktiviti ekonomi Negeri Kedah seperti juga negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Penghijrahan secara besar-besaran orang Cina dan India ke Malaysia dibenarkan dan digalakkan untuk membantu aktiviti perlombongan bijih timah dan ladang getah di mana kedua-duanya merupakan barang utama semasa zaman penjajahan Inggeris. Dasar penghijrahan yang dilaksanakan Inggeris telah dihapuskan dalam tahun 1940-an dan ini membawa kepada negara menjadi sebuah negara berbilang kaum hingga ke hari ini.

Namun, Kedah masih kekal didiami oleh kaum Melayu dan berdasarkan anggaran jumlah penduduk tahun 1995, lebih kurang 75 peratus penduduk di sini terdiri daripada kaum Melayu, 16 peratus Cina, tujuh peratus India dan selebihnya terdiri daripada kaum-kaum

lain seperti mereka yang berketurunan Siam. Lebih kurang 6,000 penduduk di Kedah dilaporkan bukan rakyat Malaysia.

Jadual 2
Agihan Penduduk Mengikut Kaum dan Daerah, 1995

| Daerah | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Bukan Rakyat | Jumlah |
|----------------|-----------|---------|---------|-----------|--------------|-----------|
| Baling | 97,539 | 20,864 | 9,389 | 2,086 | 522 | 130,400 |
| Bandar Baharu | 28,050 | 6,000 | 2,700 | 600 | 150 | 37,500 |
| Kota Setar | 274,366 | 58,688 | 26,410 | 5,869 | 1,467 | 366,800 |
| Kuala Muda | 216,546 | 46,320 | 20,844 | 4,632 | 1,158 | 289,500 |
| Kubang Pasu | 134,490 | 28,768 | 12,946 | 2,877 | 719 | 179,800 |
| Kulim | 109,283 | 23,376 | 10,519 | 2,338 | 584 | 146,100 |
| Pulau Langkawi | 36,577 | 7,824 | 3,521 | 782 | 196 | 48,900 |
| Padang Terap | 43,234 | 9,248 | 4,162 | 925 | 231 | 57,800 |
| Sik | 46,301 | 9,904 | 4,457 | 990 | 248 | 61,900 |
| Yan | 51,462 | 11,008 | 4,954 | 1,101 | 275 | 68,800 |
| Pendang | 70,761 | 15,136 | 6,811 | 1,514 | 378 | 94,600 |
| Jumlah | 1,108,609 | 237,136 | 106,713 | 223,714 | 5,298 | 1,482,100 |

Sumber: UPEN Kedah 1996.

Mengikut statistik Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), masih ramai penduduk Kedah (67.5%) tinggal di luar bandar. Hanya daerah-daerah seperti Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu dan Langkawi yang mempunyai penduduk bandar kerana keseluruhan daerah-daerah lain di Kedah telah diklasifikasikan sebagai luar bandar. Memandangkan bilangan penduduk negeri Kedah agak kecil, maka jumlah pekerjaan juga kecil. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-6, negeri Kedah hanya mempunyai lebih kurang setengah juta pekerja.

Aktiviti Ekonomi

Walaupun kemajuan yang dicapai dalam dekad sebelum tahun 1997 telah melonjak ekonomi negara ke hadapan berbanding negara-negara lain di rantau ini, tetapi pencapaian negeri Kedah secara relatif masih tidak setanding dan kurang memuaskan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Mengikut Rancangan Malaysia Ke-7, Negeri Kedah adalah negeri yang ketiga termiskin di Semenanjung Malaysia berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), per kapita (1995). Pencapaian rendah yang dialami ini bukanlah kerana Kedah tidak berusaha atau tidak berkemampuan untuk bersaing, tetapi ini adalah di atas sebab-sebab lain di luar kawalannya. Antaranya ialah struktur sosial dan fizikal negeri Kedah sendiri yang menghalang pembangunannya dengan lebih pesat lagi.

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Kedah, jumlah keluasan tanah yang diusahakan di Kedah ialah 928,526 hektar. Daripada jumlah ini, 474,799 hektar atau lebih kurang 51 peratus telah digunakan untuk pertanian. Selainnya telah digunakan untuk tujuan-tujuan bukan pertanian. Tanaman padi yang meliputi keluasan 144,798 hektar dan getah dengan keluasan 247,933 hektar merangkumi jumlah terbesar tanah pertanian di Kedah.

Tanaman utama lain di Kedah termasuklah kelapa sawit (23,364 hektar), tanaman pelbagai dan buah-buahan (45,443 hektar) dan tebu (8,712 hektar). Satu lagi tanaman penting di Kedah ialah tembakau walaupun keluasan yang diusahakan hanya 823 hektar berbanding tanaman lain.

Sehingga tempoh Rancangan Malaysia Ke-4, sektor pertanian adalah tulang belakang ekonomi negeri ini. Sumbangan sektor pertanian adalah yang terbesar kepada KDNK Kedah sehingga tahun 1985. Walau bagaimanapun, kedudukan sektor ini jatuh ke tempat kedua, selepas sektor perkhidmatan dalam tahun 1990 dan tempat ketiga selepas sektor perkhidmatan dan pembuatan dalam tahun 1995.

Jadual 3
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)(RM juta)
1980, 1985, 1990 dan 1995

| Sektor | 1980 | 1985 | 1990 | 1995* |
|-------------------|----------|-------|-------|---------|
| Pertanian | 1,131.00 | 1,069 | 1,272 | 1,284.3 |
| Perlombongan | 17.00 | 21 | 5 | 13.2 |
| Pembuatan | 181.00 | 340 | 759 | 1,839.4 |
| Pembinaan | 70.00 | 97 | 110 | 246.2 |
| Utiliti | 27.00 | 31 | 67 | 120.7 |
| Perkhidmatan | 801.00 | 961 | 1,405 | 2,268.7 |
| Total | 2,227.00 | 2,519 | 3,618 | 5,772.5 |
| GDP/Capita (RM) | 2,038.00 | 2,092 | 2,612 | 3,791.0 |
| Employment ('000) | 366.7 | 413.7 | 463.0 | 529.6 |

Nota: * 1995 anggaran

Sumber: UPEN, 1996.

Pembangunan Industri

Program perindustrian luar bandar atau 'rural industrialization', adalah satu kaedah atau satu program yang dipercayai boleh mengurangkan segala masalah yang berkaitan dengan sebuah bandar industri. Faedah yang lebih diharapkan ialah rantaian antara industri dengan ekonomi tempatan. Satu ukuran kejayaan rantaian adalah berdasarkan nilai output industri akibat daripada penggunaan input daripada sumber tempatan atau melalui aliran pendapatan penduduk dalam bentuk upah atau keuntungan, hasil daripada penglibatan penduduk dalam industri (Saith, 1989).

Sebaliknya, banyak industri kecil dan sederhana (IKS) yang beroperasi di Kedah terlibat dengan pengeluaran atau pemasangan barang 'intermediate' untuk dieksport semula dimajukan. Industri begini ini kurang rantaian dengan ekonomi tempatan dan oleh yang demikian sumbangan mereka kepada pembangunan negeri amatlah kurang (Jamalludin, et. al., 2000).

Industri yang juga digelar 'footloose industries', mudah beralih tempat operasinya; dan amat bergantung kepada keadaan pasaran, keadaan ekonomi dan persekitaran politik negara. Sebagai contoh, banyak kilang atau industri kecil dan sederhana telah berhenti operasinya atau ditutup terus kerana krisis kewangan 1997/1998 yang melanda beberapa negara di rantau ini.

Pemindahan teknologi yang diharapkan tidak berlaku dengan pantas atau lebih berkesan kerana syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di sini menghadkan pengeluaran mereka kepada proses mudah yang tidak memerlukan teknologi tinggi. Selain itu, syarikat antarabangsa tidak banyak menjalankan penyelidikan dan pembangunan kerana peranan ini dibuat oleh ibu pejabat masing-masing di luar negara.

Berdasarkan jenis industri yang beroperasi di Kedah, sukar bagi kerajaan melaksanakan satu program perindustrian yang lebih berkesan. Program perindustrian yang dilaksanakan boleh dianggapkan kurang berjaya kerana faedah dan impak yang diharapkan tidak berhasil. Rantaian industri yang seharusnya menjadi objektif utama perindustrian tidak berlaku. Tanpa rantaian, impak kepada pembangunan dan ekonomi adalah jauh daripada apa yang diharapkan.

Kemiskinan

Kedah adalah sebuah negara termiskin di Malaysia berdasarkan petunjuk ekonomi biasa yang digunakan. KDNK per kapita Kedah dalam tahun 1995 bernilai RM 3,791. Negeri Kelantan (RM 1,988), Perlis (RM 3,764) dan Sabah (RM 3,556) yang mempunyai nilai KDNK per kapita yang lebih rendah daripada Kedah.

Jadual 4 memberi rumusan tentang beberapa indeks kualiti hidup yang boleh menerangkan dengan lebih jelas pencapaian ekonomi Kedah. Mengikut perangkaan ini, KDNK per kapita Kedah meningkat sejak tahun 1985, peratus bilangan keluarga di bawah garis kemiskinan berkurangan, kadar pengangguran juga berkurangan dan seterusnya. Mungkin kemudahan bekalan air sahaja yang agak berkurangan bagi penduduk Kedah sehingga kini.

Kadar kemiskinan di Kedah masih tinggi secara relatif. Kadar kemiskinan purata pula bagi negara dilaporkan 17.1 peratus (1989) dan Kedah mengalami 30 peratus.

Walaupun pendapatan purata keluarga meningkat daripada RM 690 (1985) kepada RM 748 (1990) dan RM 1,287 (1995), angka bagi negara pada tahun 1995 adalah RM 2,007.

Kewangan

Sumber kewangan Kedah merupakan satu masalah utama kepada kerajaan. Sumber cukai utama adalah daripada cukai tanah dan pengairan; dan cukai tidak langsung daripada premium tanah dan hutan. Dalam tahun 1997, revenu daripada kedua sumber ini hanya

mencatat RM 104 juta. Jumlah revenu keseluruhan negeri pada tahun tersebut dilaporkan RM 293 juta.

Jadual 4
Pendapatan dan Kualiti Hidup

| Petunjuk | 1985 | 1990 | 1995 |
|---|----------|----------|----------|
| Per kapita KDNK (RM) (harga 1978) | 2,092 | 2,612 | 3,791 |
| Keluarga di bawah Garis Kemiskinan (%) | 36.6 | 30.0 | 21.3 |
| Pendapatan Purata Keluarga (RM/bulan) | 690 | 748 | 1,287 |
| Kadar Pengangguran (%) | 8.0 | 4.4 | 2.2 |
| Nisbah Doktor – Penduduk | 1:5, 516 | 1:4, 277 | 1:2, 829 |
| Kadar Kematiian Bayi (per 1000 kelahiran) | 20 | 14.8 | 10.0 |
| % Penduduk yang ada kemudahan air paip: | | | |
| -(Bandar) | 95 | 98 | 99 |
| -(Luar Bandar) | 58 | 69 | 77 |
| % Penduduk yang ada bekalan elektrik | 79 | 88.5 | 100.0 |

Sumber: *Development Statistic of Kedah (1996)*, UPEN.

Perbelanjaan pengurusan bagi tahun yang sama dilaporkan RM 339.5. Pada tahun 1997, sebagai contoh Kedah mengalami defisit sebanyak RM 46.6. Keadaan ini akan berterusan di masa-masa akan datang tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan atau usaha dan perancangan negeri yang lebih berkesan.

Infrastruktur

Infrastruktur asas di Kedah adalah memuaskan. Rangkaian jalan yang meluas (3,817 km.), memudahkan pengangkutan diantara bandar utama dan ke negeri-negeri jiran melalui Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Timur-Barat selain daripada jalan-jalan biasa.

Kemudahan keretapi membantu menyambung bandar-bandar utama di Kedah bagi tujuan pengangkutan barang selain penumpang. Kedah mempunyai satu lapangan terbang antarabangsa (Langkawi) dan satu untuk penerbangan domestik (Kepala Batas). Cadangan untuk membuat sebuah lagi lapangan terbang antarabangsa masih dalam pertimbangan kerajaan.

Bekalan elektrik dilaporkan lebih daripada mencukupi untuk keperluan semasa dan masa hadapan. Begitu juga bekalan air, walaupun masih ada ruang untuk peningkatan kemudahannya. Rangkaian komunikasi melalui telefon juga mencukupi. Sehingga 1995, Kedah mempunyai sembilan hospital kerajaan, dua hospital swasta, 45 klinik kesihatan dan 139 klinik luar bandar. Hampir setiap bandar di Kedah mempunyai klinik kesihatan swasta bagi mereka yang lebih berkemampuan menerima rawatan doktor swasta.

Cabaran Masa Hadapan Ekonomi

Terdapat tiga isu utama yang akan dihadapi negara dan khususnya negeri Kedah Darul Aman, iaitu:

1. Globalisasi dan Regionalisme
2. *e-dagang*
3. *'k-economy'*

Dalam era yang banyak perubahan ini, negara akan menghadapi pelbagai cabaran baru seterusnya menukar kaedah berurusniaga, bersaing dalam aktiviti pembuatan, pertanian dan sebagainya. Bagi menghadapi isu globalisasi, banyak aspek aktiviti ekonomi negara akan perlu dilihat dan difikirkan semula agar negara tidak ketinggalan atau dibenam arus perubahannya. Cabaran globalisasi perlu ditangani dengan kebijaksanaan pentadbir negara, ahli korporat, dan pemimpin politik negara.

Perjanjian antarabangsa yang Malaysia telah tandatangani atau bersetuju secara prinsip untuk sama-sama menghormatinya akan menentukan bagaimana negara boleh bertindak apabila tiba masanya. Yang paling hampir, AFTA, jika dikuatkuasakan pada 2003 atau 2005, mempunyai implikasi ketara kepada industri tempatan.

Serentak dengan isu globalisasi, isu *e-dagang*, e-bisnes, e-pendidikan dan sebagainya perlu dihadapi oleh negara. Istilah 'e' bererti elektronik dan seterusnya ini bermaksud bisnes, perdagangan, pendidikan dan sebagainya boleh, harus atau akan dilaksanakan dengan menggunakan media elektronik melalui rangkaian yang sedia ada yang meliputi seluruh dunia.

Dalam bidang pendidikan, Universiti Tun Abdul Razak atau UNITAR adalah satu contoh pendidikan yang menggunakan kaedah 'e'. Begitu juga dengan pesanan atau tempahan buku, kemudahan tempahan tiket kapal terbang dan hotel bagi pelancong yang hendak bercuti di dalam atau di luar negara dan sebagainya.

Kepelbagaian kemudahan e-bisnes dan komputer hanya terhad kepada kemampuan imaginasi dan kreativiti manusia. E-dagang memudahkan segalanya dengan lebih pantas.

Satu konsep yang baru muncul ialah '*k-economy*'. 'K' bermaksud knowledge atau ilmu membawa pengertian yang perancangan ekonomi di masa hadapan akan lebih berpandukan ilmu untuk menangani masalah dan cabaran semasa.

'*K-economy*' bermaksud peningkatan penggunaan 'K' atau pengetahuan dalam semua sektor ekonomi. Seiring dengan ini, teknologi komunikasi maklumat (ICT) penting sama-sama diberi penekanan kerana ia adalah pemangkin kepada kejayaan '*k-economy*'.

Jika negara sudah kukuh dengan *p-economy* atau ekonomi yang berdasarkan pengeluaran, pembuatan dan sebagainya, *k-economy* memerlukan pemikiran dengan lebih tajam bagaimana hasil yang sedia ada boleh ditambah lagi nilainya melalui penyelidikan dan

kreativiti kita sendiri. Kejayaan ke arah ini hanya akan tercapai jika negara tidak berkurangan dengan sumber manusia terlatih dalam berbagai disiplin yang perlu.

Kesimpulan

Berasaskan perbincangan yang dinyatakan, Kedah masih mempunyai kekuatan yang boleh digunakan dengan baik untuk masa hadapan ekonomi dan rakyatnya. Walaupun, program perindustriannya kurang membawa impak yang diharapkan, Kedah masih mempunyai aspek lain yang belum diterokai dengan sepenuhnya. Kekuatan Negeri Kedah Darul Aman ialah dalam pertanian, khususnya padi, di samping kekayaannya dengan alam semula jadi yang indah dan berpotensi untuk dibangunkan.

Dalam tahun 1995, Bank Dunia telah mengeluarkan *Wealth Index* atau indeks kekayaan negara baru yang dikategorikannya seperti berikut:

| | |
|--|--------------|
| { sumber manusia (human capital) | - 60 peratus |
| { sumber asli (natural capital) | - 20 peratus |
| { modal buatan manusia (human-built capital) | - 20 peratus |

Kekuatan sumber manusia negeri Kedah agak sukar ditandingi. Kedah telah menghasilkan dua perdana menteri, ramai ahli korporat yang berjaya, bilangan penduduk yang sederhana tetapi selesa, dan dalam pendidikan, mempunyai sekolah yang setanding prestasi pencapaiannya dengan sekolah di bandar besar di Lembah Klang.

Walau bagaimanapun, Kedah masih kekurangan dengan sumber asli dan modal buatan manusia, kekayaan jenis ketiga yang pada satu masa dahulu dianggap amat penting untuk kemajuan negara.

Sumber manusia adalah asas kepada pembangunan dalam era *k-economy*. Kedah harus mampu maju ke hadapan dengan lebih dinamik jika perancangan masa hadapannya dibuat berpandukan konsep terkini.

Kawasan padi MADA, lengkap dengan infrastruktur yang perlu bagi mengeluarkan padi dengan efisyen. Walaupun hasil puratanya kini di antara 2 hingga 3 ton per hektar, potensinya, mengikut sumber MADA adalah hampir 8 ton. Angka ini boleh dicapai tanpa pelaburan tambahan dalam infrastruktur: apa yang diperlukan hanya kecekapan pengurusan ladang yang lebih baik dan pintar.

Beras Siam sudah terkenal lama di negara kita. Walaupun Kedah dikenali 'Negeri Jelapang Padi', kita tidak ada 'Beras Kedah'. Contohnya 'Oren Sunkist' dari Amerika Syarikat bukan satu jenis oren atau dihasilkan daripada satu ladang; tetapi ia hanya satu jenama yang digunakan untuk tujuan pemasaran. Buah oren ditanam di ladang-ladang, terutamanya Florida, Amerika Syarikat. Padi keluaran Negeri Kedah harus mencuba kaedah yang sama untuk tujuan pasaran yang lebih agresif lagi.

Hasil lain daripada 'Beras Kedah' boleh difikirkan untuk dipasarkan secara meluas.

Begitu juga tanaman lain di Kedah dan yang berpotensi boleh difikirkan kaedah pemasaran dengan lebih kreatif agar dapat bersaing walaupun di peringkat antarabangsa.

Usaha untuk mempertingkatkan lagi sumber manusia Negeri Kedah memerlukan sokongan berbagai pihak. Mengikut sumber Kementerian Pendidikan Malaysia, negara masih kekurangan pekerja mahir di peringkat teknikal.

Pembangunan Sumber Manusia

Sumber manusia hanya terhad kepada bilangan penduduk, tetapi dengan pendidikan dan latihan yang sesuai serta relevan, Kedah boleh menjadi lebih baik berdasarkan indeks kekayaan Bank Dunia, walaupun kekurangan dalam sumber asli dan modal buatan manusia.

Mengikut statistik 1999 keluaran Kementerian Pendidikan Malaysia, pendaftaran di sekolah rendah berjumlah 225,027 dalam 504 buah sekolah. Bilangan pelajar di sekolah menengah dilaporkan 156,633 dalam 142 sekolah. Oleh itu, seramai lebih kurang 65,000 pelajar tidak akan mendapat pendidikan menengah setiap tahun. Sementara itu, jika hanya 10 peratus (15,000–16,000) pelajar lepasan sekolah menengah yang dapat megikuti program IPT, ini bermakna, lebih kurang 200,000 orang berumur di antara 12–18 tahun yang tercincir sebelum tiba di IPT dalam sistem pendidikan negara. Angka ini meliputi kecinciran ke sekolah menengah (225,027–156,633) atau 68,394 dan kecinciran ke IPT (156,633–15,663) atau 140,970. Ini merupakan satu angka yang tinggi dan jika Kedah hendak menangani cabaran era baru ekonomi, itu ini perlu diselesaikan dengan segera.

Negeri Kedah juga memerlukan lebih ramai lagi tenaga kerja lulusan peringkat teknikal. Mengikut satu sumber Kementerian Pendidikan, nisbah lulusan universiti dengan teknikal semasa negara hampir sama. Bagi menghadapi cabaran baru, mengikut kementerian, negara memerlukan tiga hingga empat lulusan diperingkat teknikal bagi setiap lulusan peringkat universiti. Nisbah ini penting bagi menyokong program pembangunan yang memerlukan tenaga kerja terlatih di masa akan datang.

Putus-patas latihan seperti politeknik perlu diperbanyak lagi di negeri Kedah bagi menampung keperluan tenaga kerja teknikal. Selain politeknik, institusi seperti KISMEC adalah relevan dengan kedudukan semasa, dan untuk masa hadapan negeri Kedah. Peranan KISMEC jika diperluaskan lagi dan diberi tanggungjawab yang lebih boleh meningkatkan lagi latihan khusus kepada penduduk.

Begitu juga peranan institusi lain yang menjadi jentera Kerajaan Kedah dan sebagainya perlu dilihat semula. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah (UPEN), oleh kerana kekurangan staf dan tenaga mahir, tidak dapat menjalankan tugas sebenarnya iaitu merancang, tetapi lebih berperanan sebagai badan penyelarasannya aktiviti ekonomi negeri. UPEN harus disokong oleh semua pihak berkenaan agar unit ini boleh menyumbang dengan lebih bermakna kepada pembangunan negeri Kedah.

Begitu juga PKNK, KEDA, MADA dan agensi-agensi lain di Kedah yang harus sama-sama memikirkan tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan bagi menghadapi cabaran masa hadapan.

Pencapaian Perbadanan Kemajuan Negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, sebagai contoh sungguh menggalakkan. Perbadanan Kemajuan Negari Kedah Kedah (PKNK) sebaliknya memerlukan lebih banyak ruang untuk meningkatkan lagi sumbangannya kepada ekonomi negeri.

Masa hadapan Negeri Kedah Darul Aman adalah dipengaruhi, dibentuk dan dirancang sambil menghadapi isu 'globalisasi', 'e-dagang'; dan 'k-ekonomi'. Semua yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana serta memantau kemajuan pembangunan negeri harus memberi kerjasama dan sokongan yang sewajarnya agar Kedah akan kekal maju dan mampu bersaing dengan ekonomi negeri lain, atau jika boleh, menjadi yang utama dalam negara ini.

Bibliografi

- Ashwani Saith (1989). *Location, Linkage and Leakage: Malaysian Rural Industrialization Strategies in National Perspectives*. Kuala Lumpur: Asian Development Bank.
- Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan (1994). *Ekonomi Malaysia*, Edisi Ketiga. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ibrahim Ismail (1987). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Universiti Malaya.
- Jamalludin Sulaiman, et. al. (2000). Industrial development efforts through linkages in SMEs dlm. *Small and Medium Enterprises in Asian Pacific Countries*. Moha Asri Abdullah dan Mohd. Isa Bin Baker (ed.). NY: Nova Science Publishers, Inc. Huntington.
- Jomo, K. S. (1999). Development planning in Malaysia: A critical appraisal dlm. *Political Economy of development in Malaysia*. B.N. Ghosh dan Muhammad Syukri Salleh (ed.). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Malaysia (1996). Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Zulkifli Hj. Senteri (1992). Perubahan Struktur dalam Pertanian Malaysia. Kertas kerja bengkel: Sektor Pertanian: Strategi ke Arah Pembentukan Negara Perindustrian. Bukit Fraser, 18-20 September.

四
五

WANITA KEDAH DAN PEMBANGUNAN: SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI

Suriati Ghazali

Pengenalan

Kedah terkenal sebagai negeri pertanian dengan nama jolokannya sebagai 'Manguk Nasi' atau 'Jelapang Padi' Malaysia. Sebelum tahun 1970, majoriti penduduknya, yang lebih 70 peratus berbangsa Melayu, merupakan petani padi. Pada tahap awal pembangunan, pandangan masyarakat 40 tahun dahulu secara amnya menganggap tempat dan kedudukan wanita yang paling ideal adalah di belakang kaum lelaki. Persepsi-persepsi seperti "suami bekerja, wanita surirumah", dan "suami pemberi nafkah, wanita sebagai pembantu" membayangkan idea-idea ini (Chant, 1998:16; Safa, 1995:169). Ekoran dari itu muncul persepsi-persepsi yang kurang menggalakkan atau menghalang wanita dari menerima pendidikan seterusnya bekerja di luar rumah, seiptimana pepatah terkenal di kalangan masyarakat Melayu "setinggi-tinggi wanita menuntut ilmu, ke dapur juga akhirnya". Peranan dan pembahagian tugas di antara lelaki dan wanita ini masih lagi dianggap ideal mengikut persepsi masyarakat moden hari ini, walaupun pada realitinya peranan lelaki dan wanita ini saling bertindan dari dahulu hingga sekarang.

Sumbangan Wanita dalam Ekonomi

Persepsi seperti ini tidak pula bermakna bahawa sebelum era pemodenan, perbandaran dan perindustrian, wanita tidak menunjukkan peranan yang penting di dalam ekonomi. Dari dahulu hingga sekarang, wanita dalam mana-mana masyarakat di dunia ini menunjukkan sumbangan yang begitu besar di dalam pembangunan ekonomi terutama ekonomi rumah tangga masing-masing. Boserup (1970), dalam *Women's Role in Economic Development* mendapat perubahan daripada pertanian sara diri kepada pertanian moden yang diusahakan kaum lelaki, tidak memanfaatkan ekonomi keluarga malah membawa kepada ketidakcukupan makanan dan kebuluran di kalangan kanak-kanak. Pemodenan dalam pertanian seperti peralihan kepada tanaman jualan dan penggunaan jentera serta racun kimia, telah menyebabkan kawasan-kawasan yang digunakan wanita untuk menanam tanaman makanan secara sara diri seperti di batas-batas dan pinggir-pinggir ladang suami mereka, telah tidak boleh digunakan lagi. Apa yang diusahakan oleh suami mereka pula bukannya untuk makanan keluarga. Selain itu, kos menyelenggarakan tanaman moden yang tinggi seperti kos jentera, benih baru dan racun kimia telah menyebabkan tidak ada pendapatan yang tinggal untuk keperluan keluarga. Ini dibuktikan sekali lagi oleh penulis

(Suriati 1999:189, 191) apabila penulis mendapati sebahagian besar hasil pertanian padi oleh pesawah di Seberang Perai Tengah adalah dilaburkan semula untuk menjadi modal di musim akan datang, dan perbelanjaan harian keluarga datang dari wanita (isteri) yang mengambil upah menjaga anak-anak jiran atau bekerja di gerai-gerai jualan.

Penemuan Boserup menyedarkan dunia untuk melihat kepentingan sumbangan wanita di dalam ekonomi. Ramai wanita, termasuk yang digolongkan 'tidak bekerja', sebenarnya mengusahakan sesuatu yang membekali keperluan asas keluarga. Wanita di Afrika ditemui memiliki dan menguasai ladang-ladang mereka sendiri di mana mereka bebas bertanam dan ladang mereka diusahakan untuk tanaman makanan (Crehan, 1992a, b). Wanita Cina seperti yang digambarkan oleh Pearl S. Buck dalam novelnya 'Bumi Bertuah' (*The Good Earth*) turut membayangkan sumbangan ekonomi wanita Cina yang bergiat cergas dalam sektor pertanian walaupun hasil titik peluh mereka menjadi kekayaan suami. Kajian-kajian ke atas wanita Melayu yang dijalankan dari tahun 1950-an lagi turut menunjukkan sumbangan kritis wanita Melayu di dalam ekonomi (Firth, 1966, Swift, 1963, 1965). Li (1996) menunjukkan bagaimana tanaman sara diri wanita Melayu miskin yang 'tidak bekerja' di sekeliling rumah mereka telah dapat memberi makan kepada anak-anak mereka apabila ketua keluarga (suami) tidak mempunyai pekerjaan dan apa-apa untuk memberi makan keluarga. Wong (1987) dalam kajiannya di Kedah telah menunjukkan wanita Melayu Kedah terutama mereka dari 'keluarga senang' memiliki sawah-sawah padi dan mereka mempunyai kuasa ke atasnya serta menguruskannya sendiri dan ini bersamaan dengan apa yang dilakukan oleh wanita-wanita di Afrika. Kajian Carsten (1989) di Langkawi menunjukkan bahawa walaupun wanita Melayu Langkawi tidak membawa wang dalam bentuk tunai ke rumah, tetapi hasil usaha mereka di sawah dalam bentuk beras telah menyebabkan keluarga mereka kecukupan makanan hingga ke musim menuai akan datang.

Pemodenan dan pembangunan negara di mana-mana di dunia ini, termasuk Malaysia dan negeri Kedah, terus menunjukkan kepentingan sumbangan wanita di dalam ekonomi. Persepsi masyarakat selalunya menganggap sumbangan wanita moden hari ini lebih penting berbanding dahulu atau berbanding mereka yang bekerja di sektor pertanian kerana pekerjaan mereka di sektor formal mempunyai upah yang lebih tetap. Walaupun ramai di kalangan wanita kini bekerja di sektor formal seperti pembuatan, namun sebahagian besar dari mereka menduduki tempat terendah dalam kategori pekerjaan, umpamanya pekerja-pekerja domestik dalam sektor perkhidmatan dan operator pengeluaran dalam sektor pembuatan (O'Brien, 1993, 1994; Suriati, 1999).

Kajian-kajian mengenai kesan pemodenan dan pembangunan ke atas wanita terus menunjukkan bagaimana wanita-wanita yang bekerja di peringkat terendah adalah berpendapatan rendah dan sebahagian besarnya dari "keluarga susah" dan ini menunjukkan sumbangan yang sangat kritis di dalam ekonomi rumah tangga mereka. Gadis-gadis operator pengeluaran menghantar wang gaji kepada ibubapa mereka, dan ianya digunakan untuk menara persekolahan adik-adik, membaki rumah ibubapa dan membaki keadaan hidup keluarga asal mereka (Ong, 1990a, b; Jamilah, 1984, 1989; Chant, 1998). Isteri-isteri dari keluarga miskin yang mengambil peluang dari kemajuan perindustrian dan pelancongan dengan bekerja di sektor-sektor domestik di hotel-hotel dan di kilang-kilang,

telah membelanjakan hampir kesemua pendapatan mereka untuk makanan keluarga dan persekolahan anak-anak (Suriati, 1999:199-203; Chant, 1995). Kajian-kajian mengenai wanita semuanya menemui hasil yang sama iaitu wanita, terutama mereka yang datang dari keluarga susah, menunjukkan peranan yang sangat penting di dalam ekonomi rumahtangga berbanding suami mereka lantaran kebolehan serta fleksibiliti mereka membina strategi ekonomi sendiri dalam keadaan serba kemiskinan. Wanita mampu menggunakan tulang empat kerat serta kepakaran mereka dalam bidang masakan serta membersih umpannya dan melakukan pelbagai pekerjaan dalam sehari yang mendatangkan upah dan pendapatan kepada mereka (Husna dan Napisah, 1994:184; Berma dan Faridah, 1994:213; Jamilah, 1994:155; Murray, 1992; Papanek, 1990; Jellinek, 1990; Papanek dan Schwede, 1988; Li, 1989).

Penemuan-penemuan di atas membuktikan sumbangan wanita dari era pertanian hingga ke era perindustrian sangat penting di dalam ekonomi, terutama ekonomi rumahtangga yang merupakan unit asas dalam masyarakat dan negara. Selain itu, pengkategorian wanita "tidak bekerja" boleh dipertikaikan kerana perkataan "pekerjaan" itu ditafsir dengan pelbagai cara. Penafsiran pekerjaan kepada pekerjaan formal umpannya, menyebabkan sebahagian besar wanita yang sebenarnya "bekerja" di rumah mereka seperti membuat kuih untuk dijual oleh suami mereka, digolongkan sebagai "tidak bekerja". Berdasarkan pengalaman penyelidikan pengkaji mendapat sekiranya wanita-wanita 'tidak bekerja' ini diberi peluang menerangkan apa yang mereka lakukan sehari-hari, sebahagian besar dari mereka didapati sebenarnya "bekerja" dan membawa pendapatan dalam bentuk wang dan bukan wang yang digunakan untuk kehidupan keluarga mereka.

Seterusnya dipaparkan perubahan sosioekonomi wanita Kedah dari segi kenal huruf, taraf pendidikan dan pekerjaan. Dari sini dapat dilihat kedudukan wanita yang lebih 'baik' dari dahulu dari ketiga-tiga aspek formal ini.

Wanita Kedah dan Kenal Huruf

Jadual 1 menunjukkan peratuskenal huruf bagi penduduk Kedah berusia 10 tahun ke atas mengikut laporan banci 1957, 1970 dan 1980. Adalah jelas bahawa kadar kenal huruf bagi wanita Kedah jauh lebih rendah berbanding lelaki, iaitu 23 peratus bagi wanita dan 63 bagi lelaki (Department of Statistics, 1959:48). Ini bermakna sehingga ke tahun Melaya mencapai kemerdekaan, jumlah wanita yang boleh membaca sangat kecil peratusnya dan ini menunjukkan bilangan mereka yang diberi pendidikan formal adalah kecil. Persepsi masyarakat secara amnya pada masa ini, bukan sahaja di Kedah tetapi di kawasan-kawasan lain di Malaysia adalah pendidikan formal tidak penting kepada wanita. Sesetengah ahli sejarah berpendapat masyarakat Melayu kurang menggalakkan anak-anak mereka bersekolah, terutama anak-anak perempuan, kerana mengesyaki ketidakbaikan sekolah-sekolah yang diperkenalkan penjajah, terutamanya sekolah Inggeris (Gullick, 1987). Namun begitu, terdapat juga bukti bahawa rendahnya pencapaian pendidikan di kalangan orang Melayu terutama wanita sebelum merdeka adalah kerana tidak adanya kemudahan persekolahan di luar bandar, kawasan majoriti orang Melayu tinggal, terutama di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Kedah (Snodgrass, 1980).

Banci 1970 menunjukkan peningkatan di dalam kadar kenal huruf baik di kalangan wanita maupun lelaki. Walaupun kadar kenal huruf di kalangan lelaki terus mengatasi wanita namun jurang perbezaan di antara kedua jantina ini semakin dekat pada tahun 1980 dan akan terus meningkat pada hari ini. Perkembangan pendidikan yang pesat selepas merdeka, terutamanya dengan pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar telah membawa kepada meningkatnya kadar kenal huruf di kalangan penduduk Kedah. Berlaku perubahan persepsi yang besar di kalangan masyarakat Melayu terhadap pendidikan dan semakin ramai menganggap pendidikan adalah sama pentingnya kepada lelaki dan wanita (Suriati, 1988; Lim Suet Tieng, 1992). Beberapa kajian menemukan ibu bapa Melayu menghargai 'pelaburan' mereka terhadap anak-anak perempuan kerana anak-anak perempuan kerap menghantar wang membantu ibu bapa berbanding anak-anak lelaki mereka (Li, 1989).

Jadual 1
Kedah: Kadar Kenal Huruf (Peratus) Bagi Penduduk
Berusia 10 Tahun Ke Atas, 1957, 1970 dan 1980

| Kenal Huruf | 1957* | 1970** | 1980*** | 1991 |
|-------------|-------|--------|---------|--------------|
| Lelaki | 63 | 70 | 80 | (Tiada data) |
| Wanita | 23 | 45 | 61 | (Tiada data) |

*Department of Statistics (1959). 1957 Population Census of the State of Kedah. Report No. 4. Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur. Halaman 48.

**Jabatan Perangkaan Malaysia (1977). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970. Jilid 1. Volume 1. Bahagian IX Kedah. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 143.

***Jabatan Perangkaan Malaysia (1984a). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980. Laporan Penduduk Negeri Kedah, Jabatan Penangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 427.

Pencapaian Pelajaran

Jadual 2 menunjukkan pencapaian pelajaran mengikut jantina pada tahun-tahun 1970, 1980 dan 1991. Peratusan di sini memasukkan mereka yang masih bersekolah dan yang sudah tamat sekolah. Jadual tahap pendidikan tertinggi bagi mereka yang sudah tamat sekolah tidak dapat diberikan kerana laporan banci bagi tahun-tahun yang berbeza ini menggunakan cara yang berbeza di dalam mengelaskan tahap pendidikan penduduk. Jadual ini menunjukkan terdapat perubahan dalam pendidikan yang dialami oleh penduduk Kedah, terutamanya wanita.

Perhatian ditumpukan kepada jurang pencapaian pelajaran mengikut jantina di peringkat sekolah menengah dan peringkat lepasan menengah yang termasuk maktab, kolej dan universiti. Data-data ini menunjukkan peratus lelaki yang menerima pendidikan menengah dan tinggi adalah lebih dari wanita di ketiga-tiga tahun banci tersebut. Namun begitu, jurang perbezaan keduanya menjadi semakin kecil setiap tahun. Tahun 1970 menunjukkan lebih ramai lelaki mendapat peluang untuk belajar di peringkat menengah dan tinggi, dengan perbezaan masing-masing 26 peratus dan 30 peratus. Pada tahun 1991, perbezaan adalah begitu hampir sekali dengan hanya 4 peratus di peringkat menengah dan 2 peratus di peringkat tinggi.

Jadual 2
Kedah: Pencapaian Pelajaran Mengikut Jantina, 1970, 1980 dan 1991

| Pencapaian Pelajaran | 1970 | | 1980** | | 1991*** | |
|----------------------|--------|-----------|--------|-----------|---------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Sekolah Rendah | 57 | 43 | 54 | 46 | 52 | 48 |
| Sekolah Menengah | 63 | 37 | 56 | 45 | 52 | 48 |
| Peringkat Tinggi | 70 | 30 | 67 | 33 | 51 | 49 |

*Jabatan Perangkaan Malaysia (1977). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970. Jilid 1, Volume 1, Bahagian IX Kedah. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 61.*

**Jabatan Perangkaan Malaysia (1984a). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, Laporan Penduduk Negeri Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 343-399.*

***Jabatan Perangkaan Malaysia (1995a). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991. Laporan Penduduk Negeri — Kedah. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 206-277.*

Ini menunjukkan kepesatan peningkatan pelajaran kaum wanita, yang turut mendapat peluang belajar di peringkat menengah dan tinggi, terutama selepas tahun-tahun 1980-an. Sebahagian besar peratus wanita yang menerima pendidikan tinggi ini merupakan wanita-wanita muda yang tamat belajar di tahun-tahun 80-an dan masih belajar di peringkat tinggi pada hari ini. Ini sesuai dengan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di universiti-universiti mengenai semakin ramainya golongan wanita belajar di institusi pengajian tinggi berbanding lelaki pada hari ini (Lim Suet Tieng, 1992).

Pekerjaan

Nisbah jantina (bilangan lelaki per 100 wanita) di Kedah adalah hampir seimbang sejak tahun 1957 lagi, walaupun terdapat sedikit perubahan di dalam tahun-tahun yang berlainan itu. Pada tahun 1957, 47.8 peratus dari penduduk Kedah yang seramai 701,964 orang merupakan penduduk wanita (Department of Statistics, 1959:1). Pada tahun 1991 peratusan penduduk wanita di Kedah adalah melebihi sedikit kaum lelaki di mana 50.5 peratus penduduknya daripada 1.36 juta penduduk Kedah itu terdiri dari wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995a:11). Sungguhpun jumlah penduduk Kedah telah bertambah hampir setengah juta orang dalam masa 30 tahun, separuh daripada mereka adalah wanita, namun penglibatan wanita Kedah dalam sektor pekerjaan tidak banyak berubah. Dari hanya 165 ribu orang yang berumur 10 tahun ke atas pada tahun 1957, wanita yang "bekerja" hanya 28 peratus, selebihnya adalah lelaki (Department of Statistics, 1959:54). Pada tahun 1991, kadar penyertaan wanita di dalam tenaga buruh bagi penduduk berumur di lingkungan 15 hingga 64 tahun hanyalah 37 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995a:3), iaitu lebih rendah daripada kadar penyertaan wanita di seluruh negara (42 peratus) (Jabatan Perangkaan Malaysia 1995b:124). Di dapat juga, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah paling tinggi di kalangan mereka yang berusia muda iaitu di lingkungan 20-34 tahun. Ini ada kaitannya dengan permintaan terhadap pekerja wanita untuk bekerja di sektor pembuatan dan perkilangan yang sedang berkembang pesat di Kedah akhir-akhir ini.

Jadual 3, menunjukkan tidak ada peningkatan yang ketara di dalam peratus penceburan wanita di dalam pekerjaan apabila dibandingkan dengan lelaki. Yang lebih ketara ialah perubahan struktur di dalam pekerjaan wanita. Jelas pada tahun 1957, daripada sejumlah 63,492 wanita yang bekerja, 90 peratus terlibat dengan sektor pertanian. Penceburan mereka dalam bidang-bidang lain amat kecil sekali iaitu kurang dari tiga peratus dari jumlah wanita bekerja. Tahun 1970 juga menunjukkan pola yang serupa di mana penglibatan tertinggi wanita masih dalam bidang pertanian (86 peratus) dan dalam bidang lain masih terluu kecil. Tahun 1980 menunjukkan pengurangan penglibatan wanita dalam bidang pertanian kepada 70 peratus dan peningkatan dalam bidang profesional, perkeranian, penjualan, perkhidmatan dan pengeluaran. Perubahan struktur pekerjaan wanita paling ketara pada tahun 1991, di mana berlaku penurunan pesat peratusan wanita yang bekerja di sektor pertanian (31 peratus), dengan penurunan lebih 50 peratus dari tahun 1980 hingga 1991. Peningkatan mendadak dalam sektor pengeluaran turut berlaku (30 peratus), di mana pertambahan hampir 4 kali ganda dari tahun 1980 hingga 1991. Penceburan wanita di kategori profesional turut meningkat (13 peratus).

Jadual 3
Kedah: Perbandingan Pekerjaan Mengikut Jantina, 1970, 1980, 1991

| Kategori Pekerjaan | 1957 | | 1970 | | 1980 | | 1990 | |
|---|------------|---------|------------|---------|------------|---------|------------|---------|
| | Lelaki (%) | Per (%) |
| Pekerjaan profesional teknikal dan yang berkaitan | 2.3 | 2.2 | 3.3 | 3.3 | 4.7 | 7.2 | 6.3 | 12.6 |
| Pekerja pentadbiran dan pengurusan | 0.8 | 0.1 | 0.5 | 0.02 | 0.6 | 0.1 | 1.4 | 0.3 |
| Pekerja perkeranian dan yang berkaitan | 1.8 | 0.2 | 2.8 | 1.3 | 4.2 | 4.6 | 4.8 | 9.7 |
| Pekerja jualan | 9.4 | 1.4 | 8.7 | 2.6 | 10.3 | 5.4 | 10.2 | 7.4 |
| Pekerja perkhidmatan | 5.6 | 2.8 | 5.4 | 3.6 | 7.0 | 4.5 | 9.7 | 8.8 |
| Pekerja pertanian, nelayan, ternakan, perhutanan dan pemburuu | 67.9 | 90.8 | 67.0 | 86.0 | 54.5 | 70.3 | 37.9 | 31.2 |
| Pekerja pengeluaran dan yang berkaitan | 12.3 | 2.5 | 12.3 | 3.1 | 18.7 | 7.9 | 29.7 | 30.0 |
| Jumlah (%) | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Jumlah besar | 246514 | 100% | 311490 | 100% | 345270 | 100% | 413354 | 100% |
| Jumlah pekerja lelaki | 183022 | 74% | 210821 | 68% | 232661 | 67% | 286889 | 69% |
| Jumlah pekerja wanita | 63492 | 26% | 100669 | 32% | 112609 | 33% | 126465 | 31% |

*Department of Statistics (1957). 1957 Population Census of the State of Kedah. Report No. 4. Department of Statistics, Federation of Malaya, Kuala Lumpur. Halaman 65.

**Jabatan Perangkaan Malaysia (1977). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970. Jilid 1, Volume 1, Bahagian IX Kedah. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 202.

***Jabatan Perangkaan Malaysia (1984b). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, Laporan Penduduk Daerah Pentadbiran (Pekerjaan dan Perusahaan) Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 34.

****Jabatan Perangkaan Malaysia (1995a). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991. Laporan Penduduk Negeri — Kedah. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur. Halaman 314-325.

Penyertaan kaum lelaki di sektor pertanian turut menurun daripada 67 peratus pada tahun 1970 kepada 38 peratus pada tahun 1991, namun penurunannya tidak sepesat penurunan penyertaan wanita di sektor ini. Peningkatan lelaki di sektor pengeluaran juga tidak sebanyak peningkatan wanita di sektor ini.

Perubahan struktur dalam pekerjaan daripada pekerjaan pertanian kepada pengeluaran bersesuaian dengan perubahan ekonomi negeri Kedah yang berlaku terutamanya dari tahun-tahun 1980-an hingga kini. Pembangunan industri di Kedah semakin pesat terutamanya selepas pertengahan 1980-an dimana pembukaan kawasan-kawasan perindustrian seperti di Kulim, Sungai Petani dan Bakar Arang telah menambahkan peluang pekerjaan kepada wanita di sektor pengeluaran. Syarikat-syarikat perlilangan ini sememangnya mengambil pekerja wanita lebih dari lelaki untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan stereotaip dan berulang-ulang dengan gaji rendah di lantai-lantai kilang iaitu sebagai operator pengeluaran (Safa, 1995; Ong, 1990a). Wanita yang semakin ramai berkelulusan menengah merupakan tenaga buruh separuh mahir yang diperlukan melakukan pekerjaan ini. Daripada jumlah wanita Kedah yang terlibat di dalam pekerjaan pengeluaran ini, mereka yang bekerja sebagai operator pengeluaran di kilang-kilang elektronik, plastik dan getah, pakaian dan memproses makanan dan minuman sahaja ialah 29,877 orang (79 peratus) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995:405-409). Pentingnya sektor perindustrian kepada negeri Kedah akhir-akhir ini dapat dilihat daripada sumbangannya kepada KDNK negeri ini iaitu dengan peningkatan daripada 4.9 pada tahun 1971 kepada 9.0 pada tahun 1990 (Morshidi Sirat dan Abibullah Haji Samsudin, 1991). Pada tahun 2000, semakin ramai wanita bekerja di sektor pengeluaran sebagaimana meningkatnya sumbangan sektor pembuatan kepada 35.8 peratus pada tahun 2000 (Malaysia, 1996). Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Kedah pula semakin menurun daripada 58.6 pada 1971 kepada 43.3 pada 1990 dan turun lagi kepada 18.7 pada tahun 2000 (MIDA, 1995). Perubahan KDNK dan struktur pekerjaan di Kedah ini adalah sama trendnya, walaupun lewat sedikit, daripada Pulau Pinang ataupun Malaysia secara amnya (Suriati, 1999:72;74;89).

Sungguhpun berlaku perubahan penyertaan wanita dalam pekerjaan mengikut sektor, namun jumlah wanita yang "bekerja" masih jauh lebih kecil daripada jumlah lelaki. Perubahan pekerjaan mereka daripada pekerjaan pertanian kepada perindustrian pula tidak bererti sesuatu yang lebih baik telah dicapai kerana di dalam sektor perindustrian ini, majoriti wanita berada di hirarki terbawah di dalam kategori pekerjaan tersebut iaitu sebagai operator pengeluaran. Di hierarki yang lebih tinggi, umpannya sebagai penyelia pengeluaran, jumlah pekerja lelaki melebihi dua kali ganda wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995:405). Pencapaian wanita yang lebih membanggakan ialah di sektor profesional. Sub-bidang pekerjaan di mana bilangan wanita melebihi lelaki ialah di sub-bidang pekerja perubatan (seperti doktor, jururawat dan bidan) dan juga di sub-bidang perguruan (guru, pengajar) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995:398-399). Di sub-bidang yang lain dalam kategori profesional menunjukkan penyertaan lebih ramai lelaki dari wanita.

Kesimpulan

Ditinjau dari sudut peningkatan dalam sosioekonomi, wanita Kedah telah mencapai kedudukan sosioekonomi yang lebih baik ketika ini berbanding 50 tahun dahulu. Kini,

lebih ramai mereka yang kenal huruf, berpendidikan menengah dan tinggi serta mencebur ke bidang pekerjaan bukan pertanian. Peluang-peluang pendidikan yang diterima wanita Kedah hampir sama dengan lelaki, walaupun penyertaan dalam pekerjaan masih dikira jauh lebih rendah. Walaupun kedudukan sosioekonomi mereka semakin baik, namun belum dapat dikatakan 'status' mereka meningkat. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa peralihan pekerjaan wanita dari sektor pertanian kepada bekerja sebagai operator pengeluaran di kilang-kilang menjadikan status mereka sebenarnya 'lebih rendah' lagi dari sebelumnya. Wanita petani di Kedah yang satu masa dahulu bebas menentukan keputusan dalam pekerjaan pertanian sekiranya mereka tuan tanah (lihat Wong, 1987) serta mampu 'mendesak' tuan tanah serta menentukan upah mereka sekiranya mereka pekerja upahan dengan cara membentuk 'kumpulan pekerja wanita' dan 'membokot' tuan tanah (lihat Hart, 1991), kini terpaksa tertakluk kepada pekerjaan berulang-ulang di lantai-lantai kilang, bergaji rendah serta tiada kebebasan menyertai kesatuan sekerja (lihat Ong, 1990b; Wolf, 1992).

Namun, dalam cara yang lain pekerjaan baru di sektor-sektor perkilangan ini dilihat sebagai telah meninggikan status wanita dari sudut bertambahnya kuasa wanita di dalam membuat keputusan, terutama untuk diri dan rumahtangganya (Suriati, 1999:240-241; Wolf, 1992; Ong, 1990b). Pendapatan yang stabil walaupun rendah dari pekerjaan mereka berbanding pendapatan yang tidak tetap semasa bekerja di sektor pertanian, membolehkan wanita menentukan masa depannya seperti memilih jodoh sendiri, menyekolahkan anak-anak, membaiaki keadaan hidup keluarga serta membantu keluarga keluar dari keadaan kemiskinan.

Bibliografi

- Berma, M., & Faridah Shahadan (1994). *Poverty, household status and women in the informal sector*. In Jamilah Ariffin (ed.) *Poverty amidst plenty*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications. 207-227.
- Boserup, E. (1970). *Women's Role in Economic Development*. New York: St. Martin's Press.
- Carsten, J. (1987). Women, kindship and community in a Malay fishing village on Pulau Langkawi, Kedah Malaysia.' Ph.D. Thesis. London School of Economics and Political Science.
- Carsten, J. (1989). Cooking money: gender and symbolic transformation of means of exchange in a Malay fishing community. In J. Parry and M. Bloch (eds) *Money and the morality of exchange*. Cambridge: Cambridge Univ. Press. 117-41.
- Chant, S. (1995). Gender aspects of urban economic growth and development. Paper prepared for the UNU/WIDER conference on Human settlements in the changing global political and economic processes. Helsinki, 1995.
- Chant, S. (1998). Households, gender and rural-urban migration: reflections on linkages

- and considerations for policy. *Environment and Urbanization*, 10 (1), April 5-21.
- Crehan, K. (1992a). *Rural Household: Survival and Change*. In H. Bernstein, B. Crow and H. Johnson (eds) *Rural livelihoods: Crises and responses*. Oxford: Oxford University Press. 113-138.
- Crehan, K. (1992b). *Rural households: making a living*. In H. Bernstein, B. Crow and H. Johnson (eds) *Rural livelihoods: Crises and responses*. Oxford: Oxford University Press. 87-112.
- Department of Statistics (1959). 1957 Population Census of the State of Kedah. Report No. 4. Department of Statistics. Federation of Malaya, Kuala Lumpur.
- Firth, R. (1966). *Housekeeping Among Malay Peasant* (2nd edn.) London: Athlone Press.
- Gullick, J.M. (1987). *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Hart, G. (1991). Engendering Everyday Resistance: Gender, Patronage and Production Politics in Rural Malaysia. *Journal of Peasant Studies*, 19, 93-121.
- Horton, S. (1996). *Women and industrialisation in Asia: Overview*. In Susan Horton (ed.) *Women and industrialization in Asia*. London: Routledge, 1-42.
- Husna Sulaiman & Napisah Mahfuz (1994). *Women and poverty in the agricultural sector*. In Jamilah Ariffin (ed.) *Poverty amidst plenty*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications. 171-190.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1977). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970. Jilid (1), Bahagian IX Kedah*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1984a). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980. Laporan Penduduk Negeri Kedah*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1984b). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980. Laporan Penduduk Daerah Pentadbiran (Pekerjaan dan Perusahaan)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1995a). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991. Laporan Penduduk Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1995b). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991. Laporan Am Banci Penduduk*, 1. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Jamilah Ariffin (1984). *Migration of women workers in Peninsular Malaysia: impact and implications*. In James T. Fawcett, Siew-Ean Khoo and Peter C. Smith (eds) *Women in the cities of Asia: migration and urban adaptation*. Boulder: Westview Press.
- Jamilah Ariffin (1989). Industrialisation and socio-economic problems of Malay migrant women workers in Peninsular Malaysia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 17, 105-128.
- Jamilah Ariffin (1994). Women, development and poverty: globalised issues and empirical findings relevant to studying poor women in Malaysia. In Jamilah Ariffin (ed.) *Poverty amidst plenty*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 153-170.
- Jellinek, L. (1990). The changing fortunes of a Jakarta street-trader. In Josef Gugler (ed.) *The urbanization of the Third World*. New York: Oxford University Press, 204-223.
- Li, Tania (1989). *Malays in Singapore: Culture, Economy and Ideology*. East Asian Social Science Monographs. Singapore: Oxford University Press.
- Li, Tania (1996). Household formation, private property, and the State. *SOCOURN*, 11(2), 259-87.
- Lim Suet Tieng (1992). *Gender, race and attainment in Peninsular Malaysia*. Ph.D. Thesis. University of Pennsylvania.
- Malaysia (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- MIDA (1995). *Position of industrial estates developed by the State Economic Development Corporation, Regional Development and Port Authorities and Municipalities, 1995*.
- Morshidi Sirat & Abibullah Haji Samsudin (1991). *Persepsi pelabur luar terhadap peluang pelaburan di Kedah Darul Aman*. Laporan Projek Geran Penyelidikan Jangka Pendek. Universiti Sains Malaysia.
- Murray, A.J. (1992). *No Money, No Honey: A Study of Street Traders and Prostitutes in Jakarta*. Singapore: Oxford University Press.
- O'Brien, L. (1993). *The Malaysian labour force: Into the 21st century*. In Yue-man Yeung (ed.) *Pacific Asia in the 21st Century: Geographical and developmental perspectives*. Hong Kong: The Chinese University Press, 285-307.
- O'Brien, L. (1994). *Some characteristics of working the manufacturing sector*. In Harold Brookfield (ed.) *Transformation with industrialization in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 170-187.

- Ong, Aihwa (1990a). Japanese factories, Malay workers: Class and sexual metaphors in Malaysia. In *Jane M. Atkinson and Shelly Errington (eds)*. Power and differences: Gender in island Southeast Asia. Stanford, California: Stanford University Press, 385-421.
- Ong, Aihwa (1990b). *State versus Islam: Malay families, women's body and the body politics in Malaysia*. American Ethnologist, 17, 258-276.
- Papanek, H. (1990). *To each less than she needs, from each more than she can do: allocations, entitlements and value*. In *Irene Tinker (ed.)*. Persistent inequalities: Women and world development. New York: Oxford University Press, 162-181.
- Papanek, H., & Schwede, L. (1988). *Women are good with money: Earning and managing in an Indonesian city*. In *Daisy Dwyer and Judith Bruce (eds)*. A home divide: Women and income in the Third World. Stanford, California: Stanford University Press, 71-98.
- Safa, H. I. (1995). *The Myth of the Male Breadwinner: Women and Industrialisation in the Caribbean*. Boulder: Westview Press.
- Snodgrass, D. R. (1980). *Inequality and Economic Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Suriati Ghazali (1988). *Pembangunan luar bandar: Migrasi, aspirasi dan persepsi generasi kedua peneroka FELDA*. M.A. Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suriati Ghazali (1999). *Socioeconomic changes in the peri-urban villages in Penang, Malaysia*. Ph.D. Thesis, School of Geography, University of Leeds.
- Swift, M.G. (1963). *Men and women in Malay society* in B. Ward (ed.) *Women in the New Asia: The changing social roles of men and women in South and Southeast Asia*. Paris: UNESCO.
- Wolf, D. L. (1992). *Factory Daughters: Gender, Household Dynamics, and Rural Industrialization in Java*. Berkeley: University of California Press.
- Wong, D. (1987). *Peasants in the making: Malaysia's green revolution*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

recd

SOSIOEKONOMI PENDUDUK LANGKAWI SELEPAS MENJADI PELABUHAN BEBAS CUKAI

*Hassan Naziri Khalid
Moha Asri Abdullah
Mohd. Isa Hj. Bakar
Usman Yaakob*

Pengenalan

Lada awalnya, Langkawi merupakan salah satu daerah yang agak tertinggal dari arus pembangunan negeri Kedah. Dari segi metosnya dikaitkan kedudukan kedaifan pulau itu dengan 'Sumpahan Mahsuri' (Hassan Md. Noor). Taraf sosioekonomi penduduknya sangat rendah. Kedudukannya sebagai sebuah pulau tidak dimanfaatkan untuk kemajuannya. Namun demikian, kerajaan berusaha untuk membangunkan Langkawi dengan mengambil kira lokasinya yang berpulau sesuai untuk pembangunan industri pelancongan. Pada tahun 1987, Pulau Langkawi telah membantu memperhebatkan lagi perkembangan industri pelancongan, perhotelan dan perniagaan di pulau itu. Kini Pulau Langkawi telah terkenal diseluruh dunia sebagai sebuah pulau peranginan dan pembangunan ekonomi pulau itu kini kian bertambah pesat. Langkawi telah bertukar wajah, dari kedudukan yang daif kepada yang lebih maju dan terkenal setanding dengan pusat-pusat peranginan lain di wilayah ini. Sehubungan itu perkembangan yang dicapai oleh pulau ini akan dapat memberi manfaat kepada penduduk pulau itu yang telah begitu lama tertinggal dari arus kemajuan negara (Moha Asri, Hassan Naziri, Usman Yaakob, Mohamad Isa, 1998).

Status pelabuhan bebas adalah salah satu daripada dasar dan strategi pembangunan Langkawi. Walaupun dasar untuk menjadikan pelabuhan bebas itu satu dasar yang sangat besar, tetapi pembangunan pulau itu datang daripada pelbagai segi. Status pelabuhan bebas adalah untuk memperhebatkan lagi dan memberi kesan yang lebih kuat kepada perlaksanaan dasar-dasar yang lain. Tahun pengisytiharan pelabuhan bebas itu dijadikan atas titik tolak kepada penilaian pencapaian kemajuan pulau ini.

Latar Belakang Langkawi

Langkawi merupakan salah satu daerah pentadbiran yang terletak di bawah kerajaan negeri Kedah Darul Aman. Langkawi terletak di utara pantai barat Semenanjung Malaysia di antara garisan lintang $6^{\circ} 10'$ U hingga $6^{\circ} 30'$ dan garisan bujur $99^{\circ} 35'$ T hingga 100° T. Pulau ini mempunyai jarak 30 km dari Kuala Perlis dan 51.5 km dari Kuala Kedah. Langkawi

mempunyai 104 buah pulau dengan keluasan 47,848 hektar. Pulau Langkawi membentuk kawasan pulau yang terbesar dengan 32,180 hektar, diikuti oleh Pulau Dayang Bunting (5,091 hektar) dan Pulau Tuba (1,763 hektar). Sehingga kini hanya tiga pulau tersebut mempunyai penduduk. Pulau-pulau lain mempunyai saiz yang kecil dan masih mengelakkan persekitaran alam semulajadi kecuali Pulau Singa Besar dan Pulau Beras yang sedang dibangunkan bagi tujuan pelancongan.

Kedudukannya yang jauh dari pentadbiran pusat negeri Kedah iaitu Alor Setar menjadikan daerah ini kurang membangun selepas kemerdekaan negara. Dalam tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, sebahagian besar masyarakat Langkawi bergantung kepada aktiviti ekonomi terutamanya yang berasaskan perikanan dan pertanian bercorak tradisional dan sara diri. Ternyata aktiviti ekonomi tersebut kurang berupaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat seterusnya memberi implikasi penting terhadap taraf sosioekonomi penduduk yang rendah. Potensi Langkawi sebenarnya tidak dieksloitasi sepenuhnya untuk kemajuan kelompok pulau-pulau itu. Hakikat ini telah menggalakkan kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terkenal negara. Langkawi dibentuk oleh sebilangan pulau-pulau persekitaran yang cantik dan belum lagi dicemari oleh unsur-unsur asing terhadap landskap semulajadinya yang indah. Nilai utama Langkawi terletak kepada keindahan persekitaran tropikanya. Di samping itu, pasir putih dan pantai-pantai yang cantik, mempersonakan telah menyediakan keamanan, ketenangan dan keselesaan kepada pengunjung, selain dari kesesuaianya untuk pelbagai jenis sukan air. Langkawi mempunyai sejarahnya yang tersendiri seperti sumpah Mahsuri, Makam Mahsuri, Beras Terbakar dan Telaga Air Hangat. Kesemua ini menjadi daya tarikan utama pelancong untuk melawat Langkawi.

Pengisytiharan pelabuhan bebas cukai akan membuka potensi Langkawi dalam mengembangkan pembangunan aktiviti perdagangan. Malah, sektor komersial dikatakan berkembang dengan begitu baik sekali, melalui pertumbuhan pesat barang import bebas cukai. Ini pula menggalakkan lagi kemasukan pelancong ke Langkawi. Implikasi pembangunan ini amat besar terhadap penduduk, khususnya dari segi peluang-peluang pekerjaan. Apabila Langkawi diisytiharkan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai pada 1 Januari 1987, banyak perubahan yang berlaku terutamanya dari segi tahap, arus dan hala tuju pembangunan Langkawi. Perubahan ini melibatkan banyak aspek pembangunan. Malah pengisytiharan pelabuhan bebas cukai Langkawi merupakan satu langkah ke arah mewujudkan pembangunan Pulau Langkawi dengan lebih sistematik sebagai mana langkah yang sama telah digunakan dalam pembangunan Pulau Pinang dan Singapura. Justeru itu, pelbagai pembangunan infrastruktur, fizikal dan prasarana dibuat. Ini termasuklah pembinaan jalan raya, lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan baru dan jeti bagi mewujudkan komunikasi dan pintu masuk yang lebih terbuka. Sehingga tahun 1990, lebih RM300 juta telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan Pusat dalam usaha untuk memastikan kepesatan pembangunan infrastruktur di Langkawi. Ini dilihat dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) (Kementerian Kewangan Malaysia 1986, 1991 dan 1996). Usaha juga telah dibuat ke arah menggalakkan bilangan pelancong dengan mengadakan beberapa keistimewaan seperti pusat konvensyen, pusat pameran dan sebagainya ke arah mewujudkan Langkawi sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa.

Di samping itu, aktiviti ekonomi yang lain turut membangun dengan pesat. Selain dari industri perhotelan, kegiatan perdagangan dan perniagaan menjadi semakin berkembang. Walaupun sektor perkilangan tidak begitu memberangsangkan, beberapa sub-industri penting berjaya dibangunkan seperti industri simen dan marmar.

Dalam usaha menggalakkan pembangunan Langkawi, mengawal dan memberi garis panduan, satu kerangka pembangunan dan perancangan yang lebih komprehensif dan sistematis telah dibuat di bawah Pelan Rancangan Struktur Langkawi 1990-2005 pada tahun 1986 (Majlis Daerah Langkawi, 1986). Bagi melaksanakan pelan struktur dan proposal dilaksanakan ke tahap optimum, kerjasama dan koordinasi dari agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan Langkawi turut dikenalpasti. Peranan Majlis daerah Langkawi sebagai pihak berkuasa Perancang Tempatan bersama dengan "the Langkawi Development Authority (LADA)" sebagai dua agensi pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan mengikut strategi pembangunan sebagaimana yang dibuat dan digariskan dalam Pelan Struktur Langkawi.

Bagi menilai tahap pembangunan sosioekonomi penduduk Langkawi ini satu kajian telah dilaksanakan dalam tahun 1997 di bawah IRPA Jangka Pendek USM. Kajian dijalankan dengan pengumpulan maklumat primer dan sekunder yang lebih menyeluruh meliputi skop keseluruhan Langkawi. Kajian mengumpul maklumat melalui persampelan di kawasan-kawasan Pekan Kuah, Padang Mat Sirat, Pantai Chenang atau Pantai Tengah, Telok Ewa, Kuala Teriang, Air Hangat dan beberapa kawasan lain.

Jadual 1
Sektor Liputan Kajian

| BIL | AKTIVITI | MUKIM | LOKASI |
|-----|--------------------------|-------|------------------|
| 1 | Perdagangan & Perniagaan | 117 | Kuah |
| 2 | Pelancongan | 117 | Padang Mat Sirat |
| 3 | Pertanian | 117 | Padang Lalang |
| | Jumlah | 351 | |

Hasil kajian ini dapat menunjukkan tahap sejauh mana kemajuan yang dicapai oleh Langkawi itu telah melimpah ke seluruh rakyat pulau itu.

Sosioekonomi Penduduk Langkawi

Ciri-ciri sosioekonomi sesuatu masyarakat itu melambangkan tahap kemajuan yang dicapai oleh sesuatu masyarakat di sesuatu tempat. Perhatian akan ditumpukan kepada perbandingan kedudukan sosioekonomi masyarakat pada tahun Langkawi mula diisyitarkan sebagai pelabuhan bebas cukai dengan keadaan yang tedapat pada tahun 1998. Keadaan ciri-ciri masyarakat Langkawi pada tahun 1987 itu juga melambangkan keadaan yang wujud sebelum perubahan status pelabuhan bebas. Tahun 1998 melambangkan kedudukan masyarakat Langkawi telah dipengaruhi oleh kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Langkawi sejak ia mencapai taraf pelabuhan bebas. Taraf pelabuhan bebas cukai menggalakkan industri pelancongannya yang mula berkembang

pesat. Perkembangan ini telah mencetuskan perkembangan lain yang berkaitan dengan menimbulkan banyak aktiviti sampingan dan boleh diceburi oleh penduduk Langkawi. Secara tidak langsung ia dapat mempengaruhi kedudukan sosioekonomi penduduk tempatan dengan membantu meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

Pekerjaan Tetap

Dalam bidang sosioekonomi, di antara aspek-aspek yang dikaji adalah jenis pekerjaan isi rumah responden. Pada tahun 1987 seramai 446 isi rumah dapat diketahui jenis pekerjaan dengan tepat dan pada tahun 1998 seramai 825 isi rumah pula dikenal pasti jenis pekerjaan mereka. Daripada jenis-jenis pekerjaan ini dapat dilihat sejauhmana struktur pekerjaan itu telah berubah sejak Pulau Langkawi menjadi pelabuhan bebas hingga kini (lihat Jadual 2). Jadual ini menunjukkan pertambahan yang tinggi dalam kategori pekerjaan dengan syarikat-syarikat swasta yang meningkat daripada 29.1 peratus pada tahun 1987 kepada 38.7 peratus pada tahun 1998. Begitu juga peningkatan dalam kategori pekerjaan perniagaan meningkat daripada 22.9 peratus kepada 28.6 pada masa yang sama. Terdapat juga bidang pekerjaan yang menurun jumlah peratusnya dalam jangka waktu 1987-1998. Bidang pertanian lain yang termasuk berbagai-bagai jenis pekerjaan seperti nelayan atau penangkap ikan menurun daripada 17.5 peratus dari 17.5 peratus pada tahun 1987 kepada 5.7 peratus sahaja pada tahun 1998. Pekerjaan sebagai petani juga merosot dari 8.5 peratus kepada 6.3 peratus dan penternakan menurun daripada 2.0 peratus kepada 1.7 peratus dalam jangkamasa yang sama. Penurunan ini mungkin disebabkan Pulau Langkawi kini maju dari segi pelancongan dan perniagaan yang telah menarik pekerja daripada sektor pertanian ke sektor perkhidmatan.

Jadual 2
Pekerjaan Isi Rumah

| Jenis Pekerjaan | Pekerjaan Tetap | | | Pekerjaan Sampingan | | | | |
|----------------------------|-----------------|-------|------|---------------------|------|-------|-----|-------|
| | 1987 | % | 1998 | | 1997 | 1998 | | |
| | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| Petani | 38 | 8.5 | 52 | 6.3 | 13 | 33.4 | 8 | 19.5 |
| Penternak | 9 | 2.0 | 14 | 1.7 | - | - | 1 | 2.4 |
| Lain-lain bentuk Pertanian | 78 | 17.5 | 47 | 5.7 | 5 | 12.8 | 4 | 9.8 |
| Kakitangan Kerajaan | 56 | 12.6 | 92 | 11.1 | - | - | - | - |
| Peniaga/ Pengusaha | 102 | 22.9 | 236 | 28.6 | 18 | 46.1 | 21 | 51.1 |
| Kakitangan Kilang | 33 | 7.4 | 65 | 7.9 | - | - | - | - |
| Kakitangan Syarikat Swasta | 130 | 29.1 | 319 | 38.7 | 3 | 7.7 | 7 | 17.1 |
| JUMLAH | 446 | 100.0 | 825 | 100.0 | 39 | 100.0 | 41 | 100.0 |

Jumlah yang bekerja dengan kerajaan juga merosot daripada 12.6 peratus pada tahun 1987 kepada 11.1 peratus pada tahun 1998. Ini kerana wujud jumlah peningkatan yang tinggi dalam pekerjaan di sektor swasta yang lain. Dari segi pekerjaan di kilang-kilang

tidak banyak berubah, hanya meningkat dari 7.4 peratus sahaja. Ini kerana di Langkawi tidak banyak kilang didirikan kerana ia memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan sahaja. Sejak pulau Langkawi mencapai status pelabuhan bebas cukai sektor perkhidmatan yang dilambangkan oleh pelancongan dan perniagaan berbagai bentuk telah berkembang dengan pesatnya dan mempengaruhi perubahan dari struktur pekerjaan penduduk tempatan.

Pekerjaan Sampingan

Pada tahun 1987 seramai 39 orang isi rumah mengatakan mereka melakukan pekerjaan sampingan untuk menambah pendapatan. Dari segi pekerjaan sampingan ini juga menunjukkan perubahan yang nyata dari pekerjaan berbentuk pertanian kepada sektor perkhidmatan selaras dengan kemajuan Pulau Langkawi. Mereka yang menjalankan kerja sampingan sebagai petani menurun daripada 33.4 peratus pada 1987 kepada 19.5 peratus pada tahun 1998. Mereka yang bekerja dalam lain-lain sektor pertanian seperti menangkap ikan dan kerja-kerja kampung menurun daripada 12.8 peratus kepada 9.8 peratus. Ini juga selaras dengan kemajuan pulau ini. Walau bagaimanapun terdapat seorang isi rumah yang menyedari bahawa kini permintaan terhadap daging kambing oleh restoran-restoran meningkat dan beliau telah memulakan ternakan kambing untuk menampung keperluan tersebut. Pada tahun 1987 perusahaan ini tidak diceburi.

Pekerjaan sampingan ini juga bertambah dalam sektor perniagaan secara sambilan dan syarikat swasta. Pertambahannya ialah 5 peratus dan 9.4 peratus setiap satu. Data menunjukkan bahawa sumbangan dalam aktiviti perkhidmatan di pulau ini telah banyak membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Pendapatan Daripada Pekerjaan Utama

Pendapatan daripada pekerjaan utama penduduk Langkawi dapat dilihat perubahan melalui penambahan strukturnya ke arah lebih baik lagi pada tahun 1998 berbanding tahun 1987 (Jadual 3). Pendapatan purata pada tahun 1987 adalah RM503.57 tetapi kini berjumlah RM867.18. Begitu juga dengan mod pendapatan meningkat daripada RM300 ke RM500 dan median dari RM400 ke RM600. Pendapatan maksimum juga meningkat mendak dari RM2260 ke RM4000 sebulan. Ini dilihat daripada perubahan dalam struktur pekerjaan utama para penduduk yang dikaji.

Struktur pendapatan itu juga berubah dalam beberapa segi. Pada tahun 1987 peratusan yang tertinggi sekali adalah dalam kategori pendapatan RM201-400 tetapi kini yang tertinggi sekali ialah dalam kategori RM401-800. Mereka yang berpendapatan melebihi RM1,601 juga tertinggi iaitu 7.5 peratus berbanding hanya 0.6 peratus sahaja pada tahun 1987. Ini menunjukkan bahawa kemajuan yang berlaku kepada Langkawi selepas 1987 dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk Langkawi.

Jadual 3
Pendapatan daripada Pekerjaan Utama Isi rumah

| Pendapatan | 1987 | | 1988 | |
|-----------------|------------|-------|------------|-------|
| | Bil. Orang | % | Bil. Orang | % |
| Kurang dari 100 | 13 | 2.8 | 3 | 0.4 |
| 101-200 | 38 | 81 | 19 | 2.3 |
| 201-400 | 213 | 45.4 | 118 | 14.5 |
| 401-800 | 165 | 35.2 | 450 | 55.4 |
| 801-1600 | 37 | 7.9 | 162 | 19.9 |
| 1601-3200 | 3 | 0.6 | 49 | 6.0 |
| Melebihi 3201 | 0 | 0 | 12 | 1.5 |
| Jumlah | 469 | 100.0 | 813 | 100.0 |

Jadual 4
Pendapatan daripada Pekerjaan Sampingan Isi rumah

| Pendapatan | 1987 | | 1988 | |
|--------------------|------------|-------|------------|-------|
| | Bil. Orang | % | Bil. Orang | % |
| Kurang dari RM 100 | 7 | 17.9 | 4 | 9.7 |
| 101-200 | 10 | 25.6 | 9 | 21.9 |
| 201-400 | 13 | 33.3 | 15 | 36.6 |
| 401-800 | 7 | 17.9 | 10 | 24.4 |
| 801-1600 | 2 | 5.1 | 2 | 4.9 |
| Melebihi 1601 | - | - | 1 | 2.4 |
| Jumlah | 39 | 100.0 | 41 | 100.0 |

Pendapatan daripada pekerjaan sampingan menunjukkan arah peningkatan dalam pendapatan tersebut selaras dengan perubahan dalam jenis pekerjaan yang mereka jalankan (Jadual 4). Purata pendapatan meningkat daripada RM 324 pada tahun 1987 kepada RM 380.50 pada tahun 1998. Mod juga berubah daripada tahap RM 200 kepada RM 300. Pendapatan maksimum pada tahun 1987 adalah RM1,200 sahaja tetapi kini meningkat ke RM 1750 sebulan. Peratus mereka yang menerima pendapatan dalam peratus mereka yang menerima RM 201 ke atas seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4 di atas. Perubahan ini adalah satu perkara yang sangat menggalakkan kerana pekerjaan sampingan dapat meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk Langkawi.

Aktiviti Nelayan

Aktiviti penangkapan ikan di tepi pantai oleh para nelayan juga menunjukkan pengurangan daripada jumlah nelayan yang terlibat. Jumlah nelayan yang terlibat merosot daripada 51 orang pada tahun 1987 kepada 25 orang pada tahun 1998. Penurunan ini adalah separuh daripada jumlah nelayan pada tahun 1987. Begitu juga dengan jumlah nelayan yang

menangkap udang merosot daripada 25 orang pada tahun 1987 kepada 9 orang pada tahun 1998 iaitu merosot hampir dua kali ganda. Jumlah yang menangkap sotong juga merosot 40 peratus daripada 5 orang pada tahun 1987 kepada 3 orang sahaja pada tahun 1998. Walau bagaimanapun jumlah nelayan yang menangkap ketam masih kekal seramai 5 orang dari tahun 1987 hingga 1998. Jumlah di atas menunjukkan bahawa aktiviti penangkapan ikan dan tangkapan lain tidak lagi mendapat tempat di kalangan penduduk Pulau Langkawi yang kian maju.

Kemahiran Penduduk Langkawi

Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang penduduk mempengaruhi status ekonominya jika kemahiran itu digunakan untuk menghasilkan pendapatan. Daripada keseluruhan isi rumah yang ditemuduga, terdapat seramai 60 orang mempunyai kemahiran tertentu sejak tahun 1987 yang boleh mendatangkan pendapatan (jumlah ini termasuklah dalam jenis-jenis pekerjaan dalam Jadual 2). Terdapat ramai yang memiliki banyak kemahiran menjadikan bilangan kemahiran seramai 81 orang dari 60 orang. Jenis-jenis kemahiran tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5, di mana peratusan yang tinggi sekali adalah kebolehan membina rumah (19.8%) dan diikuti kepandaian membuat kuih-kuih tradisional (18.5%) dan 12.3 peratus pula berkebolehan dalam pencak silat. Di samping itu terdapat juga peratusan yang agak signifikan dalam pelbagai kemahiran seperti tukang kayu bagi membuat perabut, tukang urut tradisional dengan peratusan antara 6.1% hingga 7.4% setiap satunya. Begitu juga dengan kepandaian dalam mekanik bermotor dan pendawaian elektrik dengan peratusan 6.2 peratus setiap satu. Tidak ramai penduduk yang berminat dalam usaha bersampan dan memancing iaitu hanya 6.2 peratus sahaja. Ini mungkin disebabkan ramai yang bekerja sebagai nelayan.

Sebahagian besar (66.3%) mereka yang berkebolehan ini adalah terdiri daripada ketua keluarga yang menggunakan kebolehan tersebut untuk mencari nafkah. Ahli keluarga yang lain terdiri daripada anak-anak yang membantu keluarga mereka mengendalikan aktiviti-aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun tidak semua aktiviti para penduduk pulau itu masih beroperasi lagi dan hanya sebahagian sahaja yang berjaya meneruskan usaha itu dengan menguntungkan (lihat Jadual 6). Hanya 44.4 peratus daripada kemahiran tersebut sahaja yang masih diusahakan pada masa kajian dijalankan dan selebihnya telah tidak diusahakan lagi.

Antara yang masih beroperasi, hanya 23.5 peratus yang merasakan aktiviti-aktiviti mereka lebih dan amat berkembang. Mereka ini berjaya memanfaatkan kemajuan yang wujud di pulau ini. Namun begitu, bagi mereka yang masih beroperasi, tidaklah bernasib baik, kerana 21.0 peratus merasakan aktiviti tersebut kurang berkembang dan keadaan tidak berubah.

Ini menunjukkan kemajuan Pulau Langkawi sebagai mana pulau pelancongan kurang memberi manfaat kepada aktiviti-aktiviti asal yang telah lama bertapak sejak sebelum pulau tersebut diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai.

Jadual 5
Kemahiran Penduduk Kawasan yang Dikaji

| Jenis Kemahiran | Frekuensi | Peratus | Peratus Kumulatif |
|-------------------------|-----------|---------|-------------------|
| Ukiran | 2 | 2.5 | 2.5 |
| Anyaman | 2 | 2.5 | 4.9 |
| Juruselam | 1 | 1.2 | 6.2 |
| Bersampan & Memancing | 5 | 6.2 | 12.3 |
| Seni Tradisional | 2 | 2.5 | 14.8 |
| Seni Silat | 10 | 12.3 | 27.2 |
| Kraftangan Bunga | 2 | 2.5 | 29.6 |
| Tukang Kayu Perabot | 6 | 7.4 | 37.0 |
| Tukang Rumah | 16 | 19.8 | 56.8 |
| Pendawaian Letrik | 5 | 6.2 | 63.0 |
| Buat Ubat Tradisional | 4 | 4.9 | 67.9 |
| Mekanik Bermotor | 5 | 6.2 | 74.1 |
| Kuih Tradisional | 15 | 18.5 | 92.6 |
| Tukang Urut Tradisional | 6 | 7.4 | 100.0 |
| Jumlah | 81 | 100.0 | |

Jadual 6
Kemahiran yang Masih Diusahakan yang Mendatangkan Pendapatan

| Tahap Operasi | Frekuensi | Peratus | Peratus Kumulatif |
|---------------------|-----------|---------|-------------------|
| Berhenti Operasi | 45 | 55.6 | 55.6 |
| Kurang Berkembang | 9 | 11.1 | 66.7 |
| Sama Seperti Dahulu | 8 | 9.9 | 76.5 |
| Lebih Berkembang | 14 | 17.3 | 93.8 |
| Amat Berkembang | 5 | 6.2 | 100.0 |
| Jumlah | 81 | 100.0 | |

Jadual 7 menunjukkan jenis-jenis kemahiran yang masih lagi diusahakan hingga kini walaupun terdapat pengamal yang merasakan kemahiran mereka tidak berkembang. Kemahiran anyaman telah lenyap terus begitu juga dengan seni silat dan kraftangan bunga yang tidak lagi diusahakan. Sepatutnya kemahiran ini boleh dipergiatkan untuk tarikan pelancong yang ramai datang ke Langkawi. Kemahiran seperti juru selam, seni tradisional dan mekanik bermotor melaporkan status operasi yang lebih berkembang. Ini menunjukkan kemahiran ini mendapat tempat di Langkawi yang sekarang ini pesat membangun. Juru selam dan seni tradisi ini diusahakan selaras dengan keperluan pelancongan di pulau tersebut.

Jadual 7
Kemahiran Mengikut Status Operasi Kini

| Aktiviti | Berhenti Operasi | Kurang Berkembang | Sama Seperti Dahulu | Lebih Berkembang | Amar Berkembang | Jumlah |
|--------------------------|---------------------|-------------------|---------------------|-------------------|-------------------|-------------|
| Ukirian | 0 0.0 0.0 | 1 50.0 11.1 | 0 0.0 0.0 | 1 50.0 7.1 | 0 0.0 0.0 | 2 2.5 |
| Anyaman | 2 100.0 4.4 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 2 2.5 |
| Juru selam | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 1 100.0 7.1 | 0 0.0 7.1 | 1 1.2 |
| Bersampan/ Memancing | 2 40.0 4.4 | 2 40.0 22.2 | 0 0.0 0.0 | 1 20.0 7.1 | 0 0.0 0.0 | 5 6.2 |
| Seni Tradisional | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 1 50.0 7.1 | 1 50.0 20.0 | 2 2.5 |
| Seni Silat | 10 100.0 22.2 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 10 12.3 |
| Krafangan Bunga | 2 100.0 4.4 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 2 2.5 |
| Tukang Kayu Perabot | 4 66.7 8.9 | 1 16.7 11.1 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 1 16.7 20.0 | 6 7.4 |
| Tukang Rumah | 9 56.3 20.0 | 2 12.5 22.2 | 2 12.5 25.0 | 2 12.5 14.3 | 1 6.3 20.0 | 16 19.8 |
| Pendawaian Eletrik | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 2 40.0 25.0 | 2 40.0 14.3 | 1 20.0 20.0 | 5 6.2 |
| Buat Ubat Tradisional | 2 50.0 4.4 | 1 25.0 11.1 | 0 0.0 0.0 | 1 25.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 3 3.7 |
| Mekanik Bermotor | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 4 80.0 28.6 | 1 20.0 20.0 | 5 6.2 |
| Kuih Tradisional | 11 73.3 24.4 | 2 13.3 22.2 | 1 6.7 12.5 | 1 6.7 7.1 | 0 0.0 0.0 | 15 18.8 |
| Tukang Urut | 3 50.0 6.7 | 0 0.0 0.0 | 3 50.0 37.5 | 0 0.0 0.0 | 0 0.0 0.0 | 6 7.4 |
| Jumlah | 45 55.6 | 9 11.1 | 8 9.9 | 14 17.3 | 5 6.2 | 31 100.0 |

Mekanik pula maju disebabkan pendapatan penduduk pulau yang kian meningkat telah menambahkan lagi bilangan motorsikal di pulau tersebut. Kenderaan-kenderaan bermotor yang banyak memerlukan mekanik untuk membaikinya.

Kemahiran seperti tukang urut tradisional kelihatan tidak mendapat tempat di pulau itu di mana 50 peratus sudah tidak beroperasi lagi dan 50 peratus lagi beroperasi tetapi pada tahap yang sama sahaja seperti tempoh sebelum 1987 dahulu. Pembuat kuih tradisional juga tidak mendapat tempat di pulau ini di mana 73.3 peratus telah diusahakan lagi

dan di antara yang berusaha 20 peratus melaporkan tidak berkembang dan masih sama seperti dahulu. Hanya 6.7 peratus yang melaporkan keadaan lebih berkembang. Ini mungkin disebabkan pasaran hanya terhad di pulau ini dan pembangunan yang pesat telah mengutamakan kuih-kuih moden yang lebih diterima masyarakat. Tukang rumah dan tukang perabot sepatutnya mendapat tempat memandangkan pembangunan sedang pesat berjalan, tetapi ini tidak berlaku. Kadar yang tidak beroperasi lagi sungguh tinggi iaitu 66.7 peratus bagi tukang perabot kayu dan 56.3 peratus tukang rumah. Hanya 18.8 peratus dari tukang rumah yang melaporkan aktiviti mereka boleh berkembang dan bagi tukang kayu perabot hanya 16.7 peratus sahaja yang berkembang. Pembangunan yang pesat telah memberi pendapatan yang tinggi kepada penduduk dan juga telah menukar selera mereka kepada yang lebih moden. Mereka tidak memberi perhatian kepada pertukangan kayu tradisional ini. Pendawaian elektrik telah menunjukkan tahap 60 peratus berkembang pesat. Ini kerana rumah-rumah yang dibina perlu pendawaian elektrik untuk mendapatkan bekalan elektrik. Bekalan elektrik telah disediakan bagi keseluruhan Pulau Langkawi.

Pembuat ubat tradisional juga tidak begitu berkembang dan keadaannya hampir sama dengan tahap tukang urut tradisional dan pembuat kuih tradisional. (Jadual 5.3). "Boating for fishing" juga kurang maju kerana hanya 20 peratus sahaja yang berusaha dengan kemahiran untuk membawa pelancong pergi bersampang dan memancing. Ini menunjukkan bahawa industri pelancongan tidak menggalakkan kemahiran tempatan untuk berkembang maju atau rakyat tempatan tidak inovatif untuk menempatkan aktiviti atau kemahiran yang menjadi niche Langkawi dalam arus pembangunan terkini.

Kesimpulan

Terdapat banyak perubahan yang mengarah kepada peningkatan dalam taraf sosioekonomi penduduk Langkawi kebelakangan ini. Taraf bebas cukai diikuti atau diiringi oleh kemasukan pelbagai peluang ekonomi yang membolehkan penyertaan penduduk tempatan.

Dari segi struktur pekerjaan, pendapatan dan kemudahan-kemudahan asas semakin bertambah baik. Kemajuan dalam pelbagai sektor perikanan, di mana mereka yang bekerja sebagai nelayan telah semakin berkurangan. Pekerjaan dalam sektor perniagaan, perdagangan dan lain-lain telah meningkat. Pemilikan dari segi kendaraan semakin bertambah selaras dengan keperluan sektor-sektor perkhidmatan dan juga selaras dengan peningkatan dalam pendapatan. Kemajuan yang dicapai oleh Langkawi telah mula dinikmati oleh rakyat tempatan.

Bibliografi

Moha Asri, Hassan Naziri, Usman Yaakub, Mohamad Isa (1998). Impak Pembangunan, Sosioekonomi dan Migrasi Penduduk Langkawi. IRPA Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia, Pusat Penyelidikan Dasar, USM P.Pinang.

Hassan Md. Nor (dalam Penyelenggaraan). Penyenggaraan sebuah tradisi: Lagenda Mahsuri dan sistem sokongan budaya di Utara Semenanjung. Tesis Ph.D (dalam penyelenggaraan), P.P.I. kemanusiaan, USM P.Pinang.

Kementerian Kewangan Malaysia (1986,1991 dan 1996). Rancangan Malaysia Ke Lima, Enam dan Tujuh. Kuala Lumpur.

Majlis Daerah Langkawi (1986). Draf Pelan Struktur Langkawi 1990-2005. Langkawi.

CABARAN SEKTOR PERINDUSTRIAN KEDAH DALAM MENGHADAPI PIWAIAN ALAM SEKITAR ANTARABANGSA ABAD KE-21

*Hamidi Ismail
Tuan Pah Rokiah Syed Hussain
Noraniza Yusoff*

Pengenalan

Abad ke-21 memperlihatkan percaturan sektor perindustrian bersaing antara satu sama lain bagi menaikkan imej korporat masing-masing daripada kaca mata masyarakat dunia melalui piawaian antarabangsa ISO 14000 atau Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). EMS ini merupakan struktur keseluruhan pengurusan organisasi yang melihat kesan serta merta dan jangka masa panjang ke atas barang, perkhidmatan dan proses terhadap alam sekitar (Cascio, 1996). Piawaian ini dibentuk oleh satu Jawatankuasa Teknikal 207 (TC 207) yang diletakkan di bawah satu badan piawaian antarabangsa iaitu *International Standardisation for Organisation* (ISO). Badan ISO diwujudkan di Geneva, Switzerland pada tahun 1946 bagi menggubal dan menyelaraskan pembentukan piawaian antarabangsa ini dan dokumen yang pertama diterbitkan oleh ISO ialah pada Mac 1994 (Cascio, et. al. 1996). Desakan masyarakat dan pihak pengurusan industri supaya diwujudkan satu piawaian dan garis panduan bagi pengawalan kualiti alam sekitar berdasarkan kepada kawalan mutu melalui piawaian yang tertentu, telah memaksa penubuhan satu badan dunia yang bertanggungjawab dalam pembentukan piawaian alam sekitar antarabangsa ini.

Konsep dan Istilah ISO 14000

Awal kewujudan ISO 14000 adalah hasil perkembangan idea dalam pengurusan kualiti dan pengurusan organisasi yang disimbolkan dengan jelas dalam ISO 9000. Sekitar tahun 1990, kejadian pencemaran udara di United Kingdom oleh kilang simen berhampiran telah menimbulkan masalah pernafasan kepada penduduk di *Ribble Valley*, United Kingdom. Kejadian pencemaran udara ini telah disedari oleh satu kilang simen *Blue Circle Cement* (BCC) dan BCC menyatakan masalah alam sekitar ini berpunca daripada habuk dan debu dari kilang simen yang berhampiran dengan kawasan kejadian tersebut. BCC adalah sebuah kilang yang pertama sekali menjalankan EMS di Britain dengan mematuhi piawaian BS7750. Piawaian ini adalah yang pertama bagi pemeliharaan alam sekitar di

England dan ia menjadi rujukan bagi penggubalan ISO 14000 di peringkat antarabangsa (Abu Bakar Jaafar & Norlinda Mohd Zawawi, 1998).

Antara tahun 1991-1992, BCC menyemak kembali piawaian BS 7750 bagi diguna pakai oleh mereka dalam mengawal pencemaran alam sekitar supaya selaras dengan *Environmental Protection Act*. Seterusnya BS 7750 ini akan menjadi asas kepada pembentukan EMS dan pada tahun 1993, kerja-kerja awal penggubalan dokumen EMS dijalankan di Aberthaw, South Wales. Walau bagaimanapun, EMS tidak seharusnya dijadikan satu piawaian yang berada di bawah ISO 9000 kerana ISO 14000 adalah piawaian yang boleh dijadikan khusus bagi pengurusan alam sekitar. Ini memandangkan pengurusan alam sekitar adalah aspek penting dalam kehidupan dan ia seharusnya diasingkan dengan ISO 9000 (Abu Bakar Jaafar & Norlinda Mohd Zawawi, 1998).

Siri ISO 14000 mengandungi aspek yang berkaitan dengan prosedur dan garis panduan Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Pengauditan Alam Sekitar, Perlabelan Alam Sekitar, Penilaian Pencapaian Alam Sekitar dan Penilaian Kitar Hayat. Aspek-aspek ini berkaitan antara satu sama lain bagi membentuk satu sistem yang utuh dan telus dari aspek pemeliharaan alam sekitar yang bertaraf antarabangsa. Setiap industri tidak mengira jenis dan saiz boleh menggunakan sistem ini sebagai asas kepada satu sistem pengurusan alam sekitar, malahan sebagai alat untuk pengurusan organisasi yang berkesan. Kebaikan terhadap kualiti alam sekitar dan pengurusan organisasi adalah matlamat ulung piawaian ini dan ia haruslah direbut oleh setiap sektor perindustrian di seluruh dunia. Hampir terdapat persamaan antara ISO 14000 dengan Sistem Pengurusan Kualiti Organisasi (ISO 9000) dari aspek prosedur dan tata kerja.

Dari jadual menunjukkan terdapat persamaan yang ketara antara ISO 14000 dengan ISO 9000 dan perbezaan yang kecil antara kedua-dua piawaian ini. Kelebihan ISO 14000 ini dalam dokumen ISO 14001 adalah lebih senang dijalankan dan jelas serta merangkumi hampir semua aspek dalam pengurusan alam sekitar termasuk aspek keselamatan persekitaran di tempat kerja (ISO 14000, Perkara 4.4.7). Aspek keselamatan di tempat kerja ini sebenarnya terdiri daripada piawaian yang berasingan boleh didapati dalam *Health & Safety Management*. Piawaian *Health & Safety Management* adalah khusus bagi keselamatan di tempat kerja; ISO 9000 untuk pengurusan kualiti organisasi dan ISO 14000 khusus bagi pengurusan alam sekitar antarabangsa. Siri ISO 14000 seperti yang dijelaskan sebelum ini, adalah piawaian yang lengkap dari aspek pengurusan kualiti organisasi, alam sekitar dan keselamatan di tempat kerja.

Kewujudan piawaian ISO 14000 adalah hasil desakan daripada dua pihak utama iaitu pengurusan industri dan masyarakat. Pihak pengurusan industri menyatakan bahawa, mereka memerlukan satu piawaian yang khusus untuk menjaga alam sekitar demi kepentingan bersama. Permintaan ini berpunca daripada beberapa masalah atau isu penting iaitu denda akibat pelanggaran undang-undang, imej syarikat mereka terjejas, pengurangan jumlah sumber semulajadi yang semakin jelas, kekurangan minat klien terhadap urusniaga mereka, pandangan serong masyarakat terhadap industri dan peningkatan pencemaran alam sekitar akibat daripada peningkatan pengeluaran sisa yang dihasilkan (Natoli, 2000).

Peningkatan jumlah sisa yang dihasilkan berpunca daripada tiada satu sistem pengurusan alam sekitar yang baik dan cara rawatan tertentu bertaraf dunia yang boleh diharapkan oleh pihak industri. Kesemua masalah ini telah mendorong pihak industri menuntut pembentukan satu piawaian antarabangsa pengurusan alam sekitar yang berkesan.

Perbandingan Prosedur Kerja Siri ISO 14000 Dengan ISO 9000 Seperti yang Terdapat di dalam Siri Masing-Masing

| ISO 14001:1996 | | ISO 9001:1994 | |
|---|-------|---------------|--|
| General requirement | 4.1 | 4.2.1 | General |
| Environmental policy | 4.2 | 4.1.1 | Quality policy |
| PLANNING | | | |
| Environmental aspects | 4.3.1 | - | |
| Legal & other requirement | 4.3.2 | - | |
| Objectives & targets | 4.3.3 | - | |
| Env. Management programme | - | 4.2.3 | Quality planning |
| IMPLEMENTATION | | | |
| Structure & responsibility | 4.4.1 | 4.1.2 | Organisation |
| Training & competence | 4.4.2 | 4.1.8 | Training |
| Communication | 4.4.3 | - | |
| EMS documentation | 4.4.4 | 4.2.1 | General |
| Document control | 4.4.5 | 4.5 | Documentation & data control |
| Operational control | 4.4.6 | 4.2.2 | Quality system procedure |
| | 4.4.6 | 4.3 | Contract review |
| | 4.4.6 | 4.4 | Design control |
| | 4.4.6 | 4.6 | Purchasing |
| | 4.4.6 | 4.7 | Control of customer supplied products. |
| | 4.4.6 | 4.9 | Process control |
| | 4.4.6 | 4.15 | Handling, storage & delivery |
| Emergency preparedness | 4.4.7 | - | Servicing |
| | - | 4.8 | |
| CHECKING & CORRECTIVE ACTION | | | |
| Monitoring & measurement | 4.5.1 | 4.10 | Prod. Identification |
| | - | 4.12 | |
| | - | 4.20 | Inspection & testing |
| | 4.5.1 | 4.11 | Inspection & test status |
| Nonconformance, corrective & preventative actions | 4.5.2 | 4.13 | Statistical techniques |
| | 4.5.2 | 4.14 | Control of monitoring equipment |
| Records | 4.5.3 | 4.16 | Control of nonconformance product |
| EMS audit | 4.5.4 | 4.17 | Corrective & prevent actions |
| | | | Control of quality records |
| | | | Internal quality records |
| Management review | 4.6 | 4.1.3 | Management review |

Sumber: Natoli (2000)

Masalah kemerosotan kualiti alam sekitar ini menjadi topik perbahasan di peringkat global seperti Persidangan Kemuncak Bumi di Rio pada Jun 1992 (Jamaluddin Md. Jali, 1996). Keprihatinan masyarakat dan badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menjadi realiti apabila satu badan ISO diwujudkan bagi menguruskan penggubalan dokumen-dokumen ISO 14000 melalui Jawatankuasa TC 207.

Memandangkan piawaian ISO 14000 merupakan salah satu kepentingan dan kehendak pihak industri serta masyarakat, maka piawaian ini dibentuk bertujuan untuk mempromosikan satu pendekatan pengurusan alam sekitar bagi tujuan mencapai keselimbangan antara pihak pengurusan industri dengan pengurusan alam sekitar di dalam aspek pembangunan mapan. ISO 14000 adalah piawaian yang dirangka khusus dalam bentuk dokumen-dokumen dan mengkhususkan kepada pengurusan alam sekitar. ISO 14000 mengandungi tujuh kategori yang diwujudkan oleh TC 207 iaitu gabungan 120 buah negara dan dibantu oleh 7 jawatankuasa kecil (Sub-Committee-SC) peringkat antarabangsa (Cascio 1996; Hormozi 1997) iaitu:

- i. SC 1- Sistem Pengurusan Alam Sekitar.
- ii. SC 2- Pengauditan Alam Sekitar.
- iii. SC 3- Perlabelan Alam Sekitar.
- iv. SC 4- Penilaian Perlaksanaan Alam Sekitar.
- v. SC 5- Penilaian Kitar Hayat.
- vi. SC 6- Definisi dan Istilah.
- vii. WG1&c2- Kumpulan Kerja.

SC tersebut dibantu pula oleh Jawatankuasa Teknikal yang dikenali sebagai *Technical Advisory Group* (TAG) di peringkat kebangsaan dan pada tahun 1996, sebanyak 30 buah negara telah terlibat dalam TAG, termasuk Malaysia. Standard Piawaian ISO 14000 wujud berdasarkan kepada pengubahsuaian antara BS7750 dan *Eco-Management and Audit Skill* (EMAS) di negara-negara kesatuan Eropah (Johnson, 1997).

Menurut Natoli (2000), prosedur penilaian ISO 14000 dalam dokumen ISO 14001 adalah hampir sama dengan BS7750, *Health and Safety Management* dan EMAS. Prosedur penilaian yang hampir sama ini wujud kerana proses pengubahsuaian antara satu sama lain dan ISO 14000 itu sendiri adalah hasil daripada proses pengubahsuaian tersebut. Piawaian British bagi siri BS7750 adalah yang paling awal diwujudkan iaitu pada 1992 dan menjadi sumber rujukan penting dalam penggubalan ISO 14000 di peringkat antarabangsa pada 1996. Manakala pada tahun 1993 merupakan tahun kemunculan EMAS bagi kesatuan Eropah.

ISO 14000 di Malaysia

ISO 14000 adalah standard alam sekitar yang boleh dijalankan secara sukarela oleh mana-mana pihak pengurusan industri. Piawaian ini mengenepikan tarif perdagangan dunia. Isu pengecualian tarif ini telah menarik perhatian negara-negara membangun untuk melaksanakan ISO 14000 kerana halangan-halangan oleh tarif perdagangan akan terhapus sekiranya pihak industri melaksanakan ISO 14000. Piawaian ini bukan sahaja menjadi isu besar bagi industri di barat, malahan seluruh dunia bersuara mengenai perlaksanaan piawaian ISO 14000.

Di Malaysia, piawaian ISO 14000 telah dipertanggungjawabkan kepada *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) untuk menyelenggarakan implementasi ISO 14000 supaya berjalan dengan lancar. Seterusnya, pada tahun 1996 satu skim pendaftaran Sistem Pengurusan Alam Sekitar berasaskan kepada ISO 14000 dilancarkan oleh SIRIM dan di dalamnya mengandungi program latihan untuk juruaudit alam sekitar (Sham Sani, 1999). Tujuan program sebegini diadakan oleh SIRIM adalah bagi memastikan implementasi ISO 14000 dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan di Malaysia.

Isu Implementasi ISO 14000 di Malaysia

Beberapa siri penyelidikan telah dijalankan bagi mengupas isu implementasi ISO 14000 oleh pihak pengurusan industri sama ada di luar atau dalam negara antaranya, penyelidikan yang dijalankan oleh Soh Tiak Chuan (1999) di Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi dan Nilai. Faktor ketiadaan kepakaran dan terlalu menumpukan kepada perancangan ISO 9000 sertakekangan kewangan telah menyebabkan pihak industri gagal mengambil tahu dan melaksanakan ISO 14000. Kekangan-kekangan ini telah menjadi penghalang utama bagi perlaksanaan ISO 14000 di kawasan-kawasan kajian beliau.

Jumlah peratusan kefahaman pihak pengurusan industri terhadap perlaksanaan ISO 14000 di Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi dan Nilai adalah rendah. Sebanyak 28 buah industri yang dijadikan sampel oleh Soh Tiak Chuan (1999) di dua kawasan tersebut, hanya sebuah industri sahaja (3.57 peratus) yang mengetahui tentang ISO 14000 dan pakar dalam melaksanakan piawaian ini. Manakala bilangan sampel yang mengetahui fungsi ISO 14000 tetapi tidak tahu bagaimana cara perlaksanaannya adalah sebanyak 22 buah industri (78.57 peratus). Bagi pengurusan industri yang tidak pernah mendengar langsung berkenaan dengan ISO 14000 di kedua-dua kawasan ini pula sebanyak 5 buah industri (17.86 peratus). Daripada peratusan yang diperolehi menerusi kajian ini, dapat dirumuskan bahawa kefahaman terhadap ISO 14000 di kawasan-kawasan kajian beliau masih rendah dan keadaan ini akan menyukarkan perlaksanaan ISO 14000 dengan berkesan. Memandangkan kawasan kajian beliau merupakan kawasan perindustrian yang pesat membangun dan sekiranya kesedaran pihak pengurusan industri terhadap kepentingan perlaksanaan ISO 14000 berada di tahap yang kurang memuaskan maka, perlaksanaan ISO 14000 di Malaysia seharusnya dirancang perlaksanaannya dengan teliti supaya masalah alam sekitar tidak berlaku atau berada pada tahap yang terkawal kualitinya.

Kekangan kepakaran adalah perkara yang perlu diambil perhatian kerana masalah ini akan membanturkan proses perlaksanaan ISO 14000. Kajian yang dijalankan oleh Grosskopf (1997) di Amerika Syarikat mendapati masalah kekurangan kepakaran telah menyebabkan perlaksanaan ISO 14000 gagal dilaksanakan sepenuhnya, walaupun kebanyakan syarikat terlibat mahu melaksanakan piawaian tersebut. Ekoran daripada masalah ini sebanyak 10-20 peratus daripada jumlah organisasi di Amerika Syarikat gagal dalam melaksanakan piawaian ISO 14000. Kesedaran untuk melaksanakan ISO 14000 di Amerika Syarikat adalah berpunca daripada kemerosotan kualiti alam sekitar yang semakin serius berlaku kebelakangan ini.

**Kefahaman Pihak Industri Terhadap ISO 14000 di Kawasan Perindustrian
Bandar Baru Bangi dan Nilai**

| Kawasan Perindustrian | Kefahaman Pihak Industri Terhadap ISO 14000 (Bilangan Organisasi) | | |
|-----------------------|--|--|--------------------------|
| | Tidak Pernah Mendengar | Mengetahui Fungsi Tetapi Tidak Mengetahui Kaedah Perlaksanaannya | Pakar Dalam Piawaian Itu |
| Bandar Baru Bangi | 5 | 9 | 1 |
| Nilai | 0 | 13 | 0 |

Sumber: Soh Tiak Chuan (1999).

Masalah yang dihadapi oleh negara-negara barat juga turut berlaku di negara-negara dunia ketiga di mana, isu kepakaran merupakan faktor yang menjadi kekangan utama dalam melaksanakan ISO 14000. Perkara yang berkaitan dengan piawai antarabangsa ini sememangnya lewat disedari kepentingannya oleh pihak pengurusan industri di negara dunia ketiga. Oleh itu, isu implementasi ISO 14000 menjadi perkara pokok yang seharusnya dititikberatkan oleh negara dunia ketiga dan Malaysia khususnya. Walaupun hujah ini hanya berdasarkan kepada bukti kajian yang terhad, namun kita harus percaya kepada idea yang dilontarkan dalam kertas kajian ini memandangkan terdapat bukti bahawa jumlah industri yang mendapatkan sijil ISO 14000 di Malaysia masih rendah, malahan isu pencemaran alam sekitar yang dikeluarkan oleh aktiviti perindustrian masih hangat diketengahkan oleh media massa tempatan.

Kajian yang dijalankan oleh Peglau (2000) tentang ISO 14000 menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke-21 antara negara-negara di dunia yang telah menerima sijil ISO 14000 iaitu sebanyak 155 buah industri. Negara yang paling banyak menerima ISO 14000 setakat ini ialah Jepun dengan jumlah sebanyak 3,548 buah industri. Maklumat yang dipungut oleh beliau sehingga April 2000 adalah jelas menunjukkan bahawa Malaysia perlu melangkah lebih jauh supaya setanding dengan negara maju lain dan jumlah keseluruhan industri yang dapat sijil ISO 14000 adalah 15,772 buah. Keadaan ini menunjukkan peratusan perbandingan daripada jumlah keseluruhan industri yang mendapat ISO 14000 ialah 0.98 peratus bagi Malaysia. Berdasarkan daripada jumlah tersebut, ternyata tahap perlaksanaan ISO 14000 masih sedikit berbanding dengan negara Jepun yang mempunyai peratusan sebanyak 22.50 peratus daripada jumlah keseluruhan negara-negara yang memperolehi ISO 14000 di dunia.

Walaupun sebanyak 155 sijil ISO 14000 dikeluarkan sehingga April 2000 di Malaysia, namun didapati jumlah ini adalah masih kecil jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti, Jepun (3548), Jerman (1950), Sweden (1038), United Kingdom (1014) dan Amerika Syarikat (750). Jurang perbezaan kejayaan perlaksanaan ini bukanlah kerana faktor piawaian itu sendiri yang 'meminta' syarat dan prosedur yang sukar dilaksanakan secara menyeluruh, tetapi persediaan bagi memahami dan melaksanakan piawai ISO 14000 masih lagi di tahap yang rendah. Faktor kekurangan ilmu dan kepakaran ini menyebabkan

negara kita masih lagi kekurangan individu atau kelompok yang tahu selok-belok ISO 14000 dan proses pensijilannya, terutamanya pihak pengurusan industri di Malaysia. Kita seharusnya memikirkan faktor mengapa kebanyakan industri di negara Jepun terlalu banyak menerima sijil ISO 14000 berbanding dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan Perancis. Malaysia boleh dianggap hampir setaraf dengan negara-negara maju di barat dari segi pematuhan kepada standard antarabangsa ISO 14000. Terdapat persamaan dari segi masalah untuk melaksanakan ISO 14000 bukannya kerana isu prosedur penilaian yang terlalu ketat, tetapi oleh kerana kekurangan kepakaran dan pengetahuan yang kritikal bagi membolehkan piawai ISO 14000 dilaksanakan dengan lancar sama ada di negara barat maupun negara sedang membangun seperti Malaysia.

Seiring dengan usaha negara menuju era sebuah negara perindustrian, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan piawaian ISO 14000 memandangkan isu pencemaran yang terjadi di dunia sekarang banyak dihasilkan oleh aktiviti perindustrian. Dahulunya, *Environmental Impact Assessment* (EIA), sebelum tahun 1980-an, tidak dimandatorikan dalam mana-mana perundangan dan sebarang projek pembangunan boleh dijalankan tanpa sebarang alat kawalan. Oleh kerana pencemaran alam sekitar daripada pelbagai jenis projek pembangunan semakin meruncing, maka EIA telah dimandatorikan sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 34 (A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sebarang kerja-kerja pembangunan yang terlibatkan di dalam Perkara Terjadul yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 hendaklah dijalankan satu kajian EIA bagi mendapatkan kelulusan sesebuah projek pembangunan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar (Jamaluddin Md. Jahi, 1996).

Isu memandatorikan piawaian ISO 14000 seharusnya diberikan perhatian kerana Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara berteraskan perindustrian yang memerlukan penjagaan alam sekitar yang terbaik. Natoli (2000) mengatakan bahawa, pihak pengurusan industri pemakanan dikehendaki melaksanakan ISO 14000 sebagai syarat bagi mengeluarkan makanan. Ini menggambarkan bahawa perlaksanaan ISO 14000 boleh dijadikan perundangan bagi memaksa sesebuah industri melaksanakan piawaian ISO 14000. Oleh yang demikian, usaha untuk menjadikan ISO 14000 sebagai dokumen perundangan dan alat seperti kajian EIA adalah wajar difikirkan kerana penjagaan alam sekitar yang terdapat di dalam piawaian ini mengikuti standard antarabangsa.

Manfaat ISO 14000 Terhadap Sektor Perindustrian

Standard yang dibuat oleh badan ISO ini dapat menyokong kepada pertumbuhan sektor perindustrian di seluruh dunia. Menurut Mullin & Sissell (1996), perlaksanaan ISO 14000 oleh sektor perindustrian akan memberikan pulangan atau kebaikan dari aspek reputasi, kewangan, persaingan pasaran dan pengurangan liabiliti undang-undang.

Reputasi

Imej dan reputasi baik adalah sesuatu yang dikehendaki oleh mana-mana syarikat untuk menjaga pelanggan mereka dan nama baik syarikat terbabit. Reputasi baik ini boleh menjadi

tarikan pelanggan dalam urusan perniagaan mereka. Menurut Yadav (1996), masyarakat dunia pada masa sekarang lebih mementingkan kepada penjagaan alam sekitar. Mana-mana organisasi yang menjaga kualiti alam sekitar akan mendapat perhatian daripada masyarakat dunia. Peluang daripada kebaikan ini seolah-olah menjadi satu promosi yang baik di peringkat antarabangsa dan tempatan khususnya. Oleh itu, adalah menjadi kewajaran kepada pihak syarikat melaksanakan ISO 14000 kerana dapat membuka peluang yang luas dalam bidang perniagaan dan secara tidak langsung dapat memajukan syarikat tersebut.

Kewangan

Langkah pengawalan sumber, mengoptimumkan penggunaan sumber semulajadi, rawatan dan guna semula sisa adalah antara langkah-langkah yang diambil kira dalam penilaian dan pensijilan ISO 14000. Walaupun kos perlaksanaan ISO 14000 pada mulanya tinggi, namun dalam jangkamasa yang panjang, perlaksanaan piawaian ini menguntungkan kerana akan menjimatkan kos pengurusan industri terlibat akibat daripada pengawalan pengeluaran sisa dan tiada lagi denda yang dikenakan oleh perundangan (Frank & Rod, 1994). Ini kerana dengan adanya piawaian sebegini dapat mengurangkan kos pengurusan sisa, dapat mengurangkan penggunaan sumber semulajadi dan seterusnya dapat mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar yang dikeluarkan oleh aktiviti perindustrian. Selain itu, dengan jumlah penggunaan sumber semulajadi yang sedikit, maka kos pengurusan akan menjadi lebih rendah dan seterusnya penjimatan kos menjadi satu kelebihan bagi mana-mana syarikat yang melaksanakan ISO 14000 (Natoli, 2000).

Persaingan Pasaran

Menurut James (1996), perniagaan di peringkat antarabangsa lebih mementingkan mutu dan dalam hal ini, ISO 14000 menjadi pilihan utama dalam perniagaan mereka. Biasanya syarikat multinasional lebih peka dalam hal kawalan mutu organisasi memandangkan imej baik syarikat adalah aset penting untuk mengharungi dunia pasaran global yang semakin hebat bersaing akhir-akhir ini. Cabaran dalam persaingan yang sihat ini seolah-olah menuntut satu pembaharuan terhadap semua industri di seluruh dunia. Sepertimana kajian yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mendapati bahawa 61% daripada organisasi menyatakan perlaksanaan ISO 14000 boleh mewujudkan satu persaingan sihat di peringkat global (Johnson, 1997). Ini menunjukkan bahawa ISO 14000 sebenarnya akan menjana persaingan sihat kepada syarikat perniagaan di peringkat dunia dan ini akan menyebabkan setiap organisasi mencari jalan terbaik bagi memenuhi kehendak pelanggan mereka. Organisasi yang berjaya meningkatkan imej korporat mereka melalui anugerah ISO 14000 adalah yang terbaik dalam aspek kawalan mutu barang yang dihasilkan dan aspek terpenting ialah penjagaan alam sekitar akan terkawal dengan adanya standard-standard yang telah ditetapkan dalam piawaian ISO 14000.

Pengurangan Liabiliti Perundangan

Dakwaan dan denda terhadap industri yang melanggar peraturan alam sekitar adalah perkara biasa didengari oleh masyarakat. Kejadian ini berlaku kerana kecuaian pihak industri itu sendiri dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar. Salah satu sebab mengapa

ISO 14000 dibentuk kerana desakan daripada pihak industri terhadap dunia, iaitu berkenaan dengan pelbagai kesalahan alam sekitar yang melibatkan denda, imej pihak industri semakin merosot, kekurangan sumber asli dan hilang peluang perniagaan (Natoli, 2000). Bagi mengelakkan kejadian sebegini, maka ISO 14000 diwujudkan demi kepentingan pihak industri supaya masalah yang dibangkitkan terhadap atau oleh industri tidak lagi wujud. Dalam hal ini, ISO 14000 dapat menangani masalah perundungan dan sekaligus dapat menaikkan semula imej industri di mata dunia sebagai pendokong masyarakat.

Perindustrian di Kedah

Mengikut laporan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) (1994) dan *Kedah State Economic Planning Unit* (KEPU) (1994), sasaran pertumbuhan ekonomi negeri Kedah adalah berkadar 12.5 peratus tahun 1991-1993 berbanding dengan 17.4 peratus tahun 1986-1990. Perkembangan pesat sektor perindustrian adalah melalui 7 kategori industri yang utama iaitu pengeluaran barang getah, elektrik dan elektronik, mineral bukan metalik, plastik, barang berasaskan kayu, pakaian dan makanan. Walau bagaimanapun, terdapat peluang keemasan lain di Kedah ini kerana kawasan utara Semenanjung Malaysia seperti Kedah berada dalam lingkungan *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT). Oleh itu, industri berasaskan kepada sub-sektor industri utama seperti elektrik dan elektronik, getah, barang berasaskan kayu, industri pemakanan, besi dan industri kejuruteraan ringan akan meningkat maju selaras dengan kewujudan konsep IMT-GT. Terdapat juga suatu industri di Kulim yang menggunakan teknologi tinggi iaitu *Kulim High Tech Park* terutamanya dalam industri elektrik/elektronik serta industri besi dan keluli. Peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian di Kedah ini semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat sektor perindustrian. Perkembangan yang pesat ini membolehkan Kedah mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi tahunan sebanyak 12.5 peratus setahun (UPEN, 1994).

Selain daripada 7 kategori di atas terdapat kategori-kategori lain yang kurang pesat berkembang di Kedah iaitu: kasut; produk kertas; percetakan dan penerbitan; kimia; pasu dan kaca; besi dan logam; keluaran besi *fabricated*; jentera bukan elektrik; peralatan pengangkutan dan lain-lain. Pengelasan jenis industri berdasarkan kategori tertentu dilakukan oleh KEPU (1996) pada tahun 1992.

Menurut KEPU (1996) sejumlah 73 buah (7.50 peratus) industri yang berdaftar dengan MIDA tahun 1991 di Kedah berbanding dengan 973 buah di Malaysia keseluruhannya dengan jumlah pelaburan masing-masing sebanyak RM 560 juta dan RM30,817 juta. Jumlah industri yang diluluskan oleh MIDA ini adalah jauh lebih besar berbanding pada tahun 1985 sebanyak 21 buah industri di Kedah dan 625 buah industri di Malaysia dengan masing-masing memperolehi jumlah pelaburan sebanyak RM 70 juta dan RM 5,687 juta. Dari segi pemilikan industri, syarikat asing memiliki sebanyak 60 peratus berbanding dengan 40 peratus dimiliki oleh syarikat tempatan. Jurang perbezaan yang tinggi ini harus difikirkan kembali oleh kerajaan bagaimana cara untuk mengatasinya. Perkembangan dalam sektor perindustrian ini tidak dapat dinafikan akan mencemarkan alam sekitar terutamanya kualiti udara dan air seperti Sungai Kedah dan Sungai Petani

iaitu kawasan penumpuan industri. Oleh itu, langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran ini harus dijalankan secara berkesan walaupun membabitkan paksaan ke atas pihak tertentu.

Tahun 1985, industri elektrik dan elektronik di Kedah mencatatkan jumlah guna tenaga sebanyak 22.5 peratus berbanding dengan jumlah 17.2 peratus bagi Malaysia. Industri ini terus menerajui Kedah dari aspek guna tenaga sehingga tahun 1990 dengan jumlah sebanyak 27.5 peratus berbanding dengan 25.8 peratus bagi Malaysia (KEPU, 1996). Trend peningkatan dalam jumlah guna tenaga ini menandakan perkembangan dalam sektor industri elektrik dan elektronik di Kedah khususnya dan Malaysia amnya.

Masalah dan Halangan Sektor Perindustrian di Kedah

Masalah utama yang dihadapi oleh sektor perindustrian di Kedah menurut laporan oleh KEPU (1996) antaranya ialah:-

- a. *Asas pembangunan industri di Kedah adalah sempit kerana sebahagian besar industri tertumpu dalam 3 kategori industri sahaja iaitu getah, non-metallic mineral product dan elektrik dan elektronik. Kesemua kategori ini menyumbangkan 55-60 peratus daripada KDNK Kedah.*
- b. *Proses perindustrian yang goyah di Kedah terjadi kerana banyak syarikat luar yang menanam modal (60 peratus) berbanding dengan syarikat tempatan (40 peratus). Bahaya di sini ialah para pelabur asing tidak terus kekal di Malaysia kerana ia bergantung kepada keadaan politik dan ekonomi semasa Malaysia. Di samping komponen barang industri banyak diimport dari luar yang boleh menyebabkan kebergantungan terus industri Kedah terhadap bekalan dan suasana politik antarabangsa.*
- c. *Kurang hubungan antara industri tempatan dengan luar negara yang menimbulkan kesulitan bagi pemindahan teknologi dalam industri yang terlibat.*
- d. *Kurang tenaga kerja khususnya aspek teknikal yang diperlukan oleh industri seperti industri berat dan berteknologi tinggi.*
- e. *Kurang penyeliaan infrastruktur seperti penyelenggaraan jalan, pemungutan sampah, pembuangan sisa industri, kualiti air, perkhidmatan telefon dan gangguan elektrik.*
- f. *Ketiadaan kerjasama antara beberapa institusi seperti Kedah State Economic Planning Unit (KEPU), Kedah State Economic Development Co-operation (KSDC), Kedah Regional Development Authority (KEDA), Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Malahan, terdapat masalah antara ahli exco negeri dan State Economic Planning Committee (KEPC) dengan institusi-institusi di atas kerana maklumat dan arahan daripada KEPC dan exco adalah secara umum dan sukar untuk diterjemahkan untuk menjalankan arahan bagi perlaksanaan industri.*

Masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor perindustrian di Kedah telah dicadangkan untuk mengatasi, antaranya ialah (KEPU, 1993):

- i. Pengkhususan produk industri berbanding dengan negeri lain.
- ii. Pembangunan industri haruslah berasaskan bahan mentah tempatan.
- iii. Pembangunan dengan mengurangkan kerosakan alam sekitar.
- iv. Industri berintensifkan separa buruh.

Kawasan Perindustrian di Kedah

Menurut kajian yang dijalankan oleh *Economic Planning Unit* (EPU), Jabatan Perdana Menteri (1990) pembangunan kawasan wilayah utara Semenanjung Malaysia yang meliputi Perak, Pulau Pinang dan Kedah terbahagi kepada tiga kawasan. Kawasan yang paling pesat berkembang dengan industri di Kedah ialah di selatan Kedah yang merangkumi dua majlis tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sungai Petani dan Majlis Daerah Kulim. Kedua-dua majlis tempatan ini mempunyai daya tarikan penting terutamanya aspek kemudahan asas seperti jalan raya dan lebuhraya, elektrik, bekalan air dan telefon; jalan laut yang baik dan bekalan bahan mentah serta tenaga buruh yang murah. Oleh kerana kawasan selatan Kedah ini menawarkan banyak kemudahan kepada pihak pelabur, maka kawasan tersebut mudah berkembang maju kerana terdapat pelaburan yang tinggi.

Satu lagi kawasan yang berada pada paras kedua pembangunan sektor industri ialah kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Perbandaran Kota Setar. Kawasan yang merangkumi 2 majlis tempatan ini juga berpotensi menjadi kawasan industri utama memandangkan kawasan ini dihubungi oleh jaringan pengangkutan yang baik dari sudut jalan air di Kuala Kedah, jalan udara di Lapangan Terbang Kepala Batas dan jalan darat melalui Lebuhraya Utara-Selatan. Ini adalah potensi besar bagi kawasan ini. Malahan, kawasan utara Kedah ini terdapat satu pusat pengajian tinggi awam iaitu Universiti Utara Malaysia, Sintok dan bersempadan dengan negara Thailand yang menjadikan perhubungan eksport-import bahan mentah dan hasil perlilangan menjadi lebih murah dan baik. Kesemua ini adalah peluang baik bagi kawasan utara negeri Kedah.

Di samping itu, kawasan industri yang berada dalam lingkungan IMT-GT adalah di kawasan utara. Bagi negeri Kedah, kewujudan konsep IMT-GT ini memberikan satu peluang untuk meningkatkan daya saing industri di pasaran global selaras dengan piawaian antarabangsa berkenaan dengan kawalan mutu barang. Industri di Kedah seharusnya menjalankan Sistem Pengurusan Alam Sekitar bertaraf antarabangsa melalui siri ISO 14000. Melalui perlaksanaan ISO 14000 ini alam sekitar dapat dipelihara daripada tercemar dan kualiti barang yang dihasilkan terjamin bermutu serta boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Di Kedah khususnya, kawasan yang diperuntukkan bagi pembangunan industri sangat luas. Namun, kawasan yang paling luas dibangunkan dengan industri antaranya Kawasan Perindustrian Bakar Arang (225.9 hektar), Kulim (174.0 hektar), Mergong II (41.4 hektar), Mergong Barrage (40.6 hektar), Tikam Batu (36.0 hektar) (MDK & MPSP, 1996) dan lain-lain seperti di Bukit Kayu Hitam, Darulaman, Sg. Laka, Napoh (MDKP, 1996), Gurun dan Aman Jaya (MPSP, 1996). Peruntukan tapak bagi kawasan perindustrian yang sangat

luas di Kedah ini menjadikannya sebuah negeri di Semenanjung Malaysia berkembang maju dengan ekonomi perindustrian. Gangguan terhadap kesihatan penduduk dan peningkatan pencemaran alam sekitar mungkin terjadi memandangkan pertambahan jumlah industri di Kedah.

Kadar penggunaan air bersih dan bahan mentah akan meningkat dan ini memerlukan cara pengawalan yang terbaik, sekaligus merujuk kepada piawaian antarabangsa ISO 14000 yang khusus kepada alam sekitar. Piawaian ini sahaja yang dapat mengawal pencemaran, penggunaan sumber semulajadi dan mewujudkan sistem pengurusan yang efektif bagi organisasi yang menghasilkan produk berdasarkan sumber alam sekitar seperti air, udara dan galian.

Cadangan Perlaksanaan ISO 14000

Walaupun ISO 14000 masih muda usianya di dunia dan Malaysia khususnya, namun proses perlaksanaannya tidak mengambil kira usia. Perkara pokok yang harus ditekankan di sini ialah kesedaran bersama antara pihak pengurusan industri dengan masyarakat persekitaran industri terbabit. Pihak industri tidak boleh mementingkan diri semata-mata demi keuntungan yang tinggi tanpa mengambil kira masalah yang mereka cetuskan daripada aktiviti perindustrian yang dijalankan. Sikap mementingkan diri ini adalah punca utama yang menyebabkan masalah alam sekitar wujud.

Bagi mengatasi masalah alam sekitar yang berpunca daripada sikap hilang kesedaran tentang penjagaan alam sekitar, maka pihak industri seharusnya mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut. Di negara barat, seperti Amerika Syarikat proses kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar adalah inisiatif daripada pihak industri itu sendiri dan masyarakat turut menyokong usaha penjagaan alam sekitar yang dijalankan oleh industri tersebut (Natoli 2000). Tetapi di Malaysia apa yang jelas usaha penjagaan alam sekitar masih tidak terdapat satu usaha bersama iaitu antara pihak industri dengan masyarakat. Walaupun pencemaran yang dihasilkan oleh aktiviti perindustrian berlaku di depan mata mereka, namun masyarakat masih boleh tidur dengan lena dan menganggap masalah itu seolah-olah tidak ada sangkutan-paut dengan kehidupan mereka sehari-hari.

Menanamkan Kesedaran

Proses menanamkan kesedaran boleh dijalankan di peringkat institusi pendidikan seperti mengadakan kursus alam sekitar atau pendidikan alam sekitar. Usaha seterusnya hendaklah melaksanakan kempen kesedaran alam sekitar melalui media massa terhadap masyarakat bagi menanamkan kesedaran penjagaan terhadap alam sekitar. Bagi pihak perindustrian pula, kerajaan melalui jabatan-jabatan atau badan-badan tertentu boleh mengadakan kursus wajib yang mestи dihadiri bagi menerima latihan kebersihan, kesihatan, keselamatan, penjagaan dan kesedaran alam sekitar. Seterusnya, dalam kursus dan latihan yang wajib dihadiri itu proses dan prosedur mengimplementasikan ISO 14000 harus dijalankan oleh pihak kerajaan atau pakar-pakar yang dijemput khas bagi tujuan melatih pihak pemaju industri dan kakitangan yang terlibat dalam industri. Langkah-langkah ini adalah asas bagi menguatkuasakan piawaian antarabangsa ini ke arah memandatorikan ISO 14000.

Proses menanam kesedaran ini boleh dilakukan oleh setiap kerajaan negeri seperti kerajaan negeri Kedah. Kesedaran ini boleh dijalankan dengan cara kempen, ceramah dan kem-kem kesedaran di peringkat sekolah atau terhadap masyarakat setempat supaya proses implementasi ISO 14000 ini berjalan lancar. Peranan ini tidak hanya melepaskan usaha hanya kepada pihak kerajaan pusat sahaja, sebaliknya harus dipikul bersama oleh kerajaan negeri.

Penguatkuasaan Undang-Undang

Di Malaysia khususnya, peraturan dan perundangan tentang alam sekitar yang terdapat dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, iaitu di bawah Seksyen 34 (A) telah digubal dan dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (Sham Sani, 1997). Walaupun perundangan sedemikian telah lama wujud, namun masalah yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar masih lagi tinggi jumlahnya seperti pencemaran air dan udara. Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 (Malaysia, 1999), kajian yang dijalankan terhadap 117 batang sungai pada tahun 1997, mendapati bahawa 25 batang sungainya adalah tercemar, 68 batang sungai sedikit tercemar dan hanya 24 batang sungai sahaja yang bersih. Manakala kajian yang dijalankan oleh Sham Sani, et. al. (1991) di Lembah Klang mendapati bahawa sebab utama jerebu tahun 1990 adalah berpunca daripada pelepasan gas dan asap oleh industri dan daripada kenderaan. Memandangkan perundangan alam sekitar telah digubal di Malaysia, maka penguatkuasaan perlu ditingkatkan selaras dengan pertumbuhan jumlah industri di Malaysia yang semakin meningkat menjelang tahun 2020. Oleh itu, perlu ditekankan di sini bahawa penguatkuasaan perundangan alam sekitar seperti dengan peningkatan jumlah denda dan hukuman penjara terhadap pihak yang terbabit dengan pencemaran alam sekitar adalah langkah awal dalam menangani masalah pematuhan kepada perundangan dan dasar-dasar kerajaan.

Bagi negeri Kedah atau mana-mana kerajaan negeri lain serta kerajaan tempatan masing-masing boleh menyediakan satu seksyen dalam perundangan masing-masing yang berkaitan dengan piawaian ini. Piawaian ini adalah untuk kebaikan bersama oleh semua pihak sama ada untuk pihak industri, masyarakat dan kerajaan yang terlibat. Memandangkan masalah mengimplementasikan ISO 14000 adalah masalah sejagat, maka setiap negara, negeri, wilayah, kawasan atau mana-mana pihak berkuasa yang terlibat harus mengadakan perundangan khusus bagi membolehkan piawaian ini dilaksanakan oleh pihak berkuasa tertentu.

Memandatorikan ISO 14000

Langkah seterusnya ialah menjadikan piawaian ISO 14000 sebagai dokumen undang-undang seperitmana yang dilaksanakan untuk EIA bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 34 (A). Usaha menjadikan ISO 14000 sebagai piawai yang termaktub dalam perundangan boleh dijalankan setelah usaha menanam kesedaran seperti di atas dijalankan oleh pihak kerajaan dan setelah penguatkuasaan perundangan yang dijalankan oleh kerajaan boleh dipatuhi oleh pihak industri di Malaysia. Pencemaran alam sekitar yang berlaku dewasa ini adalah berpunca daripada kurangnya penguatkuasaan perundangan alam sekitar itu sendiri dan mungkin berpunca daripada kekurangan kakitangan oleh pihak tertentu seperti Jabatan Alam Sekitar.

Oleh itu, apabila pihak industri dan masyarakat sudah dididik dengan kebersihan alam sekitar dan dipaksa untuk mematuhi perundangan yang berkaitan, maka diharapkan agar usaha memandatorikan ISO 14000 akan menjadi realiti. Sekiranya usaha memandatorikan piawaian ini berjaya, tetapi gagal menguatkuasakan perundangan alam sekitar bagi ISO 14000 atau keseluruhan, tidak akan berkesan dalam menangani masalah alam sekitar.

Pemantauan

Langkah terakhir dan dianggap komponen paling penting ialah pemantauan dasar dan perundangan yang digubal seharusnya dikuatkuaskan dengan sepenuhnya. Pemantauan harus dilakukan dari masa ke semasa agar segala masalah dan kelemahan yang wujud dapat diatasi. Pemantauan ini juga bagi memastikan sejauh manakah perlaksanaan piawaian ini memberikan kesan positif kepada sesebuah organisasi sama ada dari segi keuntungan ataupun keberkesan pengurusan alam sekitar yang telah dilaksanakan. Proses pemantauan ini boleh dijalankan oleh kerajaan tempatan di setiap daerah di negeri Kedah seperti Majlis Daerah Kubang Pasu, Kota Setar, Kulim, Sungai Petani dan Baling. Tujuannya supaya perundangan yang digubal tidak hanya tercatat di atas kertas sahaja dan pencemaran alam sekitar terus terjadi tanpa wujudnya kawalan oleh pihak berkuasa yang tertentu.

Kesimpulan

Daripada gambaran yang diberikan menerusi kajian ini, ternyata masalah bagi mengimplementasikan ISO 14000 di Malaysia amnya dan Kedah khususnya harus melalui proses perancangan yang teliti dengan mengambil kira semua pihak yang terlibat seperti pihak pengurusan industri dan kerajaan sendiri. Sebenarnya, Malaysia dan Kedah khususnya memerlukan kepakaran untuk melaksanakan ISO 14000 kerana kajian terhadap dua kawasan industri yang boleh dianggap penting dan pesat membangun dalam aktiviti perindustrian di Malaysia iaitu Kawasan Perindustrian Nilai dan Bandar Baru Bangi menunjukkan kebanyakan pihak industri tidak mempunyai kepakaran dalam melaksanakan ISO 14000 ini.

Negeri Kedah yang berada dalam kawasan IMT-GT dan pesat membangun dengan ekonomi perindustrian sangat memerlukan kepada kepakaran dalam implementasi ISO 14000. Bukan sahaja negeri Kedah, malahan semua negeri di Malaysia dan negara di dunia memerlukan kepada kepakaran dalam implementasi piawaian ini, kecuali beberapa negara dunia yang dinyatakan dalam kajian ini. Oleh itu, persediaan awal harus dimulai dengan latihan, kempen kesedaran dan seterusnya menjadikan piawaian ini sebagai satu dokumen perundangan yang wajib dipatuhi dan bukan lagi sebagai piawaian sukarela yang boleh dilaksanakan kepada sesiapa yang berminat.

Bibliografi

- Abu Bakar Jaafar & Norlinda Mohd. Zawawi (1998). *Training module: The organisation of environmental management family of standards*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Cascio, J. (ed.). (1996). *The ISO 14000 Handbook*. Milwaukee, Wisconsin: ASQ Quality Press.
- Cascio, J., et. al. (1996). *ISO 14000 guide: The new international environmental management standards*. New York: McGraw-Hill.
- EPU (1990). *A study on the development of industrial estates in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Frank, F., & Rod, B. (1994). *Intergrated pollution management*. London: McGraw-Hill.
- Grosskopf, J. (1997). ISO standards take root. *Colorado Business*, 4, 51-52.
- Hormozi, A.M. (1997). ISO 14000: the next focus in standardization. *Journal of Sam Advance Management*, 3, 30-35.
- Jamaluddin Md. Jahi (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James, H.S. (1996). ISO 14000: An environmental revolution. *Journal of Environmental Law and Practice*, 1, 30-35.
- Johnson, J. (1997). *ISO 14000: The Business Manager's Complete Guide to Environmental Management*. New York: John Wiley & Sons.
- KEPU (1993). *Kedah Development Action Plan Industrial Development*. Alor Setar, Kedah: Kedah State Economic Planning Unit (KEPU).
- KEPU (1996). *Industry sector private-public sector roles and interaction for the implementation of the KDAP*. Alor Setar, Kedah: Kedah State Economic Planning Unit (KEPU).
- Majlis Daerah Kulim (MDK) (1996). *Rancangan Struktur Majlis Daerah Kulim 1990-2010*.
- Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) (1996). *Rancangan Struktur Majlis Daerah Kubang Pasu 1991-2005*.
- Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) (1996). *Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Sungai Petani 1990-2010*.

- Malaysia (1999). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Mullin, R., & Sissell, K. (1995). Manager gear up for global standards. *Journal of Quality Management*, 12, 65-66.
- Natoli, V. (2000, May 29). A half-day seminar on Environmental Management Systems (EMS) is here to stay a business guide. Seminar at Auditorium LADA, Kuah, Langkawi.
- Peglau, R. (2000, June 20). ISO World: the number of ISO 14001/EMAS registration of the world.
- UPEN (1994). *Highlight of the Kedah development action plan*. Alor Setar, Kedah: Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).
- Sham Sani, Cheang, B.K., Leong, C.P., & Lim, S.F. (1991). *The August 1990 haze in Malaysia with special reference to the Klang Valley Region*. Petaling Jaya: Jabatan Kajiciuaca Malaysia.
- Sham Sani (1997). *Environmental Quality Act 1974: then and now*. Bangi: LESTARI.
- Sham Sani (1999). *Environmental management issues and challenges in the next millennium in Malaysia*. Bangi: Environmental Management Programme, Centre for Graduate Studies.
- Soh, T.C. (1999). Faktor-faktor halangan ISO 14000. Kertas Penyelidikan Ijazah Sarjana Pengurusan Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yadav, G.D. (1996). ISO 14000: the cost and benefits. *Chemical Business*, 9, 17-18.

PELABURAN TERUS ASING DAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI NEGERI KEDAH: ANALISIS POLA DAN TREND

Nooriah Yusof

Pengenalan

P

roses industrialisasi di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1957 dengan tujuan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan mempelbagaikan ekonomi negara. Ketidakupayaan sektor pertanian untuk menampung pertambahan guna tenaga dan keadaan permintaan pasaran luar negara yang tidak menentu menyebabkan strategi perindustrian diperkenalkan bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara. Sejak awal tahun 1960-an lagi, pemerintah telah memberi perhatian terhadap masalah-masalah tidak wujudnya pembangunan di wilayah-wilayah terpinggir atau mundur. Proses industrialisasi diandaikan boleh meningkatkan ekonomi negara dan proses yang sama boleh meletakkan ekonomi wilayah mundur atau pinggir ini dibangunkan pembangunan yang lebih memuaskan (Morshidi dan Abibullah, 1991). Proses industrialisasi dalam era tahun 1990-an, telah memperlihatkan beberapa negeri yang dikategorikan di wilayah pinggir ini, mula menerima pelaburan masuk yang agak memberangsangkan, antaranya ialah negeri Kedah yang mencatatkan pengaliran masuk pelaburan tinggi terutamanya selepas tahun 1990-an. Malahan dalam tahun-tahun tertentu telah mengatasi negeri Pulau Pinang. Pola dan trend pelaburan dalam sektor perindustrian di negeri Kedah akan diselidiki dengan terperinci dalam kajian ini berdasarkan kepada data-data pelaburan yang diperolehi daripada MIDA.

Pelaburan Terus Asing

Terdapat dua bentuk utama pelaburan asing iaitu pelaburan portfolio dan pelaburan terus asing (PTA). PTA juga dikenali sebagai pelaburan terus modal (direct capital investment). Dalam kes pelaburan portfolio, pelabur akan membina bon atau sekuriti kerajaan bukan dengan tujuan untuk menggunakanya bagi mengawal syarikat asing. Sebaliknya dalam kes PTA, pelabur membuat pelaburan dengan tujuan untuk mendapat kawalan terhadap syarikat tersebut. Motif utama pelaburan portfolio, adalah untuk mendapatkan keuntungan daripada pelaburan yang dibuat tetapi bagi kes PTA, pelaburan yang dibuat bukanlah bermotifkan keuntungan semata-mata. PTA juga mempunyai motif atau objektif yang lain seperti untuk menembusi pasaran negara asing, mewujudkan hubungan yang terjamin dengan pembekal dan juga mengatasi halangan-halangan perdagangan seperti tarif.

Menurut Dunning (1993), terdapat empat motif utama PTA iaitu :-

- i. untuk mendapatkan sumber bahan semula jadi yang mana harganya lebih murah dan/atau berkualiti daripada yang terdapat di negara sendiri (pelabur).
- ii. untuk melayan pasaran asing terutamanya pasaran di negara di mana pelaburan dilakukan.
- iii. untuk menstrukturkan semula aktiviti sedia ada agar mempunyai nilai ditambah yang lebih (value-added) bagi meningkatkan kecekapan dan perubahan dalam 'range' atau kepelbagaiaan produk yang dihasilkan.
- iv. untuk mendapatkan aset strategik iaitu aset yang komplemen dengan aset sedia ada bagi tujuan mengurangkan risiko, mendapat kelebihan ekonomi skel dan memperkuuhkan kedudukan daya boleh saing dalam pasaran nasional dan global.

Laszlo (1994) menyatakan, PTA secara amnya boleh diklasifikasikan kepada 4 kumpulan iaitu:

- a) penubuhan syarikat baru di luar negara
- b) membeli hak milik kawalan (ekuiti) di dalam syarikat asing yang sedia ada
- c) pelaburan semula keuntungan dalam syarikat asing
- d) penyaluran atau peningkatan modal di antara syarikat induk dengan cawangan asing milikannya.

PTA boleh didefinisikan secara kasarnya sebagai pemindahan melepas sempadan sumber-sumber pengurusan (Alvstam, 1993). PTA selalunya diukur dari segi pemindahan modal antarabangsa, walaupun ia melibatkan pemindahan sumber manusia dan modal kewangan. PTA ditakrifkan sebagai pelaburan yang mana pengurusan dan pengawalannya adalah di tangan pelabur asing. PTA melibatkan pengaliran masuk pelaburan benar seperti modal, teknologi dan kapakaran yang biasanya dilakukan oleh syarikat multinasional (atau syarikat transnasional). Menurut United Nations (1997), PTA merupakan pelaburan yang melibatkan hubungan jangka panjang dan wujudnya kepentingan dan kawalan milikan (pelabur asing atau syarikat induk) di dalam sesebuah ekonomi negara yang dilabur. Ini menunjukkan bahawa melalui PTA, pelabur dapat memainkan peranan yang signifikan terhadap pengurusan syarikat atau firma yang didirikan di sesebuah negara lain. PTA berskala besar merupakan fenomena lazim pada masa sekarang ini dalam interaksi di antara negara. Walaupun aliran perdagangan fizikal masih merupakan bahagian yang penting dalam perhubungan komersial antarabangsa, namun pertumbuhan pesat PTA sejak dekad yang lalu membawa impak yang lebih ketara terhadap sistem ekonomi dunia berbanding dengan keadaan sebelumnya. PTA dianggap sebagai elemen utama pembangunan dalam sistem ekonomi antarabangsa (Alvstam, 1993). Ini dapat dilihat dalam rajah mod penglibatan pelaburan terus asing dalam ekonomi tempatan sesebuah negara. PTA boleh dipindahkan dari negara asal ke negara penerima (host) melalui empat cara iaitu melalui firma subsidiari atau cawangan milikan sepenuhnya atau majoriti milikan asing, melalui kerjasama strategik (strategic alliances), melalui pelesenan dan juga melalui subkontrak antarabangsa.


Kerjasama strategik melalui pelbagai bentuk kerjasama di antara firma di peringkat antarabangsa merupakan satu fenomena yang signifikan sekarang ini (Dickens, 1992).

Dari aspek ekonomi, pada umumnya PTA boleh dianggap sebagai satu kelebihan kepada negara 'host' kerana PTA boleh menjadi sumber modal untuk menampung kekurangan modal di negara 'host' bagi tujuan untuk membangunkan sektor industri, meningkatkan kuasa pasaran mata wang tempatan, membantu perkembangan pelaburan dalam loji pengeluaran dan peralatan. Ini boleh membawa kepada peningkatan dalam produktiviti dan menarik lebih banyak pelaburan serta merangsang permintaan tempatan. Keadaan ini juga mewujudkan peluang-peluang kepada kemunculan industri hiliran dan huluhan yang berkaitan oleh usahawan tempatan. PTA melalui penubuhan firma-firma pengeluaran di negara 'host' juga telah membawa kepada kewujudan banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran tempatan. Penglibatan tenaga buruh tempatan dalam sektor ini telah membolehkan mereka memperolehi kemahiran, strategi pengurusan dan pengetahuan perniagaan bertaraf global. Melalui aktiviti syarikat multinasional juga membolehkan ekonomi tempatan diintegrasikan kepada ekonomi global. Syarikat multinasional boleh menjadi alat yang efektif dalam menghubungkan ekonomi nasional dengan pasaran antarabangsa. Selain daripada itu, merit yang nyata daripada PTA ialah pemindahan teknologi daripada negara maju kepada negara 'host'.

Pelaburan Terus Asing di Malaysia

Kemunculan sektor industri moden di Malaysia berkait rapat dengan kemasukan pelaburan terus asing. Penelitian terhadap pertumbuhan sektor perindustrian pembuatan di Malaysia, telah memperlihatkan peranan penting yang dimainkan oleh pelaburan terus asing ini (rujuk Brookfield, 1994; Abibullah, Nooriah dan Morshidi, 2000; Nooriah, 1999 dan 1995; Singh, 1990; Anuwar, 1992; Anuwar dan Rasiah, 1996; Kamal dan Young, 1986, 1987; Ariff, 1991 dan UNIDO, 1991). Strategi perindustrian di Malaysia mula dipergiatkan selepas negara mencapai kemerdekaan dan kini ia menjadi aktiviti tumpuan negara dalam usaha menuju ke arah negara perindustrian maju pada tahun 2020. Semenjak tahun 1987, kemasukan modal asing dalam sektor perindustrian pembuatan telah meningkat berikutan pengenalan dasar yang lebih menarik kepada pemodal asing dan kelonggaran syarat ekuiti, khususnya sejak pelaksanaan Akta Galakan Pelaburan pada tahun 1986 (Anuwar dan Rasiah, 1996). Peningkatan ini juga telah dipengaruhi oleh beberapa peristiwa ekonomi yang membabitkan Jepun dan Negara Perindustrian Baru (NBP) Asia. Negara maju seperti Amerika Utara dan Eropah Barat telah memaksa peningkatan nilai mata wang (misalnya Plaza Accord 1985 yang telah meningkatkan nilai mata wang Jepun), peningkatan tarif dan pengenaan kuota eksport negara sejak pertengahan dekad 1980-an. Tambahan pula, kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP) telah ditarik balik daripada NBP Asia pada bulan Februari 1998 (Anuwar dan Rasiah, 1996). Ini telah menyebabkan syer NBP Asia dalam aliran masuk pelaburan asing ke Asia telah berkurangan dan kemunculan negara perindustrian baru peringkat kedua (Malaysia, Thailand dan Indonesia) dan China telah menjadi negara penerima aliran masuk pelaburan asing yang pesat sejak akhir tahun 1980-an (United Nations, 1994). NBP peringkat kedua terus menjadi negara-negara yang mengalami pertumbuhan yang tertinggi dengan kadar pertumbuhan melebihi 7%. Nisbah pelaburan juga kekal tinggi dan melebihi 1/3 daripada KDK, walaupun pelaburan agak

Mod Penglibatan Syarikat Transnasional Asing dalam Ekonomi Sesebuah Negara Host



berkurangan pada tahun 1991 dan 1992. Pengurangan dalam aliran masuk pelaburan ini disebabkan oleh kekurangan modal, kesesakan infrastruktur, pasaran buruh yang ketat dan persaingan dengan negara-negara pengeluar berkos rendah yang baru seperti China, Vietnam dan Eropah Timur. Misalnya, pelaburan yang diluluskan di Malaysia telah merosot sebanyak 73% dalam separuh pertama tahun 1993 (Nooriah, 1999).

Perkembangan perindustrian pembuatan telah menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada akhir tahun 1960-an, industri pembuatan di Malaysia cenderung kepada orientasi eksport dan nilai eksport negara telah meningkat daripada RM3.2 bilion pada tahun 1961 kepada RM28.4 bilion pada tahun 1980. Fasa ini melibatkan pengeluaran barang pengguna, barang/input perantaraan dan barang modal. Pelaburan terus asing memainkan peranan penting, bukan sahaja dalam memperuntukkan modal, kepakaran pengurusan dan teknologi tetapi juga kepada pasaran luar negara. Oleh yang demikian, penggerak utama kepada pertumbuhan industri berasaskan eksport ini ialah syarikat multinasional yang melabur di negara ini. Dalam tempoh 1991-93, Jepun merupakan pelabur utama yang menyumbang 19.6% daripada jumlah keseluruhan pelaburan terus asing dan diikuti oleh Amerika Syarikat dan Taiwan (Nooriah, 1999). Sekiranya dalam dekad 1970-an dan awal 1980-an, penglibatan modal asing adalah amat ketara dalam industri berasaskan eksport seperti barang elektronik dan tekstil, tetapi sekarang penglibatan mereka telah meningkat, merangkumi industri seperti industri kimia dan keluaran kimia, petroleum, keluaran galian bukan logam dan keluaran logam asas (Anuwar dan Rasiah, 1996). Walaupun penglibatan modal asing secara relatifnya telah berkurangan dalam pengeluaran tekstil, namun kedudukan mereka masih begitu kuat dalam industri elektrik dan elektronik (Rasiah, 1992).

Sekiranya ditinjau pola pelaburan di Malaysia mengikut lokasi didapati bahawa sebahagian besarnya tertumpu di negeri-negeri yang lebih maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Dalam tempoh tahun 1971-80, daripada sejumlah 4,200 projek perindustrian yang diluluskan oleh MIDA, hanya 338 projek atau 8 % sahaja yang dilaksanakan di negeri-negeri kurang maju iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu, yang melibatkan cadangan pelaburan modal sebanyak RM1.2 juta dan 5,300 peluang pekerjaan (Nooriah, 1995). Namun demikian, selepas tahun 1990-an, didapati pelaburan dalam sektor pembuatan mula tersebar luas ke negeri-negeri yang kurang maju ini. Malahan dapat dilihat dalam tempoh tahun 1990-94, Kedah, Perak dan Negeri Sembilan yang merupakan negeri-negeri di wilayah pinggir, telah menerima jumlah pelaburan yang lebih tinggi berbanding dengan Pulau Pinang. Begitu juga dengan Terengganu yang mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan paling tinggi (mengatasi Selangor, Johor dan Pulau Pinang) dalam tempoh masa yang sama dengan jumlah pelaburan sebanyak RM25,406.3 juta.

Pelaburan di dalam Sektor Perindustrian Pembuatan

Perubahan fokus daripada sektor pertanian kepada perindustrian pembuatan di negeri Kedah adalah berdasarkan kefahaman bahawa sektor perindustrian pembuatan berupaya untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan sekaligus meningkatkan tahap pendapatan penduduk. Sebelum tahun 1973, aktiviti perkilangan adalah terhad kepada

kawasan-kawasan di luar pusat perindustrian dan jumlah pekerjaan pula dianggarkan hanya sekitar 2,000 sahaja (Morshidi dan Abibullah, 1991). Kerajaan negeri Kedah telah mengenal pasti empat bentuk dasar untuk mempercepatkan proses industrialisasi negeri iaitu:-

- a) mewujudkan lebih kurang 242.9 hektar kawasan perindustrian (dengan harga yang berpututan) di lokasi-lokasi yang menarik,
- b) merancang pembangunan industri selaras dengan pertumbuhan bandar,
- c) menekankan pertumbuhan industri intensif buruh melalui galakan pelaburan yang bersesuaian dan
- d) menyediakan kemudahan latihan bagi penduduk di negeri Kedah Darul Aman.

Namun demikian, tahun-tahun 1980-an masih tidak memperlihatkan pertumbuhan pelaburan yang memuaskan di Kedah kerana ia hanya menduduki tempat ke 8 di Malaysia bagi tempoh tahun 1980-89 sebagai lokasi pelaburan. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelaburan dan pelaburan asing yang diluluskan di Kedah bagi tempoh 1980-97. Walaupun pada awal tahun 1980, pelaburan yang diluluskan di negeri Kedah mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu daripada RM96.6 juta pada tahun 1980 kepada RM578.2 juta pada tahun 1981. Namun demikian, daripada RM578.2 juta pelaburan yang diluluskan, RM191.2 juta merupakan pelaburan asing (atau hanya 33.1% dari keseluruhan pelaburan atau 14.6% dari keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan di Malaysia). Kejatuhan dalam pelaburan berlaku dalam tempoh tahun 1985-86 dan sedikit peningkatan pada tahun berikutnya. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perindustrian pembuatan di Kedah mula meningkat dengan pesat selepas tahun 1990-an, terutamanya selepas tahun 1994. Pada tahun 1992, pelaburan asing yang diluluskan di negeri Kedah hanya 0.4% daripada keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan di Malaysia dan mula meningkat dengan pesatnya selepas itu. Peratusan pelaburan asing yang diluluskan paling tinggi dalam sektor perindustrian pembuatan di Kedah adalah pada tahun 1996 iaitu sebanyak RM4,785.1 juta (atau 90.5%) berbanding dengan hanya RM505.0 juta pelaburan tempatan. Jumlah tersebut merupakan 28.1 % daripada keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan di Malaysia.

Jadual 2 menunjukkan dari segi jumlah pelaburan yang diluluskan (pelaburan tempatan dan asing) negeri Kedah menduduki tempat ke 8 bagi tempoh 1980-89 tetapi kemudiannya, telah meningkat kepada kedudukan ke 4 bagi tempoh selepas tahun 1990 sehingga 1999. Bagi tempoh 1990-94, Kedah telah mengatasi negeri Pulau Pinang yang telah mengalami kejatuhan kepada kedudukan ke 9 berbanding ke 4 sebelumnya (tempoh 1985-89). Namun bagi tempoh 1995-99, Pulau Pinang kembali mengatasi Kedah tetapi Kedah masih memberi persaingan kepada Pulau Pinang di kedudukan ke 4. Dalam tahun 1998 dan 1999, Kedah hanya menerima 2.2% dan 4.3% sahaja daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan di Malaysia berbanding dengan Pulau Pinang sebanyak 10.2% dan 28.1%. Jika ditinjau dari segi pelaburan asing yang telah diluluskan pula, Kedah memperlihatkan peningkatan yang tinggi dalam tempoh selepas tahun 1990-an (Jadual 3). Negeri ini menduduki tempat ke 3 dalam tempoh 1990-94 berbanding dengan kedudukan ke 8 dalam tempoh tahun 1985-89 dan seterusnya kepada kedudukan ke 2 bagi tempoh tahun 1995-97. Tempoh masalah sumber tenaga buruh yang kritikal dan ini memberi kesan terhadap operasi dan aktiviti firma pembuatan (rujuk Nooriah, 1995). Keadaan ini telah memberi kelebihan

**Perbandingan Peratusan Pelaburan di dalam Sektor
Perindustrian Pembuatan di Kedah Darul Aman dengan
Total Pelaburan di Malaysia, 1980-99 (RMjuta)**

| Tahun | Jumlah Pelaburan di Malaysia | Jumlah Pelaburan di Kedah | % drpd Jumlah Pelaburan di Malaysia | Jumlah Pelaburan Asing di Malaysia | Jumlah Pelaburan Asing di Kedah | % drpd Jumlah Pelaburan Asing di Malaysia |
|-------|------------------------------|---------------------------|-------------------------------------|------------------------------------|---------------------------------|---|
| 1980 | 2,102.9 | 96.6 | 4.6 | 729.5 | 63.2 | 8.7 |
| 1981 | 4,448.4 | 578.2 | 13.0 | 1,309.2 | 191.2 | 14.6 |
| 1982 | 5,434.8 | 62.6 | 1.2 | 1,626.6 | 19.0 | 1.2 |
| 1983 | 2,358.1 | 232.4 | 9.9 | 628.2 | 74.1 | 11.8 |
| 1984 | 3,801.2 | 167.8 | 4.4 | 718.1 | 60.9 | 8.5 |
| 1985 | 5,686.9 | 70.3 | 1.2 | 959.3 | 18.4 | 1.9 |
| 1986 | 5,163.2 | 32.8 | 0.6 | 1,687.9 | 12.9 | 0.8 |
| 1987 | 3,933.9 | 90.1 | 2.3 | 2,060.0 | 71.5 | 3.5 |
| 1988 | 9,093.9 | 269.6 | 3.0 | 4,878.0 | 164.4 | 3.4 |
| 1989 | 12,215.5 | 600.3 | 4.9 | 8,652.7 | 192.1 | 2.2 |
| 1990 | 28,168.1 | 3,992.6 | 14.2 | 17,629.3 | 3,236.3 | 18.4 |
| 1991 | 30,818.5 | 560.8 | 1.8 | 17,055.4 | 423.9 | 2.5 |
| 1992 | 27,775.1 | 226.2 | 0.8 | 17,772.1 | 78.8 | 0.4 |
| 1993 | 13,752.7 | 1,069.9 | 7.8 | 6,287.2 | 260.5 | 4.1 |
| 1994 | 22,951.3 | 5,151.2 | 22.4 | 11,339.1 | 3,084.1 | 27.2 |
| 1995 | 20,869.1 | 1,851.0 | 8.9 | 9,143.6 | 1,310.0 | 14.3 |
| 1996 | 34,257.6 | 5,290.1 | 15.4 | 17,056.5 | 4,785.1 | 28.1 |
| 1997 | 25,763.5 | 4,649.7 | 18.0 | 11,303.1 | 2,438.2 | 21.6 |
| 1998 | 26,352.4 | 567.8 | 2.2 | - | - | - |
| 1999 | 16,899.2 | 718.1 | 4.3 | - | - | - |

Nota: Jumlah pelaburan merujuk kepada pelaburan tempatan dan asing.

Sumber : Ubahsuai data pelbagai tahun daripada MIDA.

kepada negeri Kedah yang mempunyai kedudukan yang hampir dengan negeri Pulau Pinang untuk menarik pelabur-pelabur ke negeri tersebut. Dalam tempoh tahun 1995-97 juga, Kedah telah mengatasi negeri Selangor dengan mencatatkan pelaburan sebanyak RM8,531.3 juta berbanding RM3,744.2 juta oleh Selangor.

Tinjauan dari segi kelulusan projek pembuatan mengikut hak milik pula, didapati bahawa negeri Kedah (bagi tempoh 1988 sehingga Februari 1997) sebanyak 471 buah projek telah diluluskan dengan 156 projek atau 33.1% merupakan projek sepenuhnya milikan asing dan 121 projek atau 25.7% projek sepenuhnya milikan Malaysia. Bagi Pulau Pinang pula sebanyak 981 projek atau 62.2% merupakan projek sepenuhnya milik asing dan hanya 13.6% merupakan projek sepenuhnya milikan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa komposisi asing adalah tinggi dalam industri di Pulau Pinang berbanding dengan Kedah, walaupun dari segi kelulusan pelaburan menunjukkan keadaan sebaliknya. Secara keseluruhannya, dalam tempoh tersebut sebanyak 74.3% daripada projek pembuatan yang diluluskan di Kedah merupakan projek pembuatan dengan penyertaan asing berbanding dengan 86.4% di Pulau Pinang. Negeri-negeri yang lebih maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang memperlihatkan kelulusan bilangan projek dengan penyertaan asing yang

Jadual 2
Jumlah Pelaburan yang Diluluskan di dalam Sektor
Pembuatan Mengikut Negeri di Malaysia, 1980 - 99 (RM juta)

| Negeri | 1980- 84 | Rank | 1985- 89 | Rank | 1990- 94 | Rank | 1995- 99 | Rank | 1980- 99 | Rank |
|-----------------|-------------|------|-------------|------|-------------|------|-------------|------|-------------|------|
| Kuala Lumpur | 241.6 | 15 | 567.7 | 12 | 530.0 | 13 | 763.3 | 14 | 2,102.9 | 14 |
| Labuan | 1,357.8 | 5 | 83.8 | 15 | 500.2 | 14 | 7.5 | 15 | 1,949.3 | 15 |
| Selangor | 3,572.6 | 1 | 10,616.4 | 1 | 22,103.1 | 2 | 200,007.1 | 1 | 56,299.1 | 1 |
| Pulau Pinang | 1,157.6 | 7 | 3,070.0 | 4 | 5,929.8 | 9 | 13,671.6 | 4 | 23,854.0 | 6 |
| Perak | 1,449.6 | 3 | 927.4 | 9 | 10,721.0 | 6 | 2,133.9 | 11 | 17,231.9 | 8 |
| Ipoh | 1,962.3 | 3 | 6,546.1 | 2 | 11,814.8 | 3 | 11,697.2 | 5 | 41,310.7 | 3 |
| Negeri Sembilan | 771.2 | 10 | 748.1 | 10 | 6,961.6 | 8 | 5,945.0 | 9 | 14,425.9 | 9 |
| Melaka | 385.0 | 12 | 2,117.1 | 6 | 8,995.5 | 2 | 6,766.3 | 8 | 17,763.9 | 7 |
| Kedah | 1,139.6 | 8 | 1,062.8 | 8 | 11,000.7 | 4 | 13,076.7 | 4 | 26,379.8 | 4 |
| Pahang | 455.3 | 11 | 2,063.1 | 7 | 3,562.0 | 10 | 7,999.1 | 6 | 14,027.5 | 10 |
| Kelantan | 384.6 | 13 | 106.4 | 13 | 804.1 | 15 | 1,281.0 | 13 | 2,112.1 | 13 |
| Terengganu | 2,623.8 | 2 | 731.0 | 11 | 25,406.3 | 1 | 14,885.4 | 2 | 45,746.5 | 2 |
| Penang | 323.9 | 14 | 89.0 | 14 | 1,942.9 | 12 | 1,883.9 | 12 | 4,739.7 | 12 |
| Sarawak | 1,231.7 | 26 | 4,565.9 | 3 | 11,068.0 | 5 | 2,973.1 | 7 | 24,839.6 | 5 |
| Sabah | 1,065.9 | 9 | 3,809.5 | 5 | 2,578.7 | 11 | 5,218.2 | 10 | 11,672.3 | 11 |

Sumber: Ubahsuai data pelbagai tahun dari MIDA.

tinggi, walaupun tidak dinafikan negeri seperti Negeri Sembilan dan Kedah turut memperlihatkan pertumbuhan yang tinggi dalam tempoh selepas tahun 1990.

Pelaburan yang diluluskan mengikut jenis industri di Kedah menunjukkan bahawa sektor elektrik dan elektronik merupakan sektor industri yang memaparkan bilangan projek dan pelaburan yang diluluskan paling tinggi bagi tempoh tahun 1988 sehingga Februari 1997. Sektor ini memperlihatkan kelulusan projek sebanyak 38.4% daripada keseluruhan projek yang diluluskan di Kedah dalam tempoh tersebut. Sementara dari segi pelaburan pula, ia mewakili 50.9% daripada keseluruhan daripada pelaburan yang diluluskan. Ini diikuti oleh sektor barang penapisan petroleum dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3,378.9 juta dengan hanya 1 projek sahaja (atau 0.2%) daripada jumlah projek yang diluluskan dalam tempoh masa yang sama. Sektor industri lain yang penting menerima pelaburan lebih daripada RM1 bilion bagi tempoh tahun 1988 sehingga Februari 1997, ialah sektor kimia dan barang kimia, dan kelengkapan pengangkutan. Industri barangan getah mencatatkan jumlah bilangan projek yang diluluskan kedua tertinggi (selepas elektrik dan elektronik) iaitu sebanyak 42 projek dengan pelaburan berjumlah RM430.6 juta dan diikuti oleh industri barangan plastik, dan tekstil dan barang teknikal.

Jadual 6 menunjukkan beberapa pelabur utama dalam tahun-tahun tertentu (1980-97) dengan hanya mengambil kira pelaburan melebihi RM1 juta. Hampir setiap tahun, Amerika Syarikat dan Jepun merupakan antara pelabur utama di negeri Kedah Darul Aman. Pelaburan Amerika Syarikat dan Jepun dalam sektor perindustrian pembuatan di Kedah masing-masing berjumlah RM3,854.6 juta dan RM3,383.5 juta dalam tempoh masa 1980-97. Peningkatan pelaburan oleh Amerika Syarikat dan Jepun mula berlaku menjelang tahun 1990-an iaitu dalam tempoh 1995-97. Pelaburan oleh Negara Perindustrian Baru (NPB) Asia iaitu Taiwan juga adalah tinggi di Kedah yang melibatkan pelaburan berjumlah RM2,138.9 juta bagi tempoh masa yang sama.

Jadual 3
Pelaburan Asing di dalam Sektor Perindustrian Pembuatan Mengikut Negeri di Malaysia

| Negeri | 1980-84 | Rank | 1985-89 | Rank | 1990-94 | Rank | 1995-97 | Rank | 1980-97 | Rank |
|-----------------|---------|------|---------|------|----------|------|---------|------|----------|------|
| Kuala Lumpur | 39.6 | 15 | 120.7 | 12 | 148.8 | 14 | 135.3 | 13 | 444.4 | 14 |
| Labuan | 250.3 | 9 | 4.2 | 15 | 200.5 | 13 | 3.2 | 15 | 458.2 | 13 |
| Selangor | 1,008.8 | 1 | 5,526.2 | 1 | 12,161.7 | 1 | 3,744.1 | 3 | 22,440.8 | 1 |
| Pulau Pinang | 419.8 | 4 | 2,343.5 | 3 | 4,040.3 | 9 | 3,150.8 | 4 | 9,954.4 | 5 |
| Perak | 256.3 | 7 | 325.2 | 9 | 6,749.3 | 5 | 688.4 | 11 | 8,019.2 | 9 |
| Johor | 703.4 | 2 | 4,437.1 | 2 | 6,984.5 | 4 | 9,993.3 | 1 | 22,118.3 | 2 |
| Negeri Sembilan | 252.9 | 8 | 291.5 | 10 | 4,839.7 | 8 | 2,864.6 | 5 | 8,248.7 | 8 |
| Melaka | 122.4 | 12 | 781.5 | 6 | 6,411.4 | 6 | 968.3 | 9 | 8,283.6 | 7 |
| Kedah | 408.4 | 5 | 459.3 | 8 | 7,083.6 | 3 | 8,831.3 | 2 | 16,482.6 | 3 |
| Pahang | 95.3 | 14 | 901.1 | 5 | 2,790.6 | 10 | 2,552.5 | 6 | 6,339.5 | 10 |
| Kelantan | 131.9 | 11 | 50.4 | 13 | 94.9 | 15 | 50.2 | 14 | 327.4 | 15 |
| Terengganu | 644.1 | 3 | 193.8 | 11 | 12,119.7 | 2 | 1,444.3 | 8 | 14,401.9 | 4 |
| Perlis | 107.8 | 13 | 38.9 | 14 | 467.9 | 12 | 497.9 | 12 | 1,112.5 | 12 |
| Sarawak | 384.3 | 6 | 2,086.3 | 4 | 4,966.9 | 7 | 2,082.4 | 7 | 9,519.9 | 6 |
| Sabah | 174.1 | 10 | 678.4 | 7 | 1,023.2 | 11 | 796.3 | 10 | 2,672.0 | 11 |

Jadual 5
Projek Pelaburan yang Diluluskan Mengikut Industri di Kedah Darul Aman, 1988 sehingga Februari 1997

| Industri | Bilangan Kelulusan | | Peluang Pekerjaan | Model Pelaburan (RM) |
|-----------------------------------|--------------------|-------|-------------------|----------------------|
| | Bilangan | % | | |
| Pengilangan Makanan | 3 | 0.6 | 687 | 50,000,000 |
| Minuman dan Tembakau | 1 | 0.2 | 90 | 8,750,000 |
| Tekstil dan Barang Tekstil | 28 | 5.9 | 4,583 | 420,741,920 |
| Kulit dan Barang Kulit | 1 | 0.2 | 38 | 500,000 |
| Kayu dan Barang Kayu | 26 | 5.5 | 2,863 | 524,720,818 |
| Perabot dan Kelengkapan | 19 | 4.0 | 2,641 | 82,475,000 |
| Kertas, Percetakan dan Penerbitan | 13 | 2.8 | 1,013 | 56,788,000 |
| Kimia dan Barang Kimia | 22 | 4.7 | 1,443 | 1,442,200,810 |
| Barangan Penapisan Petroleum | 1 | 0.2 | 1,015 | 3,378,850,000 |
| Gas Asli | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Barangan Getah | 42 | 8.9 | 10,355 | 430,581,100 |
| Barangan Plastik | 34 | 7.2 | 3,040 | 108,947,969 |
| Barangan Galian Bukan Logam | 15 | 3.2 | 3,350 | 750,855,705 |
| Barangan Logam Asas | 13 | 2.8 | 1,562 | 279,660,018 |
| Barangan Logam dibentuk | 22 | 4.7 | 2,935 | 439,558,583 |
| Pengilangan Jentera | 11 | 2.3 | 1,123 | 93,269,000 |
| Barangan Elektrik dan Eletronik | 181 | 38.4 | 50,895 | 9,700,666,491 |
| Kelengkapan Pengangkutan | 26 | 5.5 | 4,657 | 1,244,763,518 |
| Peralatan Sains dan Pengukuran | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pelbagai | 13 | 2.8 | 1,000 | 29,350,000 |
| Jumlah | 47 | 100.0 | 93,290 | 19,042,778,932 |

Sumber: MIDA, data pelbagai tahun.

Pelaburan oleh Taiwan adalah tinggi dalam tempoh tahun 1990-94 tetapi menurun (hampir 94%) dalam tempoh 1995-97. Selain itu, Singapura, Korea dan Hong Kong juga merupakan antara pelabur utama di negeri Kedah. Malangnya, data berkaitan dengan pelaburan negara

asing mengikut jenis industri tidak dapat dianalisis kerana ketiadaan data. Trend yang dapat dilihat antara pola pelaburan di antara negara industri maju dengan NPB dalam sektor perindustrian pembuatan di Kedah adalah peningkatan pelaburan oleh NPB berlaku dalam tempoh tahun 1990-94 dan kemudiannya menurun dalam tempoh 1995-97 tetapi bagi negara industri maju (kecuali United Kingdom) menunjukkan pola yang sebaliknya. Pelaburan oleh United Kingdom terus merosot sejak tahun 1980 sehingga tahun 1997.

Jadual 6
Pelabur Utama di dalam Sektor Perindustrian Pembuatan
di Kedah D.A. 1980-97 (RM juta)

| Negara Pelabur | 1980-84 | 1985-89 | 1990-94 | 1995-97 | 1980-97 |
|------------------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Jepun | 117.9 | 103.1 | 356.2 | 2,806.3 | 3,383.5 |
| Amerika Syarikat | 43.2 | 15.6 | 727.9 | 3,067.9 | 3,854.6 |
| United Kingdom | 64.6 | 50.1 | 11.3 | 0.9 | 126.9 |
| Republik Jepun | 32.4 | - | 112.0 | 72.9 | 217.3 |
| Taiwan | 10.0 | 159.2 | 1,857.4 | 112.3 | 2,138.9 |
| Singapura | 46.5 | 16.8 | 95.8 | 36.2 | 195.3 |
| Hong Kong | 7.9 | 5.1 | 685.6 | 4.3 | 702.9 |
| Korea | - | 17.9 | 79.6 | 511.9 | 609.4 |

Sumber: Data pelbagai tahun, MIDA.

Jika ditinjau lokasi perindustrian yang menjadi tumpuan pelaburan di Kedah, dapat dilihat bahawa kebanyakan pelaburan (dalam tempoh tahun 1988 sehingga Februari 1997) tertumpu di Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim yang melibatkan pelaburan berjumlah RM8,621.4 juta atau 45.3% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Kedah D.A. (Jadual 7). Pelaburan ini hanya melibatkan 14 projek perkilangan sahaja dengan potensi peluang pekerjaan sebanyak 13,019 pekerjaan. Ini diikuti oleh kawasan perindustrian Sungai Petani dan Kulim Industri Estet. Kulim Industri Estet mencatatkan kelulusan projek perkilangan yang paling tinggi iaitu berjumlah 95 projek yang melibatkan pelaburan berjumlah RM934.7 juta. Ini diikuti oleh kawasan perindustrian Bakar Arang (94 projek) dan Sungai Petani (82 projek). Selain daripada itu, kawasan perindustrian Gurun juga telah berjaya menarik sejumlah RM778.3 juta pelaburan melalui 9 projek perkilangan yang diluluskan. Negeri Kedah sebenarnya tidak memiliki kawasan Zon Perindustrian Bebas seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor, Melaka, Perak, Pahang dan Sarawak. Berdasarkan data tahun 1995, terdapat sejumlah 12 estet industri dengan jumlah kawasan yang telah dibangunkan sebanyak 430.41 hektar. Daripada jumlah ini, hanya 40.10 hektar yang telah diperuntukkan dan jumlah hektar yang masih ada ialah 241.72 hektar. Sebahagian besar daripada projek perkilangan yang diluluskan (tahun 1988 sehingga Februari 1997) adalah merupakan projek-projek tanpa galakan cukai iaitu berjumlah 251 projek berbanding dengan 172 projek di bawah galakan taraf perintis. Tiada projek perkilangan yang diluluskan di bawah galakan penempatan dan galakan dengan menggunakan buruh. Ini menunjukkan bahawa negeri Kedah kini berada dalam transisi daripada lokasi perindustrian wilayah pinggir/mundur kepada lokasi yang mampu untuk menarik pelaburan asing terutamanya peranan yang dimainkan oleh Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim dan kawasan perindustrian Sungai Petani dan Kulim.

Jadual 7
Projek Pembuatan yang Diluluskan Mengikut Lokasi Industri
di Kedah Darul Aman, 1988 sehingga Februari 1997

| Lokasi Industri | Bilangan Projek | Peluang Pekerjaan | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-----------------------------------|-----------------|-------------------|-----------------------------|
| Alor Setar | 7 | 474 | 4,990,000 |
| Bakar Arang Industri Estate | 94 | 11,610 | 412,870,463 |
| Baling | 6 | 1,195 | 1,845,004 |
| Bandar Baru | 1 | 90 | 8,750,000 |
| Bandar Darul Aman Industri Estate | 4 | 82 | 7,693,200 |
| Bedong | 5 | 566 | 4,836,854 |
| Gurun | 9 | 2,669 | 778,253,000 |
| Jeniang Industri Estate | 1 | 274 | 2,860,000 |
| Jitra | 6 | 1,294 | 29,112,900 |
| Kuala Kedah | 1 | 599 | 5,000,000 |
| Kuala Ketil | 6 | 816 | 258,895,350 |
| Kubang Pasu | 4 | 929 | 45,025,000 |
| Kulim High Tech. Ind. Park | 14 | 13,019 | 8,621,395,000 |
| Kulim Industri Estate | 95 | 20,380 | 934,746,358 |
| Kulim Fasa I | 4 | 510 | 161,200,000 |
| Langkawi | 1 | 120 | 534,000,000 |
| Lunas | 5 | 310 | 26,740,850 |
| Merbok | 2 | 97 | 71,300,000 |
| Mergong Barrage Industri Estate | 4 | 700 | 4,526,000 |
| Mergong II Industri Estate | 12 | 5,395 | 75,989,215 |
| Padang Serai | 1 | 77 | 0 |
| Sik | 4 | 230 | 5,580,000 |
| Sungai Petani | 82 | 15,148 | 1,169,728,794 |
| Sungai Petani Industri Estate | 31 | 4,325 | 323,145,356 |
| Tikam Batu Industri Estate | 23 | 2,751 | 380,523,910 |
| Lain-lain Kawasan | 49 | 9,630 | 5,173,771,678 |
| Jumlah | 471 | 33,290 | 19,042,778,932 |

Sumber : MIDA, data tidak diterbitkan.

Kesimpulan

Pelaburan di negeri Kedah mempamerkan pola dan trend yang agak sama seperti lokasi perindustrian utama yang lain iaitu terdapat tempoh kenaikan dan penurunan (kitaran) dalam jumlah pelaburan yang diterima dan banyak dipengaruhi oleh iklim pelaburan dan ekonomi global. Dalam tempoh 1995-97, jumlah pelaburan asing yang diluluskan di Kedah bukan sahaja mengatasi negeri Pulau Pinang tetapi juga negeri Selangor yang merupakan negeri yang sentiasa menduduki ranking pertama dalam menarik pelaburan asing sejak tahun 1980 lagi. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa peningkatan pelaburan di beberapa negeri yang dikategorikan di wilayah pinggir (terutamanya di negeri Kedah) antaranya disebabkan oleh masalah kekurangan sumber buruh dan kesesakan infrastruktur di samping kenaikan kos pengeluaran di beberapa lokasi perindustrian utama. Bagi negeri Kedah, masalah yang dihadapi oleh lokasi perindustrian di Pulau Pinang merupakan antara

penyebab kepada peningkatan pelaburan di Kedah. Kedudukannya yang hampir dengan negeri Pulau Pinang memberi kelebihan kepada negeri ini untuk menjadi lokasi alternatif dalam menampung limpahan pembangunan industri dari Pulau Pinang. Kejatuhan pelaburan dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang disebabkan oleh komposisi asing yang tinggi berbanding dengan negeri Kedah yang menyebabkan negeri ini menerima kesan yang buruk apabila berlakunya masalah kemelesetan ekonomi di negara industri maju. Selepas kegawatan ekonomi, dapat dilihat bahawa negeri-negeri industri utama ini mula menerima pelaburan masuk yang agak tinggi berbanding dengan Kedah. Pulau Pinang misalnya mencatatkan penerimaan pelaburan yang diluluskan paling tinggi dalam tahun 1999 iaitu berjumlah RM4,762.2 juta atau 28.1% daripada keseluruhan pelaburan di Malaysia berbanding dengan Kedah yang hanya mencatatkan kelulusan pelaburan berjumlah RM718.1 juta atau 4.3% sahaja.

Pertumbuhan pelaburan turut memberi implikasi positif terhadap perkembangan sektor perindustrian di Kedah. Sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK negeri Kedah terus meningkat daripada 4.9% pada tahun 1971 dan 8.3% pada tahun 1980 kepada 31.9% pada tahun 1995 dan dijangka meningkat kepada 35.8% pada tahun 1998. Begitu juga dari segi sumbangannya kepada peluang pekerjaan kepada tenaga buruh tempatan. Bagi tahun 1997, sektor perindustrian pembuatan menyumbang 26.1% daripada guna tenaga dalam ekonomi berbanding dengan 24.3% oleh sektor pertanian (Kajian Pengkhususan Wilayah di Malaysia, 2000). Jika dilihat daripada peluang pekerjaan yang berupaya diwujudkan melalui projek-projek perkilangan yang telah diluluskan di Kedah jelas menunjukkan bahawa pelaburan asing berpotensi untuk menjana peluang pekerjaan yang besar (Jadual 7). Namun demikian, negeri Kedah kekurangan tenaga buruh mahir yang mana jika ditinjau dari Jadual 8, hanya 4.9% sahaja daripada tenaga buruh (yang berumur 15-64 tahun) mempunyai pendidikan tinggi dan majoritinya iaitu 52.6% hanya berpendidikan sekolah menengah (Kajian Pengkhususan Wilayah di Malaysia, 2000). Keadaan ini mungkin boleh menjadikekangan kepada perkembangan industri berteknologi tinggi. Senario ini menarik untuk dikaji terutamanya dalam kes Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim menempatkan industri berteknologi tinggi dan ini memerlukan tenaga mahir dan tenaga pakar. Taman teknologi dianggap boleh memainkan peranan penting dalam strategi pembangunan sesuatu wilayah atau kawasan (Harvey dan Michael, 1991). Impak-impak utama yang boleh dicetuskan oleh taman teknologi ini antaranya ialah perubahan dalam magnitud aktiviti ekonomi, contohnya dari segi bilangan firma yang ditubuhkan dan peluang pekerjaan dan pendapatan pekerja serta impak-impak sampingan yang lain. Persoalannya sekarang, adakah Taman Teknologi Tinggi Kulim boleh dijadikan contoh sebagai satu taman teknologi yang mampu untuk membawa impak-impak positif kepada pembangunan negeri Kedah.

Di samping perlu meningkatkan program-program latihan dan kemahiran kepada tenaga kerja yang tidak berkemahiran dalam usaha mempertingkatkan pembangunan industri berteknologi tinggi, negeri Kedah juga mempunyai potensi untuk membangunkan industri pemprosesan makanan dan hasil-hasil pertanian. Ini adalah kerana sektor pertanian masih merupakan sektor ekonomi yang penting. Namun demikian, didapati bahawa bagi tempoh tahun 1988 sehingga Februari 1997, hanya 3 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan modal sebanyak RM50.0 juta diluluskan dalam industri pengilangan makanan dan 1 projek

Jadual 8
Peluang Pekerjaan di dalam Projek yang Diluluskan
di Kedah Darul Aman, 1980-97

| Tahun | Jumlah Pekerjaan | Peluang Pekerjaan dalam Projek Penyertaan Asing | % daripada Jumlah Pekerjaan |
|-------|------------------|---|-----------------------------|
| 1980 | 3,018 | 2,847 | 94.3 |
| 1981 | 3,870 | 3,088 | 79.8 |
| 1982 | 1,713 | 1,415 | 82.6 |
| 1983 | 2,645 | 1,780 | 67.3 |
| 1984 | 2,740 | 2,003 | 73.1 |
| 1985 | 1,838 | 1,447 | 78.2 |
| 1986 | 1,023 | 901 | 88.1 |
| 1987 | 2,238 | 1,767 | 78.9 |
| 1988 | 11,474 | 9,877 | 86.1 |
| 1989 | 8,569 | 7,592 | 88.6 |
| 1990 | 18,410 | 15,287 | 83.0 |
| 1991 | 12,168 | 10,287 | 88.2 |
| 1992 | 4,879 | 3,495 | 71.6 |
| 1993 | 5,726 | 3,563 | 62.2 |
| 1994 | 11,805 | 9,285 | 78.7 |
| 1995 | 12,492 | 10,180 | 81.5 |
| 1996 | 7,583 | 6,696 | 88.3 |
| 1997 | 7,867 | 7,843 | 99.7 |

dengan pelaburan sebanyak RM8.8 juta dalam industri minuman dan tembakau. Negeri Kedah seharusnya dapat mengambil kelebihan daripada sektor pertanian yang ada untuk menggalakkan pertumbuhan sektor industri pemprosesan makanan dan hasil-hasil pertanian yang lain. Selain itu, dengan adanya kemudahan Lebuh Raya Utara-Selatan, diharap akan boleh meningkatkan lagi kelebihan lokasi bagi negeri ini untuk menarik pelaburan dalam sektor pembuatan dan seterusnya merangsang pembangunan sektor-sektor ekonomi yang lain. Meningkatkan kemudahan infrastruktur juga perlu dilaksanakan, di samping mengenalpasti kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh negeri ini agar pengkhususan dalam pengeluaran dapat dirancang bagi mengambil faedah ekonomi skel.

Jadual 8a
Perbandingan Peluang Pekerjaan di dalam Sektor Perindustrian di antara
Kedah Darul Aman dengan Negeri Pulau Pinang, 1980-95

| Negeri | 1980-85 | 1986-90 | 1991-95 | 1980-95 |
|--------------|---------|---------|---------|---------|
| Kedah | 15,824 | 41,714 | 47,070 | 104,608 |
| Pulau Pinang | 22,264 | 79,375 | 62,030 | 168,572 |

Sumber: Ubahsuai data pelbagai tahun daripada MIDA.

Bibliografi

- Abibullah, S., Nooriah, Y., & Morshidi, S. (2000). *Asia Timur Pusat Pertumbuhan Baru Ekonomi Dunia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alvstam, C. (1993). The Impact of Foreign Direct Investment on the Geographical Pattern of Foreign Trade Flows in Pacific Asia with special reference to Taiwan dlm C. Dixon and D. Drakakis-Smith (ed.). *Economic and Social Development in Pacific Asia. London* : Routledge.
- Anuwar Ali (1992). *Malaysian Industrialization: The Quest for Technology*. Singapore: Oxford University Press.
- Anuwar, A., & Rasiah, R. (1996). *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariff Mohamed (1991). *The Malaysian Economy-Pacific Connection*. New York: Oxford University Press.
- Brookfield, H. (1994). *Transformation with Industrialization in Peninsular Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Dicken, P. (1992). *Global Shift: The Internationalization of Economic Activity* (2nd Ed.) London : Paul Chapman Publication.
- Dunning, J. (1993). *The Theory of Transnational Corporation*. New York: Routledge.
- Harvey, A. G., & Michael, I.L. (1991). Science/Technology Parks and Regional Development: Prospects for the United States. Dalam Ulrich Hilpert (ed.) *Regional Innovation and Decentralization: High Tech Industry and Government Policy*. London: Routledge.
- Kamal, S., & Young, M.L. (1986). The Regional Impact of Industrialization: A case study of Penang State dlm T.G. McGee. *Industrialization and Labour Force Processes: A case of Peninsular Malaysia*. Research School of Pacific Study: The Australian National University.
- _____. 1987. Social Forces, the State and the International Division of Labour: The case of Malaysia dlm J. Henderson dan M. Castells. *Global Restructuring and Territorial Development*. London: Sage Publication.
- Kajian Pengkhususan Wilayah di Malaysia (2000). Disediakan oleh Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Tidak diterbitkan.
- Laszlo, A. (1994). *Direct Foreign Investment: Some Theoretical and Practical Issues*. Hungary: NBH Workshop Studies.

- Morshidi, S., & Abibullah, S. (1991). Persepsi pelabur luar terhadap peluang pelaburan di Kedah Darul Aman. Laporan Projek Geran Penyelidikan Jangka Pendek, USM. Tidak diterbitkan.
- Nooriah, Y. (1995). Tindak balas terhadap masalah sumber buruh dalam sektor perindustrian pembuatan di Malaysia: Kajian Kes Negeri Pulau Pinang. Tesis M.A. (USM). Tidak diterbitkan.
- _____, (1999). Analisis pola dan trend pelaburan terus asing dan implikasinya terhadap pembangunan dan prestasi sektor perindustrian pembuatan di Malaysia. Geran Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.
- Rasiah, R. (1992). Foreign manufacturing investment in Malaysia. *Economic Bulletin for Asia and Pacific*.
- Singh, M.S. (1990). Malaysian manufacturing corridor: Subnational industrial transformation and regional development in the Central, North and South Growth Centres through the Internationalization of Capital. Kertas kerja seminar dibentangkan di INTAN, Terengganu, 14-17 Julai.
- UNIDO (1991). Malaysia: Sustaining the Industrial Investment Momentum. *Industrial Development Review Series*. New York: Basil Blackwell Ltd.
- United Nations (1997). World Investment Report 1997: Transnational Corporations, Market Structure and Competition Policy. New York: UN.
- United Nations (1992). World Investment Report 1992 : Transnational Corporation as Engine of Growth. New York: UN.

INDUSTRI PELANCONGAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN: MENUJU KE ARAH PEMANTAPAN DAN CABARAN ERA GLOBALISASI

Norizan B. Hj Md Nor

Pengenalan

Perkembangan industri pelancongan di Malaysia semakin meningkat pada masa kini. Pada tahun 2000, seramai 12.5 juta pelancong asing dengan sejumlah RM 15.7 bilion pendapatan dapat dikumpulkan dari tukaran asing tanpa mengambil kira bilangan pelancongan dari dalam negara. Industri ini sememangnya wajar diberi tumpuan utama sebagai penyumbang terbesar kepada tukaran mata wang asing negara seterusnya membantu memperkuatkan kedudukan Akaun Perkhidmatan dalam Imbanan Pembayaran Negara. Selain daripada itu, pelancongan juga menyediakan pelbagai peluang perniagaan yang berteraskan pengembalaan dan pelancongan yang mampu meningkatkan keupayaan sosioekonomi negara keseluruhannya. Negeri Kedah adalah antara negeri di utara semenanjung yang mula berusaha membangunkan sektor pelancongan dengan pesat. Pembangunan Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai telah semakin menarik pelancong tempatan untuk datang berkunjung. Pertunjukan udara dan maritim 'LIMA' dan perlumbaan basikal jelajah Langkawi telah menarik masuk ramai pelancong asing dan secara langsung memberi kesan kepada pembangunan industri pelancongan di negeri Kedah.

Globalisasi, Ekonomi Global dan Pengwiliyahan dalam Pembangunan Pelancongan

Secara amnya globalisasi dikaitkan dengan pertumbuhan dalam perdagangan dan pelaburan asing dan peningkatan penglibatan syarikat multinasional dalam perdagangan antarabangsa. Proses globalisasi juga merujuk kepada perubahan dalam ciri-ciri produk yang didagangkan diperingkat antarabangsa. Globalisasi telah merubah perjalanan ekonomi seterusnya mempengaruhi proses memutuskan dasar ekonomi. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem perdagangan bebas, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima pengaruh globalisasi ekonomi dunia. Dalam konteks pelancongan, penghasilan produk pelancongan yang boleh dipasarkan di peringkat dunia adalah sesuatu yang menjadi keperluan dan tumpuan kerana ingin menarik seramai mungkin pelancong untuk datang berkunjung seterusnya memberi kesan kepada pertukaran asing dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan.

Kemajuan dalam teknologi maklumat, telekomunikasi dan pengangkutan telah membuka lebih luas peluang kepada agensi-agensi pengangkutan darat, udara dan laut untuk memasarkan produk pelancongan dan juga agensi-agensi pengangkutan darat, udara dan laut untuk memasarkan produk pelancongan masing-masing kepada pelancong secara terus dan cepat. Semua perkhidmatan yang berkaitan dengan perjalanan pelancong termasuklah tempahan tempat penginapan, tiket perjalanan, pembayaran dan semua bentuk pengaliran maklumat boleh dijalankan secara perhubungan elektronik tanpa kekangan jarak dan hubungan inter-personal. Semua ini memberi dimensi yang baru ke atas industri pelancongan. Wujudnya 'paperless travel agencies' semakin menjadi kenyataan dan mengugat struktur sedia ada di mana sempadan negeri atau wilayah bukan lagi menjadi faktor penturut utama dalam pembangunan sektor pelancongan.

Sehubungan dengan itu, konsep wilayah perlu diteliti semula kerana kemajuan teknologi yang disebut tadi telah memberikan pengertian baru terhadap sempadan wilayah dan konsep jarak. Lantaran itu globalisasi telah menjadikan dunia ini semakin kecil, kemajuan teknologi maklumat, telekomunikasi dan pengangkutan telah menghapuskan kekangan jarak dan meningkatkan pengaliran dan pembauran maklumat di kalangan pengembawa dan pelancong lantas dimensi wilayah perlu diperluaskan. Ini bererti dalam sebarang pembangunan yang hendak dijalankan, ruang lingkup pertimbangan perlu mencakupi wilayah yang lebih luas dan perlu merentasi sempadan pentadbiran sedia ada. Ini juga mencadangkan bahawa pendekatan wilayah itu menjadi penting kepada pembangunan sektor pelancongan dalam menyesuaikan diri dalam tuntutan era globalisasi masa kini.

Sektor Pelancongan di Malaysia

Sektor pelancongan di Malaysia sedang mengalami perubahan. Ini dapat ditinjau daripada beberapa petunjuk seperti bilangan kedatangan pelancong asing dan tempatan, pendapatan yang diperolehi, bilangan guna tenaga yang terlibat dalam sektor pelancongan dan juga jumlah peruntukan kerajaan dalam pembangunan pelancongan. Jumlah kedatangan pelancong ke negara ini dari tahun 1970 hingga 2000 mengalami peningkatan yang ketara iaitu 0.5 juta (1970), 2.25 juta (1980), 7.4 juta (1990) dan 12.5 juta (2000). Kebanyakan pelancong ini adalah datangnya dari Singapura, Jepun, Australia, Amerika Syarikat dan lain-lain negara ASEAN RM 5, (1985), RM 6, (1990) dan RM 7, (1995). Ditinjau pula daripada peruntukan kerajaan, jumlah peruntukan juga menunjukkan peningkatan iaitu RM 20 juta (RM3), RM 148.5 juta (RM 4), RM 571.6 juta (RM 5), RM 746.3 juta (RM6) dan RM 696.9 juta (RM7). Ini menunjukkan kerajaan semakin serius terhadap pembangunan dalam sektor pelancongan. Peruntukan ini bertujuan menyokong pertumbuhan industri pelancongan bagi menambahkan infrastruktur fizikal dan sosial. Ditinjau pula dari segi jumlah pendapatan kasar yang diperolehi dari industri pelancongan bahawa kedatangan pelancong asing ke negara ini telah membawa kepada tukaran asing. Pendapatan kasar yang diperolehi adalah RM 713.4 juta (1980), RM 1,730.6 juta (1985), RM 4,500 juta (1990) RM 9,200 juta (1995) dan RM 15,700 juta (2000).

Industri pelancongan juga merupakan penjana kepada peluang pekerjaan. Sesetengah negara misalnya Caribbean, sebanyak 25 peratus pekerjaan adalah berkaitan dengan pelancongan. Peluang-peluang pekerjaan yang dicipta termasuklah agensi pelancongan, operator

perjalanan, dan pengantara yang menyediakan perkhidmatan di negara penghasilan pelancong dan negara destinasi pelancong. Bidang perhotelan contohnya bilangan pekerjaan yang dijanakan adalah 5,200 orang pada 1970 meningkat kepada 14,800 pada tahun 1980, 39,960 pada tahun 1990 dan 95,687 pada tahun 2000. Selaras dengan perkembangan tersebut pada tahun 2000, bilangan hotel yang terdapat di negara ini adalah berjumlah 1,340 dengan menawarkan 138,943 bilik.

Sektor Pelancongan di Kedah

Sektor pelancongan adalah merupakan sektor ketiga utama dalam strategi pembangunan negeri Kedah. Jadual 4, menunjukkan bahawa negeri Kedah mempunyai banyak destinasi pelancongan yang berpotensi berdasarkan pelancongan pulau, pantai, tasik, gunung, air terjun, taman hidupan liar, hutan simpan, taman rekreasi dan gua. Pulau Langkawi adalah merupakan kawasan yang baru dibangunkan sebagai pelabuhan bebas cukai. Pertunjukkan udara dan maritim 'LIMA' dan perlumbaan basikal jelajah Langkawi telah dijadikan acara tetap bagi menarik pelancong tempatan dan asing ke Kedah. Negeri Kedah mempunyai kemudahan prasarana dan perkhidmatan sokongan pelancong yang baik seperti mempunyai dua pintu masuk antarabangsa yang strategik melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi dan Pekan Sempadan Bukit Kayu Hitam yang menghubungkan Wilayah Selatan Thailand dengan Malaysia melalui Lebuh Raya Utara-Selatan. Dari segi produk pelancongan pula, banyak yang boleh diketengahkan dan antaranya ialah ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan berunsurkan sukan, pelancongan budaya dan warisan, pelancongan berteraskan membeli-belah, rekreasi, pendidikan, persidangan dan kesihatan. Namun semuanya ini masih belum diterokai sepenuhnya.

Jika dibuat perbandingan di kalangan negeri di wilayah Utara, walaupun Kedah mempunyai banyak produk pelancongan namun ia agak ketinggalan dari negeri Pulau Pinang yang sangat terkenal di kalangan pelancong asing dan juga tempatan baik dari segi jumlah kedatangan pelancong, tukaran asing, jumlah pekerjaan yang dijana, kadar penginapan hotel dan lain-lain. Pulau Pinang mendahului negeri-negeri lain di wilayah Utara.

Isu dan Cabaran Sektor Pelancongan di Kedah

Terdapat beberapa isu utama yang boleh diketengahkan dan perlu diberi perhatian teliti dalam usaha membangunkan industri pelancongan di wilayah utara khususnya di Kedah;

1. Kerjasama yang terhad di kalangan negeri-negeri yang bersempadan iaitu Pulau Pinang, Perlis dan Perak dalam usaha mempromosikan dan memasarkan produk pelancongan sedangkan jarak di antara negeri-negeri tersebut adalah dekat. Ramai pelancong asing yang tiba melalui pintu masuk Bayan Lepas, Pulau Pinang menumpukan aktiviti pelancongan yang menarik terdapat di negeri-negeri berhampiran.
2. Pelancong yang tiba dari wilayah selatan tanah air dan wilayah selatan Thailand menggunakan Lebuh Raya Utara-Selatan untuk ke Wilayah Selatan Thailand atau ke Kuala Lumpur kurang memberi kesan kepada industri pelancongan negeri

Kedah. Perjalanan yang begitu selesa tidak memerlukan mereka untuk singgah melancong di Kedah atau kekurangan maklumat atau tiada produk pelancongan yang menarik bagi mereka.

3. Bilangan kedatangan pelancong asing ke negeri Kedah adalah rendah jika dibandingkan dengan yang tiba di negeri Pulau Pinang kerana kekurangan promosi, pemasaran dan perkhidmatan sokongan.
4. Kekurangan produk pelancongan yang menarik dan bertaraf antarabangsa. Pertunjukan Udara dan Maritim 'LIMA' dan Perlumba Basikal Antarabangsa Jelajah Langkawi adalah merupakan usaha terbaik setakat ini untuk menarik kedatangan pelancong asing seterusnya mempromosikan dan memasarkan produk pelancongan negara ini.
5. Tahap pengurusan yang masih rendah bagi memenuhi permintaan pelancong asing. Negeri Kedah mempunyai khazanah alam yang amat cantik dan mampu dijadikan sebagai tarikan pelancong tetapi masih kurang prihatin dalam menjaga dan memperindah tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong ini.
6. Keghairahan membuka pusat-pusat pelancongan baru sehingga kebanyakannya tidak mencapai tahap yang dikehendaki kerana kurang tumpuan dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan atau mencapai standard antarabangsa.

Cabarannya utama yang dihadapi oleh negeri Kedah dalam usaha membangunkan sektor pelancongan ini ialah untuk menghadapi persaingan di kalangan negeri sekeliling dan juga persaingan di peringkat global untuk mempromosikan dan memasarkan produk pelancong untuk menarik pelancong dating ke negeri ini. Selain daripada itu ialah bagaimana untuk mengintegrasikan usaha pembangunan industri pelancongan secara lebih inovatif kerana industri ini melibatkan banyak sektor dan agensi kerajaan dan swasta.

Usaha Ke Arah Memantapkan Industri Pelancongan di Kedah

Antara usaha yang boleh dijalankan untuk memantapkan sektor pelancongan di Negeri Kedah ialah;

1. **Meningkatkan promosi dan usaha pemasaran wilayah:** usaha perlu dijalankan untuk memberi penekanan kepada pembangunan dan promosi produk bagi memenuhi permintaan dan minat pelancong asing dan tempatan. Sensitiviti kepada keperluan pasaran dan bijak menyediakan produk pelancongan yang menarik di peringkat antarabangsa. Langkah ini perlu diusahakan melalui pintu masuk negara luar. Adalah merupakan satu usaha yang baik dijalankan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang telah menambah bilangan Pejabat Pusat Pelancongan di luar negara sebanyak 12 buah lagi dan menjadikannya 30 buah semuanya untuk mempromosikan dan memasarkan produk pelancongan negara ini dengan memberi tumpuan secara berperingkat menarik pelancong dari wilayah sasaran iaitu, (a) Jepun, Cina, Hong

- Kong dan India, (b) Asia Barat, United Kingdom, Jerman, Australia dan Amerika Syarikat, dan (c) Asia Selatan, Perancis, Rusia, Amerika Latin dan Negara Eropah lain.
2. Menambah produk pelancongan yang menarik dan berkualiti. Usaha ke arah ini perlu akibat dari cabaran globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini yang membentuk susunan ekonomi global yang baru mementingkan daya saing tinggi untuk merebut pasaran yang terbuka luas. Satu keperluan mendesak ialah menerapkan kemajuan teknologi ke dalam sektor pelancongan.
 3. Memberikan keutamaaan kepada kaedah bersepudu dalam pembangunan promosi dan pemasaran pelancongan. Aktiviti perkongsian pintar di dalam sektor pelancongan adalah merupakan alternatif berpotensi di negeri ini berteraskan kesalinglengkapan dan faedah berbanding yang dimiliki sekiranya koridor-koridor pelancongan diwujudkan di negara ini. Pengkhususan wilayah dan tumpuan kerjasama akan dapat diwujudkan seperti, (a) Koridor Pelancongan Pantai Timur yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, (b) Koridor Pelancongan Selatan yang melibatkan negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Singapura, (c) Koridor Pelancongan Bandar melibatkan Selangor, Perak, Kuala Lumpur, Pahang dan Melaka dan (d) Koridor Pelancongan Utara yang melibatkan negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Wilayah Selatan Thailand (rujuk rajah 1). Dalam konteks ini setiap negeri harus sedar bahawa persaingan di kalangan mereka tidak menguntungkan dalam jangka masa panjang dan perlu memberikan tekanan kepada pembangunan sektor pelancongan yang mempunyai kelebihan dan faedah berbanding masing-masing.
 4. Menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam produk pelancongan utama. Usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan memperkenalkan produk pelancongan destinasi membeli belah adalah satu contoh yang baik dengan mengadakan karnival beli-belah secara bersepudu dapat menjadikan Malaysia destinasi membeli-belah antarabangsa kepada pelancong asing. Berkonseptkan satu kali jualan besar-besaran di seluruh negara secara bersepudu seperti yang terdapat di luar negara seperti UK Summer Sales, Winter Sales serta New Year Sales. Pihak kerajaan memberi insentif tambahan melalui pelepasan duti import terhadap beberapa barang atau produk pelancongan yang pada asasnya adalah mahal. Syarikat perdagangan, pelancongan dan hotel pula diminta mengadakan diskain semasa karnival ini dilangsungkan.
 5. Menggalakkan kerjasama pelancongan wilayah di kalangan negeri dan pada peringkat rentas sempadan antarabangsa khususnya di wilayah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Salah satu tumpuan kerjasama yang ditekankan dalam kerjasama IMT-GT adalah pelancongan. Wilayah Utara Sumatera dan Selatan Thailand adalah wilayah yang mempunyai produk pelancongan yang hebat. Di sini, Wilayah Utara Semenanjung khususnya Kedah perlu mencari peluang untuk mencelih bagi menikmati permintaan dalam sektor pelancongan di wilayah segitiga pertumbuhan ini.

6. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pelancongan. Industri pelancongan adalah merupakan sektor perkhidmatan yang semakin penting dalam pembangunan negara. Ia mempunyai jaringan yang sangat kompleks dengan sektor lain diperingkat dalam dan luar negara.

Kesimpulan

Memandangkan industri pelancongan ini dapat membantu perkembangan sektor ekonomi dan perniagaan yang lain di samping dapat menambahkan peluang pekerjaan serta pendapatan penduduk setempat. Usaha-usaha menggalakkan pelancongan perlu dipertingkatkan. Manakala promosi di luar negara juga perlu dipergiatkan bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke negara ini. Ia boleh dilakukan dengan membuka dan memajukan lebih banyak kawasan serta destinasi pelancongan. Warisan sejarah dan budaya juga boleh dijadikan tarikan kepada pelancong sekiranya prasarana, keperluan dan kemudahan pelancong disediakan dengan sebaik yang mungkin.

Jadual 1
Sumbangan Pendapatan Tukaran Asing Negara Mengikut Sektor Tahun 1996-1998

| Sektor | 1996 (RM Billion) | 1997 (RM Billion) | 1998 (RM Billion) |
|--------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| Perkilangan | 156.10 (1) | 196.06 (1) | 229.1 (1) |
| Pelancongan | 11.30 (2) | 10.51 (3) | 9.3 (3) |
| Kelapa Sawit | 8.05 (3) | 10.85 (2) | 16.5 (2) |
| Petroleum | 7.0 (4) | 7.0 (4) | 7.3 (4) |
| Balak | 5.25 (5) | 2.45 (6) | 4.3 (5) |
| Getah | 3.85 (6) | 2.60 (5) | 3.1 (6) |

Sumber : Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan.

Nota : Dalam Kurungan Adalah Ranking.

Jadual 2
Peruntukan Bagi Sektor Pelancongan 1991-2000 (RM juta)

| Aktiviti | RM6 | | Peruntukan RM7 |
|---|--------------|--------------|-------------------|
| | Peruntukan | Perbelanjaan | |
| Pemuliharaan tempat warisan/budaya | 41.1 | 24.8 | 45.5 |
| Tempat Kediaman | 169.8 | 161.7 | 64.3 |
| Penyelenggaraan/pemulihran alam sekitar | 51.9 | 46.7 | 65.1 |
| Pembangunan budaya | 120.6 | 67.6 | 65.1 |
| Infrastuktur dan kemudahan lain | 331.0 | 231.8 | 280.0 |
| Lain-lain aktiviti | 31.9 | 26.4 | 60.8 |
| JUMLAH | 746.3 | 559.0 | 696.6 |

Sumber: Rancangan Malaysia Ke Tujuh, m.s 529.

Jadual 3
Petunjuk Sektor Pelancongan Terpilih 1990, 1995 dan 2000

| Petunjuk | 1990 | 1995 | 2000 |
|-----------------------------|------|------|------|
| Jumlah ketibaan pelancong | 7.4 | 7.5 | 12.5 |
| Berdasarkan Negara Asal (%) | | | |
| ASEAN | 73.8 | 72.9 | 66.6 |
| Singapura | 64.0 | 60.5 | 54.3 |

sambungan Jadual 3

| | | | |
|---|-------|-------|--------|
| Thailand | 64.0 | 60.5 | 54.3 |
| Indonesia | 1.6 | 3.0 | 3.8 |
| Filipina | 0.7 | 0.6 | 0.5 |
| Brunei | 0.2 | 1.6 | 1.3 |
| Negara-negara lain | | | |
| Jepun | 6.8 | 5.8 | 8.4 |
| Australia | 2.0 | 2.0 | 2.0 |
| Britain | 2.6 | 2.3 | 2.0 |
| Amerika Syarikat | 2.0 | 1.3 | 1.2 |
| Lain-lain | 12.8 | 15.7 | 19.6 |
| Jumlah Pendapatan Tahunan (RM juta) | 45000 | 9200 | 157000 |
| Purata Tempoh Tinggal (malam) | 4.5 | 4.8 | 4.8 |
| Bilangan Hotel | 989 | 1253 | 1340 |
| Bilangan Bilik | 45032 | 94744 | 138943 |
| Jumlah Pekerjaan | 39961 | 68941 | 95687 |
| Purata Jumlah Pekerja Bagi Setiap Hotel (%) | 72.9 | 68.2 | 72.5 |

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh, m.s.529.

Jadual 4
Destinasi Pelancongan Utama di Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak

| DESTINASI | NEGERI | | | |
|------------|---|---|--|--|
| | PULAU PINANG | KEDAH | PERLIS | PERAK |
| Pulau | Pulau Jerjak Pulau Rimau Pulau Tikur | Pulau Langkawi Pulau Dayang Bunting Pulau Beras Basah Pulau Singa Besar Pulau Rebak Pulau Tuba | | Pulau Pangkor Pulau Pangkor Laut Kumpulan Pulau Sembilan |
| Pantai | Telok Bahang Batu Ferringgi | Pantai Merdeka Pantai Murni Pantai Cenang Pantai Dato' Syed Nahar Pantai Kok Pantai Tengkorak | | Telok Batik PasirBgak Pantai Puteri Dewi Telok Belangga Telok Nipah |
| Tasek | | Tasek Pede Tasek Muda Tasek Ahning | Tasek Melati Timah Tasoh Tasik Meranti | Tasek Banding Taiping Lake Gardens Tasek Temengor |
| Gunung | | Gunung Jerai Peranginan Sik Lata Mengkuang | Gunung Medan Guuung Perlis | Gunung Korbu |
| Bukit | Penang Hill | | Bukit Keteri Bukit Lagi Bukit Jernih | Bukit Larut Bukit Pangkor Bukit Kura-Kura |
| Air Terjun | Permatang Pauh Batu Ferringgi Titi Krawang Bayan Lepas | Lata Asam Jawa Lata Bukit Hijau Puncak Janing Pedu Muda Sg. Charok Wang Sungai Perigi Batu Hampar Junjung Bukit Perak | Genting Kabu | Lata Iskandar Ulu Kinta Kuala Won Batu Hampar Air Hitam Batang Padang Lata Kinjang Lata Rawang Belah Belum Austin Falls |

sambungan Jadual 4

| | | | | |
|--------------------|---|--|---|--|
| Taman Hidupan Liar | Taman Rama-rama Telok Bahang | | | Sungai Deer Farm Zoo Taiping Kuala Gula |
| Taman laut | | Pulau Payar Pulau Segantang Pulau Kaca Pulau Lembu | | |
| Hutan Lipur | Bukit Mertajam Pantai Keracut Sungai Tukun Telok Bahang Puncak Janing Taman Peranginan Sungai Teroi | Telaga Tujuh Sungai Rambai Sungai Kunyit Sungai Badak Sri Perigi Bukit Hijau Lata Mengkuang Lata Bayu Batu Hampar Lubuk Semilang Bukit Wang Pahau | Bukit Kubu | Kuala Sepetang Kaki Bukit Larut Kuala Who Papan Pulau Pangkor Lata Iskandar Lata Kekabu Ulu Kenas Ulu Kinta |
| Hutan Simpan | Bukit Kerajaan Pantai Aceh Penara Bukit Telok Bahang | Dayang Bunting Gua Cerita Gunung Jerai Kisap Sintok Ulu Muda Pulau Singa Besar Pulau Tuba | Rimba Mas Mata Air Bukit Bintang Tebing Sungai | Bintang Hijau Bukit Larut Keledang Salong Kenderong Korbu Matang Pangkor Pulau Gula Tanjung Burung Pulau Selinsing |
| Taman Rekreasi | | Bukit Wang Junjong Taman Rekreasi Gunung Kriang | Batu Pahat Gua Kelam | Pasir Salak |
| Gua | | | Gua Kelam Gua Katak Gua Wang Burma | Gua Tempurung Gua Candu |

Jadual 5
Ketibaan Pelancong Ke Malaysia Berdasarkan Analisis Pasaran 1999

| Negara Asal | 1999 | 1998 | Peratus Pembezaan |
|-------------|-----------|----------|-------------------|
| Singapura | 4,900,084 | 3,007,66 | 62.9 |
| Thailand | 498,578 | 454,789 | 9.6 |
| Indonesia | 307,373 | 157,391 | 95.3 |
| Jepun | 286,940 | 252,178 | 13.8 |
| China | 190,851 | 159,852 | 19.4 |
| Brunei | 187,704 | 183,146 | 2.5 |
| Taiwan | 136,863 | 159,747 | 14.3 |
| Britain | 136,398 | 160,678 | -15.1 |
| Australia | 134,311 | 145,162 | -7.5 |
| USA | 83,260 | 83,089 | 0.2 |
| India | 46,537 | 33,751 | 37.9 |
| Asia Barat | 21,731 | 23,854 | -8.9 |
| Jerman | 43,316 | 50,583 | -14.1 |
| Hong Kong | 66,981 | 90,148 | 25.7 |
| Lain-lain | 890,222 | 588,714 | 51.2 |
| Jumlah | 7,931,149 | 550,748 | 42.9 |

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia.

Jadual 6
Peranan Agensi-agensi Dalam Program dan Aktiviti Pelancongan

| | |
|---|---|
| | |
| Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia | Promosi dan pemasaran |
| Kementerian Penerangan | Kesedaran awam |
| Kementerian Dalam Negeri | Visa, pasport dan keselamatan |
| Kementerian Pengangkutan | Pengangkutan darat, air dan udara |
| Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar | Pelancongan berasaskan alam semula jadi |
| Kementerian Pertanian | Pelancongan berasaskan pertanian |

sambungan Jadual 6

| | |
|---|--|
| Kementerian Pendidikan | Pelancongan berasaskan pendidikan |
| Kementerian Belia dan Sukan | Pelancongan berasaskan belia dan sukan |
| Jabatan Pendana Menteri | Pelancongan berasaskan agama |
| Kementerian Kesihatan | Pelancongan berasaskan kesihatan dan perubatan |
| Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Pembangunan produk pelancongan di kawasan PBT |
| Kementerian Kerja Raya | Pembangunan kemudahan dan infrastruktur |
| Unit Perancangan Ekonomi Malaysia | Pembangunan pelancongan di peringkat negeri |
| Persatuan Hotel Malaysia (MAH) | Pembangunan penginapan hotel |
| Persatuan Agensi Pengembangan Malaysia (MATA) | Pembangunan syarikat-syarikat pelancongan |

Sumber: *Rancangan Malaysia Ke Tujuh, m.s. 506.*

Bibliografi

- Allen, J., Massey, D., Cochrane, A. (1998). *Rethinking the Region*. Routledge: London.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa, (1998). *Draf Plan Spatial Negara, Interim*, Kuala Lumpur.
- Kerajaan Negeri Kedah (1990). *Kedah Development Action Plan 1991-2000 (Executive Summary)*.
- Malaysia, (1985). *Rancangan Malaysia Kelima*, Kuala Lumpur.
- Malaysia, (1990). *Rancangan Malaysia Keenam*, Kuala Lumpur.
- Malaysia, (1995). *Rancangan Malaysia Ketujuh*, Kuala Lumpur.
- Medlik, S. (eds.) (1991). *Managing Tourism*. Bitterworth Heineman: London.
- Weaver, B., & Hall, C.M. (ed.) (1992). *Special Interest Tourism*. Belhaven Press: London.

SUNGAI SEBAGAI ALTERNATIF PELANCONGAN DI NEGERI KEDAH

Dani Salleh

Pengenalan

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan menyumbangkan 11.6% kepada KNDK dunia. Ia menyediakan hampir 10.7% tenaga kerja dunia. Dijangkakan peningkatan sebanyak 13.9% (iaitu 92.9 juta) menjelang tahun 2000 bagi rantau Asia-Pasifik dan 195.2 juta pada 2010 (WTO, *World Tourism Organisation*). Sektor pelancongan di kebanyakan negara telah menjadi sektor alternatif penting selepas perniagaan dan perdagangan kerana ia juga menjadi penggerak kebanyakan sektor hiliran. Pelbagai insentif dan strategi telah digubal untuk membangunkan sektor ini melalui pengenapstian bentuk-bentuk produk yang berpotensi untuk dipelbagaikan sebagai produk pelancongan.

Di Malaysia, tumpuan aktiviti pelancongan di negeri-negeri tertentu diketengahkan oleh beberapa produk utama yang menjadi daya tarikan, seperti;

- i. Produk berasaskan sumber alam semulajadi
- ii. Produk berasaskan kebudayaan dan adat setempat
- iii. Produk berasaskan kegiatan membeli-belah (produk-produk tempatan)
- iv. Produk berasaskan bahan atau tempat bersejarah
- v. Produk berasaskan kegiatan yang berkaitan pantai dan sungai.

Jadual 1.0
Destinasi dan Tumpuan Produk Aktiviti Pelancongan

| Alam Semulajadi | Kebudayaan Makanan | Beli-belah | Sejarah | Pantai |
|---|-------------------------|-----------------------------|---------|---------------------------------------|
| Taman Negara Lembah Danum Gunung Kota Kinabalu Tasik Bera Tasik Kenyir | Sarawak Pulau Pinang | Kuala Lumpur Johor Bahru | Melaka | Pulau Langkawi Pulau Pangkor |

Sungai dan Pelancongan

Salah satu strategi Rancangan Struktur Kota Setar adalah bertujuan mempertingkatkan ruang lapang dan aktiviti rekreasi kawasan dengan mencadangkan kawasan persisiran Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit/Sungai Pinang sebagai kawasan yang akan dimajukan sebagai destinasi pelancongan utama. Kawasan ini mempunyai potensi yang unik di mana gabungan fungsi kawasan kajian sebagai tempat rekreasi dan pelancongan dijangka mampu menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat negeri ini khususnya di kawasan pinggiran sungai yang akan dimajukan.

Pelbagai pihak telah berusaha untuk meningkatkan peranan sungai di dalam pembangunan agar tidak terus dieksplorasi secara keterlaluan sehingga mengakibatkan kerosakan persekitaran dan pencemaran. Ianya juga merupakan kawasan yang terakhir bagi penghuni-penghuni di dalam sebuah kota atau bandar menikmati ketenangan dan keindahan pemandangan serta menjalankan kegiatan rekreasi dan sosial yang sihat. Sungai adalah ekosistem yang perlu diberi keutamaan untuk dilindungi dan dipelihara.

Sungai berfungsi untuk mengalirkan air dari kawasan tadahan ke lautan. Sungai dan persekitarannya penting dalam kehidupan manusia dari segi sosial dan ekonomi. Memandangkan sungai berperanan sebagai salah satu mod pengangkutan, maka ia juga menghasilkan banyak penempatan masyarakat tertumpu di sepanjang tebing sungai. Di kawasan lembah yang pesat dengan pembangunan infrastruktur, berhampiran sungai adalah kawasan lapang yang 'terakhir' masih dapat dinikmati oleh warga kota. Selaras dengan Dasar Pelancongan Kebangsaan, kerajaan negeri telah bercadang untuk mempelbagaikan produk tarikan pelancongan dan beberapa sungai utama yang berpotensi untuk tarikan pelancong telah dikenal pasti seperti Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit dan Sungai Pinang yang dibangunkan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Daerah Kota Setar. Adalah diharapkan usaha dapat dilakukan untuk memajukan sumber-sumber pengairan yang terdapat di negeri ini sebagai salah satu alternatif produk pelancongan negeri.

Perubahan Fungsi Sungai

Secara umumnya, sungai berfungsi sebagai alat mengawal banjir dan sistem saliran, berfungsi sebagai sumber kegunaan domestik/minuman dan juga sebagai sumber rekreasi. Berdasarkan kepada perkembangan pesat fungsi sosial dan aktiviti ekonomi, maka fungsi sungai juga turut mengalami perubahan dan ia juga bergerak ke arah pengembangan sektor pelancongan yang berasaskan air. Jadual 2.0 menunjukkan perubahan fungsi alam sekitar sungai.

Sektor Pelancongan di Negeri Kedah

Bilangan pelancong yang memasuki Semenanjung Malaysia melalui Bukit Kayu Hitam adalah seramai 250,347 orang (1990), 277,885 orang (1991) dan 205,525 orang pada tahun 1992 dan angka ini menunjukkan penurunan jumlah pelancong yang datang ke Semenanjung Malaysia melalui Bukit Kayu Hitam. Namun begitu, perangkaan terkini yang telah dikeluarkan oleh Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (UPEN) mendapati jumlah pelancong yang berada di Negeri Kedah sehingga Jun 1999 adalah seramai 687,897

Jadual 2.0
Perubahan Fungsi Alam Sekitar Sungai

| | Dahulu → Sekarang |
|--------------------------------|--|
| Keadaan Sosial | Rendah —— (Aktiviti Ekonomi) → Tinggi Rendah —— (Urbanisasi) → Tinggi |
| Keadaan Sungai | Bersih —— (Kualiti Air Sungai) → Kotor Baik (Kawasan Lapang) → Kurang |
| Pengurusan Alam Sekitar Sungai | Rendah —— (Keperluan Sosial Terhadap Sungai) → Tinggi |
| Keadaan Sosial | Rendah —— (Keperluan Kepada Pengurusan Sungai Yang Lebih Efisien) → Tinggi |

orang. Daripada jumlah tersebut, sebilangan besar pelancong iaitu seramai 471,398 orang melawat Pulau Langkawi dan selebihnya iaitu seramai 216,499 orang melancong di beberapa destinasi sekitar Alor Setar.

Peratus bilangan yang menginap di Alor Setar hanyalah sekitar 1.9% dari keseluruhan pelancong yang menginap di hotel-hotel seluruh Malaysia. Dari jumlah ini 0.2% adalah pelancong luar negeri sementara 3.2% merupakan pelancong domestik. Walaupun perangkaan terkini menunjukkan peningkatan jumlah pelancong yang menginap di Alor Setar iaitu daripada 41.1% pada tahun 1998 kepada 42.1% sehingga Jun 1999, tetapi begitu perangkaan kunjungan ini menunjukkan jumlah pelancong luar negeri yang tinggal di Alor Setar adalah sedikit.


Kajian Rancangan Tempatan Alor Setar menunjukkan majoriti pelancong yang datang ke Alor Setar merupakan *transit tourists* yang dalam perjalanan ke destinasi-destinasi pelancongan lain yang berdekatan dengan Alor Setar seperti Pulau Langkawi dan negara Thailand. Tumpuan utama kedatangan mereka adalah untuk melihat bangunan-bangunan bersejarah di sekitar Alor Setar.

Pelancongan

Rancangan Struktur Kota Setar bagi sektor pelancongan dan alam sekitar telah menggariskan kawasan pusat bandar Alor Setar dan persisiran sungai-sungai berdekatan untuk pembangunan projek-projek rekreasi yang berupaya merangsang pembangunan dan pelbagai produk pelancongan. Kawasan persisiran Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit memainkan peranan penting untuk mencapai tujuan tersebut. Di samping kawasan pusat sivik, kawasan rekreasi persisiran Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit merupakan salah satu kawasan rekreasi pasif yang utama di Alor Setar di mana pelbagai perayaan tahunan disambut di persisiran

Sungai Kedah. Ini menunjukkan bahawa persisiran Sungai Kedah berpotensi untuk dimajukan sebagai taman awam, kawasan rekreasi dan pelancongan ia menjadi daya penggerak kepada pembangunan sosioekonomi tempatan.

Rajah 1.0
Fungsi Sungai dan Pelancongan



Potensi Kawasan Kajian Untuk Pembangunan

Memandangkan kawasan kajian terletak di tengah-tengah Negeri Kedah, kepesatan pembangunan akan menambahkan lagi kawasan hijau dan ruang rekreasi dalam bandar. Dalam kategori/hierarki kemudahan rekreasi, kawasan persisiran Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit boleh dikelaskan sebagai 'Taman Bandar' dengan keluasan lebih kurang 19.3 hektar termasuk permukaan Sungai Kedah. Kawasan kajian boleh memenuhi sebahagian keperluan ruang rekreasi 'Taman Bandar' yang menentukan sebanyak 123.4 hektar bagi kegunaan penduduk menjelang 2005.

Sumber Tarikan Pelancongan Semasa

Pada masa kini terdapat beberapa lokasi yang menjadi sumber tarikan pelancong di sekitar kawasan Alor Setar dan kawasan sungai-sungai utama antaranya:

- | | |
|------------------------------------|---------------------|
| - Menara Jam Besar | - Gunung Keriang |
| - Balai Nobat | - Taman Peringatan |
| - Rumah Kelahiran Perdana Menteri | - Jubli Perak |
| - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad | - Mahkamah Tinggi |
| - Masjid Zahir | - Balai Besar |
| - Muzium Diraja | - Balai Seni Negeri |
| - Kelab Golf Diraja | - Pekan Rabu |
| - Kawasan Persisiran Sungai Kedah | - Pusat Kraf Tangan |
| - Rumah-Rumah Kedah Tradisional | - Wat Siam |

Kemudahan Penginapan Pelancongan

Kemudahan penginapan di Alor Setar adalah terdiri daripada hotel dan rumah tumpangan. Terdapat 10 buah hotel dengan jumlah bilik sebanyak 618 dan 16 buah rumah tumpangan dengan penawaran bilik sebanyak 75 unit. Sumber daripada Malaysia Accommodation Directory 1998/99 menunjukkan bahawa hanya terdapat 2 buah hotel bertaraf 3 bintang dan 2 buah hotel bertaraf 2 bintang di sekitar Alor Setar. Manakala selebihnya tidak berada di bawah kategori yang mendapat pengiktirafan bintang. Kajian Rancangan Tempatan Alor Setar menunjukkan kadar purata penginapan hotel-hotel semakin menurun iaitu daripada 67.1% pada tahun 1990 kepada 64.7% pada 1991 dan 58.8% pada 1992. Berdasarkan kepada ekonomi negara yang hampir pulih, adalah dijangkakan bahawa keperluan penginapan yang bertaraf antarabangsa perlu dipertingkatkan di mana pada masa ini belum terdapat hotel yang bertaraf lima bintang di sekitar bandar Alor Setar.

Konsep Pembangunan Pelancongan

Dalam perancangan pembentukan kerangka konsep pembangunan kawasan kajian yang berasaskan sumber air, terdapat beberapa faktor utama yang difikirkan perlu diketengahkan. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira ialah seperti berikut:-

- i. **Aktiviti Tarikan** – Ia merupakan asas penting bagi menarik kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Alam semulajadi, kebudayaan, dan aktiviti unik yang berkaitan dengan kawasan tersebut mampu menarik minat pelancong.
- ii. **Penawaran Kemudahan Penginapan** – Penyediaan pelbagai taraf kemudahan penginapan, mampu menarik lebih banyak segmen produk pelancong terutamanya pelancong tempatan. Hotel dan kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan pelancong mampu menarik pelancong untuk tinggal lebih lama.

- iii. Kemudahan Pengangkutan* : Pertimbangan faktor perlatakan lokasi projek berdasarkan pelancongan perlu mengambil kira faktor kebolehsampaian oleh pelancong atau pengunjung seperti kemudahan pengangkutan sama ada pengangkutan darat, air dan udara.
- iv. Perkhidmatan dan Kemudahan Pelancongan Lain* - Perkhidmatan dan kemudahan pelancongan lain merupakan keperluan di dalam pembangunan pelancongan. Ini termasuklah operasi perjalanan dan pelancongan, restoran, kraftangan, cenderamata, bank, pengurup wang, perkhidmatan dan kemudahan kewangan yang lain, pusat maklumat pelancong, kemudahan dan perkhidmatan perubatan, kemudahan awam, perkhidmatan perlindungan polis dan kemudahan imigrasi bagi pelancong antarabangsa.
- v. Lain-lain Kemudahan Infrastruktur* - Sokongan kepada mod pengangkutan dan infrastruktur lain juga diperlukan. Antaranya ialah bekalan air, tenaga elektrik, telekomunikasi seperti telefon, telegraf, telefax dan radio. Sistem yang sedia ada mampu untuk menyediakan kemudahan ini ke tempat-tempat tarikan pelancong yang di cadangkan.
- vi. Elemen Institusi* - Elemen institusi memainkan peranan yang penting dalam membangun dan menguruskan sektor pelancongan. Ini termasuklah perancangan keperluan manusia, pendidikan, program latihan, strategi pemasaran dan program promosi, struktur berorganisasi sektor awam dan swasta, polisi pelaburan, ekonomi, persekitaran dan program sosial-kebudayaan.


Cadangan Konsep Pembangunan Pelancongan Sungai-Sungai Utama di Kedah

Pembentukan konsep pembangunan Pelan Induk ini adalah berdasarkan kepada kehendak-kehendak kerangka pembangunan yang berdasarkan kepada strategi-strategi pembangunan seperti berikut:-

- i. Strategi Pembangunan Nasional
- ii. Strategi Pembangunan Negeri
- iii. Strategi Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan pihak berkuasa tempatan (Majlis Perbandaran Kota Setar, MPKS).

Di samping itu, pembentukan konsep pembangunan pelancongan berdasarkan sungai perlu mengintergrasikan faktor alam sekitar dan semulajadi. Penekanan ini perlu dibuat kerana dengan melihat pengalaman pendekatan dan penilaian projek-projek pembangunan lepas, elemen semulajadi khususnya kurang diberi penekanan. Sungai kebanyakannya dijadikan kawasan pembuangan bahan sisa industri domestik. Mengimbang pengalaman-pengalaman ini, masyarakat perlu diberi tanggapan baru persepsi mereka tentang kepentingan sungai di dalam ekosistem manusia.

Klasifikasi Komponen Perancangan Pelancongan



Sumber : Edward Inkeep. (1991). *Tourism Planning : Integrated Approach, And Sustainable Development.*

Sesuai dengan pendekatan ini, adalah dicadangkan beberapa aspek perlu diberi penekanan oleh pihak-pihak berkuasa tertentu dalam menggubal pelan induk pembangunan sungai-sungai di negeri ini antaranya:-

i. Penghayatan Alam Semulajadi

Sungai-sungai mempunyai banyak sumber alam semulajadi dan hidupan di samping pelbagai spesis flora dan fauna yang boleh dikenalpasti sebagai sumber tarikan. Terdapat beberapa lokasi yang sesuai telah dikenalpasti sebagai lokasi untuk dikenalkan sebagai kawasan pengekalan tumbuhan semulajadi dan hidupan sungai. Keseluruhan kawasan akan dirancang supaya keunikan dan keadaan semulajadi dirasai oleh pelancong. Pengenalpastian terhadap sumber flora dan fauna akan diketengahkan kepada pengunjung sebagai satu aktiviti berpendidikan kepada pelancong semasa melawat kawasan tersebut.

ii. Aktiviti Riadah

Pembangunan kawasan aktiviti riadah akan mengambilkira keperluan pelancong yang berbeza. Oleh kerana minat pelancong adalah berbeza-beza, maka pelbagai aktiviti riadah telah dirancang bagi memastikan ianya memenuhi minat pelancong. Kawasan-kawasan khusus akan dikenalpasti di sepanjang tebing sungai dan kawasan yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan. Antara aktiviti yang boleh diketengahkan adalah aktiviti berjogging dan berbasikal di tebing sungai. Kawasan ini juga perlu dibangunkan untuk aktiviti pelancongan di mana kemudahan infrastruktur perlu dibangunkan untuk keselesaan dan keselamatan pelancong.

iii. **Aktiviti Air**

Penumpuan akan diberikan kepada kegiatan yang berunsurkan air. Cadangan pembangunan perlu mengambilkira segala aspek kemudahan asas dan tahap keselamatan. Aktiviti yang dicadangkan adalah seperti memancing, memerhati burung, menyusuri sungai dan berkayak.

iv. **Kemudahan Asas dan Infrastruktur**

Bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pelancong terjamin, maka kemudahan infrastruktur perlu dititikberatkan. Banyak kemudahan infrastruktur terutamanya kemudahan yang berkaitan dengan sungai telah dikenalpasti, antaranya ialah pembinaan lokasi kemudahan teksi air (*water taxi*) dan restoran terutamanya restoran terapung. Pembangunan perlu mengambilkira aspek-aspek estetik dan alam sekitar supaya tidak tercemar keaslian kawasan tersebut. Jalan masuk, pintu gerbang, tempat rehat dan label-label khas serta hiasan landskap tertentu didirikan dan disediakan bagi kemudahan dan keselesaan pengunjung. Program penjagaan diberi perhatian serius bagi mengekalkan keindahan dan keunikan kawasan ini.

v. **Sejarah Warisan/Kebudayaan**

Selain daripada aktiviti riadah dan aktiviti air, pelancong juga dapat melihat dan menghayati warisan tempatan dan kebudayaan. Cadangan pembangunan perlu mengambilkira keaslian peninggalan warisan dengan membaikpulih tinggalan sejarah di samping mengambil kira kebudayaan penduduk setempat.

vi. **Kemudahan Penginapan**

Kini terdapat beberapa buah hotel bertaraf dua dan tiga bintang masih beroperasi di sekitar bandar Alor Setar yang mana agak berdekatan dengan sungai-sungai utama. Pertambahan beberapa destinasi pelancongan di negeri ini terutamanya di sekitar Alor Setar, pertambahan bilangan bilik dan penawaran kemudahan hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang adalah diperlukan untuk menyediakan kemudahan persidangan bertaraf antarabangsa.

vii. **Penyelidikan**

Aktiviti penyelidikan di sektor pelancongan perlu dipergiatkan bagi untuk mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan di kalangan penduduk setempat.

Kesimpulan

Sektor pelancongan adalah merupakan sektor pinggiran di dalam kerangka tumpuan utama ekonomi yang hanya menyumbang kepada pendapatan negeri. Di sebabkan faktor ketidakcekkapan di dalam perancangan, sektor ini bukan sahaja tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, malah kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan kos-kelangsungan yang tinggi untuk memastikan sektor ini *terus hidup* di dalam komponen ekonomi negeri. Walau bagaimanapun dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tahap keperluan sosial, perancangan dengan melihat unjuran kemampuan kedudukan ekonomi negara, negeri dan setempat, tahap penerimaan politik setempat terhadap cadangan projek,

dan kesungguhan kerajaan meletakkan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor tumpuan di dalam agenda ekonomi. Dijangkakan sektor ini boleh menjadi salah satu sektor penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan dan potensi di dalam merencana sumber sungai dan elemen persekitarannya sebagai salah satu produk alternatif sektor pelancongan negeri seperti:-

Potensi Pembangunan : Terdapat beberapa peluang dan potensi pembangunan sektor pelancongan di negeri ini boleh dimajukan yang di antaranya adalah seperti berikut:

- i. Banyak kawasan adalah strategik dari segi lokasi di mana ia dapat menawarkan alternatif kawasan rekreasi di Negeri Kedah.
- ii. Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit yang melalui bahagian lama pusat bandar hingga ke Ampang Jajar berpotensi menyediakan kemudahan rangkaian kawasan lapang yang mudah sampai bagi pengunjung bandar dan penduduk sekitar.
- iii. Banyak aktiviti berdasarkan air dapat diadakan di kebanyakan sungai di negeri ini.
- iv. Kawasan-kawasan perkampungan di lokasi-lokasi berpotensi dimajukan atau dikenalpasti untuk jadikan perkampungan tradisional sebagai salah satu tarikan pelancong.
- v. Kedudukan Sungai Kedah yang terletak di pusat bandar memudahkan dari segi aksesibiliti, kemudahan awam, tempat letak kereta, kemudahan pejalan kaki, penginapan dan kemudahan membeli-belah.

Halangan Pembangunan: Di dalam membangunkan sektor pelancongan di negeri ini, terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh pihak berkuasa untuk merangka strategi perancangan pembangunan sektor pelancongan antaranya:-

- i. Terdapat juga kawasan berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan tarikan pelancongan menghadapi masalah setinggan dan ini memerlukan jangkamasa yang lama dan kos pengambilan tapak yang tinggi.
- ii. Hak milik persendirian yang tinggi menyebabkan kos pengambilan juga tinggi sekiranya pihak kerajaan ingin mengambil balik tanah-tanah tersebut untuk tujuan projek pembangunan yang dicadangkan.
- iii. Kebanyakan sumber rekreasi air di kebanyakan lokasi adalah tercemar dan menjelaskan penggunaan sungai sebagai elemen penting kegiatan rekreasi berdasarkan sumber semulajadi.

Bibliografi

- Dani Salleh (2000). Sungai dan Pelancongan: Keperluan Rekreasi Dalam Meningkatkan Aspek Kualiti Hidup Dalam Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Sungai. Kertas Kerja yang Dibentangkan di Seminar Sehari Isu-Isu Populasi di Malaysia Ke-3, Anjuran Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM.
- Hasni Mohd. Nasir (1999). Hotel Hits by Room Glut and Fewer Tourist Arrival. *Sunday Times*, 19 May.
- Robinson, A. (1994). Malaysia : Building on Success, *Euromony Books*.
- Tan, K.P. (1998). Down Trend for Tourism in Asia Pasific, *Sunday Star*.
Tourism Prospects 1996-2000.

SENI CATAN KEDAH DARUL AMAN

Mohd Makzan Musa

Pengenalan

NeGERI Kedah Darul Aman mempunyai sejarah perkembangan kesenian yang menarik. Perkembangan kegiatan kesenian seni tampak yang merangkumi bidang seni catan, seni arca dan seni tembikar telah berjalan dalam suatu jangka masa yang agak lama. Antara ketiga-tiga bidang seni tampak ini, kegiatan seni catan lebih menonjol berbanding dengan seni arca dan tembikar. Keadaan ini berlaku akibatnya dari kemunculan sekumpulan pelukis-pelukis yang giat berkarya dalam bidang seni catan.

Kajian-kajian dalam bidang seni catan telah dilakukan oleh Mahzan Musa dengan menuju perkembangan kegiatan seni catan di negeri Kedah pada tahun-tahun 1940-an iaitu era sebelum merdeka dan selepas lebih empat puluh tahun negara mencapai kemerdekaan terutamanya pada penghujung dekad 1990-an. (Mahzan Musa, 1994b & 1994c). Mahzan Musa juga telah mengenangkan beberapa pelukis prolifik negeri Kedah. Contohnya pelukis Lau Wai Fong (Mahzan Musa, 1997); Fong Kim Seng (Mahzan Musa, 1991, 1996 & 1997); Sharifah Fatimah Zubir (Mahzan Musa, 1996 & 1994b); Mutualib Zakaria (Mahzan Musa, 1994d, 1993 & 1988); A.B. Ibrahim (Mahzan Musa, 1994); Lye Yau Fatt (Mahzan Musa, 1993); Choh Kok Keong (Mahzan Musa, 1992a); Dato' Paduka Ahmad Basri (Mahzan Musa, 1992b); Saidin Yahya (Mahzan Musa, 1992c) dan A'Aisyah Latiff (Mahzan Musa, 1991 & 1999).

Sejak dekad 1940-an sehingga akhir dekad 1990-an yang menjangkau masa selama lebih dari 50 tahun, kegiatan seni lukis di negeri Kedah memperlihatkan kemajuan yang memberangsangkan. Kemajuan dalam bidang ini pada dasarnya tidak dirasai. Malah kehadiran sekumpulan pelukis Kedah yang aktif berkarya di sekitar bandar Alor Setar kurang diketahui. Hanya setelah pengumpulan maklumat, data berkenaan tokoh-tokoh seniman pelukis ditinjau, diselidiki, disatukan maka tergambar kesatuan pelukis-pelukis berwibawa berbangsa Melayu dan Cina dari pelbagai latar belakang yang menghasilkan pelbagai kategori karya seni catan. Rata-rata mereka adalah anak watan negeri Kedah yang bermastautin dari lingkungan daerah Sungai Petani hingga ke bahagian utara di Bandar Alor Setar. Keadaan ini menjadikan Alor Setar sebagai pusat kegiatan seni tampak di utara tanah air.

Kewujudan sekumpulan pelukis-pelukis yang menghidupkan suasana aktiviti seni catan di negeri Kedah penting dalam menentukan kelangsungan bidang seni catan di negeri Kedah. Ditangan-minda-rasa sekumpulan pelukis-pelukis Kedah sejak lebih dari lima puluh tahun lalu telah memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan, menentukan status, kelangsungan perkembangan bidang seni keatif seni catan di negeri yang paling tua sejarah peradabannya di Malaysia.

Untuk mendapatkan gambaran, suasana, senario kegiatan seni catan di negeri Kedah dengan lebih jelas, pelukis-pelukis yang telah mencipta nama, telah dikelompokan mengikut dekad-dekad tertentu berdasarkan kemunculan gugusan karya seni catan yang berkualiti. Melalui kaedah pengelompokan ini juga dapat dikenal pasti jalur kreativiti di kalangan pelukis-pelukis Kedah.

Jalur kreativiti seni catan yang membezakan satu pelukis dengan satu pelukis yang lain dapat dilihat, ditafsirkan melalui lima kriteria. Pertama pemilihan citra karya yang menjadi teras jatidiri pelukisnya. Kedua, penggunaan bahantara sama ada cat air, cat minyak, tekstura atau bahan campuran. Ketiga, teknik mencipta dalam serba kepelbagaiannya kaedah, tata cara karya. Keempat, pengolahan bistari elemen-elemen formalistik seperti garis, ruang, komposisi serta seri warna. dan akhir sekali keseluruhan sudut gambaran rupa wajah karya. Kelima-lima perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan proses kreatif yang mempengaruhi gaya citra pelukis Kedah di samping mengukuhkan kekuatan daya cipta mengubah, menyaring idea dari proses mental yang rumit untuk dihuraikan.

Kemunculan tiga pelukis yang menggelarkan diri mereka sebagai 'Pelukis Tiga Serangkai' iaitu A.B. Ibrahim, A.J. Rahman dan Saidin Yahya adalah tiga tokoh utama yang telah mempelopori kegiatan seni catan di negeri Kedah pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Kumpulan Pelukis Tiga Serangkai telah meninggalkan jejak-jejak seni dalam perkembangan seni catan di negeri Kedah. Hasil kerja kreatif Pelukis Tiga Serangkai banyak memaparkan citra geografi, landskap, alam datar menerusi gaya karya yang bersifat pictorial dalam bentuk suasana kehidupan masyarakat petani dan pemandangan alam negeri Kedah.

Penglibatan A.B. Ibrahim, A.J.Rahman dan Saidin Yahya dengan karya-karya yang menggunakan bahantara cat air sedikit sebanyak telah mengubah tanggapan masyarakat terhadap bidang seni catan dan yang paling penting nilai ekonominya yang mana pemilikan karya seni catan yang berkualiti kini dilihat sebagai suatu bentuk pelaburan jangka panjang. Kerja-kerja A.B. Ibrahim, A.J. Rahman dan Saidin Yahya telah mengangkat martabat pelukis pada suatu kedudukan yang penting dalam masyarakat dan yang paling ketara sumbangan mereka pada sejarah perkembangan seni lukis negara.

Gugusan karya-karya A.B.Ibrahim, A.J. Rahman dan Saidin Yahya pada dekad 1940-an dan 1950-an telah mendorong kemunculan barisan pelukis-pelukis pelapis yang handal pada dekad-dekad seterusnya. Ditangan-minda-rasa pelukis-pelukis pelapis ini telah memperlihatkan perubahan, kelainan citra, pengolahan subjek-matter, pemilihan bahantara, teknik serta keseluruhan sudut gambaran rupawajah karya dengan kerja seni yang cemerlang.

Kini telah lebih lima puluh tahun berlalu, citra seni daripada Pelukis Tiga Serangkai di Warna Art Studio di Pekan Rabu, Alor Setar ternyata semakin jauh ketinggalan oleh pelukis-pelukis Kedah. Hasil kerja kreatif seni catan pelukis pelapis ternyata lebih menarik, kreatif, segar, canggih, berperibadi kesan dari lima kriteria seni catan yang telah dinyatakan. Faktor yang dikira paling penting termasuk keinginan pelukis yang mahu menghasilkan karya berkualiti dalam serba kesegaran dengan tata cara berlainan di samping mempunyai citarasa seni yang lebih tertebar.

Latihan dalam pendidikan, pembacaan, pendedahan kepada bidang seni catan dari luar turut memainkan peranan penting dalam membina, mengubah keseluruhan struktur gaya kerja seni catan. Tidak ketinggalan juga permintaan, kehendak khalayak yang mahukan kelainan corak, ragam, gaya karya seni catan yang lebih kreatif, segar dalam seribu kelainan adalah antara keadaan-keadaan yang merubah suasana fizikal, citra warna seni catan negeri Kedah.

Sememangnya A.B.Ibrahim, A.J.Rahman dan Saidin Yahya gemar memaparkan citra sawah padi, kehidupan petani berlatarkan Gunung Jerai menerusi bahan-bahan cat air di lembaran kertas lukis, tetapi ditangan-minda-rasa pelukis-pelukis pelapis seperti Wan Yahya Wan Abdullah, Choh Kok Keong yang mana kedua-dua pelukis ini muncul pada dekad 1980-an dan pelukis muda Rohaizad Shaari dan Rosli Mat pada dekad 1990-an, suasana persekitaran rupabumi negeri Kedah tidak lagi terikat dengan citra, gaya konvensional Pelukis Tiga Serangkai. Karya-karya seni catan keempat-empat pelukis-pelukis ini ternyata artistik dalam kepadatan, kesaratan gubahan elemen-elemen formalistik berbanding dengan rupa wajah keseluruhan citra Pelukis Tiga Serangkai yang banyak mengikut kelaziman gaya lukisan pemandangan di mana titik tumpuan mata hanya tertumpu pada satu subject-matter sahaja. Lebih menarik apabila pelukis Judin Ahmad menyuguhkan karya secara abstrak menerusi teknik menghias halus dari sari Melata.

Citra perahu nelayan, kapal layar, pinggir pantai di perairan Kedah yang dipamerkan secara berwarna oleh Pelukis Tiga Serangkai kini berlainan sekali penampilannya. Citra kuala sungai tempat berlabuhnya perahu, bot nelayan di Kuala Kedah, Kuala Sanglang, Kuala Perlis dan Pulau Langkawi dari siri Rural Echchantment oleh pelukis Lau Wai Fong nampak lebih nyata, terperinci, halus kerja seni serta kesegaran banchuan warna bagaikan rakaman fotografi yang kelihatan realistik. Manakala Siri Misty Morning oleh pelukis Fong Kim Seng terasa kesan dingin, waktu bening pagi hari di pinggir pantai kala laut surut membentuk rupa wajah citra karya yang lebih ekspresif, dinamis lagi meriah suasana karyanya.

Citra abstrak atau separa abstrak yang tidak kelihatan di zaman Pelukis Tiga Serangkai antaranya telah diperkenalkan oleh pelukis Daud Saad yang merupakan salah seorang pelukis veteran negeri Kedah yang menampilkan citra karya gaya harg-edge. Dari A'Aisyah Latiff penggunaan bahan-bahan tekstura dengan gerak citra beralun cantik dipalit terpapar dalam Siri Gerak-Gerak pada dekad 1980-an dan Siri Ikan & Rumpai Laut pada dekad 1990-an. Warna-warna kontras tropika berseri-seri mengembang di kanvas pelukis abstrak unggul

tanah air Sharifah Fatimah Zubir menerusi karya dari Siri Enter My Garden, Chasm of Light dan yang terkini Siri Joy of Living. Citra surreal Baharom Abdul Rahman adalah pernyataan seni yang membawa khayal menjelajah ke suatu alam di luar jangkauan realiti yang menerbitkan rasa "kebingungan" yang mendebarkan.

Gurisan mata pena Lai Wai Fong dengan tatakerja halus, teliti, rapi bersih dilaksanakan menerusi Siri Bangunan Bersejarah mendamaikan rasa. Gubahan citra kembang kuntum bunga mekar dipermukaan kertas lukis Chiang Sao Ling. Gaya karya ala-potret separa abstrak berwarna manis diolah oleh pelukis Lau Yau Fatt. Sementara potret keluarga Wan Yahya Wan Abdullah dipersembahkan tanpa mengikut gaya lukisan cat air A.B.Ibrahim yang acap kali menjurus rupa wajah petani desa dengan lilitan semut di kepala.

Daripada poster-poster yang direka oleh A.B.Ibrahim, A.J. Rahman dan Saidin Yahya bagi tujuan propaganda Jepun sewaktu menjajah negara pada Perang Dunia Kedua telah diubah dari perspektif kritik sosial oleh pelukis Mutualib Zakaria. Menerusi citra separa abstrak dari subject-matter ikan laga, karya Mutualib Zakaria melontarkan protes psikologi kesan ketidakadilan, kepincangan, pergolakan yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada dekad 1980-an. Citra seni Siri Ikan Laga mula berubah menjadi semakin abstrak menerusi Siri Dance With Vision pada pertengahan dekad 1990-an (Mahzan Musa, 1994d).

Anuar Rashid satu-satunya pelukis anak watan negeri Kedah paling menonjol pada awal dekad 1980-an telah menghasilkan karya agung yang cemerlang di peringkat usia muda semasa masih lagi menuntut di Kajian Seni Reka dan Seni Halus di Institut Teknologi MARA. Karya Kelahiran Inderaputra dilakukan dengan penuh ketramplinan seni halus yang mana citra karyanya memaparkan wira Inderaputra dari Hikayat Inderaputra. Pengolahan karya yang cemerlang gemilang menerusi pendekatan kubism dan futuristik diperihalkan secara visual tiga dimensi di permukaan dua dimensi sewaktu tokoh wira dilahirkan "dengan kilat sabung menyabung".

Sebahagian dari pada struktur fizikal bandar Alor Setar dengan deretan bangunan rumah kedai lama dua tingkat, di bahagian depan serta lorong sempit belakang rumah kedai, telah dinyatakan secara visual dalam bentuk "peniruan" seni berwarna-warni oleh pelukis muda Choh Kiat Seong dari sudut pancaran cahaya dengan bahantara cat minyak. Sementara pelukis muda Eng Khoon pula mengibarkan jalur gemilang bendera Malaysia di antara celah pelepas daun kelapa mengutarakan konsep patriotik artistik di samping Siri Daun yang dipaparkan secara tiga dimensi.

Arca besi hitam kursani yang dilentur oleh Annasuwandi Haji Ahmad secara simbolik menyergah rasa ngeri, takut, dari konsep sengsara tiga dimensi. Konsep arca Annasuwandi secara sinis masyarakat kesan daripada perlakuan sosial manusia yang semakin ketara kerakusan dan kelangsungannya.

Daripada kategori karya seni arca juga, A'Aisyah Latiff telah menghasilkan arca lembut dari Siri Ibu & Gadis serta Siri Dua Gadis yang berwarna biru laut, merah lembayung, hijau pucuk pisang dan kuning pisang masak. Arca lembut A'Aisyah berdiri teguh kesan ikatan kejang pada bingkai besi empat segi dalam skala besar. Percubaan A'Aisyah Latiff

menghasilkan arca lembut merupakan satu-satunya bentuk arca yang unik dan belum pernah dihasilkan oleh mana-mana pelukis tanah air.

Dengan menyentuh hanya beberapa nama besar pelukis kontemporari moden negeri Kedah di samping secara ringkas membandingkan dengan menyorot kerja seni A.B. Ibrahim, A.J. Rahman dan Saidin Yahya dapat dilihat betapa bidang ini memainkan peranan penting dalam perkembangan kesenian, kebudayaan negeri Kedah dan negara. Dalam tempoh lima puluh tahun kegiatan seni tampak, seni catan di negeri Kedah telah berada di suatu kedudukan yang kukuh dan semakin berkembang. Keadaan ini menjadikan negeri Kedah antara satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai seniman-seniman pelukis penting di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Nama mereka telah disenaraikan dalam sejarah perkembangan seni catan negara.

Bibliografi

- Mahzan Musa (1999). Lurikan tekstura A'Aisyah Serlah Keberanian. *Berita Harian*, Sabtu, 8 Mei, 7.
- _____. (1997a). Daun-Daun Puding - Lau Wai Fong. *Wings of Gold, Mac*, 36 – 39.
- _____. (1996a). Misty Morning - Fong Kim Seng. Dalam *katalog pameran solo Fong Kim Seng*. Kuala Lumpur: NN Gallery.
- (1996). Sentuhan Bumi - Sharifah Fatimah Zubir. *Wings of Gold, Oktober*, 63 – 66.
- (1994a). Pancaran Warna Sharifah Fatimah Zubir. *Wings of Gold*, Jun, 70 – 73.
- (1994b). Pelukis-pelukis Awal Kedah. *Dewan Budaya*, Oktober, 23 – 26.
- (1994c). Pelukis-pelukis Kedah Selepas 1950. *Dewan Budaya*, 24 – 27.
- (1994d). Mutualib Zakaria - Dance with Vision. *Dewan Budaya*, Ogos, 22 – 23.
- (1994e). A.B.Ibrahim - Pelukis Cat Air. *Wings of Gold*, Januari, 60 – 61.
- Mahzan Musa (1993a). Mutualib Zakaria - Dance with Vision: Satu Pengenalan . Dalam *katalog Pameran Vision Kuala Lumpur*: Yayasan Seni Berdaftar.
- (1993b). Joy of Life - Lye Yau Fatt. *Fantasi*, Januari, 60 – 61.
- (1992a). Saidin Yahya - Pelupor Komik Melayu. *Wings of Gold*, 56 – 58.
- (1992b). Dato' Ahmad Basri - Teknokrat dan Pelukis. *Dewan Budaya*, Oktober, 60.

- (1991a). Seni lukis Kedah: Satu Tinjauan. Kertas kerja yang dibentangkan sempena Estetika'91 Angkatan Pelukis Kedah pada 1 September di Balai Seni Negeri. Anjuran Pelukis Kedah dan Balai Seni Negeri Kedah, Alor Setar.
- (1991b). Ikan & Rumpai Laut - A'Aisyah Latiff. *Dewan Budaya*, Februari, 62 – 63.
- (1991c). Warna adalah Kebebasan - Fong Kim Seng. *Dewan Budaya*, November, 46 – 47.